

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGAL PERTAMA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 28

Selasa

8 Julai 2008

K A N D U N G A N

PEMASYHURAN TUAN YANG DIPERTUA:

- Cuti Kepada Ahli – Kebenaran (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan (Halaman 30)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada
Peraturan Mesyuarat (Halaman 62)

Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M. 16(3) (Halaman 181)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:

Dasar Penswastaan Selepas 25 Tahun
– *Y.B. Dato' Kamarul Baharin Abbas (Telok Kemang)* (Halaman 181)

Menangani Peningkatan Gejala Jenayah
– *Y.B. Tuan Pua Kiam Wee (P.J Utara)* (Halaman 185)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Selasa, 8 Julai 2008****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**CUTI KEPADA AHLI - KEBENARAN**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Majlis ini iaitu saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri Mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan, kepada Yang Berhormat Dato' Sri Zulhasnan Rafique, Ahli Parlimen kawasan Setiawangsa, dari 26 Jun 2008 sehingga selesai persidangan Dewan Rakyat sekarang.

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah permohonan bagi Tabung Bantuan Perubatan (mengikut kaum) dan bilangan yang berjaya mendapat bantuan (mengikut kaum).

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, bilangan pemohon yang diterima bagi permohonan Tabung Bantuan Perubatan yang juga telah diluluskan dalam tempoh tersebut sejak Jun 2008 adalah seperti berikut:

PERMOHONAN BAGI BANTUAN PERUBATAN MENGIKUT ETNIK

Kaum	Bilangan Permohonan	Jumlah Yang Diluluskan dan Peratusan
Cina	1,191	1,028 (87%)
India	787	684 (87%)
Melayu	1,736	1,458 (84%)
Lain-lain etnik	454	410 (90%)
JUMLAH	4,158	3,580 (86%)

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Kadangkala saya juga mendapat pesakit yang meminta saya membantu mereka mengutip derma daripada orang awam untuk perbelanjaan perubatan kerana mereka dinasihati oleh doktor supaya mendapatkan rawatan atau pembedahan di luar negara atas sebab-sebab tertentu. Contohnya hospital menghadapi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jangan berucap, Yang Berhormat.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: ...Masalah kekurangan alat teknikal. Kita tahu bahawa kes-kes begini memerlukan perbelanjaan yang agak besar dan ramai pesakit ini adalah daripada keluarga miskin. Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian menyediakan apa-apa bantuan kepada mereka yang kurang bernasib baik ini. Saya minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Mengenai soalan tambahan daripada Yang Berhormat Gelang Patah, saya ingin berkongsi aspirasi dengan Yang Berhormat Gelang Patah. Wang yang kita peruntukkan bagi Tabung Bantuan Perubatan ini yang kesemuanya berjumlah RM100 juta mesti ada syarat-syarat yang tertentu iaitu kita hanya berikan kepada warganegara, pesakit miskin atau kurang mampu yang mesti disahkan oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan ataupun Jabatan Kebajikan Masyarakat dan pesakit tersebut dirujuk oleh hospital kerajaan ataupun dia orang kurang upaya.

Namun begitu, kesemua rawatan itu perlu dilakukan dalam negara di hospital kerajaan atau di institusi-institusi kerajaan seperti hospital-hospital universiti dan juga IJN. Oleh yang demikian, mereka yang memohon tetapi terkeluar daripada syarat ini tidak dapat dipertimbangkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat jangan bermukadimah, minta soalan terus. Yang Berhormat Timbalan Menteri bijak - doktor. Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menoleh ke sebelah kiri dan kanan]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak tunggu lagikah, Yang Berhormat?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kerap kali kita dengar bahawa orang yang betul-betul memerlukan bantuan kewangan dari golongan yang miskin ini tidak dapat.

■1010

Kita tengok dalam surat khabar Tuan Yang di-Pertua, selalu ada perkara di mana masyarakat mengatakan bahawa perlu bantuan kewangan. Adakah apa-apa pemantauan mengenai adakah pihak-pihak ini betul-betul perlukan kewangan dan adakah wang itu disalurkan

kepada pihak-pihak yang berkaitan? Kerap kali kita tengok parti-parti politik pun terlibat di dalam perkara ini. Apakah tindakan susulan yang diambil supaya semua orang yang perlukan bantuan, yang betul-betul *hard core poor* ini diberi bantuan oleh kerajaan? Kenapa kerajaan enggan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada pihak yang perlukan bantuan?

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Pihak Yang Berhormat Ipoh Barat. Itulah Yang Berhormat Ipoh Barat tidak pernah faham apa yang saya cakap.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham...

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Kita kerajaan ini adalah 'buta warna'. Kita *color blind*. Jadi mereka yang memohon, borangnya mudah sahaja. Satu keping sahaja diisi. Saya tunjuk dekat sini... [Menunjukkan borang berkenaan] Satu keping dan mudah untuk diisi. Kalau layak, kita sudah buat garis panduan yang tidak perlu banyak jawatankuasa dalam masa 14 hari jika mereka layak, kita bagi. Kita tidak pernah tangguhkan kes-kes ini dan rata-rata kita semua juga faham. Pegawai saya faham, mereka yang minta bantuan tersebut, mereka juga minta media elektronik atau media cetak atau wakil-wakil rakyat bantu mereka.

Kita tidak menghalang dengan syarat kes itu adalah kes benar. Kebiasaannya mereka juga minta tambahan daripada pertolongan media cetak mahupun media elektronik kerana untuk tambah sara hidup. Kadang-kadang dia hendak jaga anak dia lama, operasi penjagaan itu satu bulan. Yang ini kita tidak ada masalah. Cuma, bantuan-bantuan ini, peralatan ada yang saya lihat bantuannya sehingga ratus ribu. Tiap-tiap enam bulan ada seorang pesakit keluar dalam media, RM160,000.00 tiap-tiap enam bulan. Sekarang ini sudah enam bulan ketiga. Kita bantu, tidak ada pun. Cuma kementerian mungkin tidak pandai kempen macam DAP. Terima kasih.

2. Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta Perdana Menteri menyatakan, keuntungan belum cukai diperoleh oleh setiap Pengeluar Tenaga Bebas, *Independent Power Producers* (IPP) dan subsidi gas yang diperoleh masing-masing. Adakah kerajaan bersedia mengkaji semula konsesi kerana ia tidak berkepentingan negara kerana hanya menguntungkan IPP dengan merugikan rakyat dengan menghapuskan subsidi gas.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S.K. Devamany]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Bagan bersama-sama dengan soalan Ahli Yang Berhormat dari Ledang pada 8 Julai 2008 memandangkan ia menyentuh perkara yang hampir sama.

Sebelum menjawab soalan mengenai keuntungan yang diperoleh oleh Penjana Kuasa Elektrik Persendirian (IPP), suka saya jelaskan di sini bahawa Petronas tidak memberi apa-apa subsidi dalam bentuk kewangan kepada Penjana Kuasa Elektrik Persendirian (IPP) ataupun kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB). Bukan subsidi dalam bentuk kewangan. Apa yang dimaksudkan subsidi dalam konteks ini adalah merujuk kepada kehilangan hasil oleh Petronas

disebabkan tidak menjual gas pada harga pasaran seperti mana yang dipersetujui dalam perjanjian bekalan gas antara Petronas dengan pihak-pihak berkenaan.

Berikutan penempatan harga gas yang rendah kepada sektor elektrik oleh kerajaan sejak Mei 1997, penetapan harga gas yang rendah tersebut antara lain adalah bertujuan mengawal kos penjana elektrik dan seterusnya tarif elektrik yang mampu dibayar dengan izin, *affordable* oleh pengguna akhir, *end user* dengan izin. Oleh itu, subsidi atau diskaun harga gas seperti yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat sebenarnya tidak memanfaatkan IPP, tetapi sebaliknya pengguna akhir dalam bentuk tarif elektrik yang rendah. Bila kita kata pengguna akhir, termasuk juga pengguna-pengguna dalam bidang industri dan juga komersial.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga gas kepada Tenaga Nasional Berhad dan Penjana Kuasa Elektrik Persendirian (IPP) serta sektor-sektor perindustrian di Semenanjung yang lain adalah seperti terkandung di dalam semua perjanjian bekalan gas yang ditetapkan mengikut formula berdasarkan harga pasaran semasa. Walau bagaimanapun, sejak Mei 1997 harga jualan gas kepada sektor elektrik telah ditetapkan oleh kerajaan pada kadar RM6.40 setiap unit.

Manakala sejak Oktober 2002, harga jualan gas kepada sektor perindustrian telah ditetapkan oleh kerajaan pada kadar RM11.32 setiap unit kepada pengguna perindustrian berkala besar, *big scale industries*, dengan izin, dan RM9.40 setiap unit kepada GMSB. GMSB adalah Gas Malaysia Sendirian Berhad. GMSB seterusnya menjual gas kepada pengguna industri yang menggunakan gas kurang daripada 2 juta kaki padu sehari, MMSCFD pada harga RM12.87 setiap unit. Harga yang telah ditetapkan oleh kerajaan ini adalah jauh lebih rendah berbanding dengan harga yang ditetapkan dalam kontrak-kontrak pembekalan gas.

Namun demikian pada 4 Jun 2008 yang lepas baru-baru ini, kerajaan telah mengumumkan rancangan penstrukturan semula pakej subsidi termasuk pengurangan subsidi harga gas kepada sektor elektrik. Mengikut struktur baru tersebut, harga gas kepada sektor elektrik ditetapkan kepada RM14.31 MMBTU atau kira-kira 70% daripada harga pasaran yang dianggarkan RM47.69 berkuat kuasa 1 Julai 2008.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Panjang lagi Yang Berhormat?

Tuan S. K. Devamany: Ya ada sedikit kerana ada maklumat yang diminta oleh Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jawab bertulislah Yang Berhormat, kalau panjang sangat.

Tuan S. K. Devamany: Ya, kerana maklumat yang diberi ini begitu penting untuk pengetahuan rakyat kerana ada konsep-konsep yang salah ditaburkan di merata-rata... [*Dewan riuh*] Oleh sebab itu saya rasa maklumat ini akan dapat membantu, Tuan Yang di-Pertua. Untuk

makluman kalau sekiranya Yang Berhormat izinkan, saya akan bekalkan permintaan pertama iaitu keuntungan sebelum cukai setiap satu syarikat kerana ada tiga belas syarikat di Semenanjung Malaysia. Saya akan bekalkan secara bertulis. Kalau tidak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bekalkan kepada Yang Berhormat Bagan dan juga kepada medialah Yang Berhormat, untuk maklumat umum.

Tuan S. K. Devamany: Ya, baik. Itu sahajalah. Satu sahaja Tuan Yang di-Pertua, maklumat sedikit. Berhubung rundingan semula Perjanjian Pembelian Tenaga *Power Purchase Agreement*, PPA antara IPP dengan Tenaga Nasional Berhad, sukalah dimaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan supaya TNB berunding dengan pihak IPP bagi mengkaji semula terma-terma dalam PPA.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah mengenakan baru-baru ini levi keuntungan luar biasa, *windfall profit levy*. Sebenarnya akta ini sudah ada sejak tahun 1988 ke atas keuntungan berlebihan IPP. Mengenai struktur tenaga alternatif, sektor elektrik mempunyai beberapa sumber tenaga alternatif yang boleh digunakan untuk menjana elektrik. Kita galakkan mereka gunakan sumber elektrik alternatif. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, di sini saya lihat sekali lagi bahawa nampaknya Barisan Nasional masih membela kroni-kroni mereka iaitu khususnya dalam IPP kerana Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab.

Soalan khusus saya ialah tentang harga gas subsidi yang telah diberikan dan beliau cuba elak daripada memberikan jawapan ini. Ia adalah mudah sahaja iaitu apakah harga subsidi gas kerana ini yang dinyatakan dalam jawapan sebelum ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri ialah sebanyak RM78 bilion. Mengapa ini tidak berani disebutkan?

Yang kita hendak tahu di dalam RM78 bilion subsidi ini, berapa banyak diberikan kepada IPP?...[*Tepuk*] Sedangkan Tuan Yang di-Pertua, ini kerana hanya menguntungkan satu, dua syarikat dan tidak menguntungkan 27 juta rakyat Malaysia. Sekiranya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar atau tidak, sekiranya RM78 bilion ini yang diberi kepada IPP dapat disalurkan kepada rakyat Malaysia, setiap orang boleh dapat RM3,000.00. Setiap orang boleh dapat RM3,000.00, tetapi ini telah diberikan kepada syarikat-syarikat satu, dua kroni...

Tuan S. K. Devamany: Soalan, soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Bolehkah saya tahu sama ada Kerajaan Barisan Nasional berjiwa rakyat membantu 27 juta rakyat Malaysia... [Disampuk] [Dewan riuh] atau berhati perut membantu hanya IPP...

■1020

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sudah lama kita berjiwa rakyat, sampai sekarang.

Seorang Ahli: Satu hari pun tidak buat apa lagi.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan S. K. Devamany]: Terima kasih Tuan Yang di-Petua. Saya, sekiranya di mana ada kebenaran di situ kita tenang sahaja. Tidak payah marah-marah, tidak payah mengeluarkan suara yang tinggi [Disampuk] Tanya secara adab dan sopan saya akan jawab, benda ini ada. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:Yang lain minta diam Yang Berhormat , macam hendak jawab.

Tuan S. K. Devamany: Izinkan saya jawab Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Jawab Yang Berhormat.

Tuan S. K. Devamany: Yang Berhormat daripada Bagan. Okey. Saya akan bacakan kehilangan hasil dan subsidi gas yang ditanggung oleh Petronas kepada setiap IPP sejak Mei 1997 sehingga 31 Mac 2008 seperti berikut:

- (i) YTL Power Generation Sdn Bhd – RM7,748 juta;
- (ii) Genting Sun Yen Power Sdn Bhd – RM5,520 juta;
- (iii) Segari Energy Ventures Sdn Bhd – RM6,778 juta;
- (iv) Port Dickson Power Berhad – RM650 juta;
- (v) Powertek Berhad – RM452 juta;
- (vi) Pahlawan Power Sdn Bhd – RM2,497 juta;
- (vii) GB3 Sdn Bhd – RM3,211 juta;
- (viii) Panglima Power Sdn Bhd – RM3,622 juta;
- (ix) Teknologi Tenaga Perlis Konsortium Sdn Bhd – RM3,816 juta; dan
- (x) Prai Power Sdn Bhd – RM1,401 juta

Saya tidak takut, terlalu banyak...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Subsidi, subsidi.

Tuan S. K. Devamany: Ya. Inilah subsidi gas. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengatakan bahawa di sini, kerajaan telah memberi banyak bantuan melalui IPP ini. Satu, kos penjanaan elektrik memang memberi kesan - tarif pada akhirnya kepada *end user*. Kalau kita bandingkan dengan negara-negara luar, kita sedang mendapat subsidi yang begitu tinggi sekali untuk... [Disampuk] Memang sedang menjawab. Sedang menjawab.

Izinkan saya menjawab. Yang kedua, kita sedang bantu industri dan komersial dengan subsidi gas. Oleh sebab kos gas terlalu rendah sekarang dan kos *fuel-fuel* yang lain terlalu tinggi maka permintaan telah mendadak dalam tempoh tiga empat tahun ini. Oleh sebab permintaan yang terlalu mendadak terhadap gas kerana kos pengeluaran kurang maka mungkin tiba-tiba wujudlah keadaan begini. Seterusnya *corporate tax* dikenakan terhadap syarikat-syarikat ini dan *windfall profit levi* telah pun dikenakan sekarang iaitu hasil *over asset* berbanding dengan *asset* akses 9 peratus, itu yang dikenakan.

Seterusnya sekarang mereka juga memberi sumbangan kepada Akaun Amanah Industri Bekalan Elektrik. Maka dengan adanya mekanisme seperti ini, tidak bolehlah kita menuduh mengatakan bahawa kerajaan tidak prihatin kepada rakyat. Itu adalah tuduhan melulu dan mencari kepentingan politik untuk diri sendiri. Salam bahagia.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]:Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebenarnya IPP, menjana sebanyak 40 peratus daripada bebanan negara yang disalurkan melalui TNB. Perjanjian yang telah dibuat iaitu PPA tadi sebenarnya memberikan satu keuntungan ataupun pulangan yang cukup lumayan kepada IPP. Jadi saya hendak tanya sekarang kepada Yang Berhormat Menteri sama ada kerajaan mengkaji adakah sepatutnya kita mengkaji semula tentang pulangan yang terlampau tadi kepada IPP ataupun kemungkinan kalau ada sebab-sebab tertentu kerajaan boleh mengambil alih semula IPP yang sedang beroperasi ketika ini?

Seperti yang kita maklum bahawa TNB ketika ini mempunyai akses kapasiti sebanyak 40 ke 45 peratus. Sedangkan apa yang dikehendaki oleh kerajaan untuk akses kapasiti adalah sebanyak 30 peratus sahaja. Terima kasih.

Tuan S. K. Devamany: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat ya. Tetapi saya rasa soalan itu telah pun terjawab tetapi untuk makluman Yang Berhormat, TNB tidak menggunakan gas sebenarnya. Mereka tidak mengambil sumbangan daripada Petronas. Sebenarnya mereka menggunakan batu arang untuk menjana keuntungan sebelum cukai sebanyak RM860 ribu yang mereka gunakan batu arang. Ada tiga syarikat terbesar yang menggunakan batu arang untuk penjanaan iaitu Tanjung Bin, Kapar dan juga Tenaga Nasional Berhad. Maka mereka tidak terkena daripada konteks yang dikatakan Yang Berhormat tadi. Terima kasih.

3. Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, berapakah bilangan koperasi yang telah ditubuhkan di seluruh negara setakat ini dan berapakah nilai transaksi yang terlibat mengikut tahun dari 2004 sehingga 2007.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, setakat 31 Mei 2008, sebanyak 5,687 buah koperasi telah ditubuhkan di seluruh negara. Jumlah ini termasuk koperasi-koperasi yang dahulunya di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang atau LPP, Lembaga Kemajuan Ikan atau LKIM, Lembaga

Kemajuan Pertanian Muda atau MADA, Lembaga Pertanian Kemajuan Kemubu (KADA) yang penyeliaannya kini di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia atau SKM yang ditubuhkan bagi menggantikan Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia berkuat kuasa pada 1 Januari 2008.

Nilai transaksi yang terlibat mengikut tahunan dari 2004 sehingga 2007 adalah seperti berikut:

Tahun	Nilai transaksi (RM)
2004	22.94 bilion
2005	22.93 bilion
2006	22.95 bilion
2007	22.94 bilion

Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Menteri yang menjawab soalan tadi. Soalan tambahan saya berasaskan kepada peranan koperasi yang dilihat lebih merakyatkan lagi pemilikan ekuiti di dalam negara kita dan mengambil kira kejayaan di negara-negara seperti Holand dan juga Scandinavian, apakah rancangan kerajaan atau kementerian untuk mempertingkatkan lagi nilai koperasi dalam merakyatkan pemilikan ekuiti di Malaysia, di negara kita. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, memang benar sebagaimana Yang Berhormat nyatakan tadi bahawa di negara-negara maju koperasi telah memainkan peranan yang sungguh berkesan di mana koperasi mampu menyumbangkan 10 peratus daripada KDNK negara tersebut. Sedangkan di negara kita koperasi hanya mampu menumbangkan 1 peratus sahaja KDNK. Sebab itu kita di SKM telah pun membuat beberapa perancangan seperti kita akan mewujudkan 100 peluang perniagaan dan kepelbagaian aktiviti kepala 600 koperasi yang sedia ada; menubuhkan 800 koperasi baru berdasarkan golongan, fungsi dan juga kawasan; akan mewujudkan lagi 200 koperasi usahawan kerana kita mahu koperasi ini ditadbirkan bukan secara syarikat jimat cermat tetapi sebagai syarikat seperti syarikat swasta; pembudayaan keusahawanan kepada 200 ribu anggota dan pemimpin koperasi; dan akan menambahkan bilangan koperasi di Malaysia dalam senarai di 300 *international cooperative alliance* dan 100 indeks koperasi Malaysia. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya apakah usaha kementerian untuk menggembleng koperasi untuk membantu membasmi kemiskinan di dalam negara kita khususnya di luar bandar dan apakah peruntukan-peruntukan tertentu bagi membuka koperasi-koperasi baru yang disebut, yang diumumkan 800 tadi. Terima kasih.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat, memang salah satu peranan koperasi ialah untuk membantu kerajaan untuk membasmi kemiskinan di kalangan rakyat. Kerana dengan menubuhkan koperasi ahli-ahli ini dapat faedah di mana seperti kata

pepatah Melayu “sikit sama sikit, dan banyak sama banyak”. Jadi, oleh itu kita akan mewujudkan koperasi di peringkat akar umbi yang kita kana memberi keutamaan kepada rakyat miskin.

■1030

Apabila koperasi ini dilancarkan di tiap-tiap DUN di seluruh negara, maka 30 ribu geran akan diberikan dan setiap rakyat miskin ini akan diberikan RM100 seorang sebagai yuran keahlian, dan dijangkakan tiap-tiap DUN akan dapat membantu 300 orang miskin dengan nilai sahamnya RM100 dan juga kita akan menambahkan bilangan pengembang koperasi di tiap-tiap kawasan Parlimen untuk membimbing koperasi-koperasi yang baru, dan begitu juga kita akan teruskan membudaya koperasi ini di peringkat sekolah. Kita memberikan peluang kepada koperasi di sekolah untuk membuat pinjaman kepada SKM sebanyak RM50,000 tanpa cagaran dan juga penjamin supaya pembudayaan koperasi ini dapat kita tanamkan sejak di bangku sekolah. Terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hendak tanya apa, Yang Berhormat?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Hendak tanya, apa rasionalnya soalan pembangkang lebih banyak daripada Barisan Nasional, kerajaan? Apa mesej yang hendak disampaikan? Adakah Dewan ini dikuasai oleh pembangkang ataupun bagaimana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat. Terima kasih Yang Berhormat. Ada kalanya soalan Barisan Nasional lebih banyak daripada pembangkang, ada kalanya soalan daripada pembangkang lebih banyak.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak. Saya sudah perhati tiap-tiap hari. Ini tidak adil. Dewan ini bukan dikuasai oleh pembangunan, tetapi oleh Barisan Nasional.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Pembangkang lebih ramai bela nasib rakyat.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Tidak apalah, untuk rakyat tidak apalah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Barisan Nasional 140, pembangkang 82 sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa, Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mabuk kuasa.

Seorang Ahli: Bodoh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudahlah, sudah, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa cakap *you* bodoh?

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Jangan buang masa.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah. Janganlah guna perkataan yang tidak senonoh, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia panggil saya “bodoh”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya faham, Yang Berhormat. Saya dengar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia yang bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Itulah yang saya sebut, Yang Berhormat. Yang Berhormat janganlah marah pada saya...*[Ketawa]* Minta tolong, Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bodoh sekali, *you* bodoh 100 kalilah.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Duduklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Padang Serai, mintalah, tolong jangan buat macam itu, Yang Berhormat. Kadang-kadang kita ini lebih baik lagi budak-budak di sekolah, Yang Berhormat. Kadang-kadang kita ini belajar sampai 20 tahun dalam universiti pun, tidak boleh juga *maintain decorum* yang elok. Saya pun hairanlah.

Semalam Yang Berhormat, saya hendak puji Yang Berhormat Kepong ini. Bila dia bertanya soalan kepada Hulu Terengganu, dia berdiri, saya panggil nama dia, baru dia bertanya. Saya ada nostalgia pada tahun 90-an dahulu, tetapi sekarang *we have seen the culture changed*. Jadi saya merasa sedih dan kecewa. Sepatutnya kita menghala kepada Parlimen yang dikatakan *first world*, tetapi kita hanya balik ke belakang macam *caveman*. Jadi, minta maaf, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Angkuh, sombong! Baru menang sedikit sudah sombong. Belum perintah lagi.

4. Tuan Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah mekanisme proses pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM yang mengambil masa terlalu lama sehingga menjejaskan perniagaan atau pendapatan pemilik kenderaan yang terbabit ketika berurusan.

Menteri Pengangkutan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, PUSPAKOM telah pun dilantik oleh kerajaan untuk menjalankan pemeriksaan kenderaan dan dalam perjanjian konsesi, syarikat yang berkenaan terikat dengan *Standard Operating Procedure* ataupun SOP, di mana semua pemeriksaan kenderaan yang dijalankan hendaklah mematuhi tahap kualiti dan piawaian yang selaras dengan standard antarabangsa. Pada masa ini terdapat empat jenis pemeriksaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM iaitu pemeriksaan awalan, pemeriksaan khas, pemeriksaan tukar milik dan pemeriksaan sukarela dan setiap pemeriksaan dan tempoh pemeriksaan juga adalah berbeza.

Walau bagaimanapun, faktor pemeriksaan ini tidak boleh dijadikan sebagai alasan oleh PUSPAKOM bagi sebarang kelewatan pemeriksaan. Piagam Pelanggan PUSPAKOM menetapkan tempoh kurang daripada satu jam bagi menyelesaikan urusan pemeriksaan termasuk waktu menunggu. Penetapan piagam ini adalah berteraskan kepada masa dan tarikh temu janji yang ditetapkan oleh PUSPAKOM.

Walau bagaimanapun, adalah didapati masih berlaku kelewatan atas sebab-sebab yang berikut:

- (i) pemilik-pemilik kenderaan hadir pemeriksaan tidak mematuhi waktu temu janji yang ditetapkan sehingga mengganggu pelanggan yang lain ataupun datang secara serentak sehingga menyebabkan kesesakan yang tidak diduga dan terpaksa menunggu lama sebelum mendapat layanan PUSPAKOM;
- (ii) kelewatan hanya berlaku pada masa dan hari yang tertentu sahaja. Sebagai contoh, selepas cuti panjang ataupun pada hari pertama mula bekerja dan kesesakan ini hanya melibatkan beberapa cawangan di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor Bahru, iaitu pada keseluruhannya hanya lima atau enam buah cawangan sahaja yang menghadapi masalah sedemikian; dan
- (iii) berlaku kerosakan alat pemeriksaan, sistem komputer terganggu dan gangguan bekalan elektrik yang menyebabkan tugas pemeriksaan perlu dijalankan secara manual yang menyebabkan berlakunya kelewatan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan menangani masalah kelewatan pemeriksaan dan bagi mengelakkan pemilik-pemilik kenderaan daripada terjejas hasil perniagaan atau pendapatannya, PUSPAKOM telah mengambil langkah-langkah proaktif bagi memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan seperti berikut:

- (i) langkah-langkah untuk jangka masa pendek, umpamanya, memanjangkan masa operasi pusat pemeriksaan. PUSPAKOM telah memanjangkan masa operasi di cawangan-cawangan seperti Wangsa Maju, Petaling Jaya, Johor Bahru, Mak Mandin, Cheras, Bukit Maluri dan Gopeng. Cawangan-cawangan ini dibuka dari pukul 7.00 pagi hingga pukul 7.00 malam dari Isnin hingga Jumaat dan cawangan ini juga diarahkan untuk beroperasi pada setiap hari Sabtu dari jam 7.00 pagi hingga jam 1.00 petang;
- (ii) usaha menambah bilangan pemeriksaan kenderaan, PUSPAKOM telah menambah seramai 80 orang lagi pemeriksa kenderaan bagi meningkatkan lagi kapasiti pemeriksaannya di cawangan-cawangan yang utama, yang telah pun saya sebutkan tadi; dan

- (iii) penggunaan unit bergerak ataupun *mobile unit*, dengan izin. PUSPAKOM telah membeli satu unit bergerak yang baru bernilai RM2 juta, dan kini digunakan untuk menambah masa perkhidmatannya di Pelabuhan Klang dari 14 hari kepada 20 hari dan seterusnya akan diperluaskan lagi perkhidmatannya ke Johor Bahru. Unit bergerak ini akan membantu pengusaha-pengusaha lori dari penjimatan masa dan kos kerana PUSPAKOM akan menjalankan pemeriksaan di premis mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bagi langkah-langkah untuk jangka masa panjang, antara lain termasuk usaha membuka cawangan-cawangan baru. PUSPAKOM juga sedang membuat pelaburan untuk membuka sekurang-kurangnya 11 lagi cawangan pada tahun ini sebagai langkah jangka masa panjang bagi mengatasi masalah kesesakan yang sedia ada. Cawangan-cawangan baru yang akan dibuka itu dijangka akan berlokasi di Lembah Klang, empat di Lembah Klang, dua di Johor, satu di Melaka, satu di Kelantan, satu di Terengganu, satu di Pahang dan satu lagi di negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kerajaan sentiasa memantau sistem pemeriksaan kenderaan yang dijalankan oleh PUSPAKOM, dan sekiranya syarikat ini gagal memberikan perkhidmatan yang berkesan, yang efisien, maka kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap PUSPAKOM. Sekian.

Tuan Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Walaupun mekanisme dan langkah-langkah telah sedia ada bagi mempercepatkan masa ketika mana proses ujian dan pemeriksaan tersebut, soalan tambahan saya, adakah faktor standard kemampuan kecekapan seseorang pegawai turut sama menyumbang kelewatan proses pemeriksaan ataupun faktor luaran yang mempengaruhinya. Contohnya, ada orang tengah ataupun "ulat" di PUSPAKOM itu sendiri.

■1040

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada soalan Yang Berhormat Parit, khasnya keprihatinan dan pengamatan yang dibuat oleh beliau. Sesungguhnya, seperti mana yang pernah saya jawab di Dewan yang mulia ini, kecekapan guna tenaga pihak PUSPAKOM itu tetap merupakan satu-satunya yang kita pantau dan kita hendak pastikan bahawa pengurusan PUSPAKOM, bukan sahaja prihatin dan ambil tindakan segera untuk menambah baik peralatannya, tetapi juga dari segi pengurusan guna tenaganya khasnya dari segi kecekapan.

Bersabit dengan pengamatan Yang Berhormat tentang kemungkinan adanya ulat atau pun *runners*, dengan izin, saya sendiri telah pun membangkitkan perkara ini kepada pihak pengurusan PUSPAKOM supaya sistem ulat atau pun mekanisme *runner* yang disebut-sebut kebelakangan ini dapat kita tangani dengan secepat mungkin supaya ianya tidak merebak. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Parit kerana soalan ringkas. Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan.

Tuan Hee Loy Sian [Petaling Jaya Selatan]: Terima kasih. Kita memang menerima banyak aduan tentang penyelewengan atau rasuah yang berlaku semasa proses pemeriksaan kenderaan di PUSPAKOM dan perkara ini telah pun berlarutan sekian lama. Memang kalau tuan punya kenderaan hendak cepat proses, memang kalau bagi duit, memang sangat cepat, kalau tidak bagi, kena tunggu pula. Adakah kementerian berhasrat untuk tubuhkan satu badan yang betul-betul bebas untuk menyiasat penyelewengan atau rasuah yang berlaku di PUSPAKOM sebab kita nampak mekanisme yang sedia ada memang tak sesuai langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, soalan sudah cukup, Yang Berhormat. Sila.

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya, Yang Berhormat PJ Selatan ini bangkitkan soalan yang sama seperti Yang Berhormat Bukit Mertajam yang pernah dibangkitkan beberapa ketika yang lalu. Itu pun saya berharap Yang Berhormat, kiranya kita betul-betul berazam untuk mengatasi gejala ini, baik dari pihak pembangkang, mahupun dari pihak parti kerajaan, saya, selaku menteri yang bertanggungjawab, saya hendak pastikan bahawa semua aduan yang dibangkitkan itu bukanlah sekadar umum tetapi apa yang penting itu kenalah secara khusus - nama, masa dan juga lokasi berlakunya sesuatu rasuah. Rasuah itu, saya bersetuju dengan Yang Berhormat bahawa kita kalaulah betul-betul hendak mengikiskannya, maka, kenalah kita berikhtiar. Berikhtiar, bukan sahaja satu pihak dan juga saya berharap, kita sebagai *consumer* misalnya, atau pun pihak yang kadangkala dikehendaki membayar rasuah, itu pun kena juga sanggup tampil ke hadapan.

Sekarang ini, untuk makluman Yang Berhormat, pihak PUSPAKOM sesungguhnya telah pun menyahut apa yang saya sarankan dan mereka telah bertindak sehingga beberapa kes yang dibawa oleh orang ramai melalui *email* misalnya telah pun berjaya ditangani dan ada juga yang telah diberhentikan kerja, diberhentikan tugas. Akan tetapi itu tidak memadai. Apa yang saya hendak itu adalah satu mekanisme, satu kesedaran umum untuk sama-sama kita membanteras rasuah, khasnya di kalangan pemeriksa kenderaan yang dimaksudkan. Sekian

[Soalan No. 5 – Y.B. Puan Rosnah bte Haji Abdul Rashid Shirlin (Papar) tidak hadir]

6. Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, kenapakah sering kalinya berlaku kematian di pusat tahanan iaitu lokap polis, penjara, pusat tahanan pendatang asing tanpa izin, pusat tahanan EO, LPPK dan pusat tahanan penagih dadah dan apakah tindakan susulan yang telah diambil untuk mengelakkan keadaan ini agar tidak berulang.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Wan Ahmad Farid bin Dato' Wan Salleh]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat daripada Ipoh Barat yang telah mengemukakan soalan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia, rekod Jabatan Penjara menunjukkan semenjak tahun 2003 dan 2007, sejumlah 1,535 kes kematian penghuni yang ditahan di penjara, pusat pemulihan akhlak dan depoh tahanan pendatang asing tanpa izin.

Manakala berdasarkan statistik PDRM semenjak tahun 2003 hingga 2007, sejumlah 85 kes kematian telah berlaku dalam tahanan polis. Di pusat tahanan penagih dadah pula, sejumlah 600 kes kematian dilaporkan bagi tempoh yang sama. Berdasarkan laporan koroner dan laporan pegawai perubatan, punca utama kematian-kematian tersebut Tuan Yang di-Pertua, adalah disebabkan oleh penyakit seperti HIV AIDS, *septicemia*, *pulmonary tuberculosis*, *acute myocardial infection*, barah, asma serta jangkitan kuman kepada usus, hati, paru-paru, kerongkong dan sebagainya.

Terdapat juga kes-kes kematian yang berpunca daripada gantung diri, bergaduh sesama tahanan lain, pendarahan di dalam otak dan tergelincir di dalam bilik air atau tandas.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengatasi atau mengurangkan masalah kematian di lokap polis, penjara, pusat tahanan pendatang izin, pusat tahanan EO, Langkah-langkah Pencegahan Khas, dan pusat tahanan penagih dadah, beberapa langkah telah diambil. Antaranya, melaksanakan pemeriksaan kesihatan ke atas tahanan yang diterima masuk, melaksanakan prosedur mempercepatkan tahanan yang sakit untuk dihantar ke klinik, ke hospital, melaksanakan siasatan bagi setiap kes kematian yang berlaku bagi mengenal pasti punca kematian serta kelemahan-kelemahan yang wujud bagi maksud tindakan tatatertib dan langkah-langkah penambahbaikan.

Pihak berkuasa juga bertindak untuk pendekatan pengasingan yakni, mencegah daripada berlakunya penyakit berjangkit dengan melaksanakan penempatan yang berasingan, memperkenalkan perkhidmatan doktor panel yang kini telah diperluaskan di seluruh institusi penjara, meletakkan penghuni-penghuni berisiko dari segi kesihatan dan keselamatan di bawah pemerhatian dan kawalan yang ketat bagi mengelakkan sebarang kejadian yang boleh menggugat kesihatan dan mengancam nyawa.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, tindakan susulan yang diambil adalah dengan memasang CCTV di seluruh penjuru kawasan tahanan, meningkatkan lawatan atau rondaan, serta mengadakan sesi kaunseling dengan tahanan bagi mengenal pasti apakah masalah yang dihadapi oleh mereka. Terima kasih.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya khusus kepada kematian di lokap. Kerap kali kematian di lokap adalah kerana pihak yang ditahan lokap itu adalah disebabkan oleh pihak polis, saya hairan kenapa kematian yang terlampau di mana sejak tahun 1990 hingga sekarang, lebih daripada 2,500 orang telah

mati di lokap-lokap polis. Akan tetapi nampaknya setiap tahun nampaknya peningkatan kematian di lokap. Dari *studies* yang telah dijalankan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ... Adalah beberapa orang yang mati di lokap adalah kerana diseksa oleh pihak polis. Semua ini adalah kerana kita tidak ada...

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: ...*Best practice* di negara ini di mana seperti di United Kingdom, di mana ada satu penyiasatan bebas dibuat oleh badan bebas, dan apakah terjadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Apakah terjadi kepada cadangan IPCMC supaya penyiasatan-penyiasatan bebas dapat dilakukan supaya kita ada kes di mana ada *transparent*, di mana pihak-pihak keluarga dapat tahu bahawa yang mati di lokap benar-benar dilakukan oleh...

Beberapa Ahli: Soalan, soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]:...dikenakan. Akhir sekali, kenapa memakan masa yang lama untuk merujuk kes-kes ke koroner. Saya difahamkan ada beratus-ratus kes di mana kematian sampai sekarang belum...

■1050

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sudahlah Yang Berhormat. Timbalan Menteri sila jawab.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Ipoh barat yang mengemukakan soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia kalau tanda aras *benchmarking* yang digunakan adalah Britain, untuk pengetahuan Dewan yang mulia, penjara Malaysia mempunyai rekod jauh lebih baik daripada penjara di Britain... [*Tepuk*]

Di Britain pada tahun 2007, angka kematian di penjara adalah 183 manakala di negara kita tahun 2007 angka kematian adalah tiga orang di dalam penjara. Selebihnya adalah berlaku di hospital iaitu semasa penghuni berkenaan sedang menerima rawatan. 1% ketika perjalanan ke hospital dan 0.5% kematian berlaku di institusi penjara. Berhubung dengan lokap polis, angka kematian daripada tahun 2003 hingga 2007 adalah 85 orang. Di mana 77 daripadanya adalah

berkait dengan jangkitan penyakit, tujuh daripadanya gantung diri dan satu daripadanya adalah kerana bergaduh di dalam sel.

Untuk pengetahuan Dewan yang mulia, hanya terdapat satu kes orang kena tahan semasa tahanan semasa tahanan pihak polis akibat penggunaan kekerasan anggota dan pegawai bertugas. Bagi kes tersebut, seorang anggota polis telah dituduh di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan bersama tujuh lagi OKT atas kesalahan mendatangkan kecederaan dan kematian kepada seorang tahanan yang lain. Mahkamah kemudiannya telah mendapati kelapan-lapan suspek bersalah dan telah menjatuhkan hukuman enam tahun penjara pada 27 Oktober 2004. Malaysia adalah sebuah negara yang mengamalkan kedaulatan undang-undang, *rule of law* dan oleh sebab itu dasar ini akan dipertahankan oleh kerajaan di dalam penjara, di luar penjara di seluruh negara, terima kasih.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya fikir tadi tuduhan daripada Ipoh Barat sangat serius Tuan Yang di-Pertua. Seolah-olah polis ini jahat sangat, bunuh orang. Jadi Tuan Yang di-Pertua [*Dewan riuh*] daripada yang disebut tadi memang tidak adapun yang mati kerana diseksa. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tindakan berikutnya selepas ini? Adakah hendak buat siasatan, hendak buat penerangan dan sebagainya. Ini serius, seolah-olah semua polis jahat, semua pegawai penjara jahat. Minta jawapan.

Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh: Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Ledang yang telah mengemukakan soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua. Saya katakan tadi bahawa kita mengamalkan *rule of law*. Iaitu kedaulatan undang-undang yang kebetulannya merupakan prinsip keempat Rukun Negara. Kita mempunyai cara dan prosedur tertentu *due process* apabila berlakunya sesuatu kematian. Pertamanya apabila pengesahan kematian dibuat oleh doktor, satu laporan *sit rep* atau *situation report* akan dibuat kepada ibu pejabat penjara. Kemudian dibuat laporan polis. Selepas itu makluman segera kepada keluarga atau kepada kedutaan jika sekiranya orang yang ditahan itu warga negara asing.

Kemudian dibuat *coroner* inkues, dibuat siasatan dalaman dan siasatan polis. Kemudian penyerahan jenazah dan barang milik banduan kepada keluarga dan tindakan tatatertib diambil terhadap mereka-mereka yang terlibat jika ada. Faktor bahawa setiap kematian ada dilakukan *coroner* inkues menunjukkan bahawa kita menghormati *due process*. Jika berlaku kematian, setiap inkues akan dilakukan dan jika terdapat unsur-unsur jenayah yang melibatkan pegawai polis, pegawai penjara atau mana-mana orang, tindakan akan diambil selaras mengikut undang-undang untuk tempoh 2000-2007. Tuan Yang di-Pertua 123 kes kematian sebanyak 52 inkues telah dilakukan. Daripada jumlah ini 41 kes *inkues* telah selesai dan 11 lagi inkues masih menunggu keputusan majistret. Sementara baki kes kematian yang lain, masih berada kepada Timbalan Pendakwa raya untuk tujuan penelitian atau masih dalam siasatan polis bagi tujuan melengkapkan siasatan. Terima kasih.

7. **Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, adakah pihak kerajaan mempunyai data jumlah profesional anak-anak Malaysia yang bekerja di luar negara dan sejauh mana kejayaan program menarik balik tenaga kerja profesional ini.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Noraini binti Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kajian oleh EPU dianggarkan jumlah rakyat Malaysia profesional yang bekerja di luar negara adalah seramai 785 ribu orang. Hasil daripada kajian ini menunjukkan kebanyakan mereka ini bekerja di Singapura, Australia, New Zealand, USA, UK, Kanada, Timur Tengah, Jepun dan Korea. Berhubung usaha menarik minat mereka untuk bekerja di Malaysia pula, Kementerian Sumber Manusia telah melaksanakan program yang dinamakan Program Menggalakkan Warga Negara Malaysia yang Berkepakaran Pulang ke Malaysia sejak tahun 2001. Untuk makluman Dewan yang mulia ini sehingga 7 Julai 2008, sebanyak 1,157 permohonan telah diterima dan daripada jumlah ini 1156 permohonan telah dipertimbangkan, 625 permohonan pula telah diluluskan, manakala seramai 454 pemohon telah kembali. Terima kasih.

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkan pihak kerajaan membuat satu garis panduan penyelarasan gaji profesional-profesional kita yang ada di luar negara seimbang dengan gaji-gaji profesional yang kita import dari luar negara agar mereka lebih berminat untuk balik ke negara kita sendiri. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas soalan tambahan yang diberikan oleh Yang Berhormat Sibuti itu tadi. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, setakat ini belum ada lagi garis panduan yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian. Walau bagaimanapun, kami dalam rangka untuk membaik pulih program-program yang dinamakan atau program *brain gain* ini dan lain-lainnya kita mahukan juga maklum balas daripada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini untuk membantu kami di dalam Kementerian Sumber Manusia bagi menaiktarafkan program ini. Terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum itu saya hendak mengucapkan selamat datang kepada pelawat-pelawat, pelajar dan juga pemimpin dari Sungai Jerik, Maran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sekarang Maran ada di belakang lagi Yang Berhormat.

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Soalan tambahan saya, kita lihat ramai pekerja profesional bekerja di luar. Saya ingat permohonan pun telah dipohon oleh mereka ini. saya hendak tanya timbalan menteri, apakah pecahan pekerja profesional yang bekerja di luar mengikut kaum dan mesti ada faktor-faktor yang mendorong kepada mereka untuk bekerja di luar seperti yang disebutkan oleh soalan pertama tadi. Jadi minta pendapat Yang Berhormat,

apakah faktor-faktor yang menyebabkan ramai pekerja kita yang sepatutnya bekerja di negeri sendiri tetapi meminta bekerja di luar. Terima kasih.

Dato' Noraini binti Ahmad: Terima kasih Yang Berhormat. Kita dapati bahawa daripada analisa yang telah diberikan kepada kami dan hasil daripada kajian ini menunjukkan bahawa antara faktor-faktor yang telah menyebabkan mereka ini bekerja di luar adalah gaji lumayan yang telah diterima oleh mereka dan keduanya pula adalah mereka juga ingin meningkatkan kemahiran dan menimba pengalaman dan juga paling banyak yang diperkatakan adalah mengenai memperoleh pendapatan yang lebih tinggi. Akan tetapi daripada permohonan yang kami terima jumlah yang dipohon adalah satu jumlah angkanya agak kurang. Sebab itulah tadi tambahan kepada soalan pertama, kita sebagai wakil rakyat di peringkat akar umbi, kita mahukan kerjasama daripada semua wakil rakyat untuk membatu kami bagi menguar-uar kan lagi bahawa terdapatnya program seperti ini di dalam Kementerian Sumber Manusia. Terima kasih.

8. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta Menteri Pengangkutan menyatakan, laluan destinasi yang mengalami kerugian oleh MAS dan nyatakan nilainya. Apakah ada rancangan untuk memberi laluan yang rugi kepada syarikat penerbangan AirAsia untuk mengambil alihnya. Jika tidak mengapa.

■1100

Menteri Pengangkutan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, laluan destinasi yang Syarikat Penerbangan Malaysia ataupun MAS mengalami kerugian adalah seperti berikut:-

- (i) Kuala Lumpur ke Manchester;
- (ii) Kuala Lumpur ke Vienna;
- (iii) Kuala Lumpur ke Zurich;
- (iv) Kuala Lumpur ke Fukuoka;
- (v) Kuala Lumpur ke Nagoya;
- (vi) Kuala Lumpur ke Ahmedabad;
- (vii) Kuala Lumpur ke Calcutta;
- (viii) Kuala Lumpur ke Pontianak;
- (ix) Kuala Lumpur ke Chi Ann;
- (x) Kuala Lumpur ke Chengdu;
- (xi) Kuala Lumpur ke Kaherah;
- (xii) Bandar Kuching ke Perth;
- (xiii) Bandar Kuching ke Sydney;
- (xiv) Pulau Langkawi ke London; dan
- (xv) Pulau Pinang ke London.

Selaras dengan Pelan Pemulihan Perniagaan MAS, semua operasi ke laluan-laluan tersebut terpaksa diberhentikan secara berperingkat. Berhubung dengan nilai kerugian yang dialami oleh MAS bagi operasi ke aluan-laluan tersebut, MAS tidak dapat memberi maklumat

tersebut kerana MAS terikat dengan peraturan bursa yang tidak membenarkan maklumat ini diterbitkan untuk pengetahuan awam.

Berhubung dengan soal sama ada laluan yang MAS mengalami kerugian akan diambil alih oleh Syarikat Penerbangan AirAsia atau tidak, perkara ini bergantung pada kemahuan AirAsia untuk memohon pengambilalihannya sebelum ianya dapat diberi pertimbangan yang wajar. Sekian.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kita masih ingat insiden yang berlaku pada tahun 2000 apabila saham MAS dibeli dengan harga yang begitu tinggi daripada Naluri Bhd. Memang benar *consumer* akan untung apabila ada persaingan di antara AirAsia dengan MAS.

Namun, apa yang menjadi kerisauan baru-baru ini adalah persaingan harga yang begitu hebat. Apakah MAS mampu menampungnya? Setakat ini apakah ia telah berjaya membawa keuntungan atau kerugian ekoran daripada persaingan harga di antara MAS dengan AirAsia ini?

Datuk Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu Gajah. Walaupun beliau nampaknya masih lagi samar-samar tentang bidang kuasa dan bidang tugas kementerian ini khasnya dalam urusan menangani perkara-perkara yang berbangkit yang melibatkan MAS dan AirAsia.

Ini kerana Yang Berhormat tadi menyebut tentang saham MAS pada satu ketika dahulu iaitu pada tahun 2000. Untuk makluman Yang Berhormat, MAS sekarang ini merupakan salah sebuah syarikat GLC, bukannya di bawah kementerian ini tetapi di bawah Kementerian Kewangan. Jadi, soal saham itu tidak melibatkan kementerian ini. Ini yang pertama.

Yang keduanya, ini relevan dengan kementerian ini iaitu sama ada persaingan hebat khasnya dari segi tawaran harga *zero fare* dengan izin dan juga sub *zero fare* di antara AirAsia dan MAS sekarang ini. Untuk makluman Yang Berhormat ianya tetap merupakan satu *business decision* ataupun keputusan ataupun perhitungan perniagaan pada pihak MAS dan juga pihak AirAsia.

Walaupun demikian, soalan induk tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sebenarnya agak berbeza daripada apa yang dibangkitkan sebagai soalan susulan yang pokoknya adalah laluan ataupun sektor yang dianggap sebagai sektor laluan yang merugikan khasnya dari segi untung rugi.

Itu pun saya hendak maklumkan Yang Berhormat sesungguhnya pada ketika itu, apabila terpaksa memberhentikan khidmat di laluan-laluan yang tertentu sebenarnya pihak MAS terpaksa berbuat demikian walaupun itu adalah satu keputusan yang pahit. Ianya tidak ada sebarang perhitungan politik ataupun yang bukan *business*. Saya hendak maklumkan Yang Berhormat. Sekian.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Salam sejahtera, selamat pagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat

Menteri. Umumnya, syarikat-syarikat penerbangan ini untuk menyenangkan rakyat tetapi setiap hari Tuan Yang di-Pertua, rungutan-rungutan, komplain oleh rakyat khususnya oleh penumpang-penumpang sentiasa kedengaran.

Soalan yang hendak saya kemukakan bolehkah agaknya di negara kita ini jangan dimonopoli oleh dua kompeni ini sahaja. Bukakan dengan Dasar Langit Terbuka. Kalau banyak syarikat-syarikat penerbangan beroperasi dalam negara kita ini, mungkin rakyat akan menerima nikmatnya. Hari ini Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang cekik darah, menyusahkan.

Semalam beberapa orang Ahli Parlimen daripada Sabah tidak dapat sampai ke Parlimen kerana kelewatan penerbangan. Kalau kita lewat kita kena beli tiket baru. Berlaku beberapa tangisan di KLIA. Orang-orang Sabah, budak-budak muda yang bekerja di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sarawak pun sama Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sarawak juga hendak balik kena beli tiket RM600 lagi sedangkan mereka telah kumpulkan duit RM600 ini untuk balik ke kampung kena menangis. Yang Berhormat Kinabatangan kadang-kadang kena keluar duit menampung anak-anak muda ini. Kalau dia lewat, tidak apa-apa yang dibuat oleh penerbangan-penerbangan ini kepada penumpang-penumpang. Kalau penumpang lewat, dia dibiarkan, dia dikenakan bayaran lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Saya suka dengan soalan Yang Berhormat tetapi panjang sangat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Lebih baik kita buat Dasar Langit Terbuka. Masuk berbagai-bagai-bagai syarikat penerbangan. Untuk apa kita lindungi MAS dan juga AirAsia kalau ia tidak menyenangkan rakyat. Kita jangan hendak mementingkan syarikat seperti ini tetapi kepentingan rakyat terabai.

Saya haraplah, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan jangan sekali-kali menjawab bagi pihak MAS dan AirAsia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Siapa Yang Berhormat? Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jawablah bagi pihak rakyat kerana rakyat yang menggunakan. Tambang dah la mahal.

Dr. Lo' Lo Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya pun hendak ceramah Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bolehlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya hendak menyoal kepentingan rakyat bukan soal saya hendak berceramah. Saya sudah puas berceramahlah. Jadi, ini soal

kepentingan rakyat. Bagaimana agaknya kalau ada dalam pemikiran Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, kita buka langit kita ini untuk syarikat-syarikat penerbangan bersaing untuk kepentingan rakyat dalam negara kita. Sekian, terima kasih.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Syarikat Penerbangan Sri Gading. Takbir!

Menteri Pengangkutan [Datuk Ong Tee Keat]: Tuan Yang di-Pertua, sedap didengar tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Memang sedap.

Datuk Ong Tee Keat: Namun, saya hendak ingatkan Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Sri Gading sama jugalah seperti Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain termasuk diri saya. Kita sama-sama prihatin dan kita bukan sahaja prihatin tentang kepentingan rakyat ataupun *consumer*.

Saya di sini, saya hendak jelaskan bahawa apabila saya jawab soalan tadi itu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Itu secara khusus yang berkaitan dengan MAS, maka saya jawablah sesuatu yang berkaitan dengan MAS dan bukannya saya hendak jadi jurucakap bagi mana-mana satu pihak khasnya MAS ataupun AirAsia.

Berbalik pada rungutan tadi itu Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa sesungguhnya kalaulah pihak syarikat penerbangan awam di Malaysia termasuk AirAsia dan juga MAS dapat misal kata dapat mempertimbangkan ura-ura untuk membayar pampasan kiranya terdapat sebarang kelewatan. Itu pun saya rasa akan dialu-alukan oleh rakyat khasnya *consumer* dan itu pun setahu saya pihak AirAsia telah pun mulakan program ataupun skim sedemikian. Saya belum dapat sebarang maklum balas lagi dari MAS sama ada MAS akan berbuat demikian atau tidak? Namun Yang Berhormat cuba hendak hubung kaitkan soal kelewatan.

■ 1110

Soal kelewatan itu memang mustahak tapi ianya berlaku semata-mata kerana sama ada soal teknikalnya ataupun pengurusannya. Kelemahan pengurusan sesebuah syarikat penerbangan yang dimaksudkan dan bukannya kita tidak mengamalkan dasar *open sky*, dengan izin, ataupun langit terbuka.

Saya nak jelaskan bahawa sesungguhnya kerajaan kita telah pun menandatangani *agreement* ataupun perjanjian *Open Sky Policy* dengan pelbagai pihak dan itu pun saya nak jelaskan yang kita sering kali sebut-sebut di kalangan kita ini tak lain daripada MAS dan AirAsia sebab kedua-dua buah syarikat ini adalah syarikat penerbangan awam di Malaysia yang dikuasai oleh anak watan Malaysia tetapi tak bermaksud bahawa syarikat-syarikat penerbangan awam yang lain misalnya dari Singapura, dari negara-negara yang lain tidak berpangkalan di sini.

Itu saya kena jelaskan sebab kadangkala kita seolah-olah kita menonjolkan satu persepsi bahawa hanya dua buah syarikat sahaja yang dibenarkan beroperasi di Malaysia. Sebenarnya tidak dan kiranya terdapat misalnya syarikat-syarikat penerbangan yang lain termasuk syarikat

asing ataupun syarikat tempatan yang sanggup memberikan khidmat untuk sektor ataupun laluan penerbangan yang tertentu, kementerian sudah tentu akan memberi pertimbangan yang wajar. Sekian.

9. Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta Menteri Pertahanan menyatakan, mengenai perkembangan terkini Pasukan-pasukan Pengaman Malaysia yang beroperasi di bawah panji-panji Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di mana penghantaran pasukan pengaman Malaysia ke seluruh dunia mencerminkan komitmen negara kita membantu keamanan dunia.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini seramai 456 anggota Angkatan Tentera Malaysia atau ATM terlibat dalam 10 misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu atau PBB, di sembilan negara di seluruh dunia iaitu Lubnan, Sudan, Timor Leste, Congo, Ethiopia, Syria Barat, Kosovo, Liberia dan Nepal.

Setiap satu negara-negara yang dinyatakan ini, Malaysia terlibat dalam satu misi kecuali di Sudan yang mana terdapat dua misi. Tugasan anggota ATM dalam misi-misi ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu;

- (i) Kategori Pasukan Pengaman yang mana bertugas di Lubnan;
- (ii) Kategori Pasukan Pemerhati yang mana bertugas di Sudan, Timor Leste, Congo, Ethiopia, Syria Barat, Liberia dan Nepal; dan
- (iii) Pegawai Staf yang mana bertugas di Lubnan, Sudan, Congo; dan Kosovo.

Sehubungan dengan perkembangan terkini, pasukan-pasukan ini adalah seperti berikut;

- (i) Berkaitan dengan Kategori Pasukan Pengaman. Di bawah kategori ini seramai 380 anggota telah ditempatkan di Kem Kaukaba, sektor Timur di bawah misi *United Nations Interim Force in Lebanon* atau UNIFIL semenjak 2007 yang mana kini telah diberikan sebahagian kawasan tanggungjawab di daerah Kaukaba.

Oleh kerana keyakinan pihak PBB terhadap keupayaan ATM, Malaysia telah ditawarkan secara rasmi untuk menghantar satu lagi kontinjen seramai 230 anggota bagi sektor barat pula. Di bawah kategori Pasukan Pengaman ini juga, anggota unit perubatan ATM turut ditempatkan di Syria Barat di bawah misi *United Nations Mission for the Referendum in Western Sahara* atau MINURSO, yang mana memberi perkhidmatan perubatan kepada anggota tentera PBB yang lain dan juga masyarakat awam tempatan.

- (ii) Bagi Pasukan Kategori Pemerhati. Di bawah kategori Pasukan Pemerhati pula, pada masa ini ATM sedang menempatkan seramai 52 pegawai pemerhati di tujuh misi di negara-negara yang telah dinyatakan yang mana mereka ini berfungsi bagi memastikan resolusi-resolusi yang telah diluluskan oleh PBB di patuhi. Malaysia telah terlibat dalam mengadakan Pasukan Pemerhati ini semenjak tahun 1990. Namun begitu, tempoh penglibatan anggota dalam misi-misi ini adalah selama setahun yang mana keanggotaannya adalah secara silih ganti; dan
- (iii) Bagi Kategori Pasukan Pegawai Staf. Berkaitan dengan penugasan staf di bawah kategori Pasukan Staf ini, pada masa kini mempunyai 24 anggota di lima misi yang mana mereka ditugaskan sebagai Pegawai Staf di markas-markas yang melaksanakan mengoperasi.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada permintaan daripada pihak PBB serta keupayaan anggota ATM dalam memenuhi keperluan penugasan mereka, ianya telah mencerminkan negara kita bersedia dan komited dalam membantu keamanan dunia. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kapit.

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah yang diharapkan dan yang dianggap sebagai manfaat kepada negara Malaysia daripada penyertaan Malaysia dalam kegiatan *peace keeping nation* ini, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu itu dan saya mohon penjelasan juga bagaimana negara Malaysia membiayai segala kos yang diperlukan apabila menghantar pasukan pengaman tentera untuk beroperasi di negara asing dan dalam 10 tahun yang lampau, berapa telah Malaysia belanjakan untuk tujuan yang sama. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Harapan PBB untuk mendapatkan anggota dari Malaysia, oleh kerana kita dapat melaksanakan tanggungjawab kita dengan begitu baik kerana bagi anggota kita sebelum mereka melaksanakan tugas mereka di bawah panji-panji PBB, mereka telah diberi latihan sebelum mereka pergi. Berkaitan dengan imbuhan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Anggaran kos Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Berkaitan dengan imbuhan yang diperoleh oleh pasukan-pasukan ATM kita ini, ianya terbahagi mengikut kategori-kategori seperti mana yang saya telah nyatakan dan juga bayarannya adalah mengikut apa yang dibuat oleh PBB dan juga yang dibayar oleh kerajaan Malaysia kita. Senarainya panjang, mungkin saya boleh bagi

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Secara bertulis Yang Berhormat ya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Berkaitan dengan apa ini, 10 tahun tadi?

Tuan Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Masa 10 tahun yang lampau, berapa telah kita belanjakan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ha, jumlah dalam masa 10 tahun Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan soalan spesifik. Saya akan cuba dapat *compile* kan data dan saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat berkenaan soalan itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi pihak Parti Islam Se-Malaysia atau PAS, izinkan saya merakamkan tahniah dan penghargaan terhadap tentera-tentera kita yang bertugas di luar negara, yang terkorban demi mempertahankan tanah air dan mengharumkan nama negara di persada antarabangsa.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini tentera pula diminta untuk mengadakan latihan bersama dengan pasukan Polis Diraja Malaysia yang kononnya untuk menghadapi apa yang dikatakan demonstrasi aman daripada rakyat. Soalan saya, adakah pasukan ataupun tentera kita ini daripada segi undang-undang negara yang mana penaung-penaungnyalah merupakan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja Melayu, adakah di bawah pengetahuan Kementerian Pertahanan, tentera-tentera kita ini diseret ke arah untuk kononnya menghadapi rakyat yang mengadakan perhimpunan aman.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Ini pada kami ialah sangat mencemarkan maruah dan integriti tentera dalam negara kita. Saya minta penjelasan kerana ini adalah amat-amat serius. Kalau mereka terbunuh di perbatasan, terkorban di luar negara, kita memberikan tabik hormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: ...Akan tetapi untuk bertempur dengan rakyat sendiri, ini satu perkara yang saya rasa sangat serius. Minta penjelasan.... [*Tepuk*]

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama, atas tahniah itu saya ucapkan terima kasihlah atas keprihatinan PAS. Berkaitan dengan apa perkhidmatan tentera dalam pengawalan keselamatan bahawa ini tak ada kena mengena dengan soalan PBB Yang Berhormat. Saya rasa saya tidak mahu menjawab.

■1120

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, baik Yang Berhormat. Yang Berhormat Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman.

[Soalan No. 10 – Y.B. Dato' Haji Ab. Halim Ab. Rahman (Pengkalan Chepa) tidak hadir]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Datuk Siringan Gubat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Tuan Yang di-Pertua, soalan nombor satu, satu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Nombor sebelas Yang Berhormat... *[Ketawa]*

11. Datuk Siringan Gubat [Ranau] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, bilakah peruntukan dapat diperoleh bagi menaik taraf jalan raya Kampung Randagong ke Kampung Himbaan, Ranau yang telah diluluskan selepas Pilihan Raya Umum 1999 untuk pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Ranau. Kalau di Sarawak apabila kita kata, kita pakai kenderaan nombor sebelas ini orang jalan kaki.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini kementerian belum menerima sebarang permohonan daripada pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sabah berhubung cadangan menaik taraf jalan raya Kampung Randagong ke Kampung Himbaan, Ranau Sabah. Namun begitu, sekiranya projek-projek ini diberi keutamaan untuk dilaksanakan oleh pihak berkuasa Kerajaan Negeri Sabah, permohonan projek ini boleh dipertimbangkan semasa RMK-10 nanti. Kementerian sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemudahan prasarana di kawasan luar bandar supaya taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar dapat ditingkatkan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bintulu, soalan Yang Berhormat Ranau.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Bintulu, Bintulu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Bintululah oleh kerana Yang Berhormat Ranau tidak berdiri.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Sudah, sudah berdiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila duduk Yang Berhormat. Kita dah panggil Yang Berhormat Bintulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: *[Menyampuk]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai jalan ini. Kata tadi Ranau punya tiada memohon daripada Kerajaan Negeri Sabah.

Di sini saya mahu tanya, di Bintulu ini, Kampung Hilir ini. Sudah lulus daripada tahun 2002. Tahun 2004 lulus lagi satu kali, tahun 2006 lulus lagi satu kali. Sepatutnya 2007 mesti bina tapi sampai hari ini pun belum bina. Minta penjelasan sikit apa fasal?

Beberapa Ahli: *[Ketawa] [Tepuk]*

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Bintulu. Satu soalan pokok tadi ialah berkenaan dengan jalan raya di Ranau. Jadi ini agak terkeluar tetapi tidak apalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat perlu faham bahawa kelulusan bukan maknanya ia akan dilaksanakan pada masa yang diminta, dimohon tetapi itu tertakluk kepada kemampuan kerajaan melaksanakannya dari segi kewangan dan tertakluk kepada peruntukan yang ada.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Ini jawapan daripada timbalan menteri kata akan dilaksanakan pada akhir tahun 2007 di Dewan yang mulia ini.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Saya akan siasat juga kenapa ia belum dilaksanakan iaitu untuk Jalan Kampung Hilir di Bintulu ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, baik Yang Berhormat. Yang Berhormat Ranau.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jalan raya Randadong-Himbaan terletak 20 kilometer daripada Pekan Ranau yang masih lagi berbatu kelikir sejauh 14.5 kilometer. Terdapat sembilan buah kampung yang dianggar lima ribu orang mendapat manfaat jalan raya ini. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memasukkan pelaksanaan jalan raya ini dalam *midterm review* kerana saya ada membawa ini dalam ucapan saya dalam *midterm review*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Ini kerana jalan raya ini telah diluluskan sejak sembilan tahun yang lepas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Sila timbalan menteri.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta Timbalan Menteri memperjelaskan keutamaan untuk membina jalan adalah hak kerajaan negeri.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Memang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dan kewangan daripada Kerajaan Pusat. Jadi kalau kerajaan negeri tidak memberi keutamaan, jalan itu tidak dapat dibina oleh Kerajaan Pusat. Tolong beri penjelasan.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah membantu saya menjawab itu... [*Dewan riuh*] [*Tepuk*]

Memang benar. Saya tidak dapat memberi komitmen dengan izin kepada Yang Berhormat dari Ranau kerana Yang Berhormat dari Ranau sepatutnya mengemukakan permohonan tersebut melalui kerajaan negeri.

Apabila diberi keutamaan oleh kerajaan negeri, barulah ia dapat dipertimbangkan oleh Kerajaan Pusat sama ada Kerajaan Pusat mampu ataupun tidak memperuntukkan bajet untuk permohonan tersebut. Tidak dapat dengan Yang Berhormat berdiri di sana, saya terus memberi komitmen bagi pihak Kerajaan Pusat. Itu bukan prosedurnya, Tuan Yang di-Pertua.

Walaupun kita memang sedar keperluan rakyat-rakyat di luar bandar terutama sekali...

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: [*Bangun*]

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: ...Orang yang begitu ramai sampai lima ribu orang yang akan mendapat manfaat daripada pelaksanaan jalan tersebut. Kita mesti prihatin terhadap prosedur yang sedia ada juga. Sekian terima kasih.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: Yang masalah ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudah diluluskan sembilan tahun yang lepas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ranau.

Tuan Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, itu saya lupa jelaskan tadi. Betul dia timbulkan tadi. Mengikut soalan utama ini, dia kata jalan ini telah diluluskan pada tahun 1999 selepas pilihan raya. *I stand corrected* dengan izin, kalau tidak silap saya ada dua pilihan raya. Satu pilihan raya umum, satu pilihan raya negeri di Sabah semasa itu.

Jadi mengikut rekod kita di kementerian kita, tidak ada permohonan yang dikemukakan oleh kerajaan negeri untuk pembinaan jalan tersebut. Jadi saya tidak tahulah Yang Berhormat siapakah yang meluluskan permohonan ini ataupun membuat perjanjian. Menteri mana, sama ada kerajaan negeri ataupun Kerajaan Pusat.

Datuk Siringan Gubat [Ranau]: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, baik Yang Berhormat Ranau. Saya cadangkan Yang Berhormat berjumpa dengan Timbalan Menteri di luar dan berbincang dengan kerajaan negeri, dapat keutamaan dahulu selepas itu kita minta duit dengan orang Kerajaan Pusat. Terima kasih Yang Berhormat.

12. Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta Menteri Kewangan menyatakan kenapa setelah arahan dari kementerian kepada bank-bank bahawa tidak boleh mendapatkan maklumat latar belakang kewangan pelanggan dari CTOS, namun masih terdapat ramai pelanggan disenaraihitamkan berdasarkan maklumat dari CTOS dan mengakibatkan permohonan pinjaman ditolak.

Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Nibong Tebal atas soalan ini. Satu isu

berhubung dengan CTOS yang selalu juga dibangkitkan di Dewan yang mulia ini ialah tentang kawal selia, kawalan ke atas CTOS. Pada masa ini, syarikat-syarikat yang memberi maklumat tentang data pinjaman tidak dikawal selia oleh sebuah badan kerajaan.

Kerajaan sudah pun mengambil tindakan untuk menggubal satu undang-undang baru untuk mengawal selia semua aktiviti syarikat yang memberi maklumat tentang data pinjaman untuk memperkukuhkan rangka kerja perlindungan maklumat individu. Saya yakin perkara ini akan dibentangkan di Dewan Rakyat tidak lama lagi.

Sebagai satu langkah buat masa ini, Kementerian Kewangan telah minta Bank Negara Malaysia untuk mengarahkan semua bank supaya tidak berasaskan keputusan sama ada pinjaman diberi atau ditolak. Hanya berasaskan kepada CTOS dan kami juga telah minta Bank Negara Malaysia untuk mengarahkan bank-bank supaya mendapat kebenaran dari si peminjam sebelum mereka merujuk perkara ini kepada CTOS atau sebelum mereka mendapat sebarang maklumat dari CTOS. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, Yang Berhormat Nibong Tebal.

Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat Menteri. Saya rasa penjelasan Yang Berhormat Menteri bagi dalam sesi pertama dalam persidangan Parlimen itu memanglah tidak memuaskan hati saya. Apa yang dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tadi pun saya dapat soalan tambahan.

Jadi soalan saya apakah tindakan yang boleh dan akan diambil oleh kementerian kerana masih terdapat permohonan pinjaman yang ditolak kerana disenaraihitamkan itu.

■ 1130

Apakah penjelasan Yang Berhormat Menteri ke atas bank-bank yang menggunakan sistem kredit yang lain seperti CCRIS dan basis. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, CCRIS yang ditadbirkan diuruskan oleh Bank Negara dan CTOS oleh pihak swasta. Kita akan sentiasa berhubung dengan bank-bank untuk memastikan bahawa tidak ada pihak yang harus mendapat pinjaman tetapi tidak mendapat pinjaman. Jika terdapat kes-kes di mana bank-bank menggunakan hanya CTOS untuk menolak sebarang pinjaman kepada si peminjam, biasanya sebagai contoh kalau seorang peminjam ada kes yang dimasukkan dalam CTOS tetapi dia mendapat kontrak kerajaan dan kerajaan memang akan membayar kontrak.

Pihak bank tidak seharusnya menolak pinjaman itu sebab bayaran untuk kontrak itu dibuat secara langsung kepada si peminjam dan kerajaan juga boleh meminjam dengan bank untuk membayar balik pinjaman itu melalui kontrak. Jadi ada banyak kaedah yang pihak bank boleh menggunakan dan pihak Kementerian Kewangan sentiasa berbincang dengan bank-bank untuk mewujudkan kaedah-kaedah di mana pinjaman diberi dengan lebih mudah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi soal jawab telah habis.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

11.31 pg.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, Peraturan Mesyuarat 18(1). Saya telah memasukkan usul di bawah 18(1) tentang beberapa laporan polis dan juga beberapa surat akuan bersumpah pada 7 Julai yang lalu dan saya telah menolak pada pagi ini yang menolak usul saya dalam kamar atas alasan bahawa kes-kes itu masih lagi di dalam siasatan polis dan juga di dalam mahkamah.

Setelah saya meneliti Peraturan Mesyuarat 18 Perkara 7, Tuan Yang di-Pertua boleh menolak dalam kamar mana-mana usul yang dikemukakan kepadanya jika Tuan Yang di-Pertua berpuas hati bahawa Perkara (a), (b) dan (c). Setelah saya meneliti, tidak ada peruntukan bahawa (a), (b) dan (c) itu yang mengizinkan usul saya ditolak. Maka saya minta penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya berharap apabila saya telah memberi penjelasan, tidak payah menjadi satu pertikaian besar lagi Yang Berhormat. Kita juga mendapat penjelasan bahawa ada tiga perkara yang penting dibawa oleh Yang Berhormat dalam kertas usul Yang Berhormat di bawah 18(1). Pertama, soalan surat bersumpah Yang Mulia Raja Petra Raja Kamarudin melibatkan Datin Seri Rosmah Mansor, isteri kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Kes ini masih dalam siasatan dan 27 saksi telah dipanggil oleh pihak polis untuk penyiasatan.

Kedua ialah berhubung dengan laporan polis terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim bertarikh 28 Julai oleh Mohd. Saiful Bukhari Azlan. Kes ini juga Yang Berhormat masih dalam siasatan dan 18 saksi telah dipanggil oleh polis.

Ketiga ialah Datuk Seri pula membuat laporan polis pada 1 Julai 2008 terhadap Tan Sri Musa Hassan Ketua Polis Negara, Tan Sri Abdul Ghani Patail, Peguam Negara dan memberi keterangan palsu serta macam-macam lagi tohmahan di dalam Yang Berhormat. Kes ini juga telah diserahkan kepada ACA untuk penyiasatan lanjut.

Jadi dalam keadaan sedemikian Yang Berhormat, kita tidak inginlah kes-kes ini dibawa kepada media untuk dihakimi atau disiasat, jadi biarlah agensi-agensi ini. Saya juga melihat dalam kertas yang akhir cadangan Yang Berhormat berhubung dengan penubuhan satu suruhanjaya siasatan. Jadi kalau tiap-tiap kali ada kes yang dikatakan kontroversial Yang Berhormat kita adakan suruhanjaya, kerja negara kita memang tidak ada lain Yang Berhormat, memang kerja suruhanjaya lah kerajaan negara kita. Jadi alasan itulah kenapa maka kes ini kita telah tolak dalam kamar Yang Berhormat. Terima kasih.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL

RANCANGAN MALAYSIA KESEMBILAN

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa mengikut peruntukan Peraturan Mesyuarat 27(3) Dewan ini mengambil ketetapan-ketetapan berikut:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan dan pencapaian matlamat sosioekonomi yang baik semasa awal pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan meskipun ekonomi Malaysia terus berhadapan dengan pelbagai ketidaktentuan terutamanya kenaikan harga minyak petroleum mentah dunia;

merestui usaha kerajaan bagi melaksanakan Misi Nasional untuk mencapai matlamat Wawasan 2020 bagi menjadikan Malaysia sebuah negara maju;

meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan yang bertujuan melaksanakan strategi dan program serta menyediakan peruntukan bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang teguh dan bersatu padu seperti dibentang dalam Kertas Perintah CMD 8 Tahun 2008;

Bahawa dalam meluluskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya berusaha dengan keazaman yang teguh dan terus menyokong kerajaan untuk membina Malaysia sebagai sebuah negara yang makmur, progresif, adil, berdaya tahan dan berdaya saing.” **[7 Julai 2008]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Hari ini untuk kita minta menteri menjawab. Sila Menteri Kewangan menjawab.

11.36 pg.

Menteri Kewangan II [Tan Sri Nor Mohamed Yakcop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-9 di Dewan yang mulia ini terutama yang menyentuh beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Ini meliputi isu pengurusan ekonomi, percukaian, perbankan dan kewangan, syarikat berkaitan kerajaan dan rebet tunai.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Ahli-ahli Yang Berhormat telah memberi pandangan dan cadangan yang membina untuk kepentingan rakyat dan negara. Saya ingin menegaskan bahawa semua pandangan bagi perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan telah diambil maklum dan akan diberi pertimbangan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh bertanya adakah ekonomi negara dapat dipacu daripada status negara membangun kepada negara maju dengan

mengeksploitasi keadaan ekonomi global seperti yang dilakukan oleh negara-negara seperti Singapura, Hong Kong dan Korea serta bukan hanya bergantung pada permintaan dalam negeri sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi Malaysia dalam beberapa aspek adalah sama seperti ekonomi Hong Kong dan Singapura yang sangat terbuka, di mana jumlah perdagangan Malaysia sebagai satu *ratio* berasaskan kepada KDNK melebihi 100%. Sebenarnya pada satu masa dahulu, *ratio* ini melebihi 200% iaitu jumlah perdagangan Malaysia ialah lebih dari 200% berbanding dengan KDNK. Walau bagaimanapun dalam beberapa tahun kebelakangan ini oleh sebab negara kita telah mencapai satu tahap di mana sumber-sumber dalaman seperti permintaan swasta, seperti pelaburan telah meningkat.

Jadi *ratio* ini telah kurang kepada 170% tetapi *ratio* ini masih dianggap sebagai satu *ratio* yang tinggi sebab di negara-negara lain termasuk negara Amerika Syarikat, Jepun dan lain-lain, *ratio* itu hanya 20% atau 30%. Jadi Malaysia merupakan sebuah negara yang terbuka dari segi perdagangan antarabangsa tetapi dalam tahun-tahun kebelakangan ini, sumber-sumber seperti saya sebut tadi yang lain yang dalaman sudah merupakan sumber-sumber yang penting. Sekiranya sebuah negara hanya bergantung pada eksport, ini akan memberi satu risiko yang tinggi kepada negara sebab dalam keadaan di mana negara-negara lain mengalami keadaan meleset ekonomi atau *recession* atau *downturn* dengan izin. Sebuah negara yang hanya bergantung pada eksport akan juga menerima aspek-aspek negatif, kesan-kesan negatif.

Walaupun bagaimanapun pandangan saya, Malaysia mempunyai fleksibiliti dalam menguruskan ekonomi pada masa ini sebab kita ada banyak sumber dalaman untuk menjana ekonomi kita.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: [*Bangun*]

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Saya habiskan dulu. Dalam eksport kita pun kita tidak bergantung pada mana-mana negara. Pada satu masa dahulu hampir 20% dari eksport Malaysia dieksport ke negara Amerika. Namun pada masa ini, ini telah dikurangkan kepada hanya 13.2% daripada jumlah eksport. Manakala eksport ke intra Asean adalah lebih tinggi iaitu 26.7%. Pasaran ke Asia Timur pula yang merangkumi China, Hong Kong, Taiwan, Korea Selatan berjumlah 19.7% serta Jepun sebanyak 10.1% dan Kesatuan Eropah sebanyak 11.61%. Selain daripada itu, syarikat-syarikat tempatan juga telah berjaya menembusi pasaran antarabangsa dalam pelbagai bidang seperti industri cari gali minyak dan dagangan runcit petrol, perladangan, pembinaan, telekomunikasi serta perbankan. Terima kasih.

■1140

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Bolehkah Yang Berhormat terangkan kepada kita bagi setiap RM10 kita ini, berapa datang daripada eksport dan

juga hubungan eksport Malaysia dengan Amerika Syarikat sekarang kalau berbanding dengan misalnya lima tahun yang lepas apakah perbezaan yang nyata.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Dari segi soalan berapa banyak dari RM10, itu susah sebab kita tidak ada perbandingan tentang dengan izin, *currency in circulation* berhubung perdagangan kita dengan Amerika Syarikat. Akan tetapi yang selalu disebut ialah tentang perdagangan eksport minyak kita yang begitu banyak. Kita juga selalu dibandingkan dengan negara-negara Arab yang juga negara pengeksporth minyak yang banyak. Bidang sektor minyak dalam negara kita sebagai satu *proportion* berbanding dengan KDNK hanya 6% berbanding dengan negara Arab yang *proportion* sektor minyak dalam KDNK ekonomi hampir 80% atau kebanyakan negara-negara Arab 90% dari KDNK kekayaan negara bergantung kepada minyak. Sungguhpun minyak merupakan satu bidang yang begitu penting dalam negara kita, tapi dari segi KDNK hanya 6%, 64% Tuan Yang di-Pertua ekonomi kita merupakan ekonomi yang tidak berasaskan kepada minyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Sungai Siput.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin mengemukakan dua soalan berkenaan kegawatan ekonomi. Walaupun kita katakan hanya 18% ke bawah daripada Amerika Syarikat tapi juga ada banyak barangan kita yang pergi ke Amerika Syarikat melalui Singapura ataupun melalui Hong Kong. Jadi dia sebagai *trading partner* dengan izin lebih besar daripada 15%.

Jadi soalan saya ialah adakah cadangan kontingensi untuk mengendalikan masalah-masalah akan dialami oleh rakyat biasa sekiranya berlaku kegawatan ekonomi. Saya tak kata ini akan berlaku dengan 100% tapi kita mesti ada pelan kontingensi. Jika ada cadangan kontingensi ini, adakah pelan-pelan spesifik untuk menangani isu-isu seperti pekerja kilang yang dibuang kerja tanpa pampasan oleh kerana syarikat itu mufliis. Apakah cara kita untuk mengendalikan kesukaran untuk dapat kerja baru untuk pekerja yang dibuang kerja dan juga apakah cara kita untuk mengendalikan masalah dengan pinjaman rumah mereka tak akan bayar.

Jadi pada saya sebagai kerajaan yang bertanggungjawab mesti ada satu pelan yang spesifik untuk isu-isu macam ini sekiranya berlaku kegawatan ekonomi dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Itu soalan saya dan satu lagi saya hendak tanya lagi ialah adakah kementerian kita sedap bahawa harga minyak akan naik sebanyak ini setahun dahulu. Kita pun tak tahu, jadi kita tak boleh kata kegawatan tak akan berlaku, fundamental kita adalah kukuh. Kita mesti ada cadangan spesifik iaitu kontingensi. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Saya akan menjawab soalan ini tapi sebelum itu saya minta izin Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab soalan-soalan lain yang telah dikemukakan terlebih dahulu. Akan tetapi saya akan menjawab

soalan ini yang saya anggap sebagai satu soalan dan isu yang begitu penting dan saya akan menjawab kemudian.

Ahli Yang Berhormat Gombak meminta penjelasan kerajaan mengenai pendapatan per kapita rakyat Malaysia yang dianggarkan akan meningkat dalam suasana ekonomi yang tidak menentu. Untuk makluman Yang Berhormat, pendapatan per kapita dijangka meningkat 8.8% setahun kepada RM29,711 pada tahun 2010. Ini diasaskan kepada jangkaan pertumbuhan KDNK sebanyak 6% setahun dalam tempoh 2008 hingga 2010.

Walaupun suasana ekonomi luar masih tidak menentu dan kesannya ke atas ekonomi dalam negeri masih belum jelas, namun kerajaan akan terus melaksanakan langkah proaktif untuk memastikan pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan untuk memastikan pendapatan rakyat dapat terus dipertingkatkan. Malah salah satu strategi yang akan dilaksanakan ialah menjadikan Malaysia sebuah ekonomi berpendapatan tinggi. Ini bermakna strategi pembangunan akan terus menekankan kepada pembangunan teknologi tinggi dan modal insan yang berinovasi dan kreatif supaya negara dapat menceburi bidang-bidang yang berasaskan pengetahuan yang membawa pulangan tinggi kepada rakyat dan negara.

Ahli Yang Berhormat Kepong telah meminta penjelasan kerajaan tentang cara penggunaan rizab yang baik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini rizab Bank Negara berjumlah USD126 bilion dan cukup untuk membiayai 10 bulan import tertangguh dan 5.1 kali lebih tinggi daripada hutang luar negeri jangka pendek. Rizab ini digunakan sebagai *buffer* sekiranya ada keadaan di mana kita harus mengimport barang-barang yang banyak kita akan gunakan rizab ini, untuk membayar balik pinjaman dan juga dalam keadaan di mana ada pengeluaran modal dari mereka yang telah melabur di sini. Kalau mereka ingin mengeluarkan modal kita mempunyai rizab yang begitu banyak, begitu mencukupi untuk semua kontingensi yang mungkin berlaku.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Barat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. sedikit penjelasan. *Buffer* yang dikatakan sekarang hanya empat bulan. Saya ingat kalau tak silap saya dekat lima tahun dahulu selalunya dalam lingkungan enam bulan. Apakah ideal standard yang diperlukan oleh satu negara dan kenapa ia telah dikurangkan dari empat enam bulan ke empat bulan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, kini kita mempunyai rizab yang dapat membiayai 10 bulan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, 10 bulan dan dalam keadaan biasa lima bulan adalah dianggap sebagai satu *ratio*, satu jumlah yang agak selamat dan selesa. Akan tetapi kita mempunyai rizab yang mencukupi untuk membiayai 10 bulan. Betul seperti Yang Berhormat sebut tadi pada masa dahulu tadi kita hanya mempunyai rizab yang mencukupi untuk membiayai import empat lima bulan tapi sekarang kita mempunyai rizab untuk 10 bulan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Semua sudah tahu, sudah bagi dia tahu rizab kita itu memang penting kerana pada 20-an, rizab di negara-negara Amerika Latin itu besar, banyak. Akan tetapi mereka salah gunakan rizab ini hingga sekarang negara-negara Amerika Latin ekonomi itu tidak begitu baik.

■ 1150

Kita tidak mahulah mengulangi apa yang dilakukan oleh negara-negara Amerika Latin kita dan bolehkah Yang Berhormat itu memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa kita akan menggunakan rizab kita dengan berhemah, dengan betul-betul menjaga masa hadapan kita.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Memang rizab itu dijaga dengan baik oleh Bank Negara Malaysia. Saya beralih kepada isu yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat Gombak dalam menangani tsunami ekonomi atau cabaran persekitaran antarabangsa yang dihadapi oleh seluruh dunia. Ahli Yang Berhormat Gombak telah mencadangkan beberapa mekanisme alternatif iaitu mengurangkan duti import untuk penggunaan teknologi hibrid dan menghapuskan monopoli Petronas untuk kenderaan gas asli, NGV.

Kerajaan memang sentiasa sedang mengkaji insentif yang bersesuaian bagi menggalakkan penggunaan teknologi hibrid dan saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Gombak atas cadangan ini dan kita akan mengkaji cadangan ini supaya dapat diumumkan dalam bajet 2009. Mengenai penghapusan monopoli Petronas dalam pembekalan NGV tidak ada monopoli.

Petronas tidak ada monopoli dalam perkara ini dan sebab syarikat-syarikat lain tidak ingin menceburi, tidak ingin memberi khidmat dalam aspek ini ialah sebab aspek harga. Harga sekarang bagi NGV dikawal oleh kerajaan pada harga RM0.68 satu liter tetapi harga pasaran Tuan Yang di-Pertua ialah RM3.11 dan kalau syarikat-syarikat lain ingin memasuki bidang ini tidak ada halangan, tidak ada monopoli tetapi mereka tidak akan memasuki bidang ini sebab tiap-tiap kali mereka menjual satu liter, mereka kerugian banyak juga, RM1 lebih iaitu di antara harga pasaran RM3.11 dan harga yang dikawal RM0.68.

Petronas Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh 1997 hingga Mac 2008 telah berbelanja sebanyak RM430 juta sebagai subsidi untuk 30,000 orang pengguna. Ini bermakna jumlah subsidi yang dibayar bagi seorang pengguna adalah sebanyak lebih kurang RM1,300 setahun. Selain menanggung subsidi, Petronas juga diminta menanggung kos yang besar juga untuk menyediakan infrastruktur dan membina stesen NGV. Pada masa ini terdapat 73 stesen NGV di sekitar Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang dan Petronas telah memberi jaminan akan meningkatkan jumlah stesen ini ke 200 sebelum tahun 2010.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Padang Serai Yang Berhormat.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ini masa kini, saya minta maaf, saya balik ke masa kini ramai along-along ataupun peminjam-peminjam wang tanpa lesen dan sebagainya. Adakah kerajaan merancang untuk melonggarkan syarat-syarat pemberian lesen peminjam wang dengan lebih banyak supaya mereka-mereka yang memegang lesen ini boleh memberi pinjaman-pinjaman kepada rakyat yang susah dengan kadar yang ditetapkan oleh kerajaan kerana pada masa ini along-along mereka mengenakan kadar-kadar yang terlalu jauh tinggi.

Kadang-kadang satu bulan, 20% dan sebagainya. Ini hanya untuk meringankan kesusahan yang dialami oleh rakyat pada masa ekonomi negara begitu gawat sehinggakan rakyat terpaksa mencari semua jalan untuk pergi meminjam wang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Seperkara lagi Yang Berhormat. Ini berkenaan dengan harga minyak yang telah melambung tinggi seperti kata Yang Berhormat tadi RM3 lebih harga dia sebenar dan Malaysia hanya kenakan RM2.70 tetapi Malaysia juga adalah pengeluar, mendapat pendapatan yang banyak. Boleh dikatakan terlalu banyak kalau dengan izin di *compare with other countries in the world*, terlalu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap Yang Berhormat, sekejap. Perkara ini telah pun dibangkitkan oleh ramai Ahli Parlimen dan sedang dijawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya rasa boleh kita tunggu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Ya, sudah dibangkit banyak, ramai orang sudah bangkit perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua saya akan jawab soalan ini kemudian. Saya beralih kepada Ahli Yang Berhormat Jerlun meminta penjelasan kerajaan mengenai kemungkinan subsidi ke atas petroleum dikurangkan apabila harga minyak dunia terus meningkat melebihi USD140 kini hampir USD145 setong.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah membuat keputusan untuk tidak meningkatkan harga petrol dan diesel sehingga hujung tahun ini. Walau bagaimanapun, akibat kenaikan harga yang terus tinggi dengan mendadak dan kini harga WTI telah melebihi USD145 mungkin dalam lingkungan USD 145 setong. Beban subsidi yang perlu ditanggung oleh kerajaan memang akan terus meningkat.

Sudah pasti jumlah ini bergantung kepada keupayaan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Oleh itu jika harga minyak terus meningkat, kerajaan akan mencari alternatif yang sesuai untuk menangani masalah ini dan saya akan beralih kepada isu ini kemudian tetapi pada masa ini kerajaan telah berjanji dan kerajaan telah berpegang kepada janji bahawa sungguhpun harga minyak naik dalam tempoh enam bulan ini sehingga hujung tahun, kerajaan tidak akan menaikkan harga petrol dan diesel.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Celahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Machang.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya senang melihatkan kehadiran Yang Berhormat Menteri dan saya fikir Yang Berhormat Menteri punya autoriti untuk memberikan beberapa penjelasan. Pertama, berapa sebenarnya *the actual* subsidi yang kerajaan bagi, sebab begini.

Saya tekun meneliti kenyataan-kenyataan kerajaan. Yang Berhormat Menteri Kewangan menyebut, Utusan Online 17 April, berdasarkan harga minyak mentah semasa global, subsidi minyak sebenar yang kita ambil dari bajet tahun ini tidak termasuk daripada Petronas untuk diberi kepada rakyat berjumlah RM18 bilion sehingga RM19 bilion, kenyataan Yang Berhormat Menteri.

Dalam bajet tambahan yang akan kita bentang minggu depan, anggaran sebenar subsidi kerajaan RM6 bilion dan kerajaan akan minta lagi RM10 bilion, jumlahnya cuma RM16 bilion. Yang Berhormat Menteri sebut RM18 hingga RM19 bilion. Ini perlu penjelasan yang meyakinkan. Barangkali kita susah hendak faham amaun ini tetapi subsidi minyak itu sebenarnya berapa.

Saya ambil begini, dalam tinjauan yang saya buat. Ini data rasmi kerajaan dan juga di bawah kolum subsidi Kerajaan Persekutuan:

Subsidi	2006	2007
Petrol	RM1.9 bilion	RM2.8 bilion
Diesel	RM4.3 bilion	RM4.4 bilion

Maknanya jumlah subsidi minyak ini sebenarnya cuma sekitar RM7 bilion begitu, minyak. Kita tidak bercakap tentang *overall* subsidi dulu. Baik, saya melihat jawapan Perdana Menteri dalam Parlimen, jumlah subsidi keseluruhan yang kerajaan bagi kepada rakyat untuk tahun 2007 adalah RM40 bilion.

■1200

Yang Berhormat Menteri... *[Menoleh kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan II]* Dalam *Utusan Online* sebut, kalau trend harga minyak berterusan kerajaan akan membelanjakan untuk subsidi bahan api sahaja bagi tahun ini RM35 bilion. Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna kata, saya petik ketika membentangkan usul tempoh hari "*Last year, 2007 the subsidy bill excluding food and fuel was RM9.2 billion*". Akan tetapi dalam data rasmi kerajaan yang saya petik tadi, angkanya jauh lebih kecil. Jadi biarlah kita berterus terang kalau kesilapan kita memahami bantu kita faham. Kita hendak terangkan juga kepada rakyat.

Data yang bercanggah satu sama lain datang daripada Perdana Menteri, Menteri Kewangan II dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta dalam laporan Perbendaharaan, jauh berbeza sama sekali. Oleh kerana ianya angka kewangan

kerajaan, sudah tentu ianya tertera dalam belanja mengurus. Jadi ini saya mohon semualah, kalau Yang Berhormat Menteri hendak bagi syarahan ekonomi pun saya akan tekun mendengar dan mencatat sebab saya hendak balik cerita dengan orang kampung saya di Machang. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat, saya akan juga berbalik kepada isu ini. Saya hendak mungkin secara cepat menghabiskan dulu soalan-soalan yang lain yang ditimbulkan semasa perbahasan.

Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan isu pemberian rebat tunai...

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tan Sri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sri Gading pula, Yang Berhormat ya.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar, saya lihat Tan Sri asyik semua soalan gostan, gostan, gostan. Saya masuklah soalan yang ada kaitan dengan kepentingan rakyat masa sekarang. Masa sekarang ini! Ini soal *windfall tax* 15% penjual kelapa sawit. Orang ramai marah Tan Sri, marah sangat! Jadi macam mana kedudukan? Saya tanya Kementerian hari itu dia kata, "Ini Kementerian Kewangan punya hal". Jadi boleh tidak Tan Sri, ini rayuan.

Minggu lepas kita bercakap di Parlimen ini bagi pihak rakyat merayu supaya *tax* ini dihapuskan, supaya beban-beban rakyat itu dapat kita ringankan. Macam mana keputusan Kabinet hari Jumaat lepas Tan Sri? Kata hendak bawa ke dalam Kabinet hari Jumaat lepas. Saya cakap di kampung, "Hah, sabar sikit wak, pasal Kabinet akan mesyuarat". Itu, pada hari Jumaat lepas.

So, tidak tahu pasal saya bukan Ahli Kabinet. Jadi macam mana Tan Sri, keputusan? Apa pun kita hendak supaya *tax* ini dihapuskan bagi pihak rakyat Tan Sri. Kalau tidak Barisan Nasional akan kalah Tan Sri.... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] Terima kasih Tan Sri. Kalah, kalau rakyat marah dia tidak sebelah kita, dia sebelah pembangkang. Kalau kita hapuskan, pembangkang akan kalah Tan Sri.... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] Pilih sajalah, hendak menang, hendak kalah. Terima kasih Tan Sri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Tadi semasa perbincangan tentang MAS dan AirAsia saya dengar Yang Berhormat dengan begitu lancar sekali telah menyebut beberapa kali bahawa kerajaan harus memberi fokus dan penumpuan kepada rakyat dan bukan kepada syarikat-syarikat.

Windfall tax ini yang kita wujudkan ialah untuk syarikat-syarikat dan duit yang dikutip dari syarikat-syarikat digunakan untuk rakyat seperti yang disarankan oleh Yang Berhormat sendiri tadi, dalam soal AirAsia dengan MAS. Jadi apa salahnya kerajaan mengikut saranan Yang Berhormat sendiri untuk mendapat cukai dari syarikat-syarikat untuk kegunaan rakyat sebab kerajaan mementingkan rakyat.

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, mungkin Tan Sri tersilap dengar ataupun tersilap faham apa yang saya maksudkan. Makcik saya minggu lepas jual kelapa sawit dua tan. Sepatutnya harganya ialah RM1,400. Dia kena cukai 15%, dia kena bayar RM210, tolak.

Jadi walaupun kata Tan Sri syarikat, tapi syarikat yang pembeli orang tengah! Dia dikenakan kepada pekebun kecil, makcik saya, sepupu saya dan mungkin banyak lagi sepupu-sepupu dalam Dewan ini, yang kena ini Tan Sri. Baja naik Tan Sri, racun naik Tan Sri, minyak naik Tan Sri, barang naik Tan Sri. Barang naik ini baru sahaja, tapi itulah... [*Dewan riuh*][*Ketawa*] Tentang ini tidak berapa bagus Tan Sri.

Jadi mereka merayu melalui saya dan mungkin kepada semua Ahli Parlimen Tan Sri, yang di kampung-kampung dia merayu. Cuma agaknya kesempatan saya dapat bercakap bagi pihak merekalah. Saya ingat semua Ahli Parlimen ini bersetuju Tan Sri...

Beberapa Ahli: Setuju...

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Potonglah dengan pelapisan ini balik kepada sedia kala sebelum 1 Julai, itu maksudnya Tan Sri. Mohonlah Tan Sri, mohon. Tan Sri kalau hendak suruh saya ampu lagi Tan Sri, bodek Tan Sri, saya boleh buatlah, asalkan 15% *windfall tax* ini hapus, Tan Sri.

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Tuan Yang di-Pertua, saya kini faham maksud Yang Berhormat Sri Gading. Maksud Yang Berhormat Sri Gading, mereka yang mempunyai ladang besar-besar, syarikat-syarikat besar boleh dikenakan tapi kecuali kerana mereka pekebun-pekebun kecil. Itu lain tadi sebab tadi Yang Berhormat Sri Gading sebut menghapuskan sekali cukai *windfall tax* ini dengan izin, kepada semua pihak.

Tapi itu bukan cadangan Yang Berhormat Sri Gading, kekalkan *windfall tax* untuk syarikat-syarikat yang memang sudah untung begitu banyak dengan harga yang kian meningkat. Dulu RM700 sekarang RM3,500 dan mungkin akan meningkat lagi dalam tahun-tahun akan datang. Dan tidak apa, itu mungkin Yang Berhormat Sri Gading anggap satu cadangan yang baik sebab kita dapat cukai dari mereka yang memang boleh membayar cukai, berupaya membayar cukai, tetapi kita mencari satu kaedah untuk memberi balik atau membantu mereka iaitu pekebun-pekebun kecil yang juga terpaksa kini membayar cukai itu. Akan tapi kita cari mekanisme untuk memberikan pengecualian...

Datuk Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Cara yang senang, 300 ekar ke atas kena, 300 ekar ke bawah tidak kena. Boleh Tan Sri?

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Saya akan membawa ini kepada Kabinet.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan Tan Sri. Isu ini Tan Sri saya bawa sebab rakyat yang rata-rata pekebun kecil, mengeluh di atas langkah ataupun pendekatan yang diambil oleh kerajaan untuk mengenakan ses RM50 kepada peladang-

peladang kelapa sawit sebab di kawasan luar bandar khususnya ada mereka ini ada memiliki lima ekar, tiga ekar.

Jadi kalau satu tan RM50 dipotong kalau pendapatan dia lima tan bermakna RM250 bagi orang kampung, itu amat besar Tan Sri. Jadi saya merayu bagi pihak masyarakat pekebun kecil supaya kerajaan membantalkan hasrat untuk mengenakan ses kepada pekebun-pekebun kecil ini. Kepada syarikat-syarikat besar ya, saya setuju kalau boleh naikkan, sebab mereka mengaut keuntungan.

Di Kinabatangan beratus-ratus ribu hektar ladang kelapa sawit, *public listed company*. Tidak ada pun sumbangan kepada rakyat Kinabatangan! Kalau boleh kenakan mereka, RM300 atau RM200 supaya satu pengajaran kepada mereka daripada mengaut keuntungan, mencemar alam sekitar, tidak ada sumbangan kepada rakyat di kawasan saya!

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Takbir!... [*Dewan riuh*][*Ketawa*]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan berbincang perkara ini dalam Kabinet.

Ahli Yang Berhormat Pematang Pauh membangkitkan isu pemberian rebat tunai yang hanya dibuat melalui Pos Malaysia Berhad sahaja dan kenapa tidak dilaksanakan oleh agensi-agensinya kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, Pos Malaysia merupakan salah satu agen pungutan yang menjalankan aktiviti pembayaran bil setempat termasuk pembaharuan lesen dan cukai jalan di samping cukai tanah, transaksi pelaburan Amanah Saham Bumiputera dan sebagainya.

Pos Malaysia mempunyai 686 buah cawangan di seluruh negara yang dilengkapi dengan sistem *online* dengan Jabatan Pengangkutan Jalan atau JPJ, dan mengendalikan 60% daripada aktiviti pembaharuan lesen dan cukai jalan. Oleh itu Pos Malaysia telah dipilih untuk mengendalikan pembayaran rebat tunai kerana telah sedia ada dengan maklumat yang diperlukan untuk memproses permohonan di samping lokasinya yang mudah akses oleh orang ramai.

■1210

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Rasah.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri mengenai dengan keselamatan sistem pemberian balik rebat ini, kerana di Seremban saya ada satu aduan bahawa beliau pergi ke pejabat pos untuk mendapatkan rebatnya, tetapi rebatnya telah diambil oleh orang lain di Melaka.

Jadi, saya rasa ada isu keselamatan di sini kerana ada orang yang mungkin telah menyalahgunakan identiti seseorang untuk mendapatkan rebat itu. Jadi, saya pohon apakah langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak kerajaan supaya memastikan tidak ada orang yang menyalahgunakan identiti seseorang itu? Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Kalau ada kes seperti ini boleh merujuk kepada pihak pos, tetapi kebanyakan dari jumlah yang telah dibayar balik, setakat ini jumlah yang telah dibayar balik ialah RM839.6 juta kepada 1.8 juta penduduk.

Tuan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Isu ini tidak timbul. Ini kali pertama saya mendengar tentang isu yang berhubung dengan salah guna kes ini, tetapi dalam sistem yang ada sebab kita menggunakan IC dan juga *check online* dengan JPJ, tidak sepatutnya timbul isu ini.

Namun, dalam sistem macam mana pun ada juga sekali dua dan itu biasa dan kita akan mengambil tindakan untuk melengkapkan lagi sistem yang wujud.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Serdang bangun Yang Berhormat.

Tuan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta sedikit penjelasan. Saya hendak tahu sama ada Kerajaan Pusat ada membayar apa-apa caj perkhidmatan kepada Pos Malaysia untuk menjalankan tugas ini?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Belum, kita masih berunding dan saya memberi jaminan caj yang dibayar kita akan pastikan adalah caj yang munasabah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Sekiranya perlu, bukan sekiranya perlu. Saya akan memberitahu kepada Parlimen ini jumlah caj yang dibayar kepada pejabat pos.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Kita buat secara *transparent*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana memberi jalan untuk saya bertanya penjelasan sedikit sebanyak.

Mengenai dengan kes ini, bolehkah Yang Berhormat menjelaskan bahawa kenapakah ada banyak syarikat dalam negara kita, Menteri Kewangan ini mesti memilih ECM Libra untuk menguruskan apa yang...

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ECM Libra tidak ada syer langsung. ECM Libra tidak ada satu syer pun dalam pos.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sekejap.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya bagi tahu.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tunggu!

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ECM Libra tidak ada satu syer pun dalam pos.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya belum habis. Jangan melenting Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tak, tak. Saya beritahulah sebabnya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya tahu perkataan ECM Libra ini amat sensitif termasuk menantu pun amat sensitif juga, ya... *[Ketawa]* Nanti dulu. Kenapa berita ataupun khabar mengenai ECM Libra ini amat hangat mengenai dengan kes *road tax* ini, *refund* ini? Kalau ECM Libra tak terlibat, syarikat yang mana terlibat dalam kes ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tak, tak terlibat Tuan Yang di-Pertua. Itu satu fakta boleh *check*. Tak terlibat langsung.

Ahli Yang Berhormat Gombak meminta kerajaan menyatakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pokok Sena Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Isu yang sama Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Isu Yang Berhormat, saya kena habiskan dulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tak, tak. Saya hendak minta penjelasan orang kampung suruh tanya... *[Ketawa]* Depa dok keliru Yang Berhormat, adakah rebat ini hanya untuk tahun ini sahaja ataupun ia berterusan sampai selama-lamanya? Itu dia. Depa kata, depa nak minta penjelasanlah sebab tadi Yang Berhormat kata, minyak tak naik dah sampai hujung tahun ini. Hujung tahun ini pun tinggal lima bulan sahaja lagi... *[Ketawa]*

Jadi, lepas lima bulan tak menentulah. Adakah makna setiap kali harga minyak naik, maka rebat ini akan diberi ataupun rebat ini tetap akan diberikan untuk sepanjang masa?

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Yang Berhormat Pokok Sena, rebat ini diberi untuk satu *cycle* dari bulan April hingga hujung bulan Mac 2009, iaitu rebat ini melindungi semua pemilik kereta. Satu *cycle* dari awal bulan April sehingga hujung bulan Mac 2009.

Kemudian, sama ada kita hendak melanjutkan sistem yang sudah wujud ataupun mencari satu kaedah yang lebih baik untuk memberi bantuan dan subsidi atau pertolongan, itu kita sedang kaji sama ada kita dapat mewujudkan satu sistem yang lebih lengkap, lebih sempurna, lebih adil.

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Soalan sama. Ini bukan soalan orang kampung. Soalan ini saya sendiri. Saya hendak bertanya Yang Berhormat, apakah Yang Berhormat sedar, yang dapat rebat ini kereta 2,000 cc ke bawah. Manakala, ada kereta yang dibeli oleh pengguna di mana katakan kereta 2,500 cc hingga 3,000 cc lebih murah daripada kereta yang dibeli oleh pengguna yang 2,000 cc ke bawah. Namun, kereta 3,000 cc ke atas, 2,500 cc ke atas lebih murah daripada 2,000 cc, *secondhand*, tetapi mereka tak dapat rebat.

Ini boleh dipertimbangkan supaya kereta seumpama ini diberikan rebat juga. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat guna berapa cc Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas]: Saya guna 2,000 cc ke bawah. Rakyat marhaen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey... *[Ketawa]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih Yang Berhormat. Memang dalam pasaran *secondhand* dengan izin, kereta yang cc tinggi lebih murah dari yang cc rendah, tetapi dalam membuat keputusan, kerajaan boleh membuat satu keputusan yang popular untuk memberi semua 300 cc, 400 cc, tetapi hasil yang dikutip oleh kerajaan begitu terhad dan kerajaan terpaksa membuat satu keputusan dari segi perbelanjaan sama ada hendak beri RM625 ini kepada mereka yang mempunyai kereta besar, tetapi dibeli dengan harga murah ataupun memberi lebih kepada mereka yang mempunyai kereta yang cc rendah.

Macam mana kita membuat keputusan pun, mesti ada yang kritik sebab semua tidak kena, tetapi mengikut kebijaksanaan kerajaan mungkin kaedah yang lain lebih bijaksana, tetapi mengikut kebijaksanaan kerajaan kita berfikir, kita memberi rebat ini kepada mereka yang mempunyai kereta cc yang rendah dan kita anggap...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Mungkin anggapan itu tak begitu kena tapi kita anggap dalam membuat keputusan bahawa mereka yang mempunyai kereta yang cc tinggi adalah mereka yang mampu membayar harga petrol yang lebih tinggi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Kuala Krai minta penjelasan sedikit berkenaan dengan perkara yang sama. Mengenai pembayaran rebat melalui Pos Malaysia ini. Kita dimaklumkan bahawa jumlah rebat yang akan dibayarkan adalah RM5 bilion ya Yang Berhormat? Lebih kurang RM5 bilion dan ada pun dalam peruntukan tambahan yang dimohon, dan saya dimaklumkan bahawa Pos Malaysia mempunyai hubungan yang baik dengan Jabatan Pengangkutan Jalan, dan mereka mempunyai senarai yang lengkap mengenai rebat-rebat yang bakal dibayar kepada kereta-kereta kerana senarai itu ada kepada Jabatan Pengangkutan Jalan.

Saya hendak minta penjelasan sama ada betul atau tidak bahawa yang diberikan kepada Pos Malaysia adalah satu jumlah mengikut senarai ini, dan ia akan dibayar apabila tuan empunya

kereta datang. Jikalau wang itu dibagi sekali dan dianggap sebagai habis akan dibayar, tak kira ada *unclaimed* atau tidak, ia akan terus tidak dipulangkan. Itu yang pertama.

Yang keduanya, kita dimaklumkan komisen yang diberikan kepada Pos Malaysia adalah sebanyak 1% daripada jumlahnya. Kita bercakap mengenai RM50 bilion Tuan Yang di-Pertua. 1% bagi RM50 bilion ini, RM50 juta dalam masa setahun *business* Pos Malaysia dapat RM50 juta hanya dengan membayar wang ini kepada orang. Tidakkah ini dirasakan sebagai pengeksploitasian kepada wang rakyat oleh satu-satu syarikat sebegini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Jumlah rebat pada perkiraan terkini Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat ialah RM6.13 bilion. Jumlah ini diberi kepada pejabat pos secara berperingkat-peringkat. Kita tak beri RM6 bilion kepada pejabat pos, kita beri beberapa ratus juta bila habis kita beri lagi.

■1220

Dalam tempoh sehingga penghujung bulan Mac tahun depan, kita hanya memanjangkan kepada Pos jumlah yang mereka bayar, satu sen pun kita tidak bagi lebih. Komisennya memanglah bukan 1%, kita pun tidaklah perlu bayar 1% kepada Pos. Caj itu akan ditentukan berasaskan kepada kerja yang akan dibuat. Saya ingin mengesahkan bahawa ia bukan 1% dan caj ini belum ditentukan, sedang dirundingkan. Segala caj yang diberi akan saya beritahu kepada Parlimen. Itu janji saya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya hendak sambung Saya hendak habiskan..., untuk memberi keadilan kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Mereka yang telah banyak berbincang isu-isu...

Dato' Kamarudin Jaffar [Tumpat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat. Berkaitan dengan rebat ini, ia telah diumumkan oleh kerajaan dalam konteks apa yang dinamakan penstrukturan semula subsidi minyak dan ia dilandaskan kepada kereta, cc kereta, *cycle* tahunan dan sebagainya. Namun kalau dasar kerajaan - sebenarnya penstrukturan semula subsidi, malah Ahli-ahli Yang Berhormat yang bijaksana dalam Dewan ini mengatakan bahawa rakyat masih menanggung konsep yang baru, hakikat yang baru, harga minyak yang melambung tinggi dan sebagainya. Jadi, kalau ia penstrukturan semula, kenapakah pemberian ini dikaitkan dengan kereta, dikaitkan dengan cc kereta, dikaitkan dengan maksimum lima kereta? Kenapa tidak diberikan juga kepada orang yang tidak ada kereta atau orang yang menggunakan komuter? Itu barulah pemikiran semula dan penstrukturan semula!

Kenapa tidak diberikan kepada warganegara yang berumur 20 tahun lebih? 21 tahun lebih? Semuanya diberi. Barulah unsur-unsur keadilan itu jelas dan benar-benar pengertian penstrukturan semula. Kalau tidak kita hanya membantu orang yang sudah ada kereta, orang yang banyak kereta dan cc kereta yang tertentu sahaja. Jadi, ketidakadilan itu lebih ketara kalau dibandingkan jika kita beri kepada semua rakyat selepas umur yang sekian dan sebagainya. Terima kasih.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih, Yang Berhormat Tumpat. Mungkin saya jawab soalan itu kerana banyak juga isu-isu yang berkaitan. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tumpat kerana membangkitkan isu ini.

Tadi ada juga soalan tentang subsidi. Subsidi pada tahun 2007 adalah sebanyak RM8.8 bilion. Oleh kerana harga minyak meningkat dengan begitu mendadak sekali pada tahun ini kerajaan harus membuat satu keputusan. Kalau kita tidak membuat keputusan ada banyak angka yang kita umumkan dan ada banyak lagi angka yang terbaru tetapi yang pentingnya, yang perlu kita sedar bahawa dalam suasana sekarang, subsidi bukan lagi pada tahap RM8.8 bilion. Subsidi akan naik dalam perkiraan baru kalau harga kekal pada USD140 bagi satu *barrel* dan kita tidak berbuat apa-apa iaitu akan melebihi RM31.63 bilion.

Dalam menghadapi masalah ini, kerajaan harus membuat satu keputusan. Kerajaan tahu bahawa dalam keadaan yang bukan sahaja tsunami ekonomi tetapi juga tsunami politik, adalah lebih baik bagi kerajaan membuat suatu keputusan yang popular. Kerajaan mana dalam dunia yang tidak mahu membuat keputusan yang popular!

Kita ada satu pilihan untuk membuat satu keputusan yang popular ataupun membuat satu keputusan yang bertanggungjawab dan beramanah. Kita tahu bahawa mungkin ada banyak pihak yang tidak bersetuju dan akan mengkritik. Namun begitu kalau kita takut dikritik dan membuat satu keputusan yang tidak bijak - hanya untuk menjadi popular, kita akan dikritik oleh generasi akan datang. Kita akan dikritik oleh anak-anak, cucu-cucu dan cicit-cicit kita. Jadi, daripada RM8.8 bilion jumlah subsidi kita akan meningkat. Itu sudah tentu akan meningkat pada tahun ini melebihi RM30 bilion. Angka 8.8 atau 30 itu tidak penting, tetapi ia merupakan satu jumlah yang banyak.

Kita juga tahu bahawa keadaan dunia sudah berubah dan kenaikan harga minyak ini bukan satu keadaan yang hanya akan berlaku pada tahun ini. Kenaikan harga minyak tidak merupakan satu isu *cyclical*, ia sudah menjadi satu isu dengan izin, *structural*. Kita juga tahu bahawa bagi lima atau sepuluh tahun yang akan datang mungkin harga minyak akan kekal tinggi dan mungkin naik ke paras USD200. Ini mungkin berlaku dalam masa yang singkat.

Ini disebabkan oleh kerana banyak perubahan dalam dunia. Pertama, tahun ini adalah tahun pertama pengeluaran minyak lebih rendah daripada penggunaan minyak. Ini tidak pernah berlaku dalam sejarah, ini kali pertama. Kedua, isu-isu geopolitik begitu sengit, Iran, Iraq, Nigeria dan lain-lain. Ketiga ialah pertambahan dalam penggunaan...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Mohon laluan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Pada masa ini negara-negara China dan India telah membangun dan telah melaksanakan projek-projek yang begitu banyak dan mereka ingin menggunakan minyak...

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Penjelasan.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sedang menjelaskan pertanyaan, Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya tidak bagi laluan, biar saya habiskan dulu. Nanti logiknya sudah lari.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tuan Yang di-Pertua, jadi, kita menghadapi satu masalah yang kekal akan dengan kita. Kerajaan harus membuat keputusan. Dengan jumlah hasil yang ada, sama ada kita hendak gunakan jumlah yang besar dari hasil yang ada untuk memberi subsidi kepada mereka yang memerlukan subsidi malah kepada mereka yang tidak memerlukan subsidi, akan menggunakan hasil ini dengan cara yang lebih saksama, adil dan lebih menguntungkan negara dari jangka masa panjang.

Hasil yang kerajaan ada begitu terhad. Bagi tahun 2008 hasil kita hanya sebanyak RM147 bilion. Kalau kita ingin menggunakan hasil ini untuk subsidi kita terpaksa mengurangkan jumlah perbelanjaan kepada perkara-perkara yang lain. Kalau kita tidak mahu mengurangkan perbelanjaan kepada perkara-perkara lain yang juga penting seperti projek-projek, pendidikan, kesihatan, membayar gaji kepada kakitangan, tetapi pada masa yang sama kita ingin mengekalkan subsidi pada tahap yang tinggi, kerajaan ada beberapa pilihan. Pilihan yang pertama kerajaan boleh meminjam. Memang kerajaan boleh meminjam sebab pinjaman kita begitu sedikit berbanding keupayaan kita untuk meminjam. Semua bank akan memberikan pinjaman.

Kita telah mengurangkan defisit kita dari 5.5% kepada 3.2% iaitu dari tahun 2000 sebanyak 5.5%, tahun 2007 sebanyak 3.2%. Pihak bank akan sentiasa tunggu sahaja untuk memberikan pinjaman. Kita boleh meminjam, tidak ada masalah, RM10 bilion, RM20 atau RM30 bilion tetapi amalan bank - adat bank ialah mereka memberi pinjaman kepada mereka yang tidak memerlukan pinjaman. Kalau kita kaya dan selesa mereka akan datang memberikan pinjaman.

■1230

Kalau kita dalam keadaan susah, kita pergi ke bank hendak pinjam, mereka tidak akan memberikan pinjaman. Itu tadi cerita CTOS, kita susah mereka tidak akan memberikan pinjaman. Satu hari nanti, sekiranya kita terus meminjam RM20 bilion, RM30 bilion, defisit jadi 6% - 7%, satu hari nanti bank tidak akan memberikan pinjaman sebab *credit rating* kita yang kini 'A', akan

turun ke *triple B* dan di bawah akan mungkin turun ke tahap lebih rendah dari *triple B* dan dianggap sebagai *junk bon* dan bank tidak akan memberikan pinjaman.

Dalam keadaan keluarga kalau kita ambil contoh keluarga. Kalau keluarga tidak dapat meminjam dari bank, tidak dapat menggunakan *credit card* seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, mereka akan menggunakan *Ah Long*. Mereka akan meminjam dari *Ah Long*. Dalam keadaan negara pun sama. Kalau kita meminjam begitu banyak dan perlu membayar balik dan bank tidak ingin memberi pinjaman tambahan, kita juga terpaksa cari *Ah Long*. *Ah Long* antarabangsa kita, tahu siapa dia, IMF. Dalam keadaan begitu susah, dalam tahun 1997/1998 pun...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Pembangkang suka IMF.

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Dalam keadaan susah itu pun, kita negara terulung. Hanya negara Malaysia tolak IMF. Negara lain semua terpaksa menyerahkan kedaulatan negara, menyerahkan maruah bangsa, untuk mendapatkan sedikit duit dari IMF untuk memulihkan ekonomi. Kita tidak, kita tolak IMF. Tidak ada negara lain yang tolak IMF dalam keadaan sebegitu sengit itu. Akan tetapi kalau kita masih boros, masih hendak joli, ambil duit bagi sahaja kepada siapa-siapa untuk jadi popular, kita akan menghadapi satu keadaan di mana kita terpaksa meminjam dari IMF.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak bangun.

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Sebab itu kita hendak elak..

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan boleh?

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Saya tidak bagi laluan. Saya hendak habiskan dahulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Ketawa]

Tan Sri Nor Mohamed Yacop: Itu kita hendak elakkan dan juga orang kata okey, kita faham tidak boleh pinjam banyak sangat. Kita harus berhemah, tetapi takkan kita tidak boleh pakai duit Petronas. Bukankah Petronas ada?

Saya ingin memberi sedikit penjelasan tentang Petronas, Tuan Yang di-Pertua. Petronas kini telah wujud selama 34 tahun, 35 tahun. Petronas mula ditubuhkan pada tahun 1974 dan kini 35 tahun. Sumber yang ada akan bertahan hanya 20 tahun. Kalau kita umpamakan Petronas sebagai seorang manusia, dia berumur 35 tahun. Dalam 20 tahun dia akan pencen, 55 tahun dia pencen. Kalau kita menggunakan segala sumber Petronas yang ada. Selepas 55 tahun seperti orang, bila dia pencen tidak ada duit langsung untuk kerajaan, dia pencen terus. Petronas akan pencen dan tidak lagi berguna kepada kerajaan.

Sebab itulah kita fikir bahawa adalah lebih berfaedah kepada negara, kepada anak-anak kita, cucu-cucu kita, cicit-cicit kita sebab kita tidak menggunakan segala keuntungan laba Petronas untuk hanya kepada generasi ini. Kita memberi peluang kepada Petronas untuk melabur sedikit supaya selepas 20 tahun pun, selepas Petronas pencen pun, ada pendapatan

dari sumber luar negara. Kita tahu dari statistik kita bahawa jumlah penyumbangan Petronas kepada negara ialah RM332 bilion sejak tahun 1974.

Bila kita kira balik, kalau Petronas tidak melabur di mana-mana pun, dari tahun 1974 sehingga sekarang, ambil semua untung bagi kepada kerajaan, hanya RM160 juta. Kalau dia ambil duit untung bagi dekat kerajaan, tidak melabur di tempat-tempat lain. Oleh sebab Petronas melabur, kita dapat *double, more than double* dengan izin, dari apa yang sepatutnya kita dapat. Kita boleh menggunakan duit Petronas. Segala keuntungan Petronas dan lebih dari itu kita boleh jual aset-aset Petronas untuk memberi subsidi kepada semua pihak termasuk mereka yang tidak memerlukan subsidi jadi popular. Akan tetapi, adakah ini satu tindakan yang bertanggungjawab, yang beramanah untuk kita lakukan kepada generasi akan datang. Ini penting bagi saya Tuan Yang di-Pertua. Ini penting sebab ini konsep tanggung jawab dan amanah. Banyak juga yang telah memberi pendapat tentang perkara ini.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Boleh bagi ruang sedikit?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tidak, tidak beri laluan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Sedikit. Tan Sri bangkitkan perkara baru dan saya minta.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Tidak, tidak beri laluan. Selepas ini, selepas ini..

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Timbal balas ini membantu kita Tan Sri memahamkan Dewan.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Sedikit lagi, sedikit lagi, saya habiskan cerita ini.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Boleh bagi?

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Boleh selepas ini. Oleh sebab kerajaan yang diberi mandat dan juga Ahli-ahli Dewan Rakyat yang diberi mandat bukan sahaja kerajaan. Kita semua dalam, dengan izin, *the same boat*. Kita diberi mandat, semua kita untuk beramanah, bertanggungjawab, bukan hanya kepada 27 juta rakyat penduduk negara pada masa ini. Kita semua diberi mandat tanggungjawab untuk bertanggungjawab dan beramanah kepada generasi-generasi sekarang dan juga generasi-generasi akan datang.

Ini mandat kita dan kita harus mencari satu kaedah yang lebih baik. Saya bersetuju bukan kerajaan tahu jawapan untuk semua perkara. Kita mungkin harus mencari satu kaedah yang lebih baik. Akan tetapi dalam isu subsidi, sistem yang ada sekarang, subsidi juga diberi kepada pihak yang tidak memerlukan. Mereka yang mempunyai rumah yang begitu besar, *air conditioner* yang begitu banyak. Mereka juga diberikan subsidi dan mereka yang kaya menggunakan subsidi lebih dari mereka yang miskin dalam sistem itu. Itu yang kita hendak menstrukturkan semula. Itu satu *point* yang begitu baik dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tumpat.

Jadi dalam sistem ingin menstrukturkan semula subsidi, apa yang kerajaan fikirkan untuk membuat ialah untuk meningkatkan harga minyak kepada harga pasaran supaya semua bayar

harga pasaran dan kerajaan mencari satu kaedah untuk membayar balik sedikit bantuan, untuk memberikan bantuan kepada mereka yang berpendapatan rendah supaya selepas sistem penstrukturan semula mereka yang mampu bayar, bayar harga pasaran dan mereka yang tidak mampu bayar, sungguhpun mereka bayar harga pasaran dapat bantuan balik kepada keadaan asal...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Dalam sistem yang baru juga saya *check* semula supaya mereka yang menggunakan sistem ini, penyeludup yang menyeludup minyak dan diesel, dan memberi faedah kepada bukan warganegara kita, kepada warganegara Singapura, Thailand, Indonesia, semua dapat faedah dan keuntungan serta penyeludup jadi makin lebih kaya, tidak dapat berbuat demikian sebab sistem ini satu sistem yang efisien yang berasaskan kepada harga pasaran. Akan tetapi kepada mereka yang memerlukan, kita memberi.

Jadi kerajaan perlu mencari satu kaedah. Kita berfikir tentang banyak cara untuk melaksanakan sistem ini. Mungkin dari segi teori, satu cara yang baik ialah mungkin kita gunakan MyKad, kita cari mereka yang daif, yang miskin yang juga berpendapatan rendah mungkin RM3,000 ke bawah. Kita memberi mereka satu cara *purse* dalam MyKad dan mereka boleh menggunakan *purse* dengan izin, untuk membeli petrol ataupun mungkin juga untuk membeli barang lain supaya kenaikan harga tidak membebankan mereka sebab mereka diberikan bantuan secara khusus oleh kerajaan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Kita cari kaedah untuk melaksanakan sistem ini tetapi sistem ini sebab satu sistem yang baru akan memakan masa yang begitu panjang. Kita diberitahu bahawa sekurang-kurangnya enam bulan untuk melaksanakan satu sistem yang komprehensif ini. Kita tidak ada masa sebab harga naik dengan begitu mendadak. Jadi kita kena cari satu sistem yang lain yang memang saya akui tidak lengkap...

■1240

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Saya habiskan dulu. Tidak lengkap, tidak begitu sempurna tetapi oleh keran kerana kesuntukan masa, kita mesti mencari satu sistem yang menjadi proksi yang dapat mencapai tujuan yang sama tapi bukan secara sempurna.

Dan kita pilih sistem bayar balik rebat kepada kereta sebab kita mendapati bahawa banyak juga penduduk Malaysia mempunyai kereta atau pun motosikal tapi bukan semua tetapi kebanyakan. Dan sudah wujud sistem pembaharuan *road tax*, sudah wujud satu sistem yang juga sistem komprehensif JPJ ada data, dan pos, ada sistem *online* dengan JPJ. Jadi hanya sistem JPJ *road tax* yang wujud yang dapat digunakan oleh kerajaan pada masa itu. Kalau ada satu sistem yang lebih lengkap, lebih sempurna, kerajaan akan menggunakan sistem itu...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Sikit lagi. Sikit lagi. Hendak habis sudah.

Jadi itu pada masa kini ini kita gunakan sistem tetapi mereka yang tidak mempunyai kereta memang ada, tapi satu aspek yang mungkin sebelum ini kita tidak begitu *highlight* ialah dalam meningkatkan harga ini, kita kekalkan harga diesel.

Sebelum penstrukturan semula subsidi ini, harga diesel untuk sektor pengangkutan ialah RM1.43 sen. Harga biasa yang kita jual, harga subsidi yang kita jual pada pihak lain RM1.58 sen. Jadi perbezaan di antara RM1.58 sen dengan RM1.43 sen ialah 15 sen sahaja. Dan bila kita meningkatkan harga diesel kepada RM2.58 sen, kita meningkat RM1, kita kekalkan harga kepada sektor pengangkutan pada tahap pada harga RM1.43 sen, kita tidak naikkan langsung. Jadi perbezaan sekarang ialah RM1.15 sen, dan ini kita buat sebab kita mahu mewujudkan satu sistem pengangkutan yang lebih selesa, supaya mereka yang berkecimpung dalam sistem dalam sistem pengangkutan awam tidak perlu menaikkan harga. Dan dari 5 bilion liter diesel yang dijual tiap-tiap tahun, 4 bilion adalah untuk sektor pengangkutan. Jadi untuk 80 peratus daripada penjualan diesel, tidak ada kenaikan harga. Harga masih kekal kepada RM1.43 sen. Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin...

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Satu *point* sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat .

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Mungkin ada satu lagi kaedah yang kita boleh gunakan untuk memberi subsidi tapi pada masa yang sama tidak meminjam atau tidak menggunakan duit Petronas banyak sangat. Kita menggunakan duit Petronas begitu banyak tapi kita masih memberi sedikit ruang dan peluang untuk Petronas melabur ialah untuk menaikkan cukai. Mungkin satu kaedah secara teori ialah menaikkan cukai, tetapi seluruh dunia menurunkan cukai, kepada cukai yang lebih rendah untuk menarik pelaburan. Kita telah menurunkan cukai daripada 28 peratus kepada 25 peratus, dan tidak ada ruang juga untuk menaikkan cukai...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat .

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Jadi dari perbincangannya ini... *last point*, dan *point* yang ingin saya tekankan adalah bahawa kerajaan membuat keputusan ini untuk menstrukturkan semula dengan mengambil kira kekangan-kekangan yang wujud dan dengan mengambil kira juga kepentingan dan hak generasi masa depan kita. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dua persoalan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada dua perkara yang menarik perhatian Yang Berhormat Tan Sri berhubung

dengan perkara ini. Satu, usaha yang dilakukan ialah untuk menstrukturkan semula supaya orang miskin, orang susah yang digambarkan melalui pemilikan kenderaan CC rendah hendak diberikan bantuan dalam bentuk rebat. Saya setuju, tetapi bagaimana Tan Sri lihat bahawa kenaikan harga minyak ini, golongan yang mempunyai kenderaan mendapat rebat, dapat bantuan begitu tapi bagaimana orang yang tidak mempunyai kenderaan, orang miskin. Mereka ini tidak fasal-fasal menanggung akibat daripada kenaikan harga ini dalam bentuk inflasi.

Bila harga minyak naik umpamanya, harga barang naik. Harga ikan naik; harga sayur-sayuran naik; harga itu naik. *Grandmother, auntie, uncle* dengan izin, dahulunya membeli ikan dengan harga mungkin RM8 sekilo tetapi hari ini membayar, membeli ikan kembung, RM12 sekilo. Kenaikan harga ikan ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga minyak dan dia juga tidak mempunyai kenderaan, dia juga tidak dapat rebat tapi *as a result* dengan izin, *as a result of the price increase, that is also increase other goods, which cost...*, dengan izin....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Apa nama Yang Berhormat ? Inflasi.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Inflasi okey. Ini orang kampung, ramai di kampung-kampung yang tidak ada kenderaan. Beratus ribu mereka. Ini saya harap pihak...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kuala Selangor duduk. Kuala Selangor.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya harap pihak kerajaan ambil perhatian kepada perkara ini supaya mereka ini dibantu juga. Dibantu. Kalau tidak rebat, dapat bantuan akibat tindakan kita menaikkan harga minyak yang menjejaskan kehidupan mereka, satu. Keduanya, saya bersimpati dengan kerajaan. Yang Berhormat Tan Sri yang sebut tadi jangkaan pendapatan negara ialah RM147 bilion dan dengan itu kita sekarang ini membayar subsidi sekian banyak. Dan kalau naik lagi harga minyak dunia, mungkin subsidi akan jadi lebih besar lagi, RM30 bilion, RM40 bilion tetapi saya hendak menarik perhatian Berhormat Tan Sri, bagaimana kalau berlaku *recession*, bagaimana kalau berlaku *depression*, bagaimana kalau berlaku *stagflation*... *[Dewan Riu]* *[Disampuk]*

Kalau berlaku ini, adakah kita boleh dapat, bolehkan kita... *No erection...* *[Ketawa]* *Erection is somebody else, not me...* *[Ketawa]* Kalau berlaku suasana senario ekonomi sedemikian, bagaimana kerajaan boleh mencapai matlamat untuk mendapatkan pendapatan sebanyak RM147 bilion. Mungkin cukai pendapatan, *corporate tax* akan menurun, *excise tax, sales tax*, apa *tax* mungkin menurun. So dalam keadaan begitu, saya rasa begitu gawat sekali keadaan kewangan kerajaan. Kalau begitu, macam mana dalam senario begitu gawat, yang mungkin akan berlaku dalam tempoh setahun atau dua tahun ini, apa perancangan kerajaan untuk menghadapi kegawatan ini. Ini dua *input* saya hendak menarik perhatian.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Persoalan yang sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sambungan tadi, tidak panjanglah. Cuma Yang Berhormat dulu adalah penasihat ekonomi, di waktu Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, dan Yang Berhormat sebut mengenai dengan rejim kewangan di mana dulu kita tidak menerima bantuan IMF iaitu pada zaman Tun Dr. Mahathir. Kemudian Petronas maju dalam tempoh 22 tahun pada zaman Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri, pendapatan luar Petronas adalah banyaknya daripada negara Sudan yang waktu itu, bekas Perdana Menteri fokus sendiri tentang kemajuan Petronas.

■1250

Soalan saya, dalam kerajaan mencari macam-macam jalan penyelesaian bersabit dengan kenaikan harga petrol ini, tidakkah Yang Berhormat dan kerajaan bertemu dengan bekas Perdana Menteri, bertanya tentang rejim pemikirannya sebab saya membaca dalam *blog* nya, macam-macam cadangan dan macam-macam ingatan yang beliau bagi sehingga Petronas pun dia risau, takut apa yang ada dalam Petronas pun habis. Ini cadangan.

Jadi soalan saya, dulu ada MTEN, Majlis Tindakan Ekonomi Negara, apakah tidak digunakan pendekatan dengan mendapatkan berbagai-bagai pandangan daripada golongan-golongan yang berwibawa dan merumuskan dasar termasuk pemikiran kepada Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir. Saya rasa tidak ada ruginya tentang pandangan-pandangan beliau ini yang boleh digunakan oleh kerajaan sebab kita ini bukan semua pandai, retorik bolehlah, tetapi *everything must work through experience*. Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, ini ada hubung kait.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya cukup tekun mendengar dan sehingga kini saya masih belum dapat lagi mendengar jawapan-jawapan yang saya kemukakan pendakwaan ataupun *acquisition* yang saya kemukakan dalam hari kedua pembentangan saya.

Perkara yang telah disebutkan, juga Pasir Salak ada menyebutkan sebentar tadi, bukan hanya dengan penstrukturan semula subsidi ini, kerajaan telah membuka luas, *open the flood gate of the inflation*, tetapi saya telah sebutkan di Dewan yang mulia ini, apa yang disebutkan oleh para ahli ekonomi sekarang ini sebagai *stagflation*. Apabila berlaku penurunan mendadak, pertumbuhan yang akan mencetuskan pengangguran yang di luar jangkaan, kesemua ini adalah kerana justeru tindakan dalam empat jam mesyuarat Kabinet membawa hari bersejarah 5 Jun yang lalu, penarikan semula subsidi, kenaikan harga bahan api ini.

Sehingga kini saya nampak dan Dewan ini juga tahu perkara ini bukan mudah, tidak boleh diselesaikan dengan retorik. Saya sokong Pasir Mas untuk dibawa, digembleng seluruh kepakaran di negara ini, mahupun yang di luar, kalau boleh kita jemput dalam MTEN, dalam satu kokus, dalam satu wacana, satu *brainstorming* untuk menyelesaikan perkara ini, tetapi apa yang menjadi malang, yang saya sebutkan dalam pembentangan saya baru-baru ini, apa yang menjadi malapetaka ekonomi negara ini tatkala keputusan itu dibuat, satu *thinking through* belum dapat sehingga kini dijelaskan oleh kerajaan yang mana jelasnya apabila kita bercakap tentang rebat, tentang apa jua cara yang merupakan *stock gap measure* sebenarnya. *No thinking through*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Maka dengan kata lain, apa yang kita saksikan hari ini setelah yang saya sebutkan dahulu sebagai *fatal remedy* dalam Kerajaan Barisan Nasional ini dengan memberikan, mengemukakan *solution* ini, kita sudah tidak lagi mampu mengawal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua. Setelah kita buka, dengan izin, pintu kandang lembu ini, setelah bertempiran lari lembu, kita hendak menghambat balik lembu sudah susah. Apakah penyelesaian, kalau boleh, kita tidak dengar lagi, dalam persoalan hendak mendapatkan *progressive subsidy*. Kita bercakap hanya tentang rebet kereta tetapi yang telah tercetus adalah keseluruhan ekonomi terjejas dengan tindakan ini.

Apakah kita mahu menyelamatkan RM13.7 bilion? Hingga hari ini, saya hitung-hitung, sudah sampai RM13.7 bilion dengan rebetnya, dengan segala-galanya, dengan 10% elaun hiburan, *entertainment* nya, tetapi penyelesaiannya saya belum dengar daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kita bersedia untuk mengembleng seluruh tenaga, bukan hanya empat jam mesyuarat Kabinet dengan segala kepakaran yang ada untuk selesaikan perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, Yang Berhormat, cukup, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya minta untuk Yang Berhormat beri penjelasan.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat Menteri.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Speaker...

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan, Yang Berhormat.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak tentang isu yang dibangkitkan. Saya tahu kawasan Pasir Salak sendiri

adalah satu kawasan yang banyak penduduk yang berpendapatan rendah dan juga memerlukan pertanian moden dan Yang Berhormat Pasir Salak telah meminta beberapa kali supaya kawasan Pasir Salak diberi bantuan dan saya ingin mengumumkan di sini bahawa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, kita akan memberi dan meluluskan projek infrastruktur pengairan dan saliran untuk kawasan Pasir Salak sebab banyak penduduk yang memerlukan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih banyak.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: Isu yang telah dibangkitkan adalah penting. Apa akan berlaku kalau Amerika Syarikat mengalami satu *recession*, *depression*, *stagflation*, apa-apa "flation", apakah kita mempunyai keupayaan untuk mengatasi masalah ini? Ini soalan yang penting sebab yang akan menentukan, yang akan membezakan sebuah negara yang dapat maju dalam suasana ini, suasana dengan cabaran yang begitu sengit ini dan sebuah negara yang tidak akan maju ialah sama ada negara itu mempunyai fleksibiliti.

Oleh sebab itulah begitu penting kita mempunyai disiplin pada masa ini supaya bila sampai masa *depression* atau *stagflation*, kita ada fleksibiliti untuk meminjam lebih, untuk menggunakan keuntungan Petronas lebih untuk memulihkan ekonomi. Kita harus memastikan bahawa kita mempunyai fleksibiliti. Inilah tujuan kerajaan supaya kita mendisiplinkan sedikit urusan kewangan kerajaan supaya pada masa hadapan bila berlaku *recession* atau *depression*, kita dapat meminjam lebih pada tempoh waktu yang singkat ataupun mengguna keuntungan Petronas yang lebih.

Bagi mereka, orang miskin yang dibebani oleh kenaikan harga, kerajaan sedang mengkaji satu sistem, *social safety net*, dengan izin, supaya lebih banyak bantuan dapat diberi kepada mereka yang memerlukan bantuan. Itu tidak jadi isu. Kerajaan memang ikhlas hendak memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan bantuan, tetapi dalam sistem subsidi yang dipertahankan oleh banyak pihak, mereka yang tidak memerlukan subsidi juga diberi bantuan. Lebih baik kita menggunakan duit yang ada, hasil yang ada untuk memberi subsidi kepada mereka yang memerlukan subsidi.

Oleh kerana kesuntukan masa, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ada banyak lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya punya dia belum jawab lagi.

Tan Sri Nor Mohamed Yakcop: ...Yang mengemukakan pandangan serta saranan untuk perhatian kementerian.

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Tan Sri boleh sambung sampai petang.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Pasir Mas punya tidak jawab lagi.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Banyak lagi, banyak lagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Boleh, boleh, kita sambung sampai malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kementerian boleh menjawab secara bertulis, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kita sambung sampai malam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita sambung sampai malam pun dalam keadaan begini, tidak selesai. Saya minta agar isu-isu yang dibangkitkan boleh dijawab secara bertulis.

Beberapa Ahli: Mana boleh.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Ini kementerian yang sangat penting, isu yang penting, Tuan Speaker.

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Lebihkan Kementerian Kewangan, kurangkan kementerian lain. Tidak ada masalah.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya tidak minta Menteri Kewangan untuk berhenti, tetapi Kementerian Kewangan sudah menggulung perbincangan, Yang Berhormat.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Menteri bagi laluan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia habis sudah.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Menteri bagi laluan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak boleh begitu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terlalu banyak isu-isu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kalau tidak mahu jawab, lebih baik tidak payah mari, bagi jawapan kepada semua, Tan Sri.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak payah buat kajian separuh penggal ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Saya ingat begitu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tidak payah tentang laporanlah begitu.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, menteri menyerahkan kepada budi bicara budi Tuan Yang di-Pertua untuk menggulung lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak memanggil untuk memberhentikan Yang Berhormat Menteri, tidak ada, Yang Berhormat. Saya tidak panggil, tetapi Yang Berhormat Menteri sudah gulung. Saya tidak panggil lagi. Tidak ada pun arahan hendak gulung.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apalah. Saya melihat keadaan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak, Tuan Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita *extend* dua jam pun untuk Kementerian Kewangan, banyak juga perkara yang tidak terjawab dan perkara-perkara baru yang akan dibawa oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Maknanya...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Ini perkara besar. Ini paling besar, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kementerian sudah menggulung, kita minta mana-mana perkara yang dibangkitkan, yang belum dijelaskan, agar dijelaskan secara bertulis.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Kalau begitu, lebih baik kita buat sistem jawab terus bertulis sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh buat arahan macam itu, Yang Berhormat Pokok Sena. Tidak ada arahan macam itu.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya faham.

Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]: Menteri mengizinkan, Tuan Yang di-Pertua, menteri mengizinkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak memberhentikan, Yang Berhormat Kubang Kerian.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tuan Yang di-Pertua, menteri minta izin untuk sambung sebelah petang. Tuan Yang di-Pertua macam mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sekarang masuk jam 1 petang... *[Disampuk]* Yang Berhormat, masuk jam 1, kita tangguh mesyuarat hingga jam 2.30 petang ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Sambung?

Beberapa Ahli: Sambung, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia sudah gulung.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Tidak, tidak, dia kata kalau Tuan Yang di-Pertua beri, dia akan sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia akan menjawab. Yang Berhormat akan menjawab secara bertulis.

Beberapa Ahli: Sambung, sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tangguh mesyuarat hingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat di sambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

■ 1430

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri Pertahanan.

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Oleh kerana tadi Yang Berhormat Menteri Kewangan belum...

Tuan Yang di-Pertua: *Point of order*, Yang Berhormat Wangsa Maju, *point of order*, mana?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itulah *point of order* sebab dia tak jawab langsung *point-point* yang kita bangkit dua, tiga hari ini. Dia tak jawab langsung, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wangsa Maju, *point of order*, mana? Yang Berhormat Wangsa Maju, kalau seseorang Ahli Yang Berhormat berdiri, selepas itu menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua mengenai *point of order*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itulah *point of order*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Beritahu saya, *point of order* berapa Yang Berhormat...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu lah *point of order* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai pengetahuan Ahli Yang Berhormat, apa pun persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, menteri sebetulnya tidak mandatori untuk menjawab segala yang diutarakan dan apabila itu tidak dijawab, ia cuma mencerminkan bahawa seseorang menteri itu, betul dapat bekerja dengan baik atau tidak, kadang-kadang soalan-soalan yang dikemukakan itu tidak payah untuk dijawab kerana dalam sesi *clarification...*, *point of clarification*, itu bukan perbahasan. Saya perhatikan apa yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat ialah fakta-fakta baru yang dibawa, yang tidak ada kena-mengena dengan jawapan menteri. Itu adalah menimbulkan satu suasana perbahasan baru, sedangkan ini adalah penggulangan perbahasan.

..

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu *point-point* yang kita bangkitkan masa perbahasan, bukannya semasa tadi. Ada banyak soalan yang ditimbulkan di sini, oleh ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tetapi tidak dijawab oleh menteri. Menteri sendiri tadi kata, kalaulah Tuan Yang di-Pertua memberikan peluang, beliau akan jawab tetapi Tuan Yang di-Pertua tadi tidak beri peluang untuk beliau jawab lagi. Dia kata petang ini pun dia boleh jawab semua soalan Ahli-ahli Yang Berhormat. Itu yang penting. Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Gombak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, menyambut daripada teman saya daripada Wangsa Maju, saya ingin mendapat sedikit penjelasan. Dalam kita membahaskan *Midterm Review* tentang RMK-9 ini, persoalannya bukan soal perbelanjaan atau implikasi kewangan, ianya lebih terjurus kepada soal pengarahannya polisi yang kita hendak *review*, kaji semula, apakah destinasi kita untuk memastikan dalam *review* ini, sasaran kita, matlamat kita dapat kita capai sepanjang tempoh yang telah ditetapkan.

Justeru itu, saya rasa Kementerian Kewangan, terlibat secara langsung dalam menjawab perbincangan RMK-9 ini, dan saya kira Tuan Yang di-Pertua seharusnya menggunakan kebijaksanaan untuk memastikan Kementerian Kewangan sebagai satu kementerian yang paling kanan di antara kementerian-kementerian yang lain, diberikan masa yang lebih panjang untuk membahaskan isu-isu dan dasar-dasar kewangan negara dalam konteks kita membahaskan RMK-9 ini. Kita boleh gunakan kebijaksanaan untuk memastikan kementerian yang lain ini diberikan masa yang kurang sedikit daripada Kementerian Kewangan. Kalau tidak, ianya tidak dapat mencapai matlamat kita menggunakan Dewan ini untuk berbahas isu yang lebih besar bagi kepentingan rakyat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Pahat, adakah ini *point of order* juga?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ya, Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya sendiri merasa dukacita kerana menteri yang bertanggungjawab tiba-tiba berhenti tanpa memberi peluang sebab banyak perkara yang perlu dibangkitkan sebab ini isu yang penting, soal Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Jadi, saya fikir ini adalah satu isu yang sepatutnya diberi pertimbangan semula sebenarnya sebab kita tadi memang rasa kecewa kerana tidak dapat peluang untuk memohon lebih banyak penjelasan kerana ini adalah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya harap ada sedikit pertimbangan Tuan Yang di-Pertua... [*Tepuk*].

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Batu Pahat, perlu saya jelaskan di sini, satu perkara iaitu tanggungjawab Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan-Timbalannya adalah mempengerusikan sesi sewaktu dalam perbincangan atau pun sewaktu persidangan. Tugas Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan-Timbalan Yang di-Pertua tidak termasuk untuk memaksa untuk menteri-menteri untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan. Menteri-menteri mempunyai pilihan sama ada menjawab atau tidak. Akan tetapi, kalau seseorang menteri itu tidak menjawab, atau memberikan jawapan yang sedemikian, ianya cuma mencerminkan, bagi pendapat saya, sama ada menteri yang berkenaan prihatin dengan apa yang telah diajukan atau tidak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya bantu sedikit. Dalam konteks Menteri Kewangan sebentar tadi, beliau bersetuju untuk memanjangkan tempoh penjelasan di kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat, dengan syarat Tuan Yang di-Pertua

membenarkan situasi pada ketika itu. Jadi, dalam konteks ini, saya ingat, tidak timbul soal menteri tidak mahu menjawab. Beliau bersedia dengan syarat Tuan Yang di-Pertua membenarkan lebih banyak ruang diberikan kepada menteri untuk ada perbahasan dan penjelasan daripada Ahli-ahli Dewan Rakyat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam soal ini, walaupun saya tidak duduk, umpamanya pada suatu persidangan, saya berada dalam bilik dan saya mengikuti semua perbahasan Saya mengikuti tadi sewaktu penggulungan Menteri Kewangan II, ada perkara-perkara yang ditimbulkan dan menurut beliau, dia akan jawab pada akhir sewaktu menjawab. Jadi saya tak nampak pun bahawa Timbalan Yang di-Pertua yang tadi mempengerusikan sesi persidangan mengehendak masa.

Dalam semua aspek dalam persidangan, sememangnya kebijaksanaan perlu kita tonjolkan. Dan selama ini pun kebijaksanaan daripada Kerusi ini telah kita tunjukkan. Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat juga, dalam sesuatu hal seperti ini, perlu untuk menunjukkan kebijaksanaan di mana kalau umpamanya ada perkara-perkara yang tidak perlu untuk ditimbulkan pada suatu ketika, jangan timbulkan. Jangan habiskan masa kerana dalam sesuatu persidangan pun, kalau kita bersidang sepanjang 365 hari setahun, tidak mungkin kita mampu untuk memuaskan kehendak Ahli-ahli Yang Berhormat.

Saya tidak nampak bahawa Menteri Kewangan ada di sini, jadi apa lagi kebijaksanaan yang perlu saya buat dalam soal begini? Kalau saya perlu mempertimbangkan pun, siapa yang harus saya panggil?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya rasa Menteri Kewangan boleh sebentar lagi, selepas Menteri Pertahanan menjawab, Tuan Yang di-Pertua boleh memanggil beliau datang memberi jawapan.

■1440

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Wangsa Maju, saya cadangkan beginilah oleh sebab Menteri Kewangan tidak ada di sini, saya cadangkan supaya kalau ada pegawai-pegawai yang mendengar di sini, mana-mana isu yang telah ditimbulkan tadi yang belum dijawab, kalau boleh silalah kementerian berkenaan untuk menjawab isu-isu itu melalui secara bertulis.

Jadi lain kali kita sama-sama mengambil iktibar dalam soal ini supaya menteri-menteri yang lain janganlah jawab perkara-perkara yang tidak ditimbulkan oleh Ahli Yang Berhormat untuk menjimatkan masa. Ini kerana saya dapati bahawa dengan segala hormatnya kepada menteri-menteri ini, *with all respect to them*.

Perkara-perkara yang tidak ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pun mereka hujah dan mereka keluarkan sewaktu berbahas semata-mata mungkin oleh sebab menunjukkan bahawa mereka ini tahu apa yang mereka buat. Itu kita tidak persoalkan tetapi untuk menjimatkan masa, *please* jangan hujahkan perkara yang tidak ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, satu tambahan. Dalam perkara ini saya kira saya mempertahankan Menteri Kewangan kerana jawapan yang diberikan tadi bagi saya cukup baik dan dapat kita memahaminya secara menyeluruh untuk kita kongsi dengan rakyat. Oleh sebab sekarang ada permintaan bukan sahaja daripada Pakatan Rakyat tetapi juga daripada Batu Pahat dan teman-teman yang lain.

Sekali lagi saya pohon Tuan Yang di-Pertua untuk gunakan kebijaksanaan Tuan Yang di-Pertua, membenarkan Kementerian Pertahanan mendahulukan jawapan bagi pihak kementerian. Jikalau boleh dipanggil semula Menteri Kewangan untuk meneruskan beberapa penjelasan, isu-isu yang besar yang terkandung di dalam kajian semula RMK-9 dan juga perbahasan yang dibuat oleh teman-teman daripada Ahli-ahli Yang Berhormat. Ini kerana saya merasakan sekali lagi Tuan Yang di-Pertua ini satu kementerian yang cukup penting yang terlibat secara langsung dalam perbahasan ini.

Sudah tentulah penjelasan secara bertulis berbeza dengan perbahasan yang berlaku dalam Dewan Rakyat ini. Saya menghormati pegawai-pegawai Kementerian Kewangan yang hadir pada hari ini. Akan tetapi perbahasan dari kalangan Ahli-ahli Dewan Rakyat termasuk daripada Barisan Nasional harus diberikan keutamaan dalam membahaskan RMK-9 ini. Saya pohon dan rayu kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Saya faham itu dan saya tidak berniat juga untuk mempertahankan siapa-siapa menteri. Harus saya perjelaskan di sini, tugas kami sebagai Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua bukan mempertahankan siapa-siapa. Kami duduk di sini untuk mempertahankan *standing order*, jangan ianya di *abuse*.

Dalam soal ini saya tidak mempunyai masalah kalau umpamanya Menteri Kewangan itu sendiri mahu juga datang balik untuk menjawab persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan dan belum dijawab, saya tidak ada masalah dengan soal begitu. Akan tetapi mohon juga kerjasama daripada menteri-menteri lain, sewaktu menjawab nanti seperti yang saya sebut ringkaskan dan padatkan kepada persoalan yang telah ditimbulkan.

Saya harap juga daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain sama ada yang duduk di sebelah kiri saya ataupun yang duduk di depan sana terutama sekali daripada BNBBBC, tolong sewaktu minta penjelasan daripada menteri, minta sahaja penjelasan yang relevan. Iaitu persoalan-persoalan yang telah timbul sewaktu perbahasan dan daripada jawapan menteri untuk kita menjimatkan masa kerana kita cuma mempunyai tiga hari untuk menggulung perbahasan Kajian Separuh Penggal RMK-9.

Jadi saya tidak ada masalah dengan soal itu kalau umpamanya menteri yang berkenaan sanggup untuk datang balik kerana saya tidak nampak di mana kecacatan celaan *standing order* dalam soal itu kecuali ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang mempunyai pendapat bahawa itu tidak boleh dibuat, ianya bercanggah dengan *standing order*. Sila, Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah mendengar ucapan Tuan Yang di-Pertua dengan jelas, banyak kali menyentuh perasaan seolah-olah saya tidak tahu sama ada Tuan Yang di-Pertua maksudkan saya salah seorang daripada Ahli Dewan yang tidak tahu berbahas. Tuan Yang di-Pertua selalu kata jangan bangkitkan perkara yang tidak ada kena-mengena, jangan itu, jangan ini dan membuang masa Dewan. Saya rasa elok Tuan Yang di-Pertua spesifik siapa dia Ahli Dewan yang menyalahgunakan proses *standing order* dan sebagainya supaya berlaku adil. Saya tidak mahu disebabkan orang lain kita terasa kita yang jadi sasaran. So bila perkara ini berbangkit..

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Lari daripada tajuk, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Bukan tajuk, ini Tuan Yang di-Pertua sudah bagi.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak duduk dulu, saya mahu dengar.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua mengatakan bahawa dalam masa perbahasan ataupun menteri menjawab kita kadang-kadang membawakan persoalan-persoalan yang tidak ada kena mengena dengan apa yang dibangkitkan sebelum ini dan ini membuang masa Dewan. Saya tidak tahu mungkin sayakah yang tersalah jawab. Saya tidak kata pembangkang.

Saya hendak bertanya dengan Tuan Yang di-Pertua dengan secara ikhlas sebab bagi saya, saya duduk dalam Dewan ini saya cuba ikut peraturan. Kalau saya bercakap lantang bukan bermakna saya hendak *abuse* dan selain daripada itu banyak kali kadang-kadang pihak pembangkang yang buat hal, kita yang kena. Tuan Yang di-Pertua selalu menyebelahi pihak pembangkang.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua ini satu tuduhan yang berat kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak, tidak apalah. Kalau terkena saya tidak apa.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua dia tidak boleh membuat tuduhan terhadap Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah Yang Berhormat Gombak, tidak apalah duduk. Apa lagi Yang Berhormat Kubang Kerian apa lagi? Adakah ini *point of order* juga? Ini sudah kita menghabiskan masa.

Tuan Salahuddin Ayub [Kubang Kerian]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, untuk kami semua menyanjung tinggi kerusi Tuan Yang di-Pertua dan tanggungjawab kami bersama. Tuan Yang di-Pertua selalu memberikan pengajaran tentang contoh-contoh bagaimana *House of Commons*.

Saya juga membuat sedikit semakan Tuan Yang di-Pertua. Dalam mengatur urusan perjalanan mesyuarat di *House of Commons*, Kabinet dengan izin, *less interference*, kurang

campur tangan. Saya menyaksikan Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan dalam era Tuan Yang di-Pertua mengambil alih teraju ataupun memimpin Parlimen ini, ada sedikit perubahan. Banyak akta-akta, rang undang-undang yang dibahaskan dalam Parlimen ini, kadang-kadang kita terpaksa mengejar masa.

Kita terpaksa, sebagai contoh Akta WPI, tiga jam, kerana apa kerana *constraint* masa dengan izin. Kita dihadkan masa. Oleh itu saya ingin bertanya dengan Tuan Yang di-Pertua, orang yang paling dimuliakan dalam Parlimen ini. Dalam mengatur urus dan menjadualkan masa ini adakah tidak meminta nasihat Tuan Yang di-Pertua? Ini kerana yang lebih arif yang lebih faham dan yang lebih terutama dalam menentukan memberikan masa ini termasuklah Tuan Yang di-Pertua. Janganlah kita membahaskan *Midterm Review* ini dalam masa tiga hari sebagai contoh.

Adakah masa tiga hari itu ditentukan oleh Kabinet dan diarahkan kepada kita di sini patuh dengan arahan itu tanpa Tuan Yang di-Pertua memberikan pandangan-pandangan? Itu saya rasa kalau kita mahu berbahas dengan lebih adil demi untuk menyelesaikan isu yang penting ini, saya rasa Tuan Yang di-Pertua mestilah diberikan keutamaan, dirujuk dalam menentukan berapakah jumlah hari untuk kita berbahas. Ia supaya kita tidak menjadi suatu Dewan yang terpaksa mengehadkan masa, tidak puas hati dan seumpamanya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian, sebelum saya jawab saya minta menteri untuk buat usul.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKANDARIPADA PERATURAN MESYUARAT

2.46 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 8.30 malam hari ini dan sehingga selesai ucapan-ucapan penangguhan dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Rabu 9 Julai 2008.”

Timbalan Menteri Tenaga Air dan Komunikasi [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Ini sebagai respons saya kepada Yang Berhormat Kubang Kerian tadi. Saya ingin menarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 15. Peraturan Mesyuarat 15 mengatakan iaitu urusan kerajaan diutamakan.

■ 1450

Selepas itu, saya tarik perhatian Ahli Yang Berhormat kepada Peraturan Mesyuarat 14, di mana di situ disenaraikan *Order Paper* yang harus kita buat setiap hari disenaraikan di situ apa yang perlu dibuat.

Mengenai dengan soal sama ada masa itu ditetapkan oleh Kabinet atau tidak, itu adalah tidak benar. Kita menetapkan masa mengikut pengalaman-pengalaman yang dahulu. Harus Ahli-ahli Yang Berhormat faham bahawa *the House of Commons* umpamanya mempunyai ahli 600 lebih orang. Pada setiap persidangan, tidak semuanya dapat bercakap. Itu adalah konsep mana-mana Parlimen yang mengamalkan sistem demokrasi di dunia. Bukan semua dapat berucap.

Ahli-ahli Yang Berhormat juga harus sedar bahawa yang diberi keutamaan sewaktu perbahasan ialah ketua-ketua. Umpamanya Ketua Pembangkang, Ketua-ketua Parti, Ketua Whip dan sedemikian yang senior duduk di hadapan. Yang lain itu ikut budi bicara Speaker seperti yang termaktub di dalam peraturan mesyuarat kita, *the first person to catch the eye of the Speaker*. Itulah maknanya, ada juga sistem yang kita buat di mana kalau boleh minta melalui nama, siapa yang betul-betul mahu bercakap supaya kita *aware* daripada mula-mula kita sedar siapa yang hendak bercakap.

Demikian juga, saya ambil kira dengan saranan dari Yang Berhormat Kubang Kerian tadi. Oleh kerana memandangkan mungkin sekarang ini ahli-ahli yang hendak bercakap 77 daripada BBC dan 82 daripada pembangkang. Ramai yang hendak bercakap dan semuanya mahu supaya pendapat masing-masing dapat didengar. Saya ambil kira di masa akan datang mengenai dengan takwim yang akan kita edarkan nanti. Jadi, saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat mohon kerjasama daripada semua kalau tidak perlu untuk menghabiskan masa, jangan habiskan masa.

Saya pun sudah banyak kali tegur. Speaker seharusnya tidak *speaking*, dia cuma mendengar dan mempersilakan tetapi saya terpaksa *speaking* juga kerana perlu untuk saya *speaking* buat ketika ini. Selepas itu, apabila semua sudah mengamalkan sikap tertib dalam mesyuarat, saya tidak akan *speaking* lagi. Saya akan diam, cuma mempersilakan sahaja seterusnya demikiannya. Sila Menteri Pertahanan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum Tuan Yang di-Pertua beralih kepada Menteri Pertahanan. Saya menyambut baik keputusan Tuan Yang di-Pertua membenarkan maknanya Tuan Yang di-Pertua tidak ada halangan sekiranya Menteri Kewangan dipanggil semula untuk meneruskan perbincangan dan penjelasan.

Saya ingin mengambil penegasan sekali lagi. Maknanya Tuan Yang di-Pertua bersetuju supaya Menteri Kewangan dipanggil semula?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Gombak, saya tiada halangan. Tugas Speaker adalah cuma untuk mempengerusikan mesyuarat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya. Saya tahu, tetapi...

Tuan Yang di-Pertua: Belum lagi dikemukakan bahawa sama ada usul ini diterima atau tidak. Jadi, dalam soal itu ianya terbuka tetapi dalam peraturan mesyuarat kita juga Speaker tidak boleh memaksa seseorang menteri untuk menjawab persoalan-persoalan semua yang ditimbulkan kerana itu hak dia sama ada menjawab atau tidak.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Baik. Tuan Yang di-Pertua telah menyatakan bahawa Tuan Yang di-Pertua tiada halangan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada halangan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Maknanya sebagai Speaker, Tuan Yang di-Pertua tidak ada halangan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada halangan sama sekali.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey. Oleh kerana sekarang ada permintaan daripada Barisan Nasional. Saya mewakili mereka juga, Yang Berhormat Batu Pahat dan juga Pakatan Rakyat, boleh atau tidak kita meminta Menteri Kewangan untuk tampil semula dalam Dewan Rakyat. Kalau tidak petang ini pun, mungkin awal pagi esok untuk meneruskan perbincangan tentang Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak ada halangan dengan soal begitu.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Baik. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua....

[Tepuk]

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, saya juga harap Ahli-ahli Yang Berhormat lain kali kalau Tuan Yang di-Pertua minta sesuatu kerjasama tidak mempunyai halangan. [Ketawa]

Sebagai *respons* kepada Yang Berhormat Pasir Salak tadi mengenai dengan hujah beliau bahawa yang terkena selalu Pasir Salak dan kerusi ini sentiasa menyebelahi kepada pihak pembangkang. Itu tidak betul. Kita cuma bersikap adil dan beliau minta juga contoh, siapa.

Saya beri satu contoh yang saya kurang senang. Umpamanya sewaktu *question time* daripada jam 10.00 sampai 11.30 pagi, ada Ahli-ahli Yang Berhormat cuba untuk berdiri mengemukakan *point of order*. Saya tegaskan balik iaitu *point of order* apabila kita *raise point of order*, ianya cuma menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua bahawa ada kecacat-celaan mesyuarat.

Akan tetapi ada suatu ketika di mana seorang Ahli Yang Berhormat dari Bagan berdiri membangkitkan *point of order* iaitu mengenai dengan isu yang tidak ada kena mengena dengan mesyuarat, iaitu isu yang berlainan, seperti isu *fresh* yang konon dihadkan akses di lobi. Itu tidak betul kerana *abusing point of order*. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat mudah-mudahan semuanya prihatin dengan perkara yang telah ditimbulkan. Sekarang saya persilakan Menteri Pertahanan.

2.55 ptg

Timbalan Menteri Pertahanan [Datuk Wira Abu Seman Yusop]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Pontian juga Yang Berhormat dari Ampang yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pertahanan semasa sesi perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya akan menjelaskan perkara-perkara yang dibangkitkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pontian adalah merupakan cadangan di mana beliau telah mengesyorkan agar pengambilan peserta di bawah Program Latihan Khidmat Negara atau PLKN dapat dilipatgandakan. Sehubungan dengan modul latihannya, disarankan agar penambah baikkan dibuat supaya ianya sentiasa segar, relevan dan berkesan bagi membina generasi bersahsiah mulia.

Untuk makluman Yang Berhormat, adalah menjadi hasrat kerajaan untuk melibatkan semua remaja yang berkecukupan mengikut Program Latihan Khidmat Negara ini. Sehubungan dengan itu, Jabatan Latihan Khidmat Negara ataupun JLKN yang dipertanggungjawabkan bagi melaksanakan program ini telah memanggil seramai 475,000 orang peserta mulai dari tahun 2004 sehingga 2008. Jumlah pengambilan ini telah bertambah dari tahun ke tahun.

Bagi pengambilan yang akan datang pula, JLKN akan berusaha untuk mempertingkatkan lagi pengambilannya berdasarkan peruntukan yang ada dan penambah kem-kem PLKN agar keselesaan dan keselamatan peserta sentiasa terjamin semasa mengikut program ini. PLKN pada dasarnya adalah bertujuan untuk membangunkan modal insan yang berpatriotik, toleransi di antara pelbagai kaum dan agama, bersemangat kesukarelaan dan mempunyai jati diri yang kukuh untuk meletakkan negara ini di tahap daya saing.

Bagi mencapai matlamat ini, sebanyak empat modul telah dilaksanakan iaitu modul fizikal, pembinaan karakter, kenegaraan, khidmat komuniti serta komponen tambahan seperti ceramah mencegah jenayah, ceramah pengurusan kewangan, integrasi, kesedaran mencegah HIV dan bahaya dadah.

Pendekatan latihan ini adalah secara interaktif, *Neuro Linguistic Programming* atau *NLP* dengan mengaplikasikan deria visual, pendengaran dan kinetik. Dengan pendekatan yang digunakan ini, peserta-peserta dapat menghayati pembelajaran yang disampaikan dengan berkesan serta menyeronokkan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kerajaan amat berpuas hati dengan pelaksanaan modul-modulnya yang mana telah mencapai objektif yang ditetapkan. Kajian keberkesanan berkaitan dengan pencapaian program ini terhadap remaja telah menunjukkan respons yang positif di mana kejayaan mewujudkan semangat patriotisme ialah 82.9%, pembinaan jati diri dan kepimpinan ialah 88.3%, memupuk semangat integrasi kaum adalah 86.7%. Berdasarkan maklum balas yang diterima dari ibu bapa dan orang awam juga, telah menunjukkan sokongan positif terhadap program ini.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Mohon laluan.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Ia juga dapat dibuktikan dengan peningkatan penyertaan umpamanya sukarela. Di mana dalam tahun 2008 seramai 1,137 peserta telah menyertai secara sukarela.

■1500

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Arau minta laluan Yang Berhormat.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...Berbanding seramai 929 peserta dalam tahun 2007.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Titiwangsa.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Arau.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Mana satu?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Pelaksanaan program yang begitu baik ini amat kita hargai dan sanjung. Cuma Yang Berhormat, saya mendapat rungutan daripada kem-kem operator yang telah diberi tanggungjawab untuk mengendalikan kem ini bahawa pada setiap tahun Jabatan Latihan Khidmat Negara telah mengenakan SOC ataupun penambahbaikan pada setiap kemudahan-kemudahan yang memerlukan pelaburan tambahan. Akan tetapi pihak JLKN tidak mempertimbangkan kenaikan bayaran harian kerana pada masa sekarang saya difahamkan setiap peserta hanya dibayar RM41 atas keseluruhan pengurusan dan penyelenggaraan yang berlaku pada kem tersebut.

Jadi untuk kita menambah baik ini, saya berharap pihak kementerian mempertimbangkan sedikit tambahan dengan kenaikan harga barang yang berlaku pada hari ini.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang telah disarankan oleh Yang Berhormat daripada Arau itu saya akan bawa ke pihak pengurusan JLKN.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya nak bertanya Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan perkara yang sama iaitu pusat latihan ini, kem-kem. Boleh? Boleh minta kebenaran?

Tuan Yang di-Pertua: Menteri, mana satu? Yang Berhormat Batu Gajah kah, Yang Berhormat Pasir Salak?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh minta kebenaran Yang Berhormat Menteri?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada segi aspek membangunkan modal insan sebagaimana yang telah dijelaskan tadi, kita amat mengalu-alukan. Diharapkan ianya mencapai matlamat jangka panjang iaitu mewujudkan generasi yang lebih berjati diri, cintakan negara dan hormat-menghormati di antara satu dengan yang lain. Akan tetapi satu aspek berhubung dengan perjalanan pusat latihan ini, kem-kem ini yang banyak dibuat di seluruh negara. Saya mendapat maklum balas bahawa sebahagian besar daripada kem-kem ini, pengendali-pengendalinya atau operatornya tidak melambangkan peluang ekonomi secara sebagaimana yang sepatutnya berasaskan kepada nisbah penduduk dalam negara kita ini. Lebih spesifik kalau saya bangkitkan iaitu operator-operator bumiputera tak begitu mengambil bahagian secara konkrit, *genuine*, tulen.

Banyak kem-kem operator ini dikendalikan oleh pengusaha-pengusaha yang bukan bumiputera. Saya tak ada halangan bukan bumiputera, okey tetapi pokoknya biarlah seimbang. Umpamanya kalau ada 10, dibahagi-bahagikan mengikut nisbah penduduk dalam negara kita ini. Berapa persen untuk bumiputera, berapa persen untuk bukan bumiputera tetapi janganlah dia nya tidak seimbang. Adakah benar perkara ini berlaku Yang Berhormat Menteri?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya percaya apa yang...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Biar dia jawab dulu.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...Dibuat oleh JLKN dalam pengambilan operator-operator ini sudah tentu ada dasar-dasarnya yang tertentu yang diguna pakai oleh pihak JLKN. Secara terperinci oleh kerana kalau kita nak bandingkan sebagaimana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak tadi bahawa ianya perlu dikaji secara terperinci di mana saya pada masa ini tak ada maklumat yang saya boleh berikan secara jelas daripada segi pengimbangan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih. Yang Berhormat Titiwangsa tadi minta penjelasan sama Yang Berhormat Batu Gajah. Mana satu?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Mana satu? Yang Berhormat Titiwangsa? Sila.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya, saya juga mendapat jawapan bertulis tentang hasil kajian kaji selidik program ini seperti mana yang telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi.

Jadi saya ingin bertanya apakah metode yang digunakan dalam kaji selidik ini. Kalau boleh diberi penerangan yang lebih terperinci supaya kita memahami bagaimanakah keluar angka-angka hasil kajian ini. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan cara untuk menilai berkaitan dengan keberkesanan program yang telah dilaksanakan ini di mana pihak JLKN melaksanakan secara *sampling* iaitu daripada jumlah peserta yang hadir. Peserta-peserta ini akan diberi 20 soalan *questionnaire* bagi tiap-tiap satu modul dan daripada jumlah peserta yang hadir itu bahawa 10%nya telah diperoleh daripada jumlah peserta. Daripada 10% yang telah dikenal pasti ianya dibahagikan mengikut kaum iaitu 60% peserta bumiputera, 28% peserta kaum Cina, 10% peserta India dan lain-lain 2%. Jadi, bagi sesuatu modul umpamanya modul fizikal, mereka ini akan dibagi soalan *questionnaire* 20 dan mereka akan menjawab melalui maklumat-maklumat yang dibagi melalui *questionnaire* ini yang mana ianya akan dibagi markah.

Pelatih-pelatih diberi markah menggunakan Skala Likert iaitu 1%-5% yang diperoleh dalam data menunjukkan bahawa pelatih memilih jawapan pada skala 4 dan 5 iaitu sebenar ataupun tidak. Keputusan inilah merupakan kaji selidik yang dibuat oleh pihak JLKN. Begitu juga bagi modul-modul yang lain di mana baki daripada 10% itu akan diambil daripada peserta-peserta ini di mana 10% yang baki ini tadi akan dibahagi kepada komposisi kaum tadi di mana bumiputera 60%, Cina 28%, India 10% dan lain-lain 2%.

Jadi ini akan dibuat kajian melalui cara yang sama bagi modul yang kedua umpamanya Modul Kenegaraan dan markah-markah dibagi sebagaimana yang saya nyatakan tadi dan sehinggalah keempat-empat modul ini. Inilah cara yang dilaksanakan oleh pihak JLKN.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu Gajah. Sila.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Secara purata, setiap tahun kita menggunakan lebih kurang RM600 juta untuk melaksanakan program ini. Dengan penambahan pengambilan pelatih, saya percaya perbelanjaan akan meningkat dan sejak pelaksanaan program ini, saya sedia maklum RM2.4 bilion telah digunakan sejak pelaksanaan PLKN ini.

Memandangkan pihak kementerian telah berpuas hati dan mendapati modul-modul yang dilaksanakan itu berkesan mencapai tiga objektif ini, adakah pihak kementerian ada memberi satu tempoh di mana secara berperingkat modul-modul ini diserapkan ke dalam sistem pendidikan kita agar manfaatnya bukan sahaja dapat diterima oleh segelintir atau sejumlah pelatih yang dipilih sahaja tapi oleh semua. Pada masa yang sama kita boleh menjimatkan beratus juta ringgit itu. Saya pohon pandangan ini.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh saya tanya soalan yang sama, perkara yang sama? Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak tanya apakah benar bahawa fasilitator kepada program Latihan Khidmat Negara ini diberi kepada satu syarikat di mana syarikat ini

membekalkan fasilitator empat orang bagi satu kem. Satu musim pengambilan menelan belanja RM15 juta. Selain daripada itu, barang-barang keperluan yang dibekalkan untuk program ini contohnya baju celorong-celoreng, but, alat tulis, harganya empat lima kali ganda daripada harga di luar.

■ 1510

Contohnya baju celoreng saya tanya di Thailand, RM60 saja. Apakah dibayar kepada pembekal sampai RM270. Betul tidak? Saya tidak buat tuduhan ini. Saya nak dapat penjelasan. Buku catatan begitu juga. Harga beberapa ringgit tetapi harga bekalannya saya dengar tidak murah. Stoking pun begitu juga. Semua yang murah-murah ini tetapi pembekal-pembekal membekal dengan harga yang begitu tinggi menyebabkan memang belanja sekarang ini RM2.4 bilion dah setakat ini. Naik dah dekat RM700 juta. Adakah pembekal ini diberi, membekal ini dibuat secara *by quotation* ataupun melalui *open tender* ataupun *negotiate* ataupun ada tukang senarai di belakang yang mendapat faedah daripada Program Pusat Latihan Khidmat Negara ini. Ini atas nama air mata rakyat. Duit kita banyak membazir. Kalau kita boleh buat dengan cermat, kita dapat jimat dengan lebih banyak tapi cara perbelanjaan masih lagi cara yang sama. Sekian, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menjawab Yang Berhormat Pasir Mas dululah oleh kerana apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas ia tidak ditimbulkan dalam perbahasan. Jadi pada peringkat ini saya tidak ada data-data untuk nak menjelaskan. Jadi saya akan bawa kepada pihak yang bertanggungjawab.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Mas supaya dibuat sistem tender selepas ini. Pengangkutan dan sebagainya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih. Kita ambil perhatian. Berkaitan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Batu Gajah. Sebagai mana yang kita sedia maklum bahawa kita melaksanakan program ini dalam 2004 dan ini baru empat tahun saja kita melaksanakan program dan kita melihat ada positifnya dalam melaksanakan program ini dalam mencapai matlamat yang telah kita tetapkan. Walau bagaimanapun, dalam empat tahun ini kita masih lagi dalam program yang kita anjur ini, kementerian ada juga cadangan untuk meningkatkan penambahbaikan dalam modul-modul ini. Jadi, dari semasa ke semasa kita masih lagi membuat kajian supaya kita merasakan bahawa program ini kita dapat mencapai dengan lebih baik lagilah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Maksud saya seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tadi telah timbul keprihatinan di mana banyak perbelanjaan digunakan dalam program ini. Jadi soalan saya apakah pihak kementerian ada atau sedia meletakkan satu tempoh di mana secara berperingkat program ini dimansuhkan agar manfaat modul-modul ini boleh diserapkan dalam sistem

pendidikan dan kita boleh jimat wang dan tidak akan timbul masalah kontrak tidak di tender atau pihak tertentu telah mengaut keuntungan dari program ini. Ini persoalan saya, sudah boleh mula dirancang untuk masa depan. Kalau baik modul ini, serap dalam sistem pendidikan dan kita boleh jimat RM2.4 bilion dalam empat tahun. Itu persoalan saya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Berkaitan dengan apa ni...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bukannya tambah lagi modul yang akan menambah perbelanjaan lagi. Itu persoalan saya.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ini dakwaan Yang Berhormat ini sampai RM4 bilion ini tidak ada bukti yang nyata. Cuma pakai andaian saja. Jadi apa yang perlu kita melihat daripada pulangan, yang faedah yang positif...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ...Yang kita telah dapat melahirkan daripada anak-anak remaja kita yang kita lihat bahawa ada perbezaannya daripada sebelum mereka memasuki program PLKN ini dengan selepas mereka memasuki program ini.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan penggulungan saya ini kepada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, ada Yang Berhormat Batu berdiri, Yang Berhormat Indera Mahkota berdiri.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Indera Mahkota.

Tuan Yang di-Pertua: Yang mana satu, yang mana satu?

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ini soalan penjelasan ya Yang Berhormat. Kalau Yang Berhormat tidak mahu kasi laluan, boleh. Itu bukan mencerminkan bahawa Yang Berhormat takut atau tidak... *[Ketawa]*

Kadang-kadang Ahli-ahli Yang Berhormat sendiri pun ambil kesempatan saja untuk bertanya. Itulah masa kadang-kadang kita bazir. Yang mana satu, Yang Berhormat Indera Mahkota kah, Yang Berhormat Batu?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Yang Berhormat Batu.

Seorang Ahli: Dua-dualah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Batu.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Ya, soalan saya ringkas saja, Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Hanya kita telah banyak kali bahas isu ini tentang faedah yang akan dibawa dan tadi timbalan menteri pun sebut ada perubahan sikap dari segi pelatih yang melalui latihan berikut. Adakah kementerian mencadangkan atau merancang membuat penilaian secara objektif tentang sikap-sikap yang berubah, faedah yang akan dibawa kepada pelatih-pelatih yang telah melalui kursus ini. Bolehkah kementerian meletakkan sedikit

peruntukan untuk membuat penilaian ini dan juga membuat *survey* di kalangan ibu bapa termasuk ibu bapa yang telah menghadapi kemalangan dan kecelakaan terhadap anak-anak mereka. Apakah sikap mereka terhadap program ini...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh saya bagi sedikit cadangan?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Cukuplah, saya nak jawab ini.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Boleh ya?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Cukup, cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Dia jawab dulu. Ahli Yang Berhormat, bergilir-gilir ganti kerana menteri dia pun bukan robot. Dia boleh menjawab sekali begitu... [*Beberapa Ahli ketawa*]

Bergilir-gilir. Jadi biar Batu dulu dia jawab, lepas tu Yang Berhormat Indera Mahkota berdiri tanya. Tengok *timing*. Sila.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, memang Kementerian Pertahanan yang melalui Jabatan Latihan Khidmat Negara ini kita dari semasa ke semasa memang ada cadangan untuk mengkaji bagi mendapatkan atau meningkatkan dalam pelaksanaan program-program kita supaya ia akan bertambah baik lagilah. Jadi termasuklah dengan apa yang disarankan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi apa yang kita inginkan bahawa kita nak melahirkan satu generasi Malaysia yang bersahsiah mulia. Itu matlamat kita yang sebenarnya.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: [*Bangun*]

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang di mana beliau telah mencadangkan agar pengambilan peserta lelaki dan perempuan diasingkan atau diberi keutamaan kepada pelatih lelaki saja memandangkan banyak kes-kes gejala sosial berlaku seperti rogol, pencabulan kehormatan dan sebagainya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan ini adalah tidak benar dan jika adapun ia adalah kes terpencil ataupun *very isolated* dengan izin saja.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: [*Bangun*]

Datuk Wira Abu Seman Yusop: JLKN sedar pada peringkat awal lagi semasa melaksanakan program ini bahawa keselamatan peserta begitu penting sekali dan kerana itulah JLKN memastikan dalam aspek keselamatan ini. Berkaitan dengan masalah seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Ampang tadi. Dalam penempatan ataupun penginapan para peserta.

Tuan M. Monagaran [Telok Intan]: [*Bangun*]

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Ia diasingkan sama sekali di antara lelaki dan perempuan yang mana tiap-tiap tempat penginapan itu dikawal selia oleh warden masing-masing mengikut jantina.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, dua Ahli Yang Berhormat, tiga sudah Ahli Yang Berhormat sekarang minta penjelasan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Saya habiskan sedikit dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Dia belum kasi laluan.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Selain daripada tempat penginapan, JLKN turut mengasingkan antara peserta lelaki dan wanita dalam semua aktiviti yang dijalankan oleh mereka mengikut kesesuaian masing-masing. Secara keseluruhannya, pengurusan JLKN mengambil perhatian berat terhadap pergaulan antara lelaki dan perempuan semasa berada di dalam kem. Sehubungan dengan perkara ini juga, menurut kajian yang telah dilaksanakan oleh JLKN, didapati ibu bapa dan peserta tidak setuju seperti mana dicadangkan oleh Yang Berhormat dari Ampang.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri sebab perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas dengan Batu Gajah tadi cukup menarik. Itu berkenaan dengan uniform, keperluan dan juga perbelanjaan yang dikeluarkan dalam setahun untuk Program Latihan Khidmat Negara.

■1520

Bersetujukah Timbalan Menteri sekiranya perkara ini menjadi isu di kebanyakan pihak, kita anjurkan satu *independent audit* untuk menilai keberkesanan ataupun kecekapan perbelanjaan selama empat tahun Program Khidmat Negara yang telah dijalankan? Barangkali penemuan tersebut dapat membantu pihak kementerian untuk *ratify* persoalan ini, terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa bahawa apa yang disarankan atau apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu cuma andaian sahaja. Jadi rasa pihak JLKN ada mempunyai audit kerajaan yang membuat pemeriksaan berkaitan dengan perbelanjaan-perbelanjaan yang dibuat oleh jabatan ini.

Saya rasa itu sahaja...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Jadi Timbalan Menteri bersetuju untuk adakan *independent audit*?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: ..Jadi dengan itu saya sudah dalam penggulungan saya.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Minta laluan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [Bangun]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ada ramai lagi ini Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kinabatangan, Arau, Ampang, Telok Intan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kinabatangan dia bagi. Dia memang kenal saya lama.

Tuan Yang di-Pertua: Kinabatangan, duduk dahulu. Saya belum dengar daripada Menteri pun. Mana satu menteri? Mana satu?

Datuk Wira Abu Seman Yusop: Sudah habis menggulung... *[Dewan riuh] [Ketawa]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan...

Beberapa Ahli: Sudah habis...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Belum, belum habis.

Tuan Yang di-Pertua: Telok Intan, dia sudah habis. Dia sudah habis menggulung... *[Dewan riuh][Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: ...Dia sudah habis, dia ada hak untuk tidak memberi laluan Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua, apa ini? Menteri Kewangan pun lari, sekarang Timbalan Menteri pun lari.

Tuan Yang di-Pertua: Telok Intan, tidak baik begitu. Tidak apalah. Kementerian Dalam Negeri bersedia. Sila.

3.22 ptg.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih kepada 17 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian di dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan di dalam Dewan ini dari 30 Jun hingga 7 Julai 2008.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan jawapan serta penjelasan kepada perkara-perkara yang telah pun dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa kementerian saya. Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan ini adalah seperti berikut:

- (1) Dato' Ibrahim Ali [Pasar Mas];
- (2) Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan];
- (3) Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat];
- (4) Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera];
- (5) Tuan John Fernandez [Seremban];
- (6) Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar];
- (7) Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud];
- (8) Dr. Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja];
- (9) Puan Chong Eng [Bukit Mertajam];
- (10) Tuan Loke Siew Fook [Rasah];
- (11) Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah];
- (12) Dato' Dr. Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis];

- (13) Tuan Henry Sum Agong [Lawas];
- (14) Puan Nurul Izzah Anwar [Lembah Pantai];
- (15) Tuan Gobind Singh Deo [Puchong];
- (16) Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]; dan
- (17) Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran].

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas ingin mengetahui apakah tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang menyebarkan berita-berita palsu, yang boleh menggugat ketenteraman awam serta meminta penjelasan mengenai dua contoh berita yang tersebar melalui Sistem Pesanan Ringkas atau SMS sejak kebelakangan ini seperti yang pertama, SMS yang mendakwa 60 orang yang berbangsa India yang telah memukul seorang lelaki berbangsa Melayu hingga mati di Pasar Borong Selayang.

Dan kedua, pengusaha-pengusaha stesen-stesen minyak akan melancarkan mogok bagi menggugat pihak kerajaan agar meningkatkan komisen jualan minyak.

Tuan Yang di-Pertua, Ketua Polis Negara telah pun membuat kenyataan bahawa mereka yang terlibat dengan penyebaran berita palsu ini melalui SMS boleh diambil tindakan melalui Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 sekiranya perbuatan mereka itu boleh menjejaskan keselamatan Malaysia ataupun mana-mana bahagian daripadanya atau menjejaskan kesejahteraan ekonomi negara. Polis telah pun menyemak dan menjalankan *enquiry* tentang khabar angin tentang kenyataan seorang lelaki Melayu telah mati di pasar borong baru-baru ini, dan mendapati berita itu palsu. Tidak ada laporan polis dibuat berkaitan dengan penyebaran berita palsu ini.

Sementara itu didapati tidak ada stesen minyak yang menutup waktu perkhidmatan mereka untuk memaksa peningkatan komisen. Apa yang berlaku ini adalah orang ramai yang dipengaruhi oleh khabar angin ini menyerbu stesen minyak di Sabah setelah mempercayai bahawa stesen minyak akan ditutup.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pasir Mas seterusnya mencadangkan supaya tempoh penyiasatan terhadap tahanan ISA dibuat dalam masa 14 hari. Selepas tempoh tersebut, tahanan hendaklah dibawa ke mahkamah terbuka untuk dibicarakan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian mengambil maklum akan cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Pasir Mas tersebut. Namun demikian buat masa ini, kementerian berpandangan tempoh tahanan 60 hari yang diperuntukkan di bawah seksyen 73(3) Akta Keselamatan Dalam Negeri kepada pihak berkuasa bagi tujuan siasatan masih perlu dikekalkan dan tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri tidak dibawa ke mahkamah terbuka kerana tangkapan dibuat di bawah akta ini adalah bergantung kepada maklumat-maklumat keselamatan yang diperoleh dari pelbagai sumber dan tidak dapat didedahkan oleh mahkamah di atas kepentingan negara.

Yang Berhormat Pasir Mas juga mencadangkan supaya kerajaan mewujudkan Jawatankuasa Keselamatan Dalam Negeri yang dipengerusikan oleh Ketua Polis Negara dan

dianggotai oleh Peguam Negara serta ahli-ahli SUHAKAM bagi tujuan penambahbaikan Akta ISA...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: ...Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kementerian mengambil maklum akan cadangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat. Walau bagaimanapun, buat masa ini kementerian berpandangan adalah tidak perlu untuk mewujudkan jawatankuasa yang dimaksudkan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Minta laluan. Terima kasih Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Ini, belum lagi dipanggil siapa, sudah...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Siapa, Pasir Mas? Silakan Pasir Mas.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih. Saya ini sudah cukup tertib Tuan Yang di-Pertua. Alhamdulillah. Saya hendak bertanyakan kepada Timbalan Menteri Dalam Negeri, ISA ini tujuannya pencegahan, *prevention*. Oleh kerana kita dapati apabila seseorang itu ada berniat untuk melakukan huru-hara, maka sebelum huru-hara itu berlaku, maka diambil tindakan melalui pencegahan menggunakan ISA. Saya hendak tanya apakah Yang Berhormat bersetuju kalau saya hendak cadangkan supaya, bukan sahaja mereka yang menyebarkan maklumat palsu atau apa juga tindakan yang boleh menggugat ketenteraman negara, termasuk juga pihak-pihak yang melakukan *economic sabotage*.

Economic sabotage ini Tuan Yang di-Pertua, sesuatu perkara yang juga boleh menggugat keselamatan negara. Kita kata seorang ketua pengedar dadah, hendak tangkap, tidak boleh, sebab tidak ada bukti. Akan tetapi polis tahu bahawa dia ketua pengedar dadah, maka dia guna ISA. Dalam konteks *economic sabotage*, banyak kes rasuah yang kita dengar, dan kita kata tidak ada bukti. Memang sekarang ini rasuah mengikut undang-undang Tuan Yang di-Pertua. Rasuah cara bermoral, atas kertas semua lulus, tetapi sebenarnya diatur begitu rupa sehingga terlepas daripada tindakan undang-undang. Apakah orang seumpama ini tidak patut ditahan di bawah ISA?

Selama 14 hari, kurung masuk dalam lokap, saya berpengalaman Tuan Yang di-Pertua. Masuk dalam lokap dua minggu. Seminggu sahaja jentik telinga, jentik hidung, tarik bulu hidung. Dia akan cerita berapa banyak duit dia sudah kebas. Kita minta balik, serah balik, kita simpan dua hari cukup. Tahan lama-lama pun buat habis beras sahaja. Habiskan duit bayarkan penjara dan sebagainya. Cuma maksud saya, itu cara yang paling baik untuk mendapat wang yang dilarikan oleh kononnya pihak-pihak tertentu, orang terpelajarlah, yang pakar-pakar ini yang undang-undangnya kata tidak salah. Akan tetapi tahap kehidupan mereka, kemewahan mereka dan cerita-cerita kita dengar di luar memang dia melakukan sesuatu tindakan yang tidak bermoral

atau rasuah secara halal. Jadi apakah tidak undang-undang ISA digunakan untuk tujuan? Ini saya percaya rakyat sokong. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Apa yang disebut oleh Yang Berhormat Pasir Mas memang benar. Kuasa-kuasa diberikan di bawah Akta Pencegahan ini begitu luas sekali, tetapi kita kena lihat juga kalau kita sebut tentang definisi *economic sabotage* ini apakah maksud dia. Kalau *economic sabotage* ini disengajakan dengan mempunyai unsur-unsur jenayah ini akan menggugatkan ketenteraman awam, menggugatkan keselamatan dalam negeri, maka menteri berhak untuk mengguna pakai akta ini terhadap sesiapa pun, yang melakukan sabotaj-sabotaj yang boleh bawa satu masalah yang begitu besar untuk negara kita.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [Bangun]

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: [Bangun]

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat dari...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Titiwangsa.

Dato' Chor Chee Heung: Okey Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

■1530

Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat Pasir Mas yang menyokong kewujudan ISA ini, kerana kewujudan ISA ini boleh disalahgunakan oleh menteri, kerana menteri yang mempunyai kuasa untuk menahan dan melanjutkan penahanan. Seperti apa yang berlaku kepada dua orang tahanan ISA yang bernama Mat Sah Satray dan Samsuddin yang dilanjutkan daripada enam tahun kepada lapan tahun tanpa diberi apa-apa alasan kenapa dilanjutkan penahanan ini. Jadi mereka ini dituduh sebagai Ji. Tidakkah cukup enam tahun itu untuk hendak membuktikan atau menyiasat dan sebagainya tetapi diteruskan. Ini adalah satu kezaliman. Apakah kita semua mahu terus bersekongkol dengan kezaliman seperti ini?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Jadi saya mintalah supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab agar kita semua jangan bersekongkol dengan kezaliman termasuklah daripada sebelah sana. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum Yang Berhormat menjawab...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat, boleh saya minta laluan sedikit sebab dia ada sebut nama saya tadi.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas boleh duduk sekejap.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri benar tak?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas boleh duduk sekejap dahulu? Duduk dahulu sekejap. Yang Berhormat Telok Intan begitu juga duduk sekejap. Ini yang saya sebutkan...

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Tuan Yang di-Pertua, nanti Yang Berhormat Timbalan Menteri akan menggulung tiba-tiba saya takut. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Duduk sekejap dahulu. Ini yang saya sebut sebentar tadi, bahawa kalau ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri itu, penjelasan yang diminta itu adalah ekoran daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri, oleh kerana mungkin jawapan itu menimbulkan kesamaran bukan mengeluarkan fakta lain yang menimbulkan perbahasan. Apa yang saya dengar tadi daripada Yang Berhormat Titiwangsa seolah-olah sudah bercakap pendapat yang dikemukakan dengan Yang Berhormat Pasir Mas. Ini yang menghabiskan masa.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tuan Yang di-Pertua, sedikit-sedikit biasalah dalam Parlimen. Cuma jangan berat-berat sangat. Saya hendak minta sedikit yang disebut tadi Yang Berhormat Titiwangsa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Mas nanti dahulu. Yang Berhormat Timbalan Menteri mahu bagi laluan kepada Yang Berhormat Pasir Mas boleh?

Dato' Chor Chee Heung: Tak apalah Yang Berhormat Pasir Mas saya akan jawab juga. Untuk makluman Dewan yang mulia ini...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat jawab, saya hendak jelaskan pendirian saya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia belum habis.

Dato' Chor Chee Heung: Tak apalah, saya boleh jawablah. Jangan bimbang. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Titiwangsa ini telah banyak kali pihak-pihak pembangkang membawa masalah ini berulang-ulang kali, mengenai tidak bersetuju dengan terima pakainya ISA di Malaysia dan banyak kali juga kita membuat semasa menjawab soalan, semasa kita buat gulungan kita masih berpegang kepada hakikat bahawa ISA ini masih boleh diguna pakai secara lancar, secara adil di negara ini. Ini adalah satu akta pencegahan dan untuk makluman Dewan yang mulia ini setakat ini kita mempunyai 62 orang masih ditahan di Kamunting dan tidak sesiapa dalam golongan ini dikatakan dianiayai oleh mana-mana pihak, dan setakat ini saya percaya semua menteri menjadi Menteri Dalam Negeri tidak pernah mengguna kuasanya secara sewenang-wenangnyanya dan tidak salah guna kuasa pun.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mensyuarat*]

Kuasa ini digunakan untuk mencegah sebelum sesuatu berlaku yang akan menjadi satu masalah besar dari segi ketenteraman awam di negara kita. Ini adalah satu perkara yang kita harus menerima.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Baiklah, Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung: Bagi satu lagi. Ini kawan kita nama apa? Ulu Kinta?

Seorang Ahli: Teluk Intan, Teluk Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya mengenai keselamatan ini yang dikatakan Yang Berhormat tiada bukti yang mereka daniayai. Baru-baru ini Encik Uthayakumar yang ditahan di bawah HINDRAF ini beliau mengatakan beliau tidak diberi perkhidmatan perubatan. Bukankah tidak memberi perkhidmatan perubatan ini satu penganiayaan iaitu *maybe*, dengan izin *give them a slow death*.

Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri setuju, dan satu lagi baru-baru ini IGP kita telah memberitahu bahawa beliau akan minta bantuan daripada tentera kita untuk menjaga ketenteraman dalam negeri. Adakah ini bermaksud pihak polis kita tidak ada keyakinan atau kemampuan untuk menjaga ketenteraman dalam negeri. Kalau tidak saya pun akan cadang baru-baru ini Balasubramaniam yang buat SD itu hilang, adakah IGP akan minta bantuan dari tentera untuk cari dia juga? *[Tepuk]*

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Telok Intan. Dua soalan sini. Soalan yang kedua itu saya akan jawab secara khusus sebab ada Yang Berhormat yang telah bangkitkan masalah itu.

Mengenai soalan satu lagi mengenai Uthayakumar. Soalan ini ditanya beberapa kali di Dewan yang mulia ini, dan kita telah pun menjawab begitu banyak kali memberitahu memang tidak benar bahawa kononnya Uthayakumar ini tidak diberikan ubat-ubatan yang diperlukan untuk penyakit dia.

Kita sudah bagi tahu segala ubat-ubat yang diberikan kepada Uthayakumar adalah lebih kurang sama, dan kita tidak boleh setuju dengan apa yang diminta oleh seorang tahanan. Asalkan yang penting sekali ialah dia dijaga dengan baik, selamat di situ, cukup makan, tidur selesa dan juga segala ubat-ubatan yang diperlukan diberikan kepada beliau. Ini adalah satu hakikat yang kita kena terima. Kerajaan bukan hendak buat macam itu tak bagi ubat dan sebagainya. Ini semua memang tidak benar. Saya hendak bagi tahulah secara jaminan yang diberikan dalam Dewan ini.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Saya ingat sudah cukuplah kalau tidak kita tak akan habis-habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh tunggu.

Dato' Chor Chee Heung: Lepas ini dahulu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Lepas ini dahulu. Saya jawab sedikit dahulu. Yang kedua, satu masalah lagi mengenai...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Isu ISA, ISA.

Dato' Chor Chee Heung: ...Pencegahan ini. Bila seseorang ditahan di Kamunting beliau diberikan masa untuk pulih. Kalau dalam masa empat tahun, lima tahun mengikut risikan, mengikut siasatan orang tahanan itu masih belum pulih, maka dia akan ditahan dan dilanjutkan lagi. Bukan sampai mati.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Nak bagi jalankah Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung: Cukuplah Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Hendak lari, hendak lari.

Dato' Chor Chee Heung: Biar saya jawab dahulu, nanti saya balik mari sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Parit Buntar mendakwa anggota Polis Diraja Malaysia merupakan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: ...Pihak yang paling banyak terlibat dengan gejala rasuah sedangkan Polis Diraja Malaysia merupakan teras negara untuk menjaga keselamatan awam. Jika Polis Diraja Malaysia tidak mengambil inisiatif bersungguh-sungguh...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: ...Untuk membersihkan imejnya adalah sukar bagi Polis Diraja Malaysia menangani kes jenayah dengan berkesan. Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia mengakui memang terdapat di kalangan anggotanya, pegawai-pegawainya terbabit dengan gejala rasuah. Namun demikian, bilangan mereka yang terbabit dengan rasuah ini masih lagi terkawal dan tidak di tahap membimbangkan serta tidak menjejaskan kredibiliti Polis Diraja Malaysia sebagai badan penguat kuasa undang-undang di negara ini. Statistik bagi anggota polis yang ditangkap oleh BPR untuk tahun 2006 adalah seramai 158. Tahun 2007 adalah seramai 137 dan untuk tempoh hingga Mei 2008 adalah seramai 57.

Untuk mengatasi masalah ini Polis Diraja Malaysia telah pun mengambil beberapa pendekatan seperti melancarkan slogan tegas, adil dan berhemah ketika hari peringatan polis yang ke 201, untuk diamalkan oleh setiap pegawai dan anggota Polis Diraja Malaysia semasa menjalankan tugas, memperkenalkan pemakaian lencana integrasi amalan kita, mengadakan kursus, seminar, bengkel dan program motivasi kepada anggota polis di bawah kendalian Unit Bahagian Agama dan Kaunseling dan menjalankan penyiasatan tatatertib secara menyeluruh dengan adil dan telus tanpa mengira pangkat, mengadakan mesyuarat jawatankuasa penyelarasan tatatertib dan pencegahan rasuah dari semasa ke semasa dan mewujudkan sistem pengurusan aduan melalui laman web rasmi Polis Diraja Malaysia...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalankah Yang Berhormat? Yang Berhormat Shah Alam. Ya, Yang Berhormat Shah Alam bangun.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya risaulah bila saya dengar jawapan yang diberikan, iaitu rasuah yang diamalkan masih tak begitu banyak. Belum sampai ke tahap yang membimbangkan. Lalu saya hendak tanyalah pada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang ini berapa peratus yang dibenarkan? Sepatutnya kita ini, institusi polis ini kita ada *zero tolerant*. Tak boleh kita beri jawapan macam ini. Ini satu jawapan yang cukup mengecewakan. *[Tepuk]* Nombor satu.

■1540

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, baik Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Nombor dua, saya hendak kembali kepada isu ISA kerana saya sendiri pun mangsa ISA dulu dan saya telah duduk di Kamunting selama lapan bulan dan saya rasa tidak betul dan tidak tepat kenyataan bahawa ditahan di bawah ISA ini satu perkara yang tidak zalim dan orang yang ditahan dilayani dengan cara yang adil.

Itu merupakan satu pembohongan, kalau kita sudah buat siasatan kita ada bukti, bawa ke mahkamah. *That is justice* bukan satu tahanan yang mana kita kata tunggu sampai dia pulih. Pulih tu apa, maknanya hendak terima apa yang dilakukan oleh pemimpin-pemimpin yang mana yang melakukan rasuah dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Itu satu pembohongan dan saya rasa kita mahu supaya ianya dinyatakan bahawa ISA adalah satu jenis undang-undang yang tidak boleh diterima di dalam sebuah negara yang kononnya negara yang maju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Kembali kepada *point* yang pertama tadi, saya minta Yang terhormat Timbalan Menteri pun perelaskan. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan. Sebelum Yang Berhormat menjawab, ini korupsi...

Dato' Chor Chee Heung: Cukup, cukup Yang Berhormat Shah Alam, kita harus faham macam mana gejala rasuah ini boleh berlaku. Adakah kalau Yang Berhormat Shah Alam tepuk sepasang tangan, dua pasang tangan baru boleh tepuk. Satu pasang tangan belah ini boleh tepuk tak, tak boleh. Sosial, kalau macam itu, kita harus juga mendidik supaya orang awam kita walaupun kita sedang mendidik supaya anggota polis tidak terlibat dengan gejala ini, pada masa yang sama juga saya percaya kita harus menyebarkan lebih luas lagi mengenai pendidikan kepada orang awam supaya tidak terlibat dengan rasuah. Ini adalah satu perkara cukup *fair and square*. Kalau kita hendak sebut tentang anggota polis memang ada, saya tidak pernah menafikan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Tunggu saya habis dahulu. Saya tidak pernah menafikan ada segelintir, memang ada dan macam mana kita susah hendak tangkap mereka sebab oleh kerana orang yang bagi rasuah itu tidak ingin membuat *report*, tak ada siapa tampil ke hadapan, selalu cakap dalam Parlimen. Pada masa yang sama juga kita lupa orang awam yang juga salah, yang terlibat dalam masalah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?.

Dato' Chor Chee Heung: Yang kedua, saya pun tak jawab habis lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dulu Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Yang kedua mengenai...

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: *[Bangun]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pasal rasuah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dulu Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Chor Chee Heung: Yang kedua mengenai pasal penghuni tahanan di Kemunting ini Yang Berhormat kata *you* pernah duduk situ kata lapan bulan, ini satu bukti yang cukup jelas bahawa Yang Berhormat sudah pulih, jadi seorang yang bertanggungjawab, dilepaskan di sini sebabnya ada masalah lagi.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Boleh balik.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat sekarang sihat belaka.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Apa pasal tak balik, dia kata kena tahan bukan dia keluar PAS pun.

Dato' Chor Chee Heung: Sihat belaka, jadi Ahli Parlimen. Kalau masih tak keluar itu tak jadi Ahli Parlimenlah . Baiklah saya rasa...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat bagi jalan Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat sila diam.

Dr. Haji Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Pasal rasuah.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Peraturan mesyuarat.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rasah mencadangkan supaya dibina balai polis di kawasan Rasah Jaya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Peraturan Mesyuarat 36(6) bahawa seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang mana satu sangkaan jahat Yang Berhormat?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ke atas siapa, ini serius Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Itu bukan sangkaan jahat. Dia kata mereka sudah pulih, sudah baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang lain sila duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 36(6), seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain di Dewan yang mulia ini ada ramai Ahli-ahli Parlimen yang pernah ditahan oleh akta zalim ISA. Mungkin semua boleh berdiri, yang pernah ISA, berdiri. Yang pernah ditahan di bawah ISA. *[Beberapa Ahli pembangkang berdiri]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur tidak perlu buat macam ini Yang Berhormat Ipoh Timur. *You are on point of order* Yang Berhormat. Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 36, kita semua Ahli Parlimen.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, *you point of order*. Pasal apa *you* ajak semua orang bangkit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sangkaan jahat kepada...

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]: Semua ini sudah pulih dah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 36, sangkaan jahat kepada...*[Dewan riuh]*

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Tuan Yang di-Pertua, ini sudah pulih ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *I know, point of order* Yang Berhormat telah katakan 36(6) tetapi tak perlu buat ajak orang bangun, tak ada kena mengena dengan 36(6).

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]: *Mislead* orang. Yang Berhormat Ipoh Timur mahu masuk balik kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya belum habis *point of order* saya. 36(6) bahawa...

Dato' Chor Chee Heung: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah faham Yang Berhormat. Sudah faham maksud 36(6).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya belum sebut apa sebab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pasal Yang Berhormat gunakan 36(6) untuk memanggil Ahli-ahli yang lain yang tidak kena-mengena dengan 36(6).

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, ada sebut contoh bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Lilah bin Yassin [Jempol]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Timur tiada kuasa panggil orang lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan, *point of order*. Saya belum habis.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Ipoh Timur tiada kuasa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order* belum habis.

Datuk Md. Sirat bin Abu [Bukit Katil]: Yang Berhormat Ipoh Timur duduk, jangan buang masa.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua. Boleh saya teruskan.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, kita faham, saya faham 36(6)

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan faham.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Ipoh Timur duduklah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya belum habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk. Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order* ialah Yang Berhormat Menteri adalah sangkaan jahat kepada kita yang berdiri tadi, bukan seorang Ahli-ahli Parlimen tetapi mungkin sepuluh

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Nanti kita tak ada *time* pula.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apabila Yang Berhormat kata bahawa tidak seorang ahli ISA dianiayai bahawa mereka dipulihkan. Ini semua dusta, fitnah. Kita tidak dapat dipulihkan. Bolehkan apa? Apabila saya di ISA Kamunting ada satu unit ...

Dato' Chor Chee Heung: Hendak buat ucapankah?

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang membolehkan mereka, kita panggil mereka balik.

Tuan Haji Salleh bin Haji Kalbi [Silam]: Bukan *point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sangkaan jahat kepada integriti, kepada nama baik kita dan saya harap bahawa Yang Berhormat Timbalan Menteri tarik balik oleh kerana ada kezaliman...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap Yang Berhormat Menteri, sekejap. Yang Berhormat Shah Alam duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia belum jawab soalan saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita *on point of order*. *Point of order* saya rasa jelas 36(6) semua orang faham 36(6) tidak perlu berucap perkara ini apalagi bila datang daripada orang yang berpengalaman tentang 36(6). *Standing order* Yang Berhormat dan saya tidak melihat, saya dengar tadi dia mungkin *jest* dalam ucapan respons daripada Yang Berhormat Shah Alam dan saya tidak melihat ada sangkaan jahat terhadap respons-respons yang dibuat Yang Berhormat Menteri Yang Berhormat, itu sahaja.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Boleh *jest*? Hilang kebebasan, *liberty*, apa *jest*, apa lagi main-mainkan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu respons, dalam respons Yang Berhormat Menteri kepada Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Lilah bin Yassin [Jempol]: Buat persepsi sendiri.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *The subject is the jest huh?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu respons kepada Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak perlu berucap, mengemukakan peraturan mesyuarat, tidak perlu berucap. Ya, sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *This is not a joking matter...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kena minta izin untuk bagi jalan Yang Berhormat, ya.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Shah Alam pun memahami maksud saya dan dia tahu bahawa saya mengutarakan percakapan itu bukan tidak ikhlas, ini sekadar satu

contoh. Baiklah Yang Berhormat Shah Alam, saya setuju dengan cadangan Yang Berhormat Shah Alam di mana ada juga, ada anggota-anggota polis yang terlibat dengan kesalahan rasuah memang ada cuma kita mencuba dengan sedaya upaya supaya Polis Diraja Malaysia untuk mendidik dan mengubah sikap mereka ini supaya segelintir yang bersalah ini akan menjadi anggota yang baik.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Saya tak habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dulu Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Satu mengenai ISA Yang Berhormat duduk situ lapan bulan bukan? Jelas menunjukkan kita menjaga orang tahanan. Kalau Yang Berhormat....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli Yang Berhormat duduk dulu Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Berasa beliau tidak adil duduk situ, beliau tidak dijaga dengan baik mungkin ada soal yang lain saya akan balik tengok dulu tetapi setakat kefahaman saya semua orang yang ditahan di Kamunting di bawah ISA ini diberikan segala kemudahan-kemudahan yang mencukupi untuk seorang yang ditahankan, sebagai seorang tahanan, itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi jalan Yang Berhormat. Yang Berhormat Batu.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bagi Yang Berhormat Batu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tak, dia kata Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Nombor satu, yang soal polis dengan rasuah. Sikap yang ditunjukkan sama dengan sikap yang ditunjukkan oleh Timbalan Menteri Pertahanan dalam kes latihan PLKN. Kes rogol, kes *molestation* tak banyak, tak perlu risau. Inilah sikapnya, sikap yang standard di kalangan Ahli-ahli Kabinet Barisan Nasional.

■1550

Rasuah sikit sahaja, kes rogol sikit sahaja, tidak membimbangkan. Dengan izin, *we cannot have this kind of attitude in the Cabinet*, kita mesti mempunyai satu sikap *zero tolerances*, rasuah - *zero tolerance*, rogol - *zero tolerance*. Soal ISA ini saya tidak dibenarkan bertemu dengan *lawyer*, saya tidak diberikan hak untuk membela diri. Semuanya dilakukan di dalam satu keadaan yang terkawal. Saya dituduh dan berikan tuduhan-tuduhan yang diumumkan kepada seluruh rakyat Malaysia bahawa saya ini pengganas, bahawa saya ingin menggulingkan kerajaan, rampasan kuasa dan sebagainya.

Semua tuduhan-tuduhan ini dilakukan secara yang sewenang-wenangnya oleh kerajaan melalui media massa. Saya tidak dibenarkan untuk membela diri. Mungkin bagi timbalan menteri, ini merupakan satu perkara yang tidak serius, *a matter of judge, it's not funny*. Saya rasa ianya kalau kita hendak kata soal keadilan, biar kita faham, apa itu keadilan. Hak untuk membela diri di mahkamah, hak untuk bertemu dengan seorang peguam untuk membela kita, hak untuk kita membersihkan nama kita adalah soal keadilan selain daripada ditahan. Walaupun *you put me in a golden cage, it is still a cage*, tidak kisah. Ini lain persoalan yang perlu difahami.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik, cukup Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Shah Alam.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau tengok rupa itu memang berbahaya pun.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: [Bangun]

Dato' Chor Chee Heung: Mengenai dua pertanyaan itulah, pertanyaan pertama adalah mengenai *zero tolerance*.... [Dewan riuh]

Seorang Ahli: Sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Siapa yang cakap Yang Berhormat?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Pasir Salak lagi bahaya. [Ketawa]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ada *security risk* itu.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: 36(6) sangkaan jahat, yang mengatakan...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Dato' Chor Chee Heung: Tidak ada masa. Terima kasih Yang Berhormat, cukuplah. Untuk menjawab Yang Berhormat Shah Alam dulu, memang mengenai isu-isu rasuah, *it is zero tolerance* kepada semua sama ada Barisan ataupun yang disebutkan oleh Yang Berhormat, sama juga prinsip ini. Kita memang tidak dapat *tolerate* rasuah tetapi kalau kita hendak ubah, kita kena ada cara untuk mengubah. Kita sedang melakukan, mengubah sikap dalam PDRM. Pada masa yang sama juga, kita juga harap orang awam juga jangan terlibat dengan itu.

Kalau *there is no giver, there won't be any taker*. Saya bukan hendak salahkan *public*, tidak ada. Kita ada dua-dua, dua serampang orang kata, dua serampang. Mengenai ISA ini segala orang yang ditahan di bawah ISA ini adalah mengikut lunas undang-undang. Jika seseorang mendapati bahawa tidak adil pada beliau, mungkin ini adalah perasaan beliau tetapi pada keseluruhannya kita harus bertindak mengikut lunas ISA.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh bagi jalan?

Dato' Chor Chee Heung: Itu yang cukup penting dan jika Yang Berhormat kata dulu tidak ada macam itu tidak apa, biar saya balik pi cek, tengok dulu.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Sebab bila Yang Berhormat ada di dalam situ, saya masih tidak ada lagi di sini. Baiklah terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya cukup banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Rasah mencadangkan supaya dibina balai polis di kawasan Rasah Jaya. Tuan Yang di-Pertua, buat masa sekarang...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya sudah banyak kali berdiri Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh bagikah?

Dato' Chor Chee Heung: Tidak apa, nanti selepas ini. Buat masa sekarang kementerian belum bercadang untuk membina sebuah balai polis di Rasah Jaya. Ini adalah kerana ketiadaan tapak untuk didirikan sebuah balai polis di kawasan tersebut. Walau bagaimanapun masyarakat setempat masih boleh mendapatkan khidmat polis dari Pondok Polis Rasah Jaya.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah. Kita minta dia selesai ayat dulu kemudian baru bangun Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Tunggu saya habis dulu ya. Balai Polis Rahang yang jaraknya antara lima hingga enam kilometer dari Rasah Jaya serta IPD dan Balai Polis Seremban di Seremban 2 yang jaraknya lebih kurang empat kilometer dari Rasah Jaya. Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Rasah Jaya ini merupakan satu kawasan perumahan yang telah dibangunkan lebih kurang 20 tahun yang lalu. Kawasan ini mempunyai sekurang-kurangnya saya rasa lebih dari 20,000 orang penduduk, mungkin lebih besar daripada sesetengah kawasan Dewan Undangan Negeri. Kawasan ini hanya dua orang pegawai polis, ada satu pondok di sana jaga 20,000 orang, sampai anggota itu cakap beritahu kepada saya dua orang anggota macam mana hendak jaga 20,000 orang? Bukankah kerajaan Perdana Menteri ada mengatakan bahawa sekarang kementerian ada pendekatan baru memakai kedai-kedai, pejabat untuk dijadikan balai polis.

Di sana memang ada banyak kedai-kedai yang kosong, tidak dijadikan balai polis. Mengapa tidak boleh dijadikan balai polis? Tiap-tiap hari pecah rumah, rompakan ini menjadi aktiviti harian di kawasan itu. Pagi tadi saya mendapat satu SMS daripada pengundi di sana, dengan izin, *"Another house was rob last night, looks like the resident got to buy a gun soon to protect themselves"*, sampai begini *frustrated* pengundi-pengundi di sana. Saya tidak tahu, sebagai wakil rakyat dia tanya saya apa yang boleh dilakukan oleh Ahli Parlimen? Saya pun tidak tahu apa hendak cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat, pihak menteri boleh jawab.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Bukan dia panggil saya jawab mereka pergi bahagian, jangan sampai begitulah. Saya harap pihak polis dapat melakukan sesuatu yang serius untuk keadaan ini. Bukankah kedai pejabat boleh dijadikan sebagai balai polis?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Seremban, saya faham apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, Rasah ya, *sorry* Rasah. Saya faham apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat dan memang sebelum sebuah balai polis didirikan, ia hanya akan bergantung pada beberapa faktor. Satu, berapa orang penduduk di situ memang saya tahu tadi Yang Berhormat kata ada melebihi 20,000 dan satu lagi faktor ataupun kriteria ialah berapa jauh jaraknya dari IPD ataupun balai polis yang berdekatan. Setakat ini kita rasa masih boleh. Walaupun masih boleh tetapi ini tidak bermaksud bahawa kerajaan tidak akan membina balai polis langsung selama-lamanya, tidak. Jadi mengikut satu program di mana Polis Diraja Malaysia akan pergi mengkaji dari masa ke semasa sama ada munasabah atau tidak bagi sebuah balai polis dibuat di situ ataupun dari pondok dibesarkan.

Memandangkan apa yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat, biar saya balik bagi dia orang mengkaji semula sama ada munasabah, kalau boleh kita buatlah. Kalau kena tunggu sedikit masa lagi kita tunggu sedikit masa lagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta laluan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Minta laluan. Saya hendak tanya berapa tahun baru munasabah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Rasah. Biar dia jawab Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Kawasan ini sudah 20 tahun dibangunkan, tidak munasabah lagi untuk didirikan balai polis

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat, semua wakil rakyat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah tidak boleh, *to be fair to the minister* Yang Berhormat, tidak boleh minta dia tentukan hari ini. Tidak boleh kita luluskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Jangan mengelirukan isu ini.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bukan mengelirukan, saya mahu tanya ada masalah.

Dato' Chor Chee Heung: at dulu, sat dulu, tidak apa. Ini ada spesifik, masalahnya spesifik di Rasah. Biar saya ambil balik kita pergi tengok dulu. Kalau you tanya semua wakil rakyat memang semua hendak supaya kawasan dia ada IPD juga kan? So kita kena kaji semula dulu, jangan oleh sebab kita bukan hanya tempat kita kawasan kita mempunyai masalah macam itu. Tempat lain pun mempunyai masalah itu, *that's why* kita harus mengkaji semula.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Tidak payah penjelasan, tidak mahulah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya bukan minta IPD Yang Berhormat, saya minta balai sahaja.

Dato' Chor Chee Heung: Saya tahu, saya tahu, balailah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dato' Chor Chee Heung: Okey, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, saya tidak pernah mengelirukan siapa-siapa tetapi saya terkeliru dengan keadaan.

Tuan M. Manogaran [Teluk Intan]: Sebab dia sendiri keliru.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di kawasan saya, Yang Berhormat ini dua, tiga kilometer jarak dia sudah bising. Tempat saya 47 kilometer, kalau hujan tidak boleh lintas, kalau orang bunuh satu minggu pun boleh lintas. Lalu, bukan liwat, lalu. Bagaimana tindakan kerajaan mewujudkan balai polis di Tongod? Lebih kurang 35,000 penduduk satu polis pun tidak ada, tanah sudah ada. Apa masalah dia?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini di Rasah, dua, tiga, kilometer sudah bising.

Tuan Chua Tee Yong [Labis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Labis kenapa bangun? Sila duduk.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Kinabatangan terima kasih. Saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sekejap. Saya keliru dengan pembangkang, dia kata polis rasuah, tidak telus, banyak buat perkara tidak baik dalam masa yang sama dia minta polis jaga. Apa sudah jadi?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ada baik ada jahat, macam Ahli Parlimen.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya kata polis kita yang terbaik di negara kita. Kalau bukan mereka menjaga kita ini tidak ada, tidak boleh jalan bebas. Dia tuduh polis macam-macam habis itu dia minta polis pula. Itu saya keliru.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Minta polis yang baik.

■1600

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tambah sedikit...

Dato' Chor Chee Heung: Tak, tak. Saya tak habis lagi dengan dia.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuduhan Yang Berhormat Kinabatangan itu tak tepat. Kita tak kata semua anggota polis itu rasuah. Ramai anggota polis jalankan khidmat dengan baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri boleh jawab Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Yang rasuah, yang penyamun ini di atas.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Gombak. Terima kasih.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ketua Polis Negara, pegawai tertinggi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...ini yang kita tentang.

Dato' Chor Chee Heung: Okey.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Anggota polis di bawah...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini sangkaan jahat.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Sangkaan jahat. Sangkaan jahat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: ...menjalankan dengan amanah dan bertanggungjawab. Jangan selewengkan fakta Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya bukan tuduh semua Yang Berhormat. *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sila duduk Yang Berhormat. Yang Berhormat Gombak sila duduk Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bercakap tidak menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Ya, menteri sila jawab menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini apa tak ada... *[Ketawa]*

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan memang betul. Yang Berhormat Rasah mempunyai masalah. Dia kompelin tentang masalah tidak mencukupi anggota, sedangkan Yang Berhormat Kinabatangan di situ pun dan tempat-tempat lain lagi, masih juga kekurangan. So, kita kena harus mengkaji dari semasa ke semasa di mana perlu kita mengisi kekosongan di mana perlunya yang lebih, apa orang kata, lebih mendesak supaya mengadakan balai ataupun IPD.

Walau bagaimanapun, seperti yang saya katakan tadi, biar saya bawa balik ini supaya pihak polis dapat mengkaji semula bukan sahaja takat tempat Yang Berhormat, tempat yang lain-lain juga.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, sebelum balik. Sebelum balik saya hendak tanya sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Pasir Salak Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit sahaja.

Dato' Chor Chee Heung: Cukuplah. Kalau tidak...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak, ini penting. Ini Yang Berhormat Gombak...

Dato' Chor Chee Heung: Bagi, bagi!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Gombak, Yang Berhormat Gombak buat tuduhan. *[Ketawa]* Buat tuduhan kepada Ketua Polis Negara.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat Pasir Salak boleh suruh menteri duduk ya Tuan Yang di-Pertua? *[Ketawa]* *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia beri jalan, dia beri jalan, ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini ada bahaya sikit. *Security risk.*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Dia lapan bulan sudah pun...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum cukup pulih lagi. *[Ketawa]* Mahu masuk sekali lagi. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat menteri, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya hendak, saya hendak Yang Berhormat Menteri...

Dato' Chor Chee Heung: ...Yang Berhormat Lipis meminta...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

Dato' Chor Chee Heung: ...kualiti anggota dan mutu latihan Polis Diraja Malaysia dipertingkatkan lagi dan serta kebajikan anggota dan keluarga polis diberikan perhatian sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia sentiasa memastikan pengambilan anggota-anggota polis dibuat secara teliti bagi mendapatkan anggota-anggota yang berkualiti. Ini bermula dari proses tapisan yang dibuat ke atas setiap borang permohonan yang di terima, yang meliputi kelayakan akademik, fizikal, latar belakang keluarga dan lain-lain maklumat yang dilampirkan.

Permohonan yang layak akan di senarai pendek untuk dipanggil bagi pemeriksaan fizikal. Seterusnya, calon-calon yang telah melepasi ujian fizikal akan di temu duga dengan meneliti keseluruhan siasah dan keterampilan diri calon. Calon-calon yang diperakukan sesuai oleh Lembaga Temu Duga masih tertakluk kepada keputusan tapisan rekod jenayah, tapisan cawangan khas dan pemeriksaan kesihatan sebelum dilantik sebagai konstabel ataupun inspektor.

Konstabel dan inspektor percubaan yang dilantik akan mengikuti latihan asas kepolisian di pusat-pusat latihan polis selama 7 bulan bagi konstabel dan 12 bulan bagi inspektor. Latihan ini meliputi dari segi membina disiplin, ketahanan mental dan fizikal serta mengikuti kuliah mengenai tugas-tugas kepolisian dan undang-undang.

Sementara itu, dari segi jurulatih, Polis Diraja Malaysia telah menetapkan bahawa jurulatih yang dilantik adalah terdiri dari mereka yang memiliki kelulusan akademik, pengalaman dalam perkhidmatan dan mempunyai sahsiah yang baik. Mereka juga didedahkan kursus latihan mengajar di Institut Pentadbiran Awam Negara ataupun INTAN ataupun kursus-kursus yang dikendalikan sendiri oleh Polis Diraja Malaysia di dalam dan di luar negara.

Kebajikan anggota dan keluarga Polis Diraja Malaysia juga sentiasa diberi perhatian oleh kerajaan. Gaji anggota Polis Diraja Malaysia sentiasa dikaji dari semasa ke semasa dan sentiasa melebihi kadar gaji yang diterima oleh penjawat awam yang lain. Lebih dari 5 jenis elaun dan 11 bayaran insentif khas yang diperuntukkan oleh kerajaan khusus untuk anggota Polis Diraja Malaysia.

Pelbagai Tabung Amanah Warisan Polis telah pun diwujudkan bagi membantu pesara polis menjalani kehidupan mereka dengan lebih baik. Di samping itu, lebih banyak balai-balai dan kuarters baru dibina bagi kemudahan dan keselesaan anggota Polis Diraja Malaysia dan keluarga mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis juga mohon agar Ibu Pejabat Polis Daerah Lipis yang baru dipercepatkan pembinaannya kerana bangunan yang sedia ada telah usang dan tidak cukup ruang bagi menempatkan anggota yang semakin bertambah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, cadangan membina kompleks pentadbiran dan 102 unit perumahan Ibu Pejabat Daerah Lipis Pahang adalah tersenarai antara projek yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Dalam Negeri yang akan menggunakan peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan. Anggaran kos bagi projek ini adalah sebanyak RM24.9 juta. Walau bagaimanapun, projek ini tidak dapat diteruskan kerana peruntukan tidak mencukupi. Namun, kementerian akan membawa projek ini ke Rancangan Malaysia Kesepuluh supaya IPD ini dapat dibina dengan secepat mungkin.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lipis juga mencadangkan supaya kawasan dan bangunan bekas Kem Pasukan Polis Hutan di Batu 13 Benta, dapat digunakan semula sebagai Pusat Latihan Polis Diraja Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bekas Kem

Pasukan Polis Hutan di Batu 13 Benta telah pun diambil oleh Agensi Antidadah Kebangsaan sebagai tapak Pusat Serenti Benta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seremban pula bertanya mengenai kebanyakan Ahli-ahli Panel untuk kes penceraian didapati tidak mempunyai kelayakan untuk menjadi kaunselor perkahwinan. Untuk makluman Yang Berhormat, kebanyakan Ahli-ahli Panel Tribunal Perkahwinan di Jabatan Pendaftaran Negara Malaysia adalah terdiri daripada Pegawai Tadbir Diplomatik, Penolong Pegawai Pendaftaran dan Pembantu Pendaftaran Kanan yang merupakan ahli yang tidak mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman sebagai kaunselor.

Walau bagaimanapun, sejak tahun 2007, pihak pengurusan Jabatan Pendaftaran Negara telah pun mengendalikan kursus kaunseling secara berterusan kepada pegawai dan kakitangan yang menjadi Ahli Panel Tribunal Perkahwinan. Kursus tersebut dianjurkan oleh Jabatan Pendaftaran Negara bersama Institut Sosial Malaysia dan Jabatan Kebajikan Malaysia dan penceramah-penceramah yang dijemput adalah mereka yang berpengalaman dan telah pun ditauliahkan sebagai kaunselor.

Ahli-ahli yang telah mengikuti kursus kaunseling, akan diberi sijil dan seterusnya dilantik sebagai Ahli Panel Tribunal Perkahwinan untuk tempoh tiga tahun. Ahli panel yang menunjukkan prestasi yang baik sahaja akan dilanjutkan tempoh perkhidmatan dan diberi sijil perlanjutan pelantikan. Selain daripada itu, Jabatan Pendaftaran Negara juga melantik beberapa Ahli Panel Tribunal daripada badan-badan kerajaan dan badan bukan kerajaan.

Pada masa ini, jabatan mempunyai beberapa Ahli Panel Tribunal aktif daripada JKM di peringkat negeri dan kakitangan kerajaan yang telah bersara dan yang juga boleh dilantik sebagai Ahli Panel Tribunal sekiranya mempunyai pengalaman dan latar belakang pendidikan berkaitan kaunseling. Pihak jabatan juga memastikan ahli-ahli panel ini terdiri daripada kaum Cina, kaum India, demi keselesaan dan kemudahan pemohon-pemohon tribunal perkahwinan.

Mulai Januari 2008, sehingga kini tiada sebarang aduan mengenai kelayakan ataupun peranan Ahli-ahli Panel Tribunal yang dibangkitkan. Bagi mewujudkan tribunal perkahwinan yang efisien dan efektif, jabatan akan sentiasa mengambil langkah-langkah penambahbaikan dari semasa ke semasa dan memberikan perkhidmatan yang berkualiti.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seremban dan Yang Berhormat Bukit Mertajam juga telah pun...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: ...meminta kerajaan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Sebelum itu!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai dengan *Married Tribunal* ini, ahli-ahli panel ini. Saya mendapati bahawa terkurangnya ahli-ahli yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin ataupun bahasa Hokkien ataupun bahasa

Tamil. Ahli-ahli panel ini kekurangan fasih kalau mereka tidak boleh bertutur dalam bahasa Mandarin, Hokkien ataupun Tamil, mereka tak faham kebudayaan.

Kebanyakan masalah, kalau masalah perkahwinan, dia terlibat dalam kebudayaan. Jadi, saya rasa adalah perlunya memastikan bahawa ahli-ahli panel ini, mereka mesti faham kebudayaan *client* mereka dan juga boleh bertutur dalam bahasa yang *client* mereka fasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi, saya minta memberikan jumlah atau bilangan Ahli-ahli Panel Tribunal ini dan juga berapa yang boleh bertutur dalam bahasa Tamil dan bahasa Mandarin. Terima kasih.

■1610

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat. Apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat memang benar, tetapi saya ingin memberi jaminan bahawa semua bakal ahli panel yang diambil dari badan bukan kerajaan harus mengetahui untuk bertutur dalam bahasa Mandarin ataupun bahasa Tamil. Ini adalah satu kelayakan yang perlu diadakan di sebelum kita mengambil mereka sebagai ahli panel.

Namun begitu, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat ini, jika saya dapat nama-nama ataupun tempatnya mungkin saya boleh menjalankan satu siasatan. Saya akan tengok sama ada mereka ini benar-benar tidak mengetahui ataupun bagaimana keadaannya. Yang Berhormat mungkin boleh berikan kepada saya dan saya boleh buat. Setakat ini, sepanjang pengetahuan saya, yang datang daripada bukan kerajaan semuanya mengetahui sebab mereka ini terdiri daripada kaum Tionghoa ataupun kaum India. Dari segi berapa bilangannya dalam tribunal ini, setakat ini saya hanya tahu bilangannya dalam lingkungan 250 lebih, tetapi untuk lebih spesifik saya akan berikan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat Seremban dan Yang Berhormat Bukit Mertajam minta supaya kerajaan menyemak semula seksyen 95 di bawah Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 supaya pemberian nafkah kepada anak-anak dilanjutkan sehingga mereka menamatkan pengajian di universiti dan bukan hanya sehingga umur 18 tahun sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, isu pembayaran nafkah seperti yang di peruntukan di bawah seksyen 77, 92 dan 95, Akta Membaharui Undang-undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 telah dibentangkan secara ekstensif bersama dengan Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian Dalam Negeri serta badan-badan bukan kerajaan seperti Majlis Peguam Negara, Persatuan Peguam Wanita Selangor dan Wilayah Persekutuan, dan *Joint Action Group for Gender Quality*, semuanya ini telah pun mengadakan beberapa sesi mesyuarat, taklimat dan juga perbincangan.

Di antara pindaan yang dicadangkan adalah pindaan ke atas seksyen 95 supaya melanjutkan pemberian nafkah kepada anak-anak sehingga mendapat pendidikan ijazah pertama. Ini akan dibuat tetapi setakat ini peringkat ini hanya melibatkan Jabatan AG dan juga

beberapa kumpulan dari segi perundangan. Selepas ini saya percaya tidak lama lagi ia akan dilanjutkan supaya nafkah diberikan kepada anak-anak sehingga berumur sekurang-kurangnya 21 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seremban juga...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat? Silakan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, perkara ini telah dibawa dua tahun yang lalu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Sudah lima tahun.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, sudah lima tahun. Jadi dia mengambil langkah yang begitu lambat sekali sedangkan ia melibatkan kepentingan kanak-kanak. Saya rasa, kalau kerajaan ini betul-betul mengatakan bahawa mereka mementingkan kepentingan kanak-kanak, mereka haruslah membawa pindaan ini dengan secepat mungkin. Mungkin pada sesi Parlimen yang akan datang. Bolehkah ini dibuat?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih, Yang Berhormat Bukit Mertajam. Seperti yang saya nyatakan tadi dalam jawapan saya, oleh sebab begitu banyak *groupings* - kumpulan-kumpulan harus mempunyai pandangan yang sama seperti badan-badan bukan kerajaan.

Apabila kita membuat penggubalan baru, pindaan kepada sesuatu akta, kita janganlah buat selepas enam bulan apabila kita merasa tidak begitu sesuai kita tukar balik. Jadi, sebelum kita buat kita perlu membuat kajian yang teliti di mana semua kumpulan yang mempunyai kepentingan dijemput. Ini sudah pun dibuat dan sekarang ini adalah di peringkat AG - tidak lama lagi. Saya tidak bagi jaminan bahawa pada sesi Parlimen depan kita akan bantangkan di Parlimen tetapi ini sudah sampai kepada satu peringkat di mana ia boleh dan akan dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seremban juga meminta kerajaan menyemak semula seksyen 106 di bawah akta yang sama di mana pengeluaran sijil perceraian hendaklah dipercepatkan daripada enam bulan kepada tiga bulan. Seksyen 106 memperuntukkan mengenai pasangan yang berkahwin perlu merujuk kesulitan hal ehwal perkahwinan mereka kepada sebuah badan ataupun tribunal perkahwinan sebelum petisyen untuk perceraian dilakukan di mahkamah.

Tuan Yang di-Pertua, tempoh enam bulan yang diberi supaya badan pendamai ataupun tribunal perkahwinan ini mempunyai masa yang secukupnya untuk mendengar kedua-dua pihak yang berkahwin dan melakukan penyiasatan yang difikirkan patut jika perlu. Ini kerana peranan badan tribunal perkahwinan itu adalah untuk mendamaikan pasangan yang berkonflik dan bukan semata-mata mengeluarkan perakuan. Secara praktikalnya tempoh enam bulan difikirkan terlalu singkat bagi sesetengah kes yang dirujuk dan ada kalanya badan tribunal perkahwinan dengan persetujuan majoriti ahli panel akan melanjutkan lagi tempoh tersebut hingga difikirkan wajar.

Oleh yang demikian, cadangan bagi mengurangkan tempoh enam bulan kepada tiga bulan adalah tidak sesuai dan ia tidak wajar dipraktikkan kerana pasangan yang berkonflik memerlukan masa yang panjang untuk menyelesaikan masalah, dan kembali berdamai di samping menitikberatkan peranan anak-anak mereka.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat Seremban mencadangkan supaya mempercepatkan pengeluaran sijil. Akan tetapi pada pandangan saya, apakah pihak kementerian boleh pertimbangkan untuk membatalkan keperluan merujuk kes ini terlebih dahulu kepada badan pendamai?

Ini disebabkan pada kebiasaannya apabila ada satu pasangan di mana satu pihak ingin bercerai dan satu pihak lagi enggan mereka merujuk kepada badan pendamai. Apabila mereka dipanggil untuk hadir, jika salah satu pihak tidak hadir sebanyak tiga kali ia akan terus diberi kelulusan sijil bahawa perkahwinan ini tidak boleh diselamatkan lagi dan boleh terus untuk perkahwinan.

Jadi, memang ada kelemahan dalam aspek badan pendamai ini. Pada pendapat saya ia membuang masa sahaja. Apabila perkahwinan itu tidak boleh diselamatkan bagaimana pihak yang ketiga ini mampu membantu mereka? Lebih-lebih lagi seperti apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam memang benar apabila pegawai panel di dalamnya tidak boleh berbahasa dalam bahasa mereka. Saya nampak ia sudah ketinggalan dan tidak membawa manfaat malah akan memanjangkan lagi masalah mereka.

Jadi, saya pohonlah, mungkin perkara ini boleh dikaji semula, mansuhkan badan pendamai ini.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum itu. Mungkin kita boleh mencadangkan supaya mengkaji semula sistem pendamai ini. Kita hendak tahu apakah kadar kejayaannya dan berapa kes yang telah berjaya didamaikan? Adakah ini telah dikaji?

Sekiranya ia tidak berjaya apakah sebabnya? Adakah ini kerana ketidakberkesanan ahli-ahli Panel ini? Saya rasa ini adalah amat penting kerana kita juga mahu menyelamatkan keluarga dan juga perkahwinan. Saya rasa mereka tidak profesional maka sebab itulah punca kegagalannya. Jadi, kita mesti *upgradekannya*.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih kepada kedua-dua Ahli Yang Berhormat. Peranan yang diberikan kepada tribunal perkahwinan adalah termasuk juga usaha mendamaikan pasangan. Saya percaya setakat ini kementerian berpendapat bahawa tempoh enam bulan ini bukanlah satu tempoh yang panjang. Tempoh masa tiga bulan atau enam bulan pun adalah lebih kurang sama. Apa salahnya kalau ia boleh membantu menyelamatkan pasangan-pasangan supaya tidak bercerai.

Walau bagaimanapun dari semasa ke semasa kita akan melihat sama ada peranan ini terus memberi keberkesanan untuk menyelamatkan pasangan-pasangan yang hampir bercerai.

Setakat ini tidak ada cadangan untuk memendekkan masa itu daripada tempoh enam bulan kepada tiga bulan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan telah membangkitkan masalah sejumlah...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Saya ingat cukuplah.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab tiga soalan daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Adakah ia akan mengkaji kadar kejayaannya. Itu yang pertama.

Dato' Chor Chee Heung: Mungkin. Selepas ini mungkin kita akan buat juga untuk melihat sama ada berkesan atau tidak dari segi statistiknya, berapa pasangan telah pun pergi ke hadapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duduk dulu, Yang Berhormat.

■ 1620

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang Berhormat, sedikit penjelasan, sedikit penjelasan. Sekiranya kita betul-betul pentingkan institusi keluarga ini dan kita hendak menyelamatkan semua perkahwinan ini, saya rasa kita bukan sahaja untuk mengadakan ahli-ahli...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Seremban, sila duduk dahulu Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Yang penting ialah kita sudah mencadangkan supaya mengadakan mahkamah keluarga supaya ada satu *one stop centre* untuk semua masalah perkahwinan dan juga keluarga. Ini adalah untuk kita mengadakan satu sistem yang lebih baik untuk menyelamatkan semua keluarga dan juga perkahwinan. Adakah pihak kerajaan yang mengatakan begitu peka kepada masalah sosial ini dan bilakah akan buat?

Dato' Chor Chee Heung: Minta maaf Yang Berhormat. Saya tidak dapat menjawab bagi pihak kementerian lain juga sebab ini bukan sahaja Kementerian Dalam Negeri. Dari segi Mahkamah Kekeluargaan ataupun *Family Court* ini dijatuhkan di kementerian lain. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan....

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bolehkah, bolehkah Yang Berhormat juga tolonglah bawakan perkara ini?

Dato' Chor Chee Heung: Ya, ya, boleh, boleh. Tolong boleh, tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan telah pun membangkitkan masalah sejumlah 10,000 hingga 15,000 orang masyarakat di kawasan Parlimen Kinabatangan tidak mempunyai sijil kelahiran dan kad pengenalan. Oleh yang demikian, beliau meminta golongan seumpama ini diberikan dokumen sebelum operasi besar-besaran dijalankan kerana beliau bimbang akan berlaku kejadian salah tangkap dan mereka ini akan dihantar ke negara lain.

Tuan Yang di-Pertua, operasi penangkapan pendatang tanpa izin yang menetap di Sabah pada kali ini perlu dijalankan bagi mengatasi masalah kebanjiran pendatang tanpa izin di negeri tersebut. Oleh yang demikian, satu perancangan yang teliti telah pun disusun oleh agensi-agensi berkaitan supaya operasi ini dapat dijalankan dengan licin dan berkesan.

Sebelum pendatang tanpa izin dimasukkan ke dalam depot tahanan sementara untuk dihantar pulang, semua mereka yang ditangkap akan melalui proses pengecaman oleh pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen. Orang-orang tempatan yang tidak mempunyai dokumen tetapi mempunyai tuntutan sebagai warganegara Malaysia akan dilepaskan dari tahanan dan maklumat mereka ini akan diambil untuk maksud dokumentasikan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Belum habis jawab lagi Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung: Belum, biar saya habiskan dahulu. Saya juga ingin menasihati penduduk tempatan yang tidak mempunyai dokumen supaya membawa salinan dokumen ibu bapa mereka bagi memudahkan pihak bertanggungjawab menjalankan pengecaman. Dalam masa yang sama juga Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan boleh mengemukakan permohonan kepada Jabatan Pendaftaran Negeri Sabah mengadakan operasi bergerak bagi mendaftar sijil kelahiran dan kad pengenalan di kawasan tersebut. Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat. Memang saya tunggu-tunggu jawapan ini. Bukan pertama kali, berpuluh-puluh kali saya bawa kepada Jabatan Pendaftaran, masalah tidak selesai juga.

Saya meminta Yang Berhormat membawa perkara ini supaya ada fokus dan keseriusan. Pihak Jabatan Pendaftaran masuk ke kawasan itu tidak boleh satu, dua hari, sekurang-kurangnya dua bulan. Barulah masalah ini selesai, sebab sehingga ke hari ini, budak saya daripada Kampung Suan Lambak, sudah dua minggu di Rumah Merah di Kota Kinabalu. Bapa dia ada bawa dokumen IC dia, masih juga ditahan. Saya sudah telefon pengarah imigresen, "Ini budak orang Kinabatangan, Orang Sungai". Apa pasal ditahan di Rumah Merah? Hendak hantar mana? Nama dia Asrin bin Arsi. Ini yang ketiga.

Minggu lalu, dua orang lagi. Saya telefon juga imigresen. Ini Orang Sungai, orang Kinabatangan. Bayangkan bagaimana sengsara? Kerja saya tidak ada, itu sahaja! Ibu-bapa dia

cari saya. *[Disampuk]* Rumah Merah, inilah kerajaan bagi nama tahanan. Tahanan untuk orang-orang pelarian dipanggil Rumah Merah.

Jadi, saya tidak mahu perkara ini berlaku dan saya akan menulis surat kepada Pengarah Pendaftaran Negara, Negeri Sabah. Saya mahu mereka komited ke arah memberi identiti kepada warganegara Malaysia di Kinabatangan sebab ini tanggungjawab kerajaan. Saya mahu lihat perkara ini dapat diselesaikan tahun ini juga. Jangan lagi ada orang warganegara Malaysia tidak beridentiti.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Kita akan membantu Yang Berhormat untuk menyelesaikan ataupun meringankan masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat sendiri. Akan tetapi seperti saya katakan tadi, boleh Yang Berhormat bantulah untuk memberi nasihat kepada semua anak-anak kecil semasa mereka keluar, simpan satu dokumen fotostat, dokumen ibu-bapa mereka supaya apabila ditangkap, mereka ini kalau boleh tunjuk. Ini jelas membuktikan bahawa mereka ini adalah dari Kinabatangan. Tidak ada masalah. Yang kedua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, isu ini bukan baru. Pertama, ibu-bapa dia sendiri pun tidak beridentiti dari turun-temurun. Turun, turun, turun.

Dato' Chor Chee Heung: Baiklah, kalau macam itu, Yang Berhormat kalau boleh dengan secepat mungkin, kita pergi ke Jabatan Pendaftaran Negara, pejabatnya di Kinabatangan ataupun di Sabah. Di mana boleh mengatur satu *exercise* untuk mendaftar orang-orang ini semua, dapat dijalankan dengan secepat mungkin. Kita di sini akan membantu itu, jangan bimbang.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kementerian beri surat hitam putihlah kepada jabatan pendaftaran, baru kita boleh kerja.

Dato' Chor Chee Heung: Okey, Terima kasih. Yang Berhormat dari Bintulu pula.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasihlah Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Tuan Yang di-Pertua, isu ini mengenai Jabatan Pendaftaran Negara ini, mengenai kad pengenalan, surat beranak, surat mati, memang bermasalah.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, bersetuju atau tidak kalau kementerian sendiri ataupun pegawai-pegawai dia selepas menjalankan tugas, kalau fikirannya tidak terbuka, sampai bila-bila masa pun tidak boleh selesai. Yang Berhormat Menteri cakap satu, pegawai cakap lain. *[Disampuk]* Akhir sekali, kita sebagai wakil rakyat pun tidak tahu, siapa ada kuasa, siapa boleh bagi arahan?

Saya difahamkan daripada pangkat pertama, sekarang Perdana Menteri kita, semasa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri, diarahkan selesai satu kali gus. *Once for all*, tukar dia punya syarat, *simplify*, kita selesai *once for all*. Akan tetapi, sampai bawah, pegawai cakap, "Itu orang politik, mana ada kuasa? Kitalah pegawai, baru

ada kuasa"! Sekarang saya mahu tanya Yang Berhormat Timbalan Menteri, siapakah berkuasa sekarang? Menteri berkuasa atau pegawai berkuasa? Kalau pegawai berkuasa, minta pegawai datang sendiri jawab. Sekian, terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh, boleh, saya...

Dato' Chor Chee Heung: Tidak payahlah, tidak payahlah. Ini Sabah punya ini...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sama, sama juga, di Semenanjung pun ada.

Dato' Chor Chee Heung: Sarawak punya ini, Tidak mengapalah, nanti, tunggu ya, saya jawab ini.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Selepas ini, bagi ya, selepas ini.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Bintulu, saya faham apa masalah yang dihadapi di bawah dan dari segi kuasa itu memanglah Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, ataupun menteri-menteri yang mempunyai kuasa yang mutlak.

Pegawai-pegawai hanya mengikut arahan, tetapi kita jangan lupa juga keadaan di bawah bukan senang seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat sebab terdapat begitu ramai orang yang masih tidak didaftar dan negeri pula, negeri Sabah dan negeri Sarawak pun begitu besarnya Sarawak dan pedalaman. Kalau hendak masuk, seperti Yang Berhormat Kinabatangan kata, kena 2 bulan duduk di situ.

So, kita kena memahami juga pegawai-pegawai kita juga mempunyai masalah. Kadang-kadang, kita pergi tidak cukup lama, kita keluar dan dari segi pendaftaran bukan senang. Akan tetapi, bagilah sedikit masa kepada pegawai-pegawai supaya mereka ini dapat terus masuk ke pedalaman dan akan dengan sedaya-upaya mendaftarkan mereka walaupun proses ini akan memakan masa yang panjang sedikit.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Dato' Chor Chee Heung: Habislah Yang Berhormat, cukuplah.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Belum. Yang Berhormat Timbalan Menteri, masalah dia, kita di sini mahu meminta Yang Berhormat Timbalan Menteri, mesti mahu kaji balik semula. Kalau kita pergi kawasan, mesti mahu fokus satu-satu kawasan selesai. Jangan mahu cakap terlompat sini, terlompat sana, akhir sekali semua tidak selesai. Kawasan ke kawasan, kasi selesai. Setuju atau tidak Yang Berhormat?

Dato' Chor Chee Heung: Baiklah Yang Berhormat. Kita akan ambil berat tentang perkara itu. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Seremban telah membangkitkan beberapa masalah dan kini membangkitkan berkenaan ramai masyarakat India yang tidak memiliki kad pengenalan, sijil lahir dan hanya memiliki kad pengenalan merah kerana disebabkan banyak masalah kerenah birokrasi wujud semasa permohonan dibuat di Jabatan Pendaftaran Negara.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, syarat-syarat mengemukakan dokumen sokongan dan memberi keterangan semasa mengemukakan permohonan sijil kelahiran dan kad pengenalan adalah diperlukan oleh petugas-petugas di kaunter Jabatan Pendaftaran Negara. Maklumat dan keterangan diperlukan untuk mengesahkan bahawa kanak-kanak tersebut...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. Sekejap Yang Berhormat ya.

Dato' Chor Chee Heung: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap. Saya mendengar perbahasan pada jam 2.30 petang tadi yang *quoted* saya yang tidak mengizinkan Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk meneruskan perbahasan. Saya rasa itu tidak tepat dan saya menganggap bahawa *the concluding speech* yang telah dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tadi adalah ucapan yang menggulung terakhir seperti lazim yang dibuat oleh mana-mana kementerian. Saya rasa saya sudah lama di Parlimen, lama juga di Parlimen ini yang faham apabila seorang menteri mengutarakan ayat-ayat penggulangannya bererti itulah kata penggulangan yang terakhir daripada kementerian.

Saya tidak ada halangan seperti yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum ini untuk memanggil menteri tetapi saya rasa tidak adil jika dikatakan bahawa saya tidak mengizinkan menteri untuk meneruskan perbahasan. Ini kerana saya melihat ucapan penggulangan dan ayat-ayat daripada Menteri yang telah menunjukkan bahawa itu adalah ucapan terakhir beliau. Saya selepas mesyuarat bertemu dengan menteri dan bertemu dengan timbalan menteri dan kedua-dua menteri dan timbalan menteri ini merasakan bahawa kementerian telah pun tamat menggulung perbahasan di Dewan ini.

Apa pun keputusan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua sebelum ini, saya tidak melibatkan itu tetapi kenyataan yang mengatakan bahawa saya tidak mengizinkan menteri meneruskan perbahasan adalah tidak tepat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya memberikan penjelasan sedikit. Saya tidak berhasrat untuk membuat kenyataan bahawa Tuan Yang di-Pertua tidak membenarkan perbahasan diteruskan. Cuma yang saya cuba perjelaskan tadi ialah apabila Yang Berhormat Menteri menyatakan secara jelas bahawa beliau bersedia untuk meneruskan perbahasan dan membenarkan sekiranya di kalangan Ahli-Ahli Yang Berhormat ini untuk mendapatkan penjelasan apabila Tuan Yang di-Pertua ataupun Pengerusi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak mendengar perbahasan menteri menggunakan... bercakap perkara yang sedemikian tetapi saya melihat dia memberi signal-signal tangan, itu sahaja. Apabila saya tanya di luar tadi beliau menyatakan bahawa perbahasannya tamat. Itu sahaja isunya Yang Berhormat .

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya. Tuan Yang di-Pertua, saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak ada sedikit pun membuat keputusan untuk tidak mengizinkan menteri.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya. Itu yang saya hendak jelaskan, saya pun tidak tahu apa yang berlaku di luar Dewan. Saya hendak rujuk tentang keterangan dan kenyataan yang agak jelas dalam pendengaran saya bahawa Yang Berhormat Menteri bersedia untuk membenarkan sekiranya ada Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk meneruskan penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya minta *check* Hansard perkara ini Yang Berhormat, ya. Kalau betul pun dalam keadaan mikrofon yang tidak hidup atau pun mengutarakan dalam keadaan signal.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya, kita boleh. Kita bincang tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh *check* Hansard nanti bahawa Yang Berhormat Menteri telah mengatakan bahawa ianya habis.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Baik, Tuan Yang di-Pertua, ini bukan soal *technicalities* hendak *check* mikrofon rosak atau pendengaran saya, saya hendak pergi jumpa doktor mungkin saya silap dengar. Kita juga bicarakan awal tengah hari tadi soal kebijaksanaan kerusi yang mempengaruhi Majlis Mesyuarat ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu soal yang lain Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Apabila Yang Berhormat Batu Pahat dan beberapa teman yang lain merasakan perbahasan itu harus dilanjutkan kerana isunya besar melibatkan kajian semula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu soal yang lain Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Sebab itu Tuan Yang di-Pertua tadi mengatakan beliau tidak ada halangan membenarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya juga tidak ada halangan untuk Tuan Yang di-Pertua membuat keputusan sedemikian. Soalnya sahaja bahawa saya tidak ada sedikit pun dalam keadaan dua jam sebelum jam satu tadi tidak mengizinkan menteri. Akan tetapi saya mengambil *queue* daripada Menteri bahawa beliau telah pun tamat menggulung. Baik Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tapi kalau ada permintaan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu soal yang lain Yang Berhormat.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Bahawa saya tidak harus mengatakan tidak mengizinkan. Itu saja soalnya bahawa saya dikatakan tidak mengizinkan. Saya ingin *clarify*, memperjelaskan bahawa saya tidak ada sedikit pun niat tidak mengizinkan.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Ya. Saya menerima dan saya pun tidak membuat tuduhan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya terus Yang Berhormat Menteri.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, bukankah ini boleh selesai di mana menteri boleh datang kerana kita tengok selepas itu timbalan-timbalan menteri jawab, mana itu menteri-Menteri. Sudah jatuh standard Parlimen nampaknya dalam perbahasan *midterm review* ini. Kita mahu menteri-menteri datang, tidak mahu timbalan-timbalan menteri, lari daripada soalan penjelasan. Kita mahu menteri yang bertanggungjawab. Kenapa menteri ada di...

Datuk Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir salak] : Marah-marah fasal apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Jangan marah Yang Berhormat

Datuk Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir salak]: Marah-marah pula. Sudah tua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, isunya sudah selesai ya.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Maklumat dan keterangan ini diperlukan untuk mengesahkan bahawa kanak-kanak tersebut telah pun dilahirkan di negara ini iaitu status perkahwinan ibu bapa dan tuntutan taraf kewarganegaraan kanak-kanak tersebut. Semua orang yang berurusan di kaunter dikehendaki memenuhi syarat-syarat yang telah pun ditetapkan yang tidak tertakluk kepada masyarakat India sahaja. Mengenai masyarakat India yang memegang kad pengenalan pemastautin tetap hendaklah pula menukarkan permohonan untuk menjadi warganegara terlebih dahulu sebelum diberikan taraf tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Sipitang telah memohon memberi pertimbangan yang sewajarnya mengenai isu pembinaan Balai Polis Sipitang yang sehingga kini tidak mempunyai bangunan sendiri. Pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah Sipitang tidak dapat dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan kerana peruntukan yang tidak mencukupi. Dalam hal ini, kementerian memberikan keutamaan kepada balai-balai polis yang benar-benar uzur dan berada dalam kawasan indeks jenayah tinggi. IPD Sipitang telah dibina pada tahun 1976 dan masih lagi dalam keadaan baik untuk digunakan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Yang Berhormat Maran telah memohon penjelasan kementerian berkenaan dengan status pembinaan Balai Polis di Daerah Maran. Berapa kos kerugian yang telah ditanggung oleh kerajaan akan kelewatan projek ini. Untuk makluman Dewan yang mulia ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Tadi saya mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat timbalan menteri mengenai dengan masalah pendatang haram di Sabah. Saya menunggu jawapan persoalan yang lain yang terkandung dalam ucapan saya. Saya dengar tidak disentuh. Kalau boleh saya minta timbalan menteri untuk menerangkan iaitu masalah pertama mengenai dengan tadi berkisar kepada

masalah operasi mengusir pendatang haram tetapi tidak kurang besarnya masalah ialah pendatang tanpa izin yang telah memiliki kad-kad pengenalan dan sebagainya. Ini dikira beratus ribu Yang Berhormat dan apakah pendekatan kerajaan sebab kita di Sabah ini mengesyaki bahawa ada mereka yang mendapat kad ini secara haram. Ada juga yang mendapat secara sah tetapi tidak selamanya sehingga hari ini.

Kita tidak pernah mendapat penjelasan yang jelas daripada kerajaan. Jadi kita lihat Tuan Yang di-Pertua, di Sabah ini banyak bukti-bukti yang kita boleh bagi. *We have compile* dengan izin untuk bukti di mana dua, tiga tahun pembantu rumah pun esok-esok tuan rumah lihat ada kad pengenalan. Apakah tindakan kerajaan dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *they must be a total solution*, mengusir yang tiada dokumen tetapi *you must solve the group of people who have in the position* kad-kad pengenalan.

Kedua, baru-baru ini Pesuruhjaya Filipina mencadangkan agar mereka ini diberi status penduduk tetap. Dalam ucapan saya, kita di Sabah ini menentang dan pendirian kerajaan negeri pun jelas kerana ini akan bertentangan dengan undang-undang dan peraturan.

Tuan Yang di-Pertua, kenapa kita mahu bagi PR kepada mereka secara automatik sedangkan rakan-rakan dari Semenanjung, orang rakyat Malaysia di Semenanjung yang sudah lama duduk di Sabah, mempunyai pekerjaan di Sabah, berkahwin dengan orang Sabah pun sehingga hari ini mempunyai masalah untuk mendapatkan PR. Kenapa pula orang-orang pelarian ini, pendatang haram ini sekejap-sekejap dapat PR. Jadi kita menolak dan saya minta penerang daripada timbalan menteri. Terima kasih.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Terdapat dua soalan, satu mengenai kad-kad pengenalan yang didapati kepunyaan orang-orang asing. Untuk makluman Yang Berhormat, memang terdapat sindiket-sindiket yang cukup mahir membuat kad pengenalan palsu dan setakat ini kita memang sudah tangkap anggota-anggota sindiket ini tetapi masih ada.

■ 1640

So apa yang kita nampak kad pengenalan yang dipegang oleh orang asing ini besar kemungkinan adalah kad pengenalan yang palsu, tetapi bagi seseorang yang duduk di Sabah atau Sarawak kalau tengok setakat macam itu, kita tidak tahulah kad itu palsu atau tidak kecuali ia diperiksa oleh pegawai-pegawai kita. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kita sedang menjalankan operasi-operasi supaya kita dapat menumpaskan sindiket-sindiket yang aktif dengan membuat kad pengenalan palsu.

Yang kedua, mengenai kad pemastautin tetap, cadangan Pesuruhjaya Filipina diberikan kepada orang-orang Filipina yang berada di Sabah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan kita tidak pernah membuat persetujuan tentang permintaan yang dibuat oleh Pesuruhjaya Filipina, setakat inilah kerajaan kita memang tidak buat. Kita tahu bahawa terdapat bantahan daripada Kerajaan Negeri Sabah, terdapat bantahan daripada penduduk-penduduk di

Sabah, kita tahu tetapi setakat ini tidak ada apa-apa pendirian dibuat ataupun keputusan diambil oleh Kerajaan Pusat.

Saya percaya jika Kerajaan Pusat hendak ambil apa-apa sahaja keputusan, Kerajaan Pusat akan dengan terlebih dahulu berbincang dengan Kerajaan Negeri Sabah.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Putatan bangun, Yang Berhormat. Sabah, Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sedar atau tidak pihak kementerian bahawa ada baru-baru ini orang perseorangan yang dikatakan keturunan daripada Kesultanan Sulu mengeluarkan sijil surat beranak kepada orang-orang Filipina yang berada di negeri Sabah. Kalau sedar, apakah pendirian kerajaan terhadap status pemberian surat beranak yang dikeluarkan oleh keturunan Sultan Sulu ini?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Setakat ini kita tidak terima apa-apa laporan mengenai perbuatan oleh keluarga Kesultanan Sulu di Filipina. Bila kita ada laporan, barulah kita tengok apakah dia. Sebenarnya setakat ini tidak ada apa lagi. Kalau ada, saya boleh beritahulah, tetapi setakat pengetahuan yang saya ada kepada saya, tidak ada lagi. Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan dalam perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu bahawa Jawatankuasa Kabinet yang tertinggi yang baru-baru ini ada ditubuhkan untuk selesaikan masalah begitu lama dalam Sabah mengenai pendatang haram atau PATI, pendatang asing tanpa izin, adakah ia yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri, adakah khusus untuk menangani masalah PATI sahaja ialah 100-200 ribu orang yang ada di Sabah atau termasuk untuk menangani masalah PATI yang sudah *diillegally legalize* yang ada kad pengenalan yang palsu, masalah bukan ada sindiket kad pengenalan palsu tetapi ada satu Projek IC atau Projek Mahathir masa itu ada disebut di mana melibatkan pemimpin-pemimpin UMNO dalam Sabah untuk UMNO 'eyes' Sabah dan sebab itu di Sabah ada dianggarkan bahawa penduduk-penduduk di Sabah, anak-anak Sabah yang tulen, sama ada daripada PATI atau PATI yang sudah *diillegally registered*.

Kedua, bukankah kalau *High Powered Cabinet Committee* yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri tidak mahu menangani masalah *illegally registered illegal immigrant* yang mungkin lebih daripada 1 juta orang, bukankah ini tidak selesai masalah dan tidak memuaskan masalah rakyat di Sabah dan ketiga, Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi kata

apabila jawab kepada Yang Berhormat dari Putatan mengenai sijil anak yang dikeluarkan oleh *Sultanate* Sulu kepada bayi-bayi yang ada lahir di Sabah, itu masalah yang sangat besar, bukan?

Saya ada lihat satu salinan *birth certificate* yang dikeluarkan oleh apa yang dinamakan sebagai *Sultanate* Sulu ialah menunjukkan tuntutan Filipina kepada Wilayah Sabah, kenapa Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak tengok. Saya ada tengok, saya ada lihat. Adakah kementerian sedar mengenai perkara ini atau Yang Berhormat sendiri tidak tahu, tetapi kementerian tahu. Kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak tahu, saya boleh bagi satu *copy* untuk dilihat tetapi ini bukan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Inilah *department* Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Adakah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri tidak tahu mengenai perkara ini apabila Ahli-ahli Parlimen dari Sabah tahu, saya pun sudah tengok. Apa keadaan kedudukan dalam perkara ini?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai Jawatankuasa Khas Peringkat Kabinet telah pun diwujudkan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan jawatankuasa khas ini akan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah pendatang tanpa izin, bukan sahaja di negeri Sabah, termasuk juga masalah-masalah berkaitan. Kemungkinan semua masalah mengenai kad-kad pengenalan untuk orang benar-benar bermastautin ataupun dilahirkan di Sabah akan juga termasuk dalam peranan ataupun tugas-tugas jawatankuasa khas ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Projek Mahathir?

Dato' Chor Chee Heung: Itu saya tidak tahulah mengenai projek Mahathir. Betul cakap, saya tidak pernah dengar pun projek Mahathir. Mungkin masa itu sebelum saya masuk jadi timbalan menteri lah ataupun projek Mahathir ini satu khayalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu Yang Berhormat Ahli Parlimen *Backbencher*.

Dato' Chor Chee Heung: Mungkin khayalan Yang Berhormat sendirilah. *[Disampuk]* Mengenai *birth certificate* yang dikeluarkan oleh keluarga Kesultanan Sulu, ini saya pun tidak pernah dengar lagi.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Mungkin pegawai saya ada di peringkat Sabah ataupun di peringkat ibu pejabat tetapi saya tidak mempunyai maklumat itu. Oleh sebab itulah saya kata, saya tidak tahu lagi. Saya akan ambil balik untuk bincang sama ada ini telah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Putatan boleh bagi ya.

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat dari Lawas...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Chor Chee Heung: Cukuplah, banyak lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Titiwangsa.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Saya tanya tentang Jabatan Penjara ini...

Dato' Chor Chee Heung: Yang Berhormat Lawas meminta kerajaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Titiwangsa duduk dahulu.

Dato' Chor Chee Heung: ...menambah peruntukan pembinaan Kompleks CIQ di Lawas kerana lokasinya yang jauh, hanya dapat dihubungkan melalui jalan balak. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini sebuah CIQ baru sedang dibina di Mengkalah, Lawas dengan kos RM17 juta. CIQ ini akan menghubungkan Brunei dengan Sarawak. Setakat ini kemajuan projek tersebut adalah 74.5% dan dijangka boleh digunakan hujung tahun ini. Ianya akan menempatkan 16 buah kuarters kakitangan dan oleh itu pejabat Imigresen di Lawas sekarang ini akan berpindah sepenuhnya apabila projek ini disiapkan.

Yang Berhormat dari Puchong bertanya apakah status kes seorang perempuan berumur 17 tahun yang telah dirogol di balai polis ketika ingin membuat laporan polis di balai tersebut dan minta satu *enquiry* diadakan untuk mendapat tahu kenapa boleh berlaku masalah dalam balai polis. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, polis telah pun menerima laporan siasatan mengenai kes tersebut dan kertas siasatan berkenaan telah pun dibuka, siasatan telah pun dijalankan dan anggota polis yang terlibat telah dikenal pasti. Kes ini disiasat di bawah seksyen 376 Kanun Keseksaan. Siasatan terhadap pegawai tersebut telah selesai dan menunggu laporan perubatan untuk dirujuk kepada Yang Arif Timbalan Pendakwa Raya. Mengenai *enquiry*, ianya tidak perlu diadakan kerana pihak polis telah menjalankan siasatan berkaitan dengan kes yang dilaporkan.

■1650

Yang Berhormat Lembah Pantai meminta dikaji semula cadangan Ketua Polis Negara untuk meletakkan pasukan tentera di seluruh Kuala Lumpur bagi membantu menjaga ketenteraman awam kerana ianya akan menakutkan rakyat dan menjejaskan pelaburan asing.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, *exercise* bersama antara PDRM dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah merupakan strategi dan prosedur baru dalam menangani isu ketenteraman awam. Objektif utama adalah untuk bertindak secara efektif apabila wujud sebarang ancaman dan sudah tiba masanya untuk PDRM dan ATM berganding bahu dalam menyusun strategi dalam melaksanakan tugas...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [*Bangun*]

Dato' Chor Chee Heung: ...Oleh itu, *exercise* ini tidak akan menimbulkan persepsi negatif terhadap keselamatan negara dan tidak akan menjejaskan pelaburan asing. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mohon laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Pahat bangun, Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan ketenteraman awam ini, saya sebenarnya sedikit tidak faham dengan prosedur polis dalam mengawal aktiviti-aktiviti demonstrasi ini yang semakin menjadi-jadi, semakin meningkat. Baru-baru ini, kita lihat, polis membuat pernyataan, jangan sertai demonstrasi. Banyak kali di TV dan akhbar dan sebagainya. Akan tetapi, akhirnya, bagi juga kebenaran.

Ada sesetengah itu tidak ikut kebenaran seperti mana yang berlaku baru-baru ini, sampai kita pun tidak faham, tujuannya untuk menurunkan harga minyak tetapi, ada konsert dan bergaduh, menyanyi lagu yang bukan-bukan. Ada *rockers* pula datang. Lagu apa itu, jilat, jilat, menjilat sampai berkilat. Ini apa hal? Saya hairan kenapa polis seperti takut sekarang ini mengawal demonstrasi. Orang boleh berarak sesuka hati dan tidak boleh ambil tindakan pun. Ini menyebabkan mereka semakin menjadi-jadi, buat demonstrasi yang tidak mendatangkan faedah kepada negara! Apa tindakan sebenarnya?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, sebelum itu, mohon penjelasan lanjut dahulu atas isu yang sama.

Dato' Chor Chee Heung: Habis dahulu. Habis dahulu. Untuk makluman Yang Berhormat, polis juga adalah satu kumpulan profesional. Mereka ini menjalankan tugas mengikut lunas-lunas, peruntukan undang-undang.

Seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat, mengenai perhimpunan dianjurkan oleh pihak PKR. Jika perhimpunan itu berada di suatu kawasan tertutup, di mana tidak berarak, tiada perarakan, maka mereka ini boleh menganjurkan perhimpunan itu. Walau bagaimanapun, pihak polis bukan tidak mengambil berat, mereka ini juga ditempatkan di beberapa tempat. Jika terdapat masalah di mana ketenteraman awam digugat, maka pihak polis berhak untuk masuk untuk menyuraikan perhimpunan tersebut.

Dari segi penyanyi-penyanyi yang bagi orang tengok punggung dia, menyanyi dengan lagu jilat, jilat ini semua, ini adalah satu perkara yang menjadikan satu budaya asing, bukan untuk orang Malaysia. Ini mungkin untuk penyokong PKR atau apa, saya tidak tahulah, tapi mereka ini ada di perhimpunan PKR. Itu adalah masalah dia.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Walaupun di buat di dalam dewan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang mana satu Yang Berhormat?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: ...Akan tetapi, saya ingat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lain duduk dahulu Yang Berhormat.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Saya tahu, pengerusi penganjurnya di sini, Kuala Krai ini. Saya pun terkejut, dia pengerusi penganjur, ada sekali dengan *rockers* semua ini. Cuma... [*Dewan riuh*] [*Ketawa*] Minta maaf ya.

Tak akan hendak dibiasakan perkara ini, sebab kita tahu tujuannya apa pun. Sebenarnya, ucapan-ucapan itu pun dengan hasutan. Tidak ada pun cadangan, macam mana hendak turunkan harga minyak. Semua ini mengarut, sebab itu saya rasa polis kena tegas dalam soal ini, jangan dibiarkan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya minta laluan, Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Saya tak bagi.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya bagi dia dahulu. Saya nak minta laluan.

Dato' Chor Chee Heung: Tak boleh, tak boleh. Saya hendak jawab dia dahulu. Jawab dari kawasan Batu Pahat. Memang apa dikatakan Yang Berhormat Batu Pahat memang benar sekali, saya setuju. Mana ada perhimpunan seumpama ini kan? *Rockers* pun ada, isu-isu yang kononnya akan diketengahkan, tidak disebut langsung. Tadi saya sebut, kata, bila penyanyi ini dia semasa di pentas itu, kelakuan dia kalau tidak begitu baik bagi kita, kalau kita anggap itu budaya asing, kita belasah dialah. Sebab itulah penyanyi jemputan itu kena belasah, macam itulah.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua, cukuplah, Yang Berhormat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, siapa yang belasah itu?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan. Sebagai penganjuralah. Kena bagi penjelasan, sebagai penganjur.

Dato' Chor Chee Heung: Masih terdapat ahli-ahli PKR yang mempunyai *sense, good sense. That's why* dia belasah penyanyi itu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kalau kita belasah Yang Berhormat, salah kita itu.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat, minta penjelasan.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Lembah Pantai meminta... *[Disampuk]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dan basahlah jadinya.

Dato' Chor Chee Heung: ...Dikaji semula cadangan Ketua Polis Negara untuk menempatkan pasukan tentera di seluruh negara...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta laluan untuk memberikan penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Siapa yang bercakap ini Yang Berhormat?

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya minta laluan. Saya ingatkan program itu tak dapat perhatian, rupanya dapat perhatian...

Dato' Chor Chee Heung: Saya tak bagi Tuan Yang di-Pertua. Saya tak bagi dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu Yang Berhormat Kuala Krai, tunggulah. Kalau dia tak bagi laluan tu, memang tak dapatlah tu. Jangan nanti habis Parlimen ini, semua bercakap sekali gus, *recorder* kat belakang pun tak boleh buat, Yang Berhormat.

Dato' Chor Chee Heung: Bagi dia, pasal kesian pula dia, menangis nanti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Macam itulah Timbalan Menteri, bagi laluan dengan dia. Terima kasih. Sila Yang Berhormat.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya harap, laluan ini bukan kerana kasihan. Memang tanggung jawab kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Krai, lain kali minta dengan Tuan Yang di-Pertua, dia lebih berpengaruh dari timbalan menteri.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Baik, baik Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya pun banggalah kerana program ini yang dikatakan gagal olah Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, rupanya dapat perhatian! Ramai ambil perhatian, termasuk *rockers* pun berminat untuk isu ini.

Sebab ini masalah isu negara. *Rockers* pun datang naik kereta pakai minyak juga, mereka terasa. Jadi lagu-lagu mereka ialah lagu yang mencabar pemerintah. Cuma, bila berlaku seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Pahat tadi, dan seperti yang diakui oleh timbalan menteri, masih ada dengan izin, *sense*, dan kita mengawal suasana. Tak perlu pun polis untuk mengawal suasana! [*Dewan riuh*] [*Tepuk*] Macam mana pula Yang Berhormat, sudahlah polis pun kita rasa tak perlu, bawa tentera pula hendak kawal keselamatan awam, ini *pointnya*! Jadi saya rasa kita cukup waras, kita boleh kuasai...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Besok, kena tahan ISA, baru tahu. Esok menangis.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Jadi, kita harap, tindakan untuk membawa tentera sama dalam pengurusan ketenteraman awam ini, satu langkah yang saya rasa...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jangan gaja sangat. Jangan gaja sangat!

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: ...Melebih-lebih sangat sehingga boleh menimbulkan kegawatan. Jadi, terima kasihlah atas perhatian tuan-tuan kepada Himpunan Sejuta Rakyat, yang telah kita anjurkan dengan jayanya. Terima kasih [*Tepuk*] [*Dewan riuh*]

Seorang Ahli: Ini, Yang Berhormat Pasir Salak, dia yang ditangkap bawah ISA dahulu ya, Pasir Salak? Kamu menangis ya?

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih. Katanya satu juta, tapi tidak sampai lapan ribu pun. Tidak apalah. Untuk makluman Dewan yang mulia ini... Saya pun dah hilang dah mana...

Yang Berhormat dari Titiwangsa telah pun membangkitkan berkenaan isu peniaga-peniaga warga asing yang menguasai kawasan Chow Kit meminta kementerian mengambil tindakan segera...

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Timbalan Menteri, hendak bagi laluan tak? Ada dua orang yang berdiri tu.

Dato' Chor Chee Heung: Bagi Yang Berhormat Muarlah. Yang Berhormat Muar satu sahajalah, kerana tak habis lagi ni, banyak.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tidak apa timbalan menteri, satu pun tidak apa. Saya ada dengar kerisauan tadi. Kita di Dewan Rakyat. Saya hendak tanya pandangan Timbalan Menteri, dia ada sebut tadi, kalau salah belasah, tak perlu polis, tak perlu tentera ini. Undang-undang apa yang kita hendak ketengahkan?

Seorang Ahli: *[Menyampuk]* Undang-undang rimba.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Undang-undang *rockers!*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya hendak tanya timbalan menteri, adakah timbalan menteri ingin menawarkan kepada siapa juga yang tidak puas hati...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Muar cuma berbohong! Kita tak pernah bercakap begitu. Mana ada sebut! Tak ada!

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: ...Ada orang yang masih ada rasa pertimbangan, selepas itu, tak perlu polis...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Tolong jangan menyeleweng!

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: ...Mana boleh kita tak perlu polis! Masa bila kita kata... *You* sebut, tak perlu tentera, tak payah hantar tentera. Mana boleh kita serahkan undang-undang kepada orang ramai! Tak betul! Tak betul!...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Krai, duduk dulu.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Polis kena datang untuk ambil tindakan kepada huru-hara yang...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tolong duduk dahulu. Biar seorang, seorang yang bercakap Yang Berhormat. Kalau tidak betul fakta pun, berdiri selepas itu, Yang Berhormat. Duduk dulu. Yang Berhormat di belakang semua duduk dahulu. Sila Yang Berhormat Muar, belum habis cerita tu.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya hanya tanya, adakah kita boleh benarkan, kalau kita lihat satu perkara yang tidak senang di depan mata, kita ambil tindakan sendiri? Kita

kena benarkan pihak berkuasa untuk ambil tindakan. Ini *rules of law* yang kita pertahankan, ini Parlimen! Terima kasih.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Penjelasan ya...

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Muar...

■1700

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Minta maaf Yang Berhormat Shah Alam, minta maaf Yang Berhormat Batu, tunggu dulu kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri kata okey baru bagi laluan.

Dato' Chor Chee Heung: Saya hendak jawab kepada Yang Berhormat Muar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, hendak jawab Yang Berhormat Muar dulu, Yang Berhormat Shah Alam minta duduk dulu ya.

Dato' Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Muar, memang benar apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Mereka ini, ada sesetengah puak hendak tunggu sampai ada orang mati baru bagi polis masuk, itu masalah mereka ini. Kalau ada puak macam itu ketenteraman awam tetap digugat. Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Chor Chee Heung: Saya tidak bagi, saya hendak teruskan dengan saya punya jawapan.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tuan Yang di-Pertua, ini *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Mana? *Point of order* apa?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Tadi kita sebut, sangkaan jahat. Yang Berhormat Timbalan Menteri sebut hendak...

Beberapa Ahli: Nombor berapa?

[*Dewan Rih*]

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Dia merujuk kepada pengorganizer.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik, kalau *point of order* minta semua duduk, termasuk Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak dengar *point of order* ini.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: *Point of order* ini tadi kita sebut 36(6) yang kita telah bahas tadi.

Dr. Haji Mohd. Zarkashi [Batu Pahat]: Tidak ada kena-mengena.

Dato' Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Nombor berapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah, sudah. Macam mana saya hendak buat *ruling*?

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: 36(6).

“36(6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain.”

Betul, saya tadi rujukkan kepada puak yang ini hendak tunggu sampai orang mati, itu *reference* kepada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat, saya memahami 36(6) Yang Berhormat hendak sebut, masa saya tidur pun saya faham Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Point of Order 36(12)*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: 36(6) itu mesti ditujukan kepada orang dalam ini Yang Berhormat bukan kepada orang luar. Jadi Yang Berhormat saya sudah pun buat *ruling* Yang Berhormat, tidak ada apa-apa.

Tuan Chua Tian Chang [Batu]: Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi sebut, puak yang *refer* kepada orang di sini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey Yang Berhormat. Ini puak, saya sudah kata Yang Berhormat yang puak-puak ini, Yang Berhormat kalau saya hendak berhujah dengan Yang Berhormat apa erti puak ini saya ingat...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: Siapa makan cili dia rasa pedas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Siapa orang puak-puak ini? Jadi kita tidak tahu pun, kalau tidak tahu pun jadi tidak ada *certaintynya* Yang Berhormat. Undang-undang ini ada tiga *certainty* Yang Berhormat. *Certainty of the person, certainty of the figure, certainty of the all statutes, allegations* dan sebagainya. Ini tidak ada *certainty* pun. Sila Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *Point of Order 36(6)*. Tadi Yang Berhormat Muar dia sebut Yang Berhormat Kuala Krai. Dia kata, Yang Berhormat Kuala Krai menyatakan, bahawa ambil tindakan sendiri, belasah. Sebenarnya perkataan belasah tidak disebut oleh Yang Berhormat Kuala Krai, tetapi telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Lalu saya rasa kalau Yang Berhormat Muar hendak buat teguran, harus dia buat teguran terhadap Yang Berhormat Timbalan Menteri dan bukan terhadap Yang Berhormat Kuala Krai, nombor satu.

Nombor dua...

Dr. Haji Mohd. Zarkashi [Batu Pahat]: Cukuplah itu, tidak ada kena-mengena sudah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kenapa banyak sangat?

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dua sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya rasa dari segi soal kalau kita nampak benda yang tidak baik berlaku, kita hendak biarkan sahaja tunggu polis, minta maaf lah ya, kalau orang yang mencuri kita nampak, kita kena ambil tindakan. Ini adalah tindakan rakyat yang prihatin. Kalau ada kecurian, ada kes saya sendiri telah melihat seorang yang beg tangannya diragut. Saya tidak tunggu polis, mungkin Yang Berhormat Muar dia akan tunggu polis, tetapi saya bertindak.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tetapi takkan kita boleh pukul orang Yang Berhormat. Takkan kita boleh pukul orang, kita tangkaplah bawa pergi polis, saya pun hendak tangkap tetapi saya tidak ada kena-mengena.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Yang Berhormat jelas, kalau kita nampak *maybe* kita pukul.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tidak ada kena-mengena.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ini pengajaran tidak baik, takkan kita pukul orang.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak ada orang kata pukul, mana ada pukul? [*Dewan riuh*]

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Siapa yang pukul, mengambil undang-undang dalam tangan sendiri tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat, sudah Yang Berhormat Shah Alam, duduk, Yang Berhormat Muar pun sudah duduk. Yang Berhormat Shah Alam duduk juga. Jadi apa yang saya dengar Yang Berhormat, belasah membelasah pun saya banyak dengar keluar yang belasah tadi. Jadi siapa membelasah siapa, saya sudah beritahu dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan kata kita yang membelasah tadi. Jadi saya juga sudah menegur Yang Berhormat Timbalan Menteri, Yang Berhormat. Jadi apa yang saya dengar Yang Berhormat Muar sebut ialah cukup jelas dia kata jangan *take the law into your own hand*, itu sahaja yang saya cukup jelas. Jadi Yang Berhormat...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tetapi dia menuduh Yang Berhormat Kuala Krai dan dia sebut, "*You, you*" dia kata.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya rasa Yang Berhormat Muar tidak betul, itu tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apalah Yang Berhormat semua tidak ada betul Yang Berhormat. Saya bercakap pun orang tidak duduk, mana betul. Saya bercakap Yang Berhormat tidak duduk jadi semua tidak betul Yang Berhormat, jadi semua sudah tidak betul.

Dr. Haji Mohd. Zarkashi [Batu Pahat]: Lain kali jangan buat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat Batu Pahat pun tidak betul juga. Sila duduk Yang Berhormat Batu Pahat.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Yang Berhormat Batu Pahat pun tidak betul, duduk Yang Berhormat Batu Pahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, pihak penguat kuasa khususnya Jabatan Imigresen Malaysia sentiasa memantau kehadiran pendatang asing tanpa izin yang berniaga di kawasan Chow Kit, sepanjang enam bulan pertama tahun 2008, pasukan penguat kuasa iaitu JIM, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, RELA dengan kerjasama DBKL telah pun melakukan 43 operasi dan telah menangkap 873 orang pendatang asing di atas pelbagai kesalahan di kawasan tersebut.

Dalam hubungan ini, terdapat juga pemegang-pemegang taraf pemastautin tetap yang berniaga di kawasan tersebut, tetapi mereka tidak boleh diambil tindakan kerana tidak melakukan kesalahan. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan mengenai pendatang asing itu. Tadi saya sudah sebut *birth certificate*, ini ada satu *copy* saya harap boleh bagi kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai *Birth Certificate Sultanate of Sulu*, yang dikeluarkan *birth certificate*, orang yang lahir di Sabah dan ada keluaran *birth certificate*, ini bukan *sovereignty* Sabah, *sovereignty* Malaysia. Saya harap akan disampaikan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, siasat dan buat satu kenyataan *ministry* dalam Parlimen ini. Saya harap buat begitu, akan sampaikan.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sedikit tadi penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata sudah habis, Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sudah gulung?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bukan gulung Yang Berhormat sudah habis, sudah tergulung Yang Berhormat.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Ini tanda-tanda hendak gulung tikar BN ini.

Dr. Haji Mohd. Zarkashi [Batu Pahat]: Pembangkang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak apa Yang Berhormat Batu Pahat, tidak apa Yang Berhormat.

Tuan Haji Roslan Shaharum [Bukit Gantang]: Duduklah Yang Berhormat Batu Pahat, rusing tengok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Benda macam ini Yang Berhormat sama-samalah, siapa yang gulung tikar saya pun tidak tahu, yang

saya pasti gulung tikar orang Iban di Sarawak dan tutup Gawai itu dikatakan gulung tikar Yang Berhormat, tetapi akan dibukakan semula tahun hadapan Yang Berhormat, insya-Allah.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Yang gulung tikar yang “liwat”.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

5.07 ptg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Datuk Liew Vui Keong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh isu-isu berkaitan dengan bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun lebih dikenali sebagai MITI, *The Ministry of International Trade and Industry*, semasa perbahasan ke atas Kajian Separuh Penggal RMK-9. Izinkan saya memberi jawapan ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan.

Ahli Yang Berhormat daripada Permatang Pauh menyentuh isu negara perlu meningkatkan tenaga mahir dalam bidang pengeluaran bagi menghasilkan produk yang berkualiti selaras dengan permintaan daripada pelabur asing ke atas tenaga mahir tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat pelbagai insentif sedang dilaksanakan oleh kerajaan untuk meningkatkan bekalan tenaga mahir dalam sektor perkilangan. Pada masa ini terdapat sebanyak 109 institusi pendidikan awam termasuk kolej komuniti dan 298 institut latihan awam, termasuk institut latihan kemahiran yang menyediakan latihan pra pekerjaan kepada lepasan sekolah.

Contohnya di bawah Kementerian Sumber Manusia terdapat 27 institut latihan kemahiran seperti:

- (i) Institut Latihan Perindustrian (ITI);
- (ii) Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC);
- (iii) Institut Teknikal Jepun Malaysia (JMTI); dan
- (iv) Pusat Latihan Pelajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) yang menawarkan sebanyak 74 kursus, iaitu sijil hingga diploma tinggi dengan pengambilan seramai 19,100 pelatih dalam tahun 2007.

Usaha juga telah dilaksanakan untuk meningkatkan penyertaan Skim Latihan Dual Kebangsaan iaitu National Dual Training System yang telah diperkenalkan sejak tahun 2005. Skim tersebut bertujuan untuk mengeluarkan 31,500 pekerja berpengetahuan menjelang tahun 2020. Sehingga Jun tahun ini sebanyak 612 syarikat telah mengambil bahagian dalam skim berkenaan dengan bilangan peserta dilatih berjumlah 3,639 orang.

Di samping itu, penubuhan Majlis *Consultative Academy* dan Industri pada tahun 2005 adalah bertujuan untuk memudah dan memperkukuhkan usaha-usaha kerjasama antara industri dan akademia.

Kerajaan juga menggalakkan sektor swasta menggunakan dana pembangunan sumber manusia untuk melatih dan meningkatkan kemahiran pekerja-pekerjanya. Pada tahun lalu, sejumlah RM331 juta disalurkan melalui dana tersebut untuk melatih seramai 690,875 pekerja dari tempoh Januari hingga Mei tahun ini sebanyak RM149.41 juta telah diluluskan kepada 307,110 orang.

Sejak penubuhan dana ini pada tahun 1993 sebanyak RM2.5 bilion telah diluluskan untuk membolehkan enam juta pekerja mengikuti berbagai program latihan. Geran latihan berjumlah RM107.6 juta telah diluluskan kepada syarikat-syarikat untuk menggalakkan pembangunan modal insan di bawah skim galakan istimewa oleh MITI.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh dan juga Ahli Yang Berhormat Teluk Kemang menyentuh tentang iklim pelaburan asing di Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya iklim pelaburan negara adalah baik.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pelaburan, bukan pelabuhan.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Pelaburan asing di Malaysia. Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, secara keseluruhannya iklim pelaburan negara adalah baik. Ini dapat dilihat dari peningkatan nilai pelaburan ke Malaysia dari segi projek perkilangan yang diluluskan pada tahun lalu sebanyak RM59 bilion berbanding RM46 bilion pada tahun 2006. Jumlah pelaburan asing sebanyak RM36.4 bilion pada tahun lalu telah melebihi sasaran pelaburan tahunan keseluruhan dalam Pelan Induk Perindustrian Ketiga. Untuk tempoh Januari hingga Mei tahun ini, jumlah pelaburan yang diluluskan adalah sebanyak RM26.2 bilion dan pelaburan langsung asing adalah berjumlah RM17.8 bilion.

Senario antarabangsa telah melihatnya terdapatnya kenaikan kos menjalankan perniagaan di kebanyakan negara termasuk di Malaysia. Namun begitu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta laluan.

Datuk Liew Vui Keong: Boleh?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri cakap soal pelaburan asing. Memang saya akui bahawa ada kemasukan pelaburan asing ke negara kita ini dan juga melepasi tahap jangkaan *Malaysia Industrial Plan*.

Namun, jika diteliti berapa pecahan FDI itu kita akan dapati bahawa sangat sedikit yang pergi kepada sektor pertanian. Kalau tidak silap saya, tidak sampai dua bilion pun FDI yang masuk kepada sektor pertanian dan daripada itu sebahagian besar daripada dua bilion itu, 1.5 bilion adalah bagi satu projek sahaja iaitu *deep sea fishing*. Jadi, ini menunjukkan bahawa begitu

sedikit sekali pelaburan asing yang kita harapkan sebagai satu sumber untuk menjana pertumbuhan ekonomi pertanian.

Jadi, apakah permasalahan yang dihadapi oleh pihak kerajaan dan bagaimana kerajaan hendak membangunkan sektor pertanian kalau keadaan pelaburan asingnya begitu meleset sekali. Adakah pihak kerajaan sanggup untuk mengeluarkan peruntukan yang lebih besar untuk memajukan sektor pertanian ini sebagai mengatasi kekurangan dari segi FDI untuk sektor pertanian? Minta penjelasan.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Pihak kementerian saya semestinya ambil perhatian dengan cadangan dan pandangan Yang Berhormat mengenai sektor *agriculture* tadi. Memang memandangkan *foreign direct investment* dengan izin telah pun disalurkan melalui kementerian ini, saya jangka kami akan menguruskan pandangan daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Senario antarabangsa dengan izin Tuan Yang di-Pertua, telah melihatkan terdapatnya kenaikan kos menjalankan perniagaan di kebanyakan negara termasuk di Malaysia. Namun begitu, pelbagai usaha telah dilakukan untuk meminimumkan impak kepada industri melalui pembelian insentif, kemudahan kewangan, peningkatan kecekapan sistem penyampaian kerajaan dan sebagainya.

Malaysia juga telah beralih tumpuan daripada industri-industri pembuatan yang berintensif buruh kepada industri berintensif model berteknologi tinggi dan bernilai ditambah tinggi yang berupaya memberi pulangan lebih konsisten dan lumayan. Ini jelas terbukti dengan peningkatan nisbah pelaburan modal kepada bilangan pekerja atau dengan izin *capital investment per employee ratio* atau CIPE di mana terdapat RM517,000 pada tahun 2006 kepada RM613,000 pada tahun lalu.

Usaha-usaha menggalakkan pelaburan asing juga turut melibatkan pihak swasta. Penglibatan sektor swasta antara lain adalah menerusi misi, visi perdagangan seberang laut anjuran kerajaan dan dewan-dewan perniagaan antara persatuan-persatuan industri. Sektor swasta turut merupakan rakan dalam pasukan cara perniagaan pemuda untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan. Dari aspek daya saing, *Doing Business Report 2008* dengan izin terbitan Bank Dunia telah meletakkan Malaysia ke kedudukan ke-24 untuk *ease of doing business* berbanding dengan negara China di kedudukan yang ke-83, Vietnam kedudukan ke-91 dan Kemboja kedudukan ke-145. Berdasarkan laporan *World Competitive Business*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jasin bangun Yang Berhormat. Yang Berhormat Jasin bangun.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Datuk Wira Ahmad bin Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri.

Yang pertama ingin mengucapkan tahniahlah kerana FDI kita dalam sektor pembuatan pada tahun 2007 direkodkan sebanyak RM33.4 bilion iaitu yang paling tertinggi sekali. Jadi, setakat ini apa yang disebut oleh Timbalan Menteri tadi kita telah mendapat sebanyak RM17.6 bilion. Saya hendak tanya adakah pada tahun 2008 ini dalam keadaan ekonomi yang meleset ini, kita akan mencapai ataupun melebihi pencapaian FDI berbanding dengan tahun 2007.

Yang kedua, sekarang kita sedang menghadapi persaingan dari pelbagai-pelbagai negara selain daripada China dan juga India, kita juga berhadapan dengan negara Vietnam yang memang menawarkan berbagai-bagai-bagai jenis insentif. Adakah negara kita dalam usaha untuk mencari pelaburan-pelaburan asing bagi merencanakan lagi pertumbuhan kita sanggup memberi insentif-insentif seperti mana yang ditawarkan oleh negara-negara yang saya sebut tadi. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Memandangkan saya tidak ada maklumat mengenai isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, saya akan membekalkan maklumat kepada pihak Yang Berhormat nanti.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Penjelasan.

Datuk Liew Vui Keong: Ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tadi Yang Berhormat Timbalan menteri ada sebut mengenai laporan *World Bank* dan tunjuk bahawa daya saingan negara kita sangat baik apabila banding dengan negara-negara yang lain.

■1720

Saya mahu tanya sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar mengenai satu kajian yang terbaru yang dibuat bersama oleh Ernst & Young dan JETRO (*Japanese External Trade Organization*) mengenai dengan izin *best investment destination* di Asia yang mana menunjukkan bahawa dua negara yang ada daya tarikan iaitu India dan China adalah masing-masing dapat 27% *pool* dan untuk Singapura 10% tetapi untuk Malaysia 1% sahaja. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar mengenai laporan kajian yang terbaru ini dan adakah satu kajian dibuat mengenai kenapa ini berlaku dan apa tindakan perlu diambil supaya untuk memperbaiki *attractiveness* negara kita dalam FDI.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat dari Ipoh Timur. Saya dibekalkan dengan laporan yang secara rasmi seperti *Doing Business Report* tahun 2000 daripada Bank Dunia dan juga *The World Competitiveness Report* tahun 2008. Laporan-laporan yang telah dibekalkan yang telah pun disebutkan oleh Yang Berhormat tadi, saya sedar tetapi kami tidak menggunakan itu sebagai bantuan untuk menjadikan statistik yang saya sebutkan tadi. Berdasarkan daripada laporan *World Competitiveness 2008* pula kedudukan Malaysia adalah pada kedudukan yang ke-19 meningkat daripada kedudukan ke-23 tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Tenggara juga telah memohon agar kerajaan memberi lebih perhatian kepada industri kecil dan sederhana (IKS) dalam membantu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor bangun, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sikit saja lagi Yang Berhormat Timbalan Menteri ya. Mengikut kajian Laporan Setengah Penggal, angka yang diberikan dalam laporan adalah pelaburan langsung asing yang diluluskan, *approve*. Yang disebut kalau tidak silap saya RM32 bilion tetapi kita tahu dan kita sedar bahawa apa yang diluluskan tidak semestinya apa yang sebenar-sebenarnya masuk. Jadi, mengapa telah sengaja diturunkan fakta mengenai *approve FDI rather than the actual FDI* yang secara langsung akan meletakkan kita benar-benar faham dan sedar sejauh mana *competitiveness* negara kita ini. Seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi bahawa kita hanya dapat 1.7% daripada seluruh FDI yang masuk ke negara Asia seluruhnya yang berjumlah USD550 bilion. Tolong Yang Berhormat terangkan sikit mengapa guna angka *approve rather than realize FDI*. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih. Seperti yang saya telah pun nyatakan tadi bahawa laporan yang telah pun jadi panduan dalam perkara ini ialah mengikut laporan yang telah diberi oleh Bank Dunia melalui *Doing Business Report 2008* dan juga berdasarkan daripada laporan *World Competitiveness 2008* dan walaupun demikian, Malaysia memang telah pun meningkat kedudukannya kepada 19 daripada 23 setahun sebelum itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Tenggara telah memohon agar kerajaan memberi lebih perhatian kepada industri kecil dan sederhana (IKS) dalam membantu para pengusaha makanan meningkatkan pengeluaran dan pendapatan mereka. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembangunan IKS sememangnya diberi pendekatan oleh kerajaan. Antara program-program bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan IKS termasuk pengusaha makanan untuk menambahkan pengeluaran dan pendapatan adalah seperti berikut:

- (i) penubuhan panel penasihat pakar IKS di mana pakar-pakar yang telah bersara akan ditempatkan di premis IKS untuk menyelesaikan masalah-masalah spesifik yang dihadapi oleh IKS;
- (ii) program peningkatan kemahiran bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan keupayaan pekerja-pekerja IKS di peringkat pengurusan dan teknikal terutamanya dalam bidang-bidang kritikal seperti elektrik dan elektronik, teknologi maklumat, reka bentuk industri dan kejuruteraan; dan
- (iii) skim bantuan kewangan seperti geran bersamaan untuk permulaan perniagaan. Geran bersamaan untuk meningkatkan produk dan proses,

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Geran bersamaan untuk persijilan dan sistem pengurusan kualiti.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Sikit lagi ya. Saya habiskan dulu ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk dulu Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Geran bersamaan untuk pembangunan dan promosi produk halal dan geran bersamaan untuk meningkatkan pembungkusan produk.

Dari permulaan, skim-skim bantuan kewangan ini dilaksanakan hingga Jun tahun ini, IKS yang terlibat dalam industri makanan dan minuman yang diluluskan dengan skim bantuan kewangan adalah seperti berikut;

- (i) 169 IKS telah diluluskan dengan geran bersamaan untuk permulaan perniagaan bernilai RM3.4 juta;
- (ii) 116 IKS diluluskan dengan geran bersamaan untuk meningkatkan produk dan proses bernilai RM9.9 juta;
- (iii) 464 IKS diluluskan dengan geran bersamaan untuk persijilan dan sistem pengurusan kualiti bernilai RM20.3 juta;
- (iv) 167 IKS diluluskan dengan geran bersamaan untuk pembangunan dan promosi produk halal bernilai RM8.8 juta; dan
- (v) 326 IKS diluluskan dengan geran bersamaan untuk meningkatkan pembungkusan produk bernilai RM25.4 juta.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, sila Yang Berhormat.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Tuan Yang di-Pertua, pada 26 Jun, Menteri Perdagangan, Antarabangsa dan Industri telah menjawab soalan lisan saya dan menurut jawapan Yang Berhormat Menteri, diperkatakan antara faktor yang mempengaruhi keputusan pelaburan adalah:

- (i) infrastruktur yang sedia ada;
- (ii) tenaga pekerja yang mahir;
- (iii) industri-industri sokongan yang wujud; dan
- (iv) kualiti kehidupan yang agak baik.

Sempena itu, menteri juga telah mengatakan bahawa dalam tempoh tahun 2006 sehingga bulan April 2008, Pulau Pinang - negeri saya, mencatatkan nilai kelima tertinggi di

Malaysia iaitu sebanyak RM7.5 bilion selepas Sarawak RM13.3 bilion, Johor RM13 bilion, Selangor RM8.1 bilion dan Kedah RM8.1 bilion.

Pada minggu-minggu yang lepas, kita kedengaran bahawa Yang Berhormat-Yang Berhormat dari Sarawak telah meminta lebih bantuan diberikan kepada Sarawak. Apakah Sarawak ini mempunyai infrastruktur yang lebih mahir dari Pulau Pinang, tenaga pekerja yang lebih mahir dari Pulau Pinang, industri-industri sokongan lebih wujud lagi dari Pulau Pinang dan juga kualiti kehidupan lebih elok dari Pulau Pinang sehingga Pulau Pinang dijatuhkan ke tempat kelima sedangkan Sarawak menjadi penerajunya. Adakah itu satu bentuk penderaan terhadap Pulau Pinang kerana kita telah mengembalikan *opposition* untuk menerajui kerajaan negeri. Sekian.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Itu hanya satu andaian dan pandangan daripada Yang Berhormat mengenai modal yang telah pun diberikan kepada negeri Penang dan juga Sarawak. Kerajaan semestinya akan sentiasa memberi keutamaan kepada semua negeri di negara ini tanpa mengira sama ada negeri itu di bawah pimpinan pembangkang ataupun Barisan Nasional ya.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [Bangun]

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Gombak juga mencadangkan bahawa kerajaan mengurangkan duti import bagi kenderaan hibrid untuk menggalakkan penggunaan kenderaan yang mesra alam selain menjimatkan penggunaan minyak.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Okey.

■1730

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya takut terlepas. Terima kasih Yang Berhormat. Saya nak tanya mengenai IKS tadi sebab IKS ini merupakan satu program yang cukup penting kerana IKS ini boleh membantu meningkatkan pendapatan sosioekonomi rakyat di luar bandar dan kita lihat IKS di peringkat luar bandar masih lagi tidak tersusun. Ada yang hidup segan mati tidak mahu dengan berbagai-bagai masalah.

Saya nak bagi tahu contoh seperti di Kelantan. Kelantan adalah sebuah negeri yang cukup berupaya dari segi menghasilkan pelbagai jenis makanan dalam industri makanan contohnya. Makanan ini diperlukan sebab selagi ada manusia, selagi itu diperlukan makanan dan potensi untuk eksport makanan yang *fast food* ini seperti roti canai, seperti martabak dan seumpamanya dalam bidang IKS ini boleh dilakukan.

Akan tetapi malangnya seperti yang saya katakan tadi, apakah pihak kementerian bercadang untuk menubuhkan majlis tindakan IKS di peringkat daerah supaya dibuat dengan

secara bersepadu di antara Kementerian MITI, Kementerian Pertanian, pihak Agro Bank supaya boleh membantu syarikat-syarikat IKS ini sebab orang-orang kampung ada kemahiran tetapi mereka kurang arif dengan prosedur dan seumpamanya dari segi untuk mendapat kemudahan dan kali ini dapat dilakukan, saya percaya bukan saja produk halal yang dapat kita gerakkan dengan secepat mungkin, tetapi setiap daerah, wujud nanti sekurang-kurangnya lima puluh, enam puluh IKS. Boleh sampai ke peringkat itu.

Bukan saja dalam bidang makanan, dalam industri kraf tangan dan macam-macam lagi industri batik yang hari ini pun nampak nak mati dah akibat daripada batik dari India, dari Pakistan, dari Negeri China yang begitu murah sehingga tidak dapat lagi bersaing. Bagaimana kedudukan ini yang sepatutnya di *address* oleh pihak kementerian dalam bidang IKS ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat, boleh saya bersahut tajuk yang sama iaitu IKS.

Datuk Liew Vui Keong: Boleh, boleh.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tumpang pula dah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sambung. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, bercakap soal IKS ini, saya ingin melahirkan perasaan dukacita dan tidak puas hati kerana kita tidak nampak kemajuan program IKS di kawasan-kawasan luar bandar.

Program IKS telah dilancarkan dengan tujuan untuk membangunkan ekonomi luar bandar. Saya rasa sudah banyak tahun dah, dan dipakai slogan satu daerah, satu produk. Mula-mula satu kampung, satu produk, tidak jadi satu kampung satu produk dia tukar kepada satu daerah satu produk atau isitlah *ODOY. One district one product industry* tetapi saya tidak nampak. Saya tanya Yang Berhormat Kuala Nerus pun tidak ada, Pasir Salak tidak ada, Muar tidak ada. Seluruh Malaysia boleh dikatakan tidak ada nampak. Ada sedikit-sedikit.

Kenapa ini boleh berlaku? Tidak ada kesungguhan di kalangan kementerian atau jabatan yang berkenaan. Banyak masalah untuk memajukan IKS ini. Bukan senang. Di sinilah menuntut kepada kesungguhan, kegigihan, komitmen pihak kerajaan untuk melaksanakannya kerana masa hadapan ekonomi negara kita ini bergantung kepada salah satunya strategi ini iaitu membangunkan ekonomi melalui IKS. Dan amat menyedihkan sekali lagi kalau kita lihat IKS yang berjaya hanyalah IKS-IKS yang diusahakan oleh bukan bumiputera. Kita tidak persoalkan. Mereka pandai, rajin, bagus. Akan tetapi di kalangan bumiputera buat kerepek, kerepek pisang, lagi buat apa? Kraf tangan buat pasu, buat beg daripada surat khabar lama. Ini..

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Itu pemimpin UMNOlah tu punya salah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: - Ini *self-critization*. Kita muhasabah diri. Islam suruh kita muhasabah diri. Bukan macam Islam yang lain tu. Kita...

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi ini masalahnya. Kenapa ini berlaku? Kenapa kita boleh membangunkan industri yang besar-besar, berbilion-bilion tetapi kita gagal dalam Industri Kecil dan Sederhana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Dah habis Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Memikir ini. *[Dewan riuh] [Ketawa]* Bukan memikir tidak ada idea. Mengawal perasaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Patutlah industri kerepek tidak berkembang. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Berehat dulu.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Begitu juga di kalangan parti pembangkang. Apa industri yang dia bawa? Buat perjumpaan, perhimpunan ramai-ramai jual apa? Apa jual? Keropok lekor saja tu. Balik-balik keropok lekor. Perusahaan apa ni? *[Ketawa]*

Jadi saya bagi pihak rakyat luar bandar menuntut kepada kerajaan khususnya kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Patutnya menteri ada hari ini. Jawab. Sebab satu lagi saya nak bercakap perkara besar berkenaan ekonomi negara ini, perindustrian ini. Struktur ekonomi kita pada hari ini dari segi perindustrian. Kita bercakap soal perindustrian ini untuk memacu negara ini menjadi sebuah negara maju dan sebuah negara industri. Apa industri kita? Kita sekarang ini *heavily dependent on electronic*, dengan izin. *Electrical, electric and electronic industries.*

Itu sebab apabila Amerika tidak beli kita punya elektronik produk, E&E, dia akan menjejaskan ekonomi negara kita Tuan Yang di-Pertua dan saya tidak nampak satu usaha yang bersungguh-sungguh daripada pihak Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ini yang membawa satu strategi baru untuk mengurangkan pergantungan kita.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Mana ada Kementerian Perusahaan dan Industri dalam Kabinet Pak Lah ini. Kena semak dulu ni.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya tidak pakai cermin mata. Tu sebab saya baca...

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Itulah salah!

*[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Seorang Ahli: MITI, MITI.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: MITI. Senang MITI lah. *Ministry of International Trade and Industry.* Cakap orang putih laju sikit. Jadi, kebergantungan kita kepada E&E begitu besar sekali dan dalam keadaan ekonomi Amerika menurun, maka kita terjejas dengan teruk.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Ceramah Perdana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, ringkas Yang Berhormat ya!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya, .. Eh! dah bertukar. Boleh sambung sikit lagi. Kita dah tua. Cakap *slow* sikitlah. Orang muda-muda boleh cakap laju-laju. Dah penat dah ni. Jadi saya mengharapkan pihak kementerian untuk melihat struktur ekonomi kita, perindustrian kita supaya jangan terlalu bergantung kepada industri E&E sebagai mana yang kita sebutkan tadi. Kita perlu membawa industri-industri yang baru, kepelbagaian supaya ekonomi kita...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini berucapkah, bertanya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, saya suruh ringkaskan Yang Berhormat. Ya, ringkaskan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Baru minum kopi luar, masuk-masuk terus kacau. Ya.

Seorang Ahli: Terima kasih. *[Ketawa]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Lagi ditegur lagi lama berdiri. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya dah letih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat, letih duduk Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Riuh]*

■1740

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tunggu, saya hendak gulung ini. *[Ketawa]* Terima kasih banyak, saya bergurau sahaja, jangan marah.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sambung.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Sekali, sekali...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekali ya, laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kassim [Arau]:Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya tertarik tentang IKS ini. Kalau IKS ini diperkasakan atau diperkukuhkan, kita lihat ianya akan dapat menolong membantu terutamanya ketika kita di dalam kegawatan atau kemelesetan seperti mana yang berlaku di negara Thailand dan juga Vietnam.

Jadi sewajarnya kita sudah ada segala kekuatan. Cuma dari segi pelaksanaan kita lihat ianya tidak dilakukan secara bersungguh-sungguh. Kita sudah bagi *wings* tetapi *wings* itu tidak dapat terbang ke tempat yang sebenarnya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sokong sayalah itu.

Dato' Ismail Kassim [Arau]: Sokong. Jadi Yang Berhormat, dalam era baru, Kabinet yang baru kita harap perkara ini perlu diberi perhatian yang serius supaya kita mendapat mencapai sasaran yang sebenarnya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Sambung sedikit Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Timbalan menteri ada sedikit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Jasin Yang Berhormat?

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Jasin.

Datuk Liew Vui Keong: Jasin lagi ya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya sebenarnya menyokong pandangan daripada Pasir Mas tadi. Namun untuk menjawabnya sebenarnya kementerian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Siapa yang menjawab Yang Berhormat? *[Ketawa]*

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Kementerian Pembangunan dan Usahawan sebenarnya ada mewujudkan satu skim. Setiap daerah diwujudkan majlis pembangunan usahawan daerah untuk membangunkan usahawan-usahawan tempatan. Apa yang saya hendak minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada ketika ini dalam usaha kita untuk membangunkan usahawan-usahawan, ianya telah dijayakan oleh pelbagai kementerian. Selain daripada MITI, pembangunan usahawan dan agensi-agensi yang lain.

Apa yang saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ada tidak satu kerjasama yang betul-betul konkrit daripada semua kementerian dan agensi ini supaya tidak ada *overlapping* kerana MARA bagi, Kementerian Usahawan bagi, MITI bagi. Jadi kadang-kadang satu usahawan itu langsung tidak dapat pun ada, banyak dapat pun ada. Jadi saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, boleh sambung sedikit?

Datuk Liew Vui Keong: Eh, banyak kementerian betul sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Biar Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab dahulu Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Berkenaan IKS juga.

Datuk Liew Vui Keong: Okey sekali.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin minta pandangan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu tentang masalah yang dihadapi oleh IKS terutamanya dari luar bandar. Sebab IKS di luar bandar terutama tentang pengeluaran produk mereka ini saya ingat mungkin unik sedikit tentang makanan dan lain-lain termasuk kraf tangan.

Saya ingat bantuan dari kementerian ini jika hanya melalui kewangan memang tidak cukup. Bukan kewangan atau modal sahaja yang mereka perlu, terutama mereka perlukan bagaimana teknologi baru yang dapat *upgradekan* dan naik tarafkan pengeluaran mereka.

Sebab itu saya ingin tanya daripada pihak kementerian iaitu adakah SIRIM atau lain-lain pertubuhan telah bersama-sama dengan MITI atau MATRADE untuk membantu mereka bukan hanya secara pinjaman atau geran untuk modal, tetapi lain-lain bantuan seperti teknologi atau bagaimana hendak dipasarkan atau cara pembungkusan dan lain-lain. Saya harap mungkin Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat terangkan kepada Dewan ini.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat tadi. Tidak dapat dinafikan lagi Tuan Yang di-Pertua bahawa IKS memanglah menjadi satu *backbone* kepada ekonomi kita di negara ini. IKS merupakan 99.2% di negara kita ini. Kerajaan memanglah sentiasa memberi bantuan kepada IKS.

Baru-baru ini kerajaan telah mengumumkan lebih kurang RM800 juta untuk menolong IKS dalam keadaan sebegini sekarang ini. Kementerian juga ada satu *one stop centre* yang telah pun diwujudkan di mana semua IKS boleh mendapatkan jawapan dan juga penjelasan mengenai pelaburan yang ada di negara kita ini. Insentif-insentif lain yang diberikan MITI ini termasuk juga pinjaman-pinjaman dan juga seperti yang telah pun disebutkan oleh menteri pada awal masa menjawab soalan.

MITI juga ingin memaklumkan kepada Dewan ini bawah MITI akan mengadakan satu program di antara semua daerah daripada satu industri ke satu industri yang dikenali sebagai SDSI di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi untuk menolong IKS-IKS di daerah-daerah yang berkenaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat, Pasir Mas?

Datuk Liew Vui Keong: Tidak, saya jawab dahulu Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kerajaan memang komited untuk membangunkan ekonomi-ekonomi melalui IKS ini memandangkan seperti yang saya nyatakan tadi IKS adalah satu sektor yang amat penting dalam ekonomi kita ini.

Untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Jasin tadi, iaitu memang ada kerjasama di antara agensi-agensi dan juga kementerian untuk mengadakan usahawan yang berjaya di negara kita ini. Untuk menjawab soalan daripada Kota Melaka tadi, bantuan yang telah pun diberikan kepada IKS yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah melalui modal insan

dan juga *training* dan *exhibition* dan juga selalu yang diadakan oleh agensi-agensi daripada Kementerian MITI.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Boleh minta penjelasan sedikit?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya punya tidak jawab lagi.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Nantilah, satu, satu. Sebab ini perkara penting Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat sudah jawab. Sudah ada *one stop agency*, tetapi masalahnya pengusaha-pengusaha di luar bandar tidak tahu dan di manakah *one stop agency* ini di kementerian ke ataupun ditempatkan di tempat-tempat yang tertentu. Saya ingin mencadangkan seolah-olah Yang Berhormat sebut tadi Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi bersama dengan MITI dan lain-lain agensi supaya kalau boleh maklumat-maklumat berkenaan dengan IKS ini digunakan melalui saluran Majlis Daerah atau *Town Council Government*. Adakan satu sudut pt pelancongan, segala maklumat ataupun dipinjam pegawai di majlis daerah untuk memantau dan mereka dapat datang ke tempat itu untuk mendapat maklumat. Baru orang kampung dan pengusaha kampung tahu. Ini masalahnya orang tidak tahu.

Memang ada agensi, saya tidak nafikan ada macam-macam kemudahan, tetapi penyelarasan untuk membantu IKS ini tidak dibuat secara bersepadu. Ramai lagi pengusaha datang bertanya. Saya sendiri banyak menerima pertanyaan-pertanyaan daripada pihak-pihak berkenaan macam mana hendak dapat bantuan, macam mana kemudahan IKS. Jadi sebenarnya perkara ini ada tetapi tidak sampai kepada akar umbi. Saya minta Yang Berhormat jawab fokus sebab saya tanya secara spesifik sebab saya tidak retorik. Saya tidak retorik, saya hanya mengemukakan soalan berasaskan kepada perkara-perkara yang spesifik, terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat, cadangan Yang Berhormat untuk mengadakan *one stop centre* ataupun satu *centre* untuk memberi maklumat kepada pekilang ataupun IKS di kawasan itu amatlah baik. Jadi saya akan memberitahu kementerian saya tentang cadangan Yang Berhormat itu tadi.

Mengenai soalan daripada Yang Berhormat Pasir Salak tadi, Tuan Yang di-Pertua adalah tidak tepat bahawa IKS tidak berupaya mengeksportkan E&E yang telah pun dibangkitkan tadi kerana sektor ini telah pun menyumbang 19% kepada keseluruhannya jumlah eksport negara.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak faham perkara yang saya bangkitkan. Saya kata, saya tidak melihat banyak kejayaan IKS di luar bandar sebagaimana yang diuar-uarkan.

■ 1750

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia jawab 19% Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Apa 19%?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 19%...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh tengok keluar bandar, pergi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Soal berapa peratus pergi eksport saya tak ada mempertikaikan soal itu. Saya tak ada sebut soal itu. Saya kata di luar bandar tidak nampak kejayaan IKS. Betulkah tidak ini? Kalau betul kenapa jadi macam ini? *Why is it happening* dengan izin?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kenapa pula bahagian ke eksport pula?

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan bahawa pandangan daripada Yang Berhormat tadi itu tidaklah tepat sekali memandangkan IKS ini memainkan peranan yang penting di sektor ekonomi kita ini. Saya ingin memaklumkan bahawa pada 2 Januari tahun depan satu agensi yang dikenali sebagai SME Corp akan mula beroperasi menguruskan semua program pembangunan IKS yang sekarang ada dilaksanakan dan ini akan dilaksanakan oleh 16 kementerian dan 60 agensi.

Dalam hal ini SMIDEC akan dikenal pasti untuk memikul tanggungjawab tersebut dan saya yakin dengan adanya program-program sedemikian IKS yang ada di daerah-daerah yang berkenaan akan dapat lebih lagi membangun.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, kalau inilah sikap yang kita ambil saya tak nampak ada harapan untuk memajukan IKS di luar bandar. *Be positive!* Kita hendak kalau kita telah gagal di masa yang lepas kita ambil secara positif kita buat, apakah tindakan yang baru untuk menjayakan program ini. Bukan kita memberikan alasan itu, sana sini yang tidak memberikan satu jaminan bahawa program ini akan berjaya dan saya cakap ini hakikat. Kalau tak percaya mari pergi Pasir Salak, mari pergi ke Telok Intan, pergi ke Tapah, pergi ke mana. Mana ada kejayaan ini?

Saya bukan salahkan dari segi kerajaan, dari segi Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri. Perdana Menteri sudah bagi peruntukan yang secukupnya. Wang yang banyak, beratus-ratus juta. Kementerian ditubuhkan, ada menteri, ada Timbalan Menteri, ada pegawai. Di pihak Perdana Menteri dia sudah melepaskan tanggungjawab itu begitu juga timbalannya. Kabinet membuat *decision* secukupnya. Apa yang kita tidak dapat jayakan ini, di mana kelemahannya? Kita mesti mengenal pasti di mana lemahnya dan mengatasi kelemahan itu. Bukan kita tepis segala apa persoalan. *This is denial syndrome. Denial syndrome!*

Beberapa Ahli: Yes, yes!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita tidak akan maju kalau kita ada *denial syndrome*. Betul?

Beberapa Ahli: Betul.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ha, betul. Di belakang itu kata betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya bagi timbalan menteri jawab Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Itu sebab saya kata saya hendak...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: [*Bangun*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...menteri dia datang sini, saya hendak tanya Tan Sri Haji Muhyiddin. Betul.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Yang Berhormat, sedikit sahaja.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Belum lagi habis.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Belum habiskah?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Betul. Begitu juga apabila saya bercakap tadi tidak dijawab pun. Perindustrian kita pada hari ini *heavily dependent on* E&E. Fahamkah tidak? *Why are we doing about it?*

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pandang semua orang. *What are we doing about it to restructure our industries one of that sector dengan izin a very important sector of the economy is industry and we are heavily dependent on only one sector, sub sector.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, dengan izin Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Dengan izin. Saya bercakap ini saya buat kajian. Saya baca *report* MIDA. *I read the report.* Saya buat lawatan ke MIDA. Saya berjumpa dengan pengarah MIDA. Saya bukan datang sini cakap kosong retorik.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: [*Menyampuk*]

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Mana Yang Berhormat Pasir Mas? Retorik, retorik. Sindir saya pula.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, biar Timbalan Menteri jawab Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kalau boleh jawab, jawab. Kalau tak boleh jawab kita tunggu menteri datang jawab.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat. Sektor E&E Tuan Yang di-Pertua, memanglah merupakan penyumbang utama kepada ekonomi kita di negara ini. Walau bagaimanapun, kementerian sentiasa berusaha untuk mempelbagaikan aktiviti-aktiviti sektor perkilangan kepada aktiviti-aktiviti yang bernilai untuk ditambah tinggi dan berteknologi tinggi dalam semua sektor perkilangan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akan teruskan...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat. Yang Berhormat penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Arau.

Datuk Liew Vui Keong: Ada lagi? Saya banyak lagi di sini Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Sedikit, sedikit Yang Berhormat. Saya hendak menolong kerajaan sebenarnya.

Beberapa Ahli: Woo!

Dato' Ismail Kasim [Arau]: [*Ketawa*] Tidak, ini hakikat pandangan saya. Ini kerana terlampau banyak dibantu Yang Berhormat. Saya tidak menyatakan kita telah menyediakan prasarana yang selengkapnya tapi ada satu lagi benda yang kita lupa iaitu pembetulan sikap. Sikap ini melibatkan pengusaha. Di negara-negara yang telah berjaya dalam IKS kerajaan tidak banyak membantu mereka. Mereka *independent*. Sebab itu mereka berjaya dengan begitu hebat sekali. Kita ada...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Salah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak boleh macam ini Yang Berhormat.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Ya betul, ini betul. Yang Berhormat Pasir Salak ini betul! Di Thailand tidak ada bantuan daripada kerajaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Lawan, lawan Yang Berhormat Pasir Salak.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Jadi pastikan yang banyak kursus motivasi yang dibuat ke arah membetulkan sikap ini bagi memastikan mereka benar-benar *independent* dan mencapai kejayaan.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum dijawab boleh saya tambah sedikit? IKS juga.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sebelum timbalan menteri menjawab boleh saya...

Datuk Liew Vui Keong: Saya akan teruskan.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]:apa Yang Berhormat Arau bangkitkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Kita *settle* kat luarlah.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat kota Melaka Timbalan Menteri hendak jawab dahulu Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Sedikit sahaja.

Datuk Liew Vui Keong: Tak payahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Timbalan menteri hendak jawab dahulu Yang Berhormat.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Bolehkah tambah?

Datuk Liew Vui Keong: Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Liew Vui Keong: Ahli Yang Berhormat daripada Gombak telah pun mencadangkan kerajaan mengurangkan duti import bagi kenderaan hibrid untuk menggalakkan penggunaan kenderaan yang mesra alam selain menjimatkan penggunaan minyak.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi memastikan industri automotif negara terus berdaya saing kerajaan sentiasa berusaha menggalakkan pembangunan dan kemasukan teknologi baru. Dalam usaha membangunkan kenderaan hibrid di dalam negara kerajaan sedang mengkaji insentif untuk menggalakkan pengeluaran kenderaan hibrid di pasaran tempatan yang bukan sahaja memberi faedah kepada pengguna tetapi mampu menarik pelaburan dari syarikat-syarikat pembuat kenderaan hibrid utama dunia untuk membuat dan memasang kenderaan tersebut di Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Pulau...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan. Proton.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berapa banyak pelaburan Proton di negeri China? Lagi satu, kenapa Proton beli satu kilang di Indonesia dengan harga yang begitu tinggi lebih daripada harga pasaran. Saya mendapat laporan kilang itu cuma RM20 juta tapi dibeli dengan harga RM20 juta lebih mahal daripada itu dan sekarang ini kilang itu tak digunakan pun di Indonesia itu. Jadi gudang, jadi stor tak dipakai. Kenapa perkara ini boleh berlaku?

Berbalik kepada negeri China, kenapa Proton mengadakan satu kerjasama gabungan dengan sebuah syarikat automotif China yang baru dan tidak ada kemajuan dari segi teknologi. Kalau kita hendak belajar dari segi teknologi automotif kita belajar dan bekerjasama dengan syarikat-syarikat automotif yang telah berjaya, terkenal. Syarikat automotif Jepun seperti Mitsubishi. Mereka memulakan industri mereka dengan bekerjasama dengan syarikat Genre Motor dengan Chrysler. Begitu juga dengan syarikat Toyota dan juga syarikat Datsun. Mereka bekerjasama dengan Ford.

Tuan Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Datsun sudah berubah, sekarang Nissan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tak boleh buat macam itu Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya bercakap asalnya dahulu. Di mana teknologi syarikat-syarikat automotif Jepun ini memperoleh teknologi dan belajar daripada mana. *Synergy* dengan syarikat mana. Yang Berhormat budak lagi saya dah dalam industri automotif.

Beberapa Ahli: Woo!

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ya.

■1800

I was the founder of DRB Group for your information. You jangan main-main, 30 tahun dahulu saya sudah melawat semua kilang-kilang kereta di negeri Jepun, Korea, Seoul dengan izin, you don't know me, you don't talk. Your experience is nothing just like this.

Tuan Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena]: Hey, angin nampak hari ini.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tak. Dia cuba *under estimate, what do you know about automotive industry?, I want to ask you!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Berbalik kepada soal Proton.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: MITI Yang Berhormat, MITI.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Saya ulang balik kenapa Proton bekerjasama dengan sebuah syarikat automotif negeri China yang baru, yang kecil, yang tidak punya rekod kemajuan dari segi teknologi automotif. Apakah rasionalnya, apakah tujuannya? Saya difahamkan ada pihak-pihak tertentu, peniaga daripada Malaysia ini yang menggunakan Proton untuk bekerjasama dengan syarikat automotif China mendapatkan habuan-habuan yang besar. Banyak dari segi pelaburan Proton yang merugikan kepada syarikat itu dan merugikan kepada negara kita. Kenapa in boleh berlaku? Jangan cakap soal hibrid.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Pasal isu hibrid dibawa dalam perbahasan Yang Berhormat. Silakan menteri.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak tadi. Mengenai dengan isu Proton berapa banyak kilang yang telah pun ditubuhkan di negara China. Pada masa ini untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ada statistik ataupun maklumat seterusnya kepada Yang Berhormat.

Walau bagaimanapun, saya amat kagum dengan pengalaman Yang Berhormat dalam perkara industri automotif ini. Saya akan membekalkan jawapan yang telah diminta oleh Yang Berhormat tadi nanti. Izinkan saya teruskan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan.

Datuk Liew Vui Keong: Ahli Yang Berhormat Pulai pula menyentuh mengenai perundingan perjanjian perdagangan FTA khususnya antara Malaysia dan Amerika Syarikat. Kementerian menerima baik terhadap perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang

Berhormat Pulai tentang rundingan perjanjian perdagangan bebas antara Malaysia dengan Amerika Syarikat.

Kerajaan sentiasa peka terhadap isu-isu yang Malaysia mempunyai kepentingan seperti yang disentuh oleh Yang Berhormat dan menolak elemen-elemen agenda rundingan yang menyentuh kedaulatan negara dan dasar-dasar nasional yang perlu dikekalkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Siput bangun Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Seperti mana yang dijelaskan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri semasa menjawab pertanyaan daripada Ahli Yang Berhormat dari kawasan Jelutong dan Muar pada 24 Jun lalu, Malaysia tetap berpendirian tegas terhadap permintaan-permintaan Amerika Syarikat yang patut dilindungi serta perkara-perkara yang melibatkan dasar ekonomi baru. Dasar bumiputera adalah di antara perkara yang tidak boleh dirundingkan atau dengan izin *non-negotiable* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila duduk Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Untuk makluman Yang Berhormat, saya ingin menjelaskan bahawa analisa kos faedah sentiasa dilakukan sebelum kerajaan membuat keputusan melakukan sesuatu rundingan. Jemaah Menteri sentiasa diberi maklum balas mengenai kedudukan rundingan dan sentiasa menimbang kesan dan manfaat kepada kepentingan negara sebelum sesuatu mandat diputuskan.

Prinsip liberalisasi beransur-ansur atau dengan izin *progressive liberalization* tetap dimajukan oleh Malaysia dalam menimbang permintaan-permintaan dengan izin market akses Amerika Syarikat dalam sektor-sektor industri...

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Timbalan menteri, boleh saya mencelah. Boleh saya mencelah.

Datuk Liew Vui Keong: Sekejap, boleh?

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Okey. saya tunggu.

Datuk Liew Vui Keong: Dalam sektor-sektor industri perkilangan, perkhidmatan. Tempoh pelaksanaan yang lebih panjang akan dirundingkan.

Selain daripada tuntutan penghapusan duti import terhadap eksport berkepentingan kepada industri tempatan, Malaysia juga akan berunding supaya proses kelulusan *sanitary* dan *phytosanitary* akan dimudahkan dan dipercepatkan.

Penilaian dan pematuhan melalui dengan izin *ritual reconnection agreement* akan membantu menangani masalah pemeriksaan yang berulang-ulang terhadap eksport barangan Malaysia ke pasaran Amerika Syarikat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Pulai.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Terima kasih timbalan menteri. Saya hendak mendapat sedikit penjelasan. Nombor satu adakah *fast track agreement* di antara

Malaysia dengan Amerika Syarikat untuk perundingan FTA ini masih lagi berjalan dan kalau ia sudah luput ia akan disambung. Kedua saya hendak tanya sama ada cadangan untuk MITI menjadi kementerian yang mengendalikan kesemua perundingan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat untuk perjanjian FTA ini adalah benar. Sekian, terima kasih.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Bolehkah saya sambung?

Datuk Liew Vui Keong: Saya jawab soalan ini dulu. Yang Berhormat Pulai, mengenai isu *fast track, authority* ini telah pun memberi kepada Presiden Amerika untuk mengadakan kuasa tanpa pergi ke Kongres Amerika untuk mengadakan satu rundingan FTA.

Buat setakat ini kerajaan masih lagi dalam keadaan yang bersedia untuk meneruskan perundingan dengan Amerika Syarikat mengenai FTA ini. Baru-baru akan diadakan satu perundingan yang dikenali sebagai *The 8th Round of This Negotiation* akan diteruskan di Washington. Mengenai dengan isu MITI akan dijadikan satu agensi yang merundingkan semua perkara dalam FTA ini, Yang Berhormat sedia maklum bahawa isu-isu FTA yang terlibat bersama dengan Amerika Syarikat ini terlibat dengan isu sindrom *plus* isu semuanya dan juga terlibat dengan hanya kementerian-kementerian seperti Kementerian Kewangan dan juga daripada yang berkenaan. Jadi semua kementerian ada dia punya peranan dan MITI memang menjadi *one of the lead* agensi dalam perkara ini. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Itu bukan soalan saya. Soalan saya bukan begitu timbalan menteri. Soalan saya adalah sama ada MITI akan membuat keputusan *overriding* di atas kesemua pandangan kementerian yang terlibat kerana perjanjian FTA ini melibatkan Kementerian Luar Negeri, melibatkan Kementerian Kewangan dan juga banyak lagi kementerian-kementerian yang mempunyai kepentingan dalam negara. Akan tetapi kalau MITI mengambil keputusan bagi semua pihak kementerian yang saya sebutkan tadi, maka saya khawatir keputusan yang akan dibuat MITI itu akan berat sebelah kerana MITI juga merupakan salah satu pihak yang mempunyai kepentingan dalam perundingan FTA ini. Maka ia tidak boleh menjadi satu kementerian yang berkecuali dalam membuat apa-apa keputusan bagi pihak kementerian-kementerian lain. Itu soalan saya. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat Pulai. Memang sebenarnya bahawa MITI tidak akan dikecualikan dalam semua isu yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. MITI akan sentiasa mengambil pandangan daripada kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang berkenaan sebelum mengadakan keputusan yang seterusnya.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [Bangun]

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: [Bangun]

Datuk Liew Vui Keong: Saya akan teruskan Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, *free trade agreement*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *Free trade agreement.*

Datuk Liew Vui Keong: Saya ada banyak lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya akan jawab di sini mengenai FTA juga. Boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, teruskan Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih. Jadi Tuan Yang di-Pertua, permintaan-permintaan Amerika Syarikat yang tidak munasabah tetap tidak diterima oleh Malaysia. Sebaliknya Malaysia mengemukakan dengan izin *counter proposal* yang lebih sesuai diamalkan dan dicadangkan *flexibility* tertentu yang boleh diterima oleh Malaysia.

■ 1810

Isu-isu yang menyentuh dasar perolehan kerajaan, dasar persaingan perkhidmatan kewangan masih dianggap sensitif kepada Malaysia. Kerajaan sedar bahawa peranan dan sumbangan syarikat-syarikat GLC...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau bangun Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: ...adalah penting dalam pembangunan ekonomi negara dan memastikan supaya peranan ini tidak terjejas dalam rundingan ini. Sekejap, sikit lagi. Walaupun ... ini diketuai Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri yang melibatkan penyertaan wakil dari sepuluh buah kementerian dan agensi yang lain.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Daripada Yang Berhormat Rembau.

Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri. Tadi timbalan menteri ada sebut tentang isu-isu sensitif ataupun isu-isu pokok seperti perolehan kerajaan, dasar persaingan dan juga sektor perkhidmatan kewangan dan sebagainya. Saya lihat isu-isu ini adalah isu-isu pokok dalam FTA bersama dengan Amerika Syarikat dan saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah gunanya kita teruskan perundingan FTA tersebut dengan Amerika Syarikat sedangkan dengan FTA-FTA yang lain yang dimeterai oleh Amerika Syarikat dan negara-negara lain tidak pernah mereka kompromi dalam isu-isu tersebut termasuk perolehan kerajaan dan sedar ataupun tidak menteri ada satu lagi *expropriation clause* di mana syarikat-syarikat Amerika Syarikat boleh membawa Kerajaan Malaysia ke mahkamah jika ada satu dasar kerajaan yang merugikan syarikat tersebut. Jadi ini semua soal pokok, klausa-klausa pokok dalam FTA dan kalau kita sudah buat ketetapan bahawa kita tidak akan kompromi dengan soal-soal pokok ataupun isu-isu sensitif seperti ini apa gunanya kita teruskan dengan perundingan FTA tersebut. Lebih baik kita tamatkan hari ini dan kita teruskan seperti biasa, terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat daripada Rembau. Kita tidak nafikan Tuan Yang di-Pertua bahawa terdapat banyak manfaat yang akan diberikan kepada Malaysia ini sekiranya perundingan FTA ini dapat diteruskan dengan Amerika Syarikat.

Walaupun terdapat masalah-masalah pokok yang disebutkan oleh Yang Berhormat Rembau tadi saya sedia maklum kepada Tuan Yang di-Pertua bahawa memang ada *improvement* daripada isu-isu perundingan yang telah pun diadakan dengan Amerika terutamanya daripada segi perkhidmatan kewangan dan juga *sustainable development issue*. Tetapi isu mengenai perolehan kerajaan, *government procurement* itu masih lagi jadi satu isu yang amat sensitif dan *contentious* bagi negara kita. Sekiranya perunding dapat meneruskan dengan perunding daripada Amerika dalam isu ini. Saya amat pasti bahawa FTA ini dapat dimeteraikan seberapa cepat yang boleh. Saya teruskan Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat daripada Pontian menyentuh tentang usaha yang dilakukan untuk meningkatkan eksport produk Malaysia ke peringkat antarabangsa termasuk yang melibatkan usahawan bumiputera dan memohon penjelasan mengenai manfaat yang diperoleh oleh syarikat-syarikat tempatan serta jumlah pekerjaan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Kabinet mengenai pelabuhan...

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Timbalan menteri, boleh saya mencelah timbalan menteri?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sekejap Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Saya habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan ayat Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, PPB telah dilancarkan pada tahun 2003 untuk membantu usahawan bumiputera supaya dapat bergiat dengan lebih aktif di dalam perdagangan antarabangsa. Program yang berbentuk bimbingan ini dijalankan khusus untuk syarikat perusahaan kecil dan sederhana, PKS bumiputera yang berminat dan bersedia untuk menerokai pasaran eksport. Melalui program ini sebanyak 12 PKS bumiputera dipilih pada setiap tahun untuk dibimbing khusus dalam berbagai aktiviti pembangunan dan promosi eksport. Untuk tujuan tersebut program yang berjalan selama tiga tahun ini memberikan pendedahan, tunjuk ajar dan peluang untuk PKS bumiputera menimba ilmu dan pengalaman dalam selok belok perniagaan eksport. Program yang mendapat sambutan baik ini masih terus berjalan di...

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Timbalan Menteri.

Datuk Liew Vui Keong: ...mana pada satu masa terdapat 36 PKS bumiputera yang dibimbing oleh MATRADE.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Sikit-sikit.

Datuk Liew Vui Keong: Sikit saja, okey.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Tadi sebelum saya hendak tanya soalan tadi timbalan menteri sudah masuk kepada soalan Yang Berhormat Pontian. Jadi saya hendak minta satu penjelasan mengenai satu perkara lagi yang saya sebut dalam ucapan saya

iaitu mengenai percanggahan di antara dasar bumiputera dengan kepentingan yang dibincangkan dalam perjanjian FTA ini. Jadi saya hendak tanya timbalan menteri sama ada sekiranya timbul percanggahan di antara dasar bumiputera dalam apa-apa perkara dalam perjanjian FTA itu. Dasar manakah yang akan mengambil prioriti. Adakah perjanjian FTA tersebut ataupun dasar bumiputera yang akan terjejas disebabkan oleh perjanjian tersebut. Itu soalan saya, terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih Yang Berhormat daripada Pulaui. Tuan Yang di-Pertua, tidaklah dapat dinafikan bahawa status bumiputera dalam *National Economic Policy* akan dijaga oleh kerajaan tidak akan terjejas sekiranya perundingan FTA diteruskan dengan Amerika Syarikat. Kerajaan sentiasa melindungi hak-hak bumiputera dalam negara ini, terima kasih. Izinkan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sila Yang Berhormat.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, sehingga kini program-program pembangunan pengeksporth bumiputera anjuran MATRADE telah berjaya membantu 58 syarikat PKS bumiputera menerokai pasaran eksport dan kini mampu untuk bersaing di peringkat antarabangsa. Selain daripada menjayakan program-program pembangunan pengeksporth bumiputera, MATRADE juga menyediakan beberapa kemudahan lain yang dapat membantu dan menyumbang kepada peningkatan PKS bumiputera dalam perniagaan eksport seperti geran pembangunan pasaran, geran promosi jenama, tabung eksport perkhidmatan, bengkel dan seminar eksport, misi perdagangan dan pelaburan dan misi jualan dan pemasaran khusus. Pada tahun lalu JKMB telah meluluskan 15 projek pelaburan dengan nilai RM64.3 bilion dari Januari hingga April tahun ini empat projek telah diluluskan dengan jumlah RM14 bilion. Secara keseluruhannya jumlah projek pelabuhan yang telah diluluskan pada tahun 2007 adalah sebanyak 1,949 projek dengan jumlah pelaburan sebanyak RM59.9 bilion. Daripada jumlah ini 97,673 peluang pekerjaan baru akan diwujudkan. Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan saya terhadap isu-isu utama yang bangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Isu serta cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat diambil perhatian dan tindakan susulan yang sewajarnya akan diambil, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya menjemput Kementerian Pelajaran.

6.18 ptg.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan khususnya dalam membahaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan bidang pendidikan. Segala pandangan, saranan bagi menambah baik pembangunan pendidikan negara sentiasa akan diberi perhatian

yang sewajarnya. Tuan Yang di-Pertua, kita sedar keadaan semasa ekonomi bukan sahaja di negara kita malahan di seluruh dunia menunjukkan situasi yang kurang memberangsangkan. Keadaan tersebut sudah tentu mendatangkan kesan pada pembangunan negara termasuklah dalam melaksanakan program pembangunan pendidikan. Kementerian akui peruntukan yang diagih kepada sektor pendidikan ketika pengumuman Rancangan Malaysia Kesembilan sebanyak RM23.198 bilion memang tidak mencukupi bagi melaksanakan 17,356 projek yang telah dirancang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada sejumlah projek yang telah dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, 2,571 projek telah siap, 3,087 sedang pembinaan. Manakala 5,308 di peringkat pra-bina.

■1820

Sehubungan dengan itu, dalam kajian separuh penggal (KSP) ini, Kementerian Pelajaran mengharapkan suntikan dana yang mencukupi dalam usaha meneruskan agenda pendidikan negara. KPM amat berterima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana dalam pembentangan KSP kali ini, sektor pendidikan dan latihan telah diberikan penekanan utama dalam rancangan pembangunan kerajaan.

Kementerian Pelajaran Malaysia menyambut baik saranan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam memperkukuhkan program pendidikan dan latihan seperti hasrat beliau untuk:

- (i) memberi keutamaan kepada pendidikan luar bandar bagi merapatkan jurang bandar dan luar bandar dengan memberikan penumpuan kepada menaik taraf infrastruktur sekolah. Menyediakan kemudahan ICT serta menempatkan guru berpengalaman berkhidmat di kawasan luar bandar dan pedalaman untuk merapatkan jurang akademik murid;
- (ii) menyeragamkan kurikulum pra-sekolah agar semua murid akan dapat membaca dan mengira sebelum memulakan pendidikan formal di peringkat sekolah rendah;
- (iii) memperkasakan pendidikan teknik dan vokasional agar dapat melahirkan lebih ramai murid yang memiliki kemahiran atau *skill* selain keupayaan akademik; dan
- (iv) meningkatkan kualiti dan kemudahan sekolah kebangsaan agar usaha menjadikan sekolah kebangsaan sebagai pilihan utama dan di samping itu tidak mengabaikan pembangunan sekolah jenis kebangsaan dan sekolah agama bantuan kerajaan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Semuanya...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ya, terima kasih Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik dengan hujah Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu usaha kerajaan ke arah memartabatkan sekolah luar bandar dan kesaksamaan jurang perbezaan antara bandar dengan luar bandar. Dalam hujah saya baru-baru ini, saya ada menyentuh berhubung dengan pembinaan empat buah sekolah menengah di kawasan saya iaitu Sekolah Menengah Kampus Paris, Sekolah Menengah Antilimun, Sekolah Menengah Tongot dan Sekolah Menengah Sukau.

Jadi, adakah hasrat kerajaan ini akan direalisasikan pada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan ini? Kalau direalisasikan, bila agak-agaknya empat buah sekolah ini didirikan? Sebab ini hasrat kerajaan untuk menyeimbangkan pembangunan wilayah dalam industri pendidikan. Saya ingin penjelasan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Seorang wakil rakyat yang lantang berhujah dan apa yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat akan saya jawab satu-persatu mengenai cadangan empat sekolah itu...

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...Sehubungan dengan itu, atas kemampuan kewangan yang disalurkan, KPM akan berusaha sedaya upaya untuk merealisasikan hasrat ini seperti juga yang diharapkan oleh Yang Berhormat Bukit Katil, agar pembangunan pendidikan akan dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan masyarakat di negara ini. Kita tidak mahu ada dalam kalangan anak-anak kita di negara ini membesar tanpa mendapat pendidikan yang sewajarnya, kerana mereka merupakan aset penting negara pada masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua,... Sila, baru mukadimah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa langkah atau hasrat kerajaan adalah untuk menjadi sekolah kebangsaan sebuah sekolah pilihan, tanpa meminggirkan sekolah jenis kebangsaan.

Jadi, saya mahu tahu dasar kementerian, sama ada hendak menghapuskan sekolah bantuan modal ditukarkan kepada sekolah bantuan penuh kerajaan bagi sekolah jenis kebangsaan? Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Kementerian Pelajaran Malaysia telah mendengar pandangan dan tuntutan daripada masyarakat tentang sekolah bantuan kerajaan kerana ada empat kategori:

- (i) SJK(C);
- (ii) SJK(T);

- (iii) Sekolah Agama Bantuan Kerajaan; dan
- (iv) Sekolah Mubaligh.

Keempat-empat ini merupakan kategori dan kebanyakannya sejumlah 1,782 buah yang dikategorikan sebagai sekolah bantuan kerajaan. Jadi, Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha untuk menyediakan satu *mini blueprint* dan satu memorandum telah diserahkan kepada Jemaah Menteri dan sudah ada satu kata putus tentang tindakan yang akan disusuli dan apakah skop kerja yang akan dimasukkan ke dalam, ini termasuk bagaimana kita hendak merapatkan jurang di antara sekolah bantuan kerajaan dan juga sekolah kerajaan.

Kita tidak mahu melihat apabila jurang itu terlalu besar dan mungkin ia akan menimbulkan masalah. Kita mengambil satu pendekatan bahawa semua sekolah kerana kita hendak membangunkan modal insan kita, maka tujuan diadakan *mini blueprint* ini adalah membantu semua aliran sekolah termasuk juga sekolah bantuan modal yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi.

Tuan Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sekolah bantuan modal kerajaan, terutamanya bagi Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Daripada 500 lebih buah di seluruh negara, masih lagi terdapat 200 lebih yang duduk atau berada di ladang-ladang dan estet yang masih lagi keadaannya begitu kekurangan prasarana, bangunan yang usang, jalan raya yang teruk dan sebagainya. Jadi, inilah yang patut ditumpukan oleh kementerian bagi memastikan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ini tidak terus tercicir dalam negara kita.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Satu pandangan yang bernas. Sebenarnya, selain daripada *mini blueprint* yang saya nyatakan, ia merupakan sebahagian daripada PIPP kita dan kita telah mendapat persetujuan secara dasar daripada Kabinet pada 23 April yang lalu, bahawa sejumlah peruntukan akan diberikan kepada sekolah-sekolah yang saya sebutkan.

Pada waktu yang sama, saya Jawatankuasa Kabinet mengenai masalah-masalah masyarakat India yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri juga baru-baru ini telah mengumumkan untuk mewujudkan satu urus setia, satu unit untuk kita memantau termasuk juga SJK(T). Saya rasa, segala pandangan Yang Berhormat itu memang diambil kira dan sedang dalam tindakan Kementerian Pelajaran Malaysia. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Minta laluan. Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, terima kasih. Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi mengatakan *mini blueprint* ini. Bolehkah kita tahu, siapa yang menyediakan

memorandum kepada kementerian dan bagaimana dia akan disediakan, sama ada masyarakat-masyarakat ataupun NGO-NGO yang berkenaan akan dijemput memberi pandangan?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya ini adalah inisiatif Yang Berhormat Menteri Pelajaran semasa beliau menyandang semula jawatan ini dan beliau telah mengarahkan supaya satu *mini blueprint* dapat disediakan, memandangkan banyak rintihan yang telah wujud. Dan sebenarnya banyak perkara yang menjadi satu tanda tanya dan termasuklah KPM sedang memantapkan kaedah pengagihan peruntukan bantuan modal ke sekolah bantuan kerajaan supaya sekolah-sekolah tersebut akan terus memperoleh pendidikan berkualiti setanding dengan sekolah kerajaan. Itu salah satu skop.

Yang keduanya, KPM juga sedang mengkaji kaedah yang terbaik dan paling sesuai untuk kita menukarkan status sekolah bantuan kerajaan kepada sekolah kerajaan. Apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, penyediaan *mini blueprint* ini di peringkat kementerian dan apabila siap nanti, saya rasa *stakeholder* yang terlibat akan juga dilibatkan bersama dan sebelum itu akan dibuat satu kata putus di peringkat Kabinet dan akhirnya akan dilaksanakan oleh pihak kementerian. Ini mengambil kira pandangan daripada semua dan sebelum ini banyak perkara yang telah dibangkitkan sama ada daripada wakil rakyat ataupun di luar Dewan ini, maka segala pandangan itu yang dikatakan bernas akan kita terima baik.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Bangun]

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Penjelasan Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Arau.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Arau? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin penjelasan Yang Berhormat berhubung dengan SABK atau Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Saya difahamkan guru-guru yang dihantar untuk berkhidmat di SABK ini kebanyakan guru-guru yang tidak terlatih dan mengikuti kursus dalam masa cuti. Boleh atau tidak bagi memastikan kualiti pengajaran dan pembelajaran yang lebih terjamin, supaya dicampurkan guru-guru terlatih dengan guru-guru yang masih dalam kursus masa cuti ini supaya memastikan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan ini dapat mutu pengajaran yang setimpal dengan sekolah-sekolah yang lain?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Arau, sebenarnya kita ada 117 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dan ini merupakan bekas sekolah SAR. Dan sekolah-sekolah ini sekolah agama rakyat ini yang kini digelar sebagai SABK, sebenarnya di peringkat Kementerian Pelajaran Malaysia sedang dalam rundingan dengan pihak-pihak tertentu iaitu mereka yang mengendalikan SABK ini dari segi mutu pengajaran P&P, kita hendak pastikan ianya setanding dengan sekolah-sekolah yang dikendalikan oleh KPM. Memang pandangan Yang Berhormat itu, memang telah diambil kira oleh Kementerian Pelajaran. Okey, sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: [Bangun]

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Boleh beritahu dengan ringkas, apakah masalah untuk menukar sekolah-sekolah bantuan modal kepada bantuan penuh? Dengan ringkas kerana kita semua ketahui dalam 50 tahun, ada macam-macam alasan yang dibuat oleh Kerajaan Barisan Nasional. Selalu mengatakan bahawa ada dalam proses, tindakan akan diambil, tetapi sebenarnya menganaktirikan sekolah-sekolah Tamil dan sekolah-sekolah Cina.

■1830

Soalan saya yang khususnya, apakah masalah ini dan apakah yang telah dikenal pasti supaya dalam jangka masa yang pendek semua sekolah bantuan modal ini boleh menjadi sekolah bantuan penuh? Pertama.

Kedua, kita tahu lebih kurang 70% sekolah-sekolah Tamil yang sedia ada ini semuanya di ladang-ladang. Semua tanah ini adalah tanah GLC, apa masalahnya semua kepunyaan kerajaan? Kenapa tanah-tanah itu tidak diberi milik kepada kerajaan sahaja, bukan *beneficiary* tanah-tanah ini adalah kerajaan sendiri.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya ini bergantung pada dua faktor. Pertama ialah keinginan Lembaga Pengelola Sekolah. Saya beri satu maklumat kepada Yang Berhormat, sebenarnya ada 889 buah SJK(C) yang dikatakan bantuan kerajaan. Ini adalah di mana hak milik tanah itu adalah dimiliki oleh LPS. Begitu juga untuk SJK(T) yang ada 374 buah.

Dalam soal ini, kalau kita melihat dari segi faktor sejarah, kalau estet-estet itu dahulunya membina SJK(T) dan hak milik tanah itu tidak diserahkan dan ketika itulah dikategorikan sebagai sekolah bantuan kerajaan. Ini memang dalam tindakan kementerian, di mana kita menyediakan *mini blueprint* seperti mana yang telah saya katakan bahawa skop kerja ini kita melihat kemungkinan bagaimana kaedah terbaik dan paling sesuai untuk kita membantu. Apatah lagi untuk SJK(T,) dalam soal ini satu Jawatankuasa Kabinet telah ditubuhkan. Yang Berhormat, biarlah kita bersabar sedikit. Apa yang perlu dilakukan ialah pandangan itu telah diberikan dan saya faham dari segi faktor sejarah dan kita mengharapkan supaya tidak ada perbezaan, tetapi keinginan Lembaga Pengelola Sekolah itu untuk menyerahkan tanah, bukan semua sekolah boleh lakukan begitu. Itu untuk makluman Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sekejap, ya? Kedua, dalam soal ini kita juga membantu. Kalau dahulunya sejak kemerdekaan kita melihat dari segi Perbelanjaan Mengurus memang ditanggung oleh kerajaan sepenuhnya. Dari segi dana pembangunan yang kini menjadi satu pertikaian, di mana jumlahnya tidak cukup.

Pada 23 April sebagaimana yang saya katakan, Kabinet pada dasarnya telah meminta pihak berwajib untuk menentukan satu jumlah yang besar untuk kita membantu termasuk apa

yang telah dihuraikan oleh Yang Berhormat tadi. Jadi, saya hendak beritahu kedudukan yang sebenarnya ada dari segi kekangan. Sebelum ini untuk sekolah-sekolah lain yang bukan untuk SJK(T) ada tanah yang tidak dimiliki oleh kerajaan. Apabila kerajaan membina satu bangunan di atasnya, maka ada implikasi dari segi undang-undang.

Jadi, dalam kes ini kita melihat dari segi pembangunan modal insan, kita hendak cuba sedaya upaya. Kita tahu bahawa SJK(T) dan SJK(C) tidak kira sekolah kerajaan atau sekolah bantuan modal ia adalah bertujuan untuk kita melatih generasi muda yang mempunyai pengetahuan. Oleh sebab itulah dalam *mini blueprint* ini kita hendak membantu. Ini bergantung kepada kemampuan kewangan kerajaan. Saya memang mengharapkan supaya satu dana yang dapat disuntik lebih banyak dan kita dapat membantu kesemua aliran sekolah.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sebelum Yang Berhormat beri laluan saya hendak mengingatkan kita ada 27 kementerian. Ini sudah satu hari baru lima kementerian sahaja dan pada hari Khamis kita harus bersidang sampai pukul 5.30 petang. Kalau bersetuju sampai pukul 12 saya tidak kira, boleh kita buat, Yang Berhormat. Jadi saya berharap Yang Berhormat lihat kalau betul-betul penjelasan ataupun ucapan yang baru dikeluarkan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana apa yang ingin saya katakan mencakupi apa yang telah dibangkitkan.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh mohon penjelasan sikit.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Biarlah saya habiskan dulu dan ada peluangnya untuk mencelah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lain duduk dulu, Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Nanti saya habiskan dulu baru saya bagi kepada Yang Berhormat. Biar saya habiskan mengenai SJK(C) dan SJK(T).

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Apa yang saya hendak dikatakan saya mengalulakan *mini blueprint* ini, tetapi sekarang kita di dalam *Midterm Review of Ninth Malaysian Plan*. Saya ingin tahu apakah rancangan yang dimasukkan dalam *midterm review* ini kerana di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini ada dua buah sekolah SRJK(C) yang harus dibina.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, saya akan sampai ke situ, ya? Biar saya teruskan. Fokus utama KSP adalah kepada pendidikan luar bandar.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Mohon izin, Tuan Yang di-Pertua...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Biar saya teruskan sekejap. Ini baru inti sari lagi, belum terus kepada isi. Fokus utama KSP adalah kepada pendidikan luar bandar dan pedalaman. Dengan penumpuan ini sudah pasti pembangunan pendidikan di negeri-negeri yang mempunyai banyak sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman seperti di Sabah, Sarawak dan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia akan diberi keutamaan. Sepanjang pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan, Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri telah turun ke Sabah, Sarawak dan juga negeri-negeri lain untuk sama-sama berbincang mengenai masalah yang dihadapi bagi membangunkan infrastruktur pendidikan khususnya bagi sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman.

Berkaitan dengan pembangunan pendidikan di Sabah seperti yang di bangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Kinabatangan, Kalabakan, Sipitang, Libaran, Lawas dan Kota Kinabalu, KPM menyedari masih terdapatnya jurang terutamanya di luar bandar dalam pelbagai aspek termasuklah kemudahan asas.

Oleh yang demikian, dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan melalui Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) 2006-2010, Kementerian Pelajaran telah memberi penumpuan terhadap keperluan seperti yang diutarakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Negeri Sabah amatlah bertuah kerana menjadi negeri yang menerima peruntukan yang paling besar, iaitu sebanyak RM3.43 bilion ataupun 16.54% daripada jumlah keseluruhan peruntukan Rancangan Malaysia Kesembilan bagi KPM untuk melaksanakan sebanyak 3,904 projek. Sebanyak 3,793 projek dengan siling sebanyak RM2.405 bilion di bawah belanja pembangunan dan 111 projek dengan siling sebanyak RM1.025 bilion di bawah peruntukan inisiatif pembiayaan swasta.

Bagi tempoh 2006-2008 Sabah juga telah menerima peruntukan berjumlah RM4.53 bilion, iaitu sebanyak RM4.24 bilion di bawah Belanja Mengurus dan RM26.69 juta di bawah peruntukan tambahan Kementerian Kewangan dan RM185.47 juta di bawah Tabung Amanah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM). Peruntukan tambahan Kementerian Kewangan adalah untuk membiayai keperluan tambahan yang telah diluluskan dalam Bajet 2008, antaranya pakaian seragam dan yuran khas sekolah. Manakala peruntukan bantuan sebanyak RM948.20 juta diberikan kepada Sabah untuk bantuan kewangan kepada sekolah dan pelajar.

Sepertimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, saya akui bahawa masih ada sebilangan murid yang terpaksa bangun awal dan mengharungi pelbagai cabaran sebelum sampai ke sekolah. Pengorbanan yang mereka lalui semata-mata untuk mendapatkan ilmu seperti murid-murid lain di negara ini amat menyedihkan. Mungkin kita sendiri tidak pernah melalui kesukaran begitu untuk menimba ilmu dalam usia yang muda mereka. Kesukaran ini dilihat oleh Yang Berhormat Menteri Pelajaran sendiri semasa lawatan ke sekolah-sekolah luar bandar dan pedalaman bukan sahaja di Kinabatangan, tetapi juga di sekolah-sekolah pedalaman yang lain.

Berhubung dengan peruntukan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, untuk makluman, peruntukan yang diumumkan dalam KSP ini bukan sahaja untuk negeri Sabah, tetapi bagi pembangunan pendidikan di seluruh negara.

Mengenai sekolah-sekolah di kawasan Yang Berhormat seperti yang dibangkitkan, perkara ini telah banyak kali dibawa oleh Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini, dan KPM memang telah memberi jawapan kepada pertanyaan tersebut dalam sesi yang lepas. Namun untuk makluman Ahli Yang Berhormat, keempat-empat buah sekolah yang telah tersenarai dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, bagi Sekolah Menengah Kebangsaan Tongot, projek tersebut sedang dalam pembinaan dan dijangka siap pada bulan Julai 2009 serta akan mula beroperasi pada bulan September 2009.

Bagi tiga buah sekolah yang lain iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Antilibon, Sekolah Menengah Kebangsaan Paris dan Sekolah Menengah Kebangsaan Sukau, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia pada masa ini dalam proses membuat perolehan tapak bagi projek-projek tersebut. Pelaksanaan ketiga-tiga projek ini dijangka dapat dibina pada tahun 2009 dan tertakluk kepada peruntukan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, sekolah-sekolah berdekatan yang sedia ada masih mampu untuk menampung bilangan murid. Pada masa ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat, boleh?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Boleh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ada keraguan tertakluk pada peruntukan. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah memaklumkan tambahan sebanyak RM13 bilion untuk pendidikan. Adalah tidak rasional dan tidak masuk akal daripada RM13 juta itu tidak boleh diagihkan untuk sekolah yang memerlukan ini.

■1840

Saya memang secara rasmi mengajak Yang Berhormat Timbalan Menteri turun bersama-sama saya tengok keadaan sekolah itu. Ia seolah-olah bukan sekolah. Tempat makan dia, lebih 500 pelajar bergilir-gilir empat kali giliran untuk makan. Tempat mandi dia, begitu juga.

Jadi, di manakah hasrat kerajaan untuk melihat bagi memartabatkan sekolah luar bandar? Apakah sampai 2010, masih juga peruntukan tidak ada? Sedangkan peruntukan ada ke mana disalurkan duit tersebut? Apa prioriti dengan sekolah lain diutamakan? Kenapa yang wujud ini tidak menjadi keutamaan? Itu sahaja saya mahu tahu. Kenapa tidak terus diputuskan ia akan dibina tahun ini? Saya tidak perlu lagi cakap dalam dewan ini berulang kali.

Beberapa Ahli: Betul!!

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini kerana apabila tidak ada keputusan, saya akan tanya terus. Esok pun saya tanya, lusa pun saya tanya sebab tidak ada keputusan. Pada tahun berapakah peruntukan itu ada? 2100 ataupun sampai dunia kiamat? Kita mahu tahu, itu sahaja.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Ir. Dr. Wee Ka Siong]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Selagi peruntukan itu yang kita bagi kepada kementerian tidak dipotong disebabkan faktor-faktor tertentu, saya rasa akan diberi keutamaan kepada apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat. Sebab itu apabila kita menulis, tertakluk kepada kewangan kadangkala kita ada sesuatu perkara yang tidak diduga seperti perbelanjaan mengurus kementerian oleh sebab menghadapi situasi sebegini telah dipotong dan kita berhadapan dengan situasi itu.

Begitu juga dengan apa yang kita minta dalam KSB, peruntukan yang kita perlukan lebih banyak. Saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat dan saya sudah tahu Yang Berhormat seorang yang lantang dan seorang yang turun ke padang. Saya yakin dengan apa yang telah dibuat oleh Yang Berhormat. Dapatan kajian yang dibuat oleh Yang Berhormat itu memang tepat dan saya rasa semakan daripada pegawai kementerian kita juga mendapati ia adalah sesuatu yang perlu diutamakan. Jadi, saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat, perkara ini akan disegerakan dan diberi keutamaan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini KPM sedang menghadapi masalah kekangan siling peruntukan akibat kenaikan harga bahan binaan yang tinggi seperti besi, simen dan tembaga dalam tempoh tiga tahun kebelakangan ini.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Minta penjelasan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Mengenai isu ini?

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Ya, bukan. Sekolah-sekolah vernakular, pembangunan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, sekejap. Kita akan sampai ke sana sekejap ya. Nanti, sebab saya baru secara khusus fokuskan kepada Sabah. Biar saya habiskan Sabah dahulu ya.

Dalam meningkatkan pembangunan pendidikan di Sarawak pula, seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti, Kapit dan Limbang, KPM juga telah memperuntukkan sebanyak RM3.015 bilion ataupun 14.54% bagi melaksanakan 2,187 buah projek. Sebanyak 2,097 projek dengan siling RM1.94 bilion di bawah belanja pembangunan dan 90 projek dengan siling RM1.074 bilion adalah peruntukan Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI).

Selain itu, dalam tempoh 2006 hingga 2008, Sarawak telah menerima peruntukan RM4.78 bilion iaitu sebanyak RM4.606 bilion untuk belanja mengurus RM24.2 juta di bawah peruntukan tambahan Kementerian Kewangan dan RM156.6 juta di bawah Tabung Amanah KUAM. Sarawak juga telah menerima peruntukan sebanyak RM1.2 bilion untuk bantuan kewangan kepada sekolah dan murid. Menyentuh tentang pembinaan sekolah teknik baru di Sabak Bernam, perkara ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam di dalam pertanyaan lisan di Dewan yang mulia ini.

Tuan Alexander Nanta Linggi (Kapit): [Bangun]

Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang): [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kapitan Yang Berhormat, Sarawak.

Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang): Yang Berhormat, *before you move to another place*, tentang Sarawak ini, bagaimana tentang SMK Bakun yang sekarang sedang menumpang di sekolah rendah? Empat lima tahun sudah...

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, ini adalah satu soalan yang spesifik. Walau bagaimanapun, saya akan meminta jabatan...

Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang): *I have mentioned in my speech. You did not refer to my speech.*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, biar saya habiskan dahulu. Apa yang telah diminta oleh Yang Berhormat sebenarnya kita telah menghantar kepada pihak Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak untuk tindakan selanjutnya. Apabila kita mendapat jawapan secara tepat, akan kita hantar secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Jadi setakat ini, tindakan yang telah kita ambil kita telah mengarahkan JPN Sarawak untuk mengambil tindakan sewajarnya pergi ke tempat itu melihat tentang apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Apa yang kita catat ini daripada ucapan, kita mengambil kesemuanya dan kita tidak sempat menjawab satu per satu dan apa yang perlu saya jawab di sini, setakat ini kita telah mengambil tindakan dan minta JPN bertindak. Itu jaminan yang boleh saya berikan.

Ini mengenai apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sabak Bernam. KPM menyedari memang terdapat keperluan untuk menyediakan sekolah menengah teknik di Sabak Bernam. Sehubungan dengan itu, KPM sedang merancang projek pembangunan sekolah menengah teknik di Sungai Lang, Sabak Bernam.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, bagi memperluaskan kursus berasaskan kemahiran untuk menyediakan pelajar yang inovatif, kreatif dan berdaya saing selaras dengan keperluan semasa, KPM terpaksa mengkaji semula projek tersebut supaya lebih banyak kursus aliran vokasional dan kemahiran dapat ditawarkan di sekolah berkenaan. Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembangunan pendidikan bagi SJK(C) dan SJK(T), seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Simpang Renggam, Yang Berhormat Kalabakan dan Yang Berhormat Ipoh Barat.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, kerajaan sentiasa memberi perhatian terhadap semua sekolah sama ada sekolah kebangsaan atau sekolah jenis kebangsaan seperti yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan KSB baru-baru ini. Sehubungan itu, pada awal Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak dua buah SJK(C) dan sebuah SJK(T) baru telah diluluskan pembinaannya. Pada Januari 2008, KPM juga telah meluluskan pembinaan enam buah SJK(C) baru dan perpindahan 13 buah SJK(C) perancangan pembangunan pendidikan Rancangan Malaysia Kesembilan telah juga mengambil kira dan

memberi keutamaan kepada sekolah-sekolah yang telah dikenal pasti daif dan memerlukan pembaikan segera termasuklah bagi SJK(T).

Sehubungan itu, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM50.02 juta kepada 27 buah SJK(T) bantuan penuh kerajaan bagi membina bangunan baru dan bangunan gantian manakala sebanyak RM36 juta lagi telah diperuntukkan kepada 42 sekolah bagi ubahsuai naik taraf. Bagi kerja-kerja baik pulih dan penyenggaraan bangunan SJK(T), bantuan kerajaan pula, kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM40 juta untuk projek ubahsuai naik taraf sekolah bantuan SJK(T) di seluruh negara. Peruntukan ini disalurkan melalui Kementerian Kewangan sebanyak RM30 juta dan Kementerian Pelajaran Malaysia sebanyak RM10 juta. Dalam Kajian Separuh Penggal ini kementerian telah meluluskan pembinaan SJK(T) baru iaitu di Paya Besar, Kulim Kedah.

Beberapa Ahli: [*Bangun*]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada tiga orang bangun Yang Berhormat. Mana satu Yang Berhormat? Empat orang. Mana satu? Wangsa Maju?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri mengatakan SRJK(C) telah diluluskan dan pembinaan akan dijalankan.

Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri juga memberi penjelasan ini atau jawapan di sini bahawa ada sebuah SRJK(C) juga diluluskan di Wangsa Maju. Saya ingin tahu, sama ada SRJK(C) ini, kos pembinaannya akan ditanggung oleh kerajaan atau tidak, satu.

Yang kedua, bilakah kerja pembinaan itu akan dilaksanakan? Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat, Yang Berhormat pernah membangkitkan soalan ini di Parlimen. Saya masih ingat jawapan yang telah diberikan kepada Yang Berhormat. Oleh sebab pada peringkat ini pihak sekolah atau pihak-pihak berwajib setelah mendapat kelulusan dari segi guna tanah itu ada dua bidang tanah yang perlu dikenal pasti dari segi perolehan tanah itu sedang berjalan maka pembinaan itu hanya boleh dilakukan selepas ia menyelesaikan urusan tentang perolehan tanah. Itu yang pertama.

Mengenai kos pembinaan itu, masih lagi dalam tindakan pihak kementerian dan ia mungkin dijadikan sebagai sekolah kerajaan dan itu bergantung pada kemampuan kewangan sepertimana yang saya katakan dalam *mini blueprint* itu, ia akan diperhalusi dan saya rasa apa yang telah dijanjikan oleh kerajaan sebelum ini saya rasa ia akan direalisasikan. Oleh sebab Yang Berhormat Ipoh Barat banyak kali bangun, saya tanya yang belakang. Saya bagi peluang kepada yang belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Telok Intan.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan Tuan Yang di-Pertua. Saya mengalu-alukan rancangan kementerian untuk meningkatkan taraf sekolah-sekolah, termasuk sekolah-sekolah Cina dan sekolah-sekolah Tamil. Saya ingin tahu, apakah tempoh masa yang diadakan sebab walaupun ada *blueprint*, itu dan ini.

■1850

Selama 50 tahun sekolah-sekolah, khususnya sekolah-sekolah Cina dan Tamil dipinggirkan sehingga sekarang barulah hendak ada *blueprint* sebab kekalahan yang teruk di pilihan raya dan selepas HINDRAF...

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Betul ini. 50 tahun kami dipinggirkan, *for 50 years we have been neglected*, dengan izin.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Tidak payah sebut HINDRAF lah.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Jadi kita mengalu-alukan, *we are happy*. Itu bukan sekolah kamu, diamlah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tanpa HINDRAF, *no HINDRAF nothing will happen*.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Kalau kita pergi ke satu sekolah Tamil di Mentakab, tidak ada kantin pun, tetapi dari sana ada satu budak 7A dalam UPSR. Jadi ini secara hendak bagi *slow death* kepada sekolah Cina dan Tamil, selalu kekurangan guru, itu ini tidak ada, *funding* pun tidak cukup.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Ipoh Barat tidak cakap selama ini.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Jadi kita hendak tahulah adakah tempoh masa sekarang ini, Timbalan Perdana Menteri duduk dalam jawatankuasa untuk meningkatkan taraf kehidupan orang-orang India. Jadi bolehkah saya minta dalam jawatankuasa itu, seorang atau dua orang ahli dari sini, dari pembangkang duduk di sana juga?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Telok Intan. Yang pertama saya bukanlah Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri yang boleh melantik Yang Berhormat menganggotai Jawatankuasa Kabinet. Itu yang pertama. Itu di luar bidang kuasa saya.

Yang keduanya, apa yang telah disentuh oleh Yang Berhormat yang mengatakan, mungkin Yang Berhormat membuat sesuatu yang dianggap retorik dan saya berpendapat bahawa pandangan Yang Berhormat itu – ya, memang ada rintihan di kalangan masyarakat tetapi tidak sampailah apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat, menganaktirikan. Kalau kita menganaktirikan, takkan perbelanjaan mengurus itu kita bagi. Itu yang pertama.

Yang kedua, kita tahu masih ada ruang untuk kita memperbaiki. Kita tidak nafikan. Saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat. Sebenarnya sebelum pilihan raya, saya nampak

hujah-hujah yang digunakan oleh pembangkang ada sebahagiannya, segelintirnya mengatakan tidak akan ada sekolah Cina, tidak akan ada sekolah Tamil dan apabila Kerajaan Barisan Nasional, Menteri Pelajaran mengumumkan, maka disambut baik dan disusuli pula bila hendak buat.

Saya kata, sebenarnya kalau kita meneliti hujah sebelum itu, dia kata tidak akan ada tetapi selepas itu, memang sudah ada dan kita pegang kepada janji dan inilah secara realistik kita melakukan satu persatu dan tidaklah meuar-uarkan perkara itu sebagai satu bahan politik. Itu cara kita.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, kalau ada soalan politik, saya mintalah jangan soal lagi, Yang Berhormat. Saya mahu soal sekolah. Soal politik ini tidak payah bangkitlah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Itu memang tepat sekali pandangan Yang Berhormat dan saya rasa saya ingin teruskanlah sebab banyak lagi yang perlu saya sentuh. Baru sampai ke sekolah...

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Kuala Krau, sekolah Kuala Krau.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, Kuala Krau.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih kerana respons terhadap ucapan saya, timbalan menteri. Cuma dua buah sekolah yang saya sebut dalam ucapan perbahasan saya, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Biong dan juga Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Sungai Tekal, permohonan untuk menukar atau berpindah sekolah, apakah tindakan kementerian terhadap perkara ini kerana kedua-dua sekolah ini seperti mana yang telah kita ketahui berada di estet dan sebenarnya estet ini kepunyaan PNB yang kaya-raya tetapi masih lagi keadaan jalan raya yang teruk, berdebu, becak dan sebagainya. Semua sekolah Tamil di ladang di seluruh negara mempunyai masalah yang sama. Bukan sahaja HINDRAF yang memperjuangkan tetapi Barisan Nasional juga memperjuangkan perkara ini. *[Tepuk]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tahniahlah Yang Berhormat Kuala Krau yang saya memang memuji sangat. Saya perhatikan ucapan Yang Berhormat sebagai wakil rakyat yang berjiwa rakyat Malaysia dan banyak perkara yang telah diperjuangkan, termasuk juga keadaan sekolah Tamil, sekolah Cina. Inilah sesungguhnya sesuatu teladan yang baik. Saya ucapkan tahniah kerana tidak mempolitikkan pendidikan.

Yang keduanya, apa yang Yang Berhormat bawa tadi tentang dua sekolah itu, seperti mana yang saya katakan, untuk pembangunan SJK(T), kita ada satu unit khas. Kita akan menggunakan pendekatan secara holistik. Kita akan melihat dari segi tanah itu, bagaimana kita

hendak membantu dan kita akan mengkaji satu persatu apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dan itu sentiasa dalam perhatian kita.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Pendidikan 19..

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Mohon penjelasan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Biar saya habis dahulu, okey. Akta Pendidikan 1996 memperuntukkan sekolah sebagai tempat di mana 10 orang atau lebih biasanya diajar sama ada di dalam satu kelas ataupun lebih, tetapi tidak termasuk mana-mana tempat pengajarannya terbatas kepada pengajaran mana-mana agama semata-mata. Namun atas dasar keprihatinan kerajaan terhadap keperluan pendidikan setempat, terdapat juga sekolah yang berenrolmen kurang daripada 10 orang murid masih dibenarkan untuk beroperasi.

Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi seperti yang berlaku di bandar-bandar besar seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kota Kinabalu, sekolah yang mempunyai kurang murid tersebut boleh dipertimbangkan untuk dipindahkan ke kawasan yang mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi bagi mengatasi pelbagai masalah yang dihadapi, khususnya masalah bilangan murid yang terlalu ramai dalam sesebuah kelas.

Namun demikian, mengenai perpindahan sekolah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kalabakan, proses perpindahan sekolah mestilah mematuhi syarat-syarat berikut:

- (i) mendapat persetujuan 100% ibu bapa murid sekolah yang dicadangkan dipindahkan;
- (ii) telah mengenal pasti tapak di tempat baru;
- (iii) tapak yang dikenal pasti adalah rizab pendidikan;
- (iv) sekolah sedia ditutup beroperasi serta-merta setelah sekolah di tapak baru beroperasi.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat, saya minta penjelasan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Minta maaf, timbalan menteri, saya tidak sempat menghabiskan ucapan saya kerana ada dalam teks ucapan saya sebenarnya soal sekolah-sekolah di kawasan saya. Saya tertarik dengan jawapan Yang Berhormat tentang soal sekolah di Kota Kinabalu ini.

Di kawasan saya, Yang Berhormat, ada satu sekolah jenis kebangsaan Cina SJK(C) dan sedang membina sekolah tetapi tidak mempunyai kewangan. Bolehkah pihak Yang Berhormat sebagai seorang pemimpin membantu sekolah ini melalui CSR iaitu ada dua *company* yang sedang membina Lapangan Terbang Kota Kinabalu iaitu Global Upline dan WCT untuk membantu sedikit kewangan kepada sekolah jenis ini di kawasan saya. Kalau boleh Yang

Berhormat tolong. Saya tahu kementerian Yang Berhormat tidak cukup wang untuk memberi peruntukan kepada sekolah ini.

Yang kedua, SMK Petagas itu belum lagi dilaksanakan sejak ia dicadangkan pada Rancangan Malaysia Kelapan. Cuba Yang Berhormat bantu kawasan saya sedikit oleh kerana Yang Berhormat sentuh soal sekolah-sekolah di Kota Kinabalu ini. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Putatan, memang merupakan jiran saya. Yang Berhormat telah banyak kali membawa tentang Sekolah Menengah Kebangsaan Petagas dan saya rasa memang telah kita arahkan JPN Sabah untuk membuat siasatan dan mengemukakan laporan kepada kami dan mengenai pelaksanaan dan apakah kekangan, saya difahamkan pada mulanya disebabkan oleh struktur tanah itu. Jadi kita akan melihat dari segi implikasi kewangan setelah kita gunakan struktur yang dicadangkan dan kenapa kontraktor yang sebelum itu yang telah kita cadangkan itu tidak dapat meneruskan kerja. Itu akan kita buat siasatan dan memang dalam tindakan telah dikemukakan kepada pegawai saya dan saya rasa dalam tempoh terdekat, kita boleh beri jawapan bertulis kepada Yang Berhormat tentang SMK Petagas.

Yang kedua, permintaan Yang Berhormat untuk kita merayu kepada pihak swasta untuk memberi sedikit sumbangan, saya rasa saya rela membuat demikian tetapi keinginan ataupun kerelaan pihak yang diminta itu adalah satu faktor yang menentukan sama ada dana itu boleh sampai atau tidak.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Ini sekolah SJK(C) Wah Sheong, Putatan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya faham, tetapi kalau kita merayu memang boleh merayu tetapi kita tidak boleh memaksa dan secara suka sama suka, saya yakin itulah cara yang terbaik untuk dapatkan sumbangan. Walau bagaimanapun, sebenarnya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, ada juga peruntukan yang terhad seperti mana yang dikatakan RM100 juta untuk sekolah bantuan kerajaan dan itu kalau kita melihat kemampuan kita, mungkin sedikit juga dapat dibantu dalam peringkat kita hendak menambahkan peruntukan bergantung kepada kuantum yang akan kita terima itu dapat kita tinjau satu persatulah secara spesifik. Saya teruskan.

Tuan Muhammad bin Haji Husain [Pasir Puteh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berapa banyak lagi, Yang Berhormat? Berapa lama lagi, Yang Berhormat?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Berapa lama lagi ucapan?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya akan cuba cepatkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Sebab banyak isu yang dibangkitkan. Yang Berhormat Kinabatangan membangkitkan pelaksanaan sistem pendidikan yang lebih berorientasikan

peperiksaan. Seperti yang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam KSP agar pendidikan teknik dan vokasional dipertingkatkan sejajar dengan PIPP 2006-2010, KPM berhasrat untuk memperkenalkan sistem pentafsiran yang lebih bersifat holistik iaitu Sistem Pentafsiran Pendidikan Kebangsaan (SPPK).

■1900

Di bawah konsep SPPK, tumpuan bukan hanya diberikan kepada aspek kognitif tetapi juga kekuatan dalaman yang boleh memastikan kebolehdidikan, kebolehlaitan, keboleherjaan dan kebolehpasaran. Sistem penaksiran holistik ini juga memberi tumpuan kepada pemupukan nilai-nilai menyeluruh *all rounded values*, dengan izin seperti nilai-nilai kreatif, inovatif, kritis, berdisiplin dan berakhlak mulia di kalangan semua murid seperti yang diharapkan oleh Yang Berhormat Sibuti dan Yang Berhormat Rasah.

KPM juga telah menyediakan tiga aliran kursus kepada pelajar berpencapaian tinggi iaitu secara teknikal, berpencapaian sederhana vokasional dan berpencapaian rendah kemahiran. Objektif bagi ketiga-tiga aliran adalah seperti berikut:

- (i) Aliran Teknikal - memberikan pendidikan asas dalam bidang sains dan teknologi kepada pelajar yang mempunyai kecenderungan terhadap bidang tersebut dan mengekalkan minat serta kecenderungan ini supaya membolehkan mereka melanjutkan pelajaran dalam bidang berkaitan di institusi pengajian tinggi;
- (ii) Aliran Vokasional - menyediakan pelajar untuk menceburkan diri dalam bidang pekerjaan. Pada masa yang sama bagi pelajar lepasan vokasional yang cemerlang, mereka mempunyai peluang melanjutkan pelajaran dalam bidang berkaitan di institusi pengajian yang lebih tinggi; dan
- (iii) Aliran Kemahiran - memberi latihan dan kemahiran kepada pelajar bersesuaian dengan pekerjaan yang memerlukan kemahiran di sektor perindustrian, perusahaan, pertanian dan sektor-sektor yang berkaitan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat juga, pada masa ini KPM telah menyediakan aliran kemahiran bagi pelajar-pelajar lepasan PMR khususnya untuk menangani masalah keciciran. Murid-murid ini hanya difokuskan kepada kemahiran dengan memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia tahap satu dan berpeluang untuk melanjutkan kemahiran di institusi kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian, Institut Kemahiran Belia Negara dan sebagainya.

Berhubung pelajar yang tidak meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi khususnya bagi pelajar lepasan Tingkatan 5 dan Tingkatan 6 seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi menyediakan mereka peluang meneruskan pelajaran dalam bidang-bidang kemahiran untuk menyediakan

mereka sebagai tenaga pekerja separa mahir dan seterusnya berpeluang melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Antara usahanya adalah seperti berikut:

- (i) memperkenalkan program Mata Pelajaran Vokasional, MPV iaitu satu program bercorak kemahiran di sekolah menengah harian dan perluasannya kepada pendidikan vokasional di sekolah menengah teknik. Program ini disediakan khusus sebagai persediaan kepada pelajar-pelajar di Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang cenderung dalam bidang kemahiran merangkumi bidang usaha pembuatan, perkilangan, pertanian, ekonomi rumah tangga dan aplikasi komputer;
- (ii) menyediakan lebih banyak sekolah menengah teknik bagi menyediakan peluang pendidikan kepada murid-murid yang berminat dalam bidang kemahiran; dan
- (iii) penglibatan agensi kerajaan, badan berkanun dan pihak swasta dalam menyediakan program-program pendidikan berkaitan dengan kemahiran seperti Giat MARA yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi;

KPM sentiasa menilai dasar-dasar sedia ada dan mencadangkan dasar-dasar alternatif yang lebih berkesan supaya pendidikan yang diberikan adalah yang terbaik untuk semua anak bangsa Malaysia seperti juga saranan Yang Berhormat Rasah. KPM juga dalam perancangan mewujudkan aliran asas kemahiran kepada pelajar lepasan UPSR yang kurang cemerlang dalam akademik.

Berhubung dengan lawatan orang kenamaan ke sekolah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju, kementerian telah mengeluarkan beberapa pekeliling berkaitan dengan undangan kepada tetamu kehormat ke majlis-majlis rasmi di sekolah, surat pekeliling terbaru yang dikeluarkan oleh KPM berhubung dengan perkara ini adalah Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 3, 2008, Mengundang Orang-orang Kenamaan ke Upacara Sekolah dan Penggunaan Premis Sekolah Oleh Pihak Luar bertarikh 31 Mac 2008.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Minta laluan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menempatkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Rasah bangun.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Biar saya habis perenggan ini ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah menetapkan bahawa semua majlis rasmi di sekolah seperti Hari Anugerah Kecemerlangan, Sukan Tahunan dan Mesyuarat Agung PIBG yang melibatkan majlis perasmian

oleh orang-orang kenamaan dan individu tertentu hendaklah mendapat kebenaran daripada KPM melalui Pengarah Pelajaran Negeri masing-masing terlebih dahulu.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk tidak memfokuskan supaya pelajar-pelajar kita tidak memfokuskan terlalu taksu kepada peperiksaan, adakah pihak kementerian bercadang untuk mengehendkan subjek ataupun mata pelajaran yang boleh diambil oleh seseorang pelajar dalam peperiksaan SPM kerana saya lihat sekarang ada pelajar yang ambil 15, 16 mata pelajaran subjek sehingga 20 pun ada. Tujuannya untuk mendapatkan lebih A supaya mendapat biasiswa dan sebagainya. Adakah kerajaan bersedia mengehendkan?

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, sebenarnya Kementerian Pelajaran sejak beberapa tahun lalu telah memperkenalkan sistem terbuka untuk mendaftarkan peperiksaan SPM dan secara umumnya sebenarnya, kementerian hanya memberi pengecualian yuran peperiksaan sehingga 12 mata pelajaran sahaja. Ini adalah bertujuan untuk kita tidak menggalakkan sangat mereka mengambil terlalu banyak mata pelajaran dan sebab itu mereka kena bayar sekiranya mereka melebihi had tersebut, tetapi oleh sebab dewasa ini kita nampak memang ada satu pola di mana memang pelajar semakin handal menunjukkan mereka bukan calang-calang, daripada 16 mata pelajaran ditambah sampailah ke 19.

Dalam konsep keterbukaan ini, kita tidak boleh mengehendkan oleh sebab SPM ini secara terbuka, kita tidak boleh mengehendkan tetapi secara pentadbiran kita hanya memberi percuma sehingga 12 mata pelajaran. Itu sebagai salah satu cara, okey?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ampang dulu.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Ampang dulu.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Saya hendak sentuh sedikit Tuan Yang di-Pertua mengenai MPV tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Bukan sentuh Yang Berhormat, tanya.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, hendak tanya hendak penjelasan sedikit di sini ya. Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah memperkatakan tentang program MPV. Apa yang mengecewakan bahawa di Ampang, di Sekolah Menengah Datuk Ahmad Razali, untuk membina bangunan MPV ini mereka telah merampas padang sekolah, Sekolah Menengah Datuk Ahmad Razali dan tidak digantikan dengan padang baru dan pembinaan itu telah dijalankan tanpa menggunakan prosedur yang betul, tanpa diberitahu kepada pihak sekolah dan pihak *local authority*. Sila jelaskan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Sebenarnya ini mengenai bangunan yang dibina oleh kementerian sebenarnya dari segi tanah itu saya rasa

memang kementerian kita memikirkan...kadang-kala kita menghadapi masalah di kawasan bandar di mana tidak ada ruang lagi tetapi oleh sebab banyak dari segi keperluan itu kian meningkat, maka kita melakukan sesuatu. Jadi kalau kita nampak dalam satu kawasan itu mungkin padang itu kita gunakan tetapi secara holistik dalam kawasan di sekitarnya kadang-kala mungkin ada satu ruang yang dapat diwujudkan. Saya rasa kita tidak melihat secara spesifik di satu tempat sahaja, itu yang pertama.

Kedua, saya rasa oleh sebab sekarang Kerajaan Pakatan Rakyat memerintah di Selangor, saya rasa kalau hendak mewujudkan lebih padang tidak ada masalah kita tidak ada keberatan. Jadi kementerian kita mengambil kira kalau kita hendak wujudkan banyak prasarana di sekolah maka kita kena mengambil tindakan setelah mengambil kira semua faktor termasuk juga kawasan lapang kadang-kala kalau boleh kita akan elak. Ya, Terima kasih.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Ya, Yang Berhormat Timbalan Menteri jangan lepaskan kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana *Federal Government is still the one who made the policy with regards to this*. So jadi tidak benar kalau mengatakan bahawa hendak serahkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk menyelesaikan masalah padang yang telah dirampas itu.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya maksud saya, kalau dalam Mesyuarat Exco, mereka boleh memutuskan untuk satu pembangunan berapa kawasan padang yang dihaskan. Memang satu garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, itu memang boleh digunakan sebagai garis panduan tetapi bidang kuasa masih tertakluk kepada kerajaan negeri, itu yang maksud saya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: [Bangun]

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Wangsa Maju, saya bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, contoh Yang Berhormat Ampang, bertanya ya, bukan berucap.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Bukan saya berucap, saya hendak merujuk kepada soalan saya, jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua jangan bimbang saya akan *straight to the point*.

Soalan saya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun Menteri Pelajaran adalah, saya dijemput menghadiri satu majlis jamuan makan dan di sana mereka tidak memberi peluang kepada saya untuk membuat apa-apa ucapan sedangkan tokoh politik MCA, bekas Ahli Parlimen MCA Wangsa Maju diberi peluang bercakap. Pengarah sekolah itu memberitahu saya bahawa mereka tidak boleh beri peluang berucap kepada Ahli Parlimen Pembangkang. Itu soalan saya.

Itu dia kata. Dia dapat surat pekeliling daripada Kementerian Pelajaran bahawa tidak boleh ada Ahli Parlimen Pembangkang berucap di dalam sekolah, tetapi tokoh politik MCA atau Barisan Nasional boleh. Itulah saya hendak tahu.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Isu yang sama. Sambung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Baik. Yang Berhormat Timbalan Menteri, tiada soalan pun yang berhubung kait dengan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ampang tadi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey, Yang Berhormat. Ingin saya buat sedikit huraian tentang apa yang saya jawab. Setakat ini Kementerian Pelajaran tidak pernah mengeluarkan Pekeliling Ikhtisas secara spesifik yang melarang Ahli Parlimen atau wakil rakyat pembangkang untuk menyertai ataupun memasuki sekolah untuk menyertai program.

Apa yang telah dinyatakan oleh surat pekeliling itu, perlu dibaca dengan surat pekeliling yang dikeluarkan pada tahun 1999 ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pelajaran. Tahun 1991, itu masih diguna pakai. Prosedurnya ialah kalau kita ada Mesyuarat PIBG, kita maklumkan kepada JPM untuk dapatkan kelulusan. Cuma dua perkara sahaja Yang Berhormat. Kita tidak mahu sekolah itu jadi sebagai satu medan berpolitik.

Keduanya. Biar saya cakap, biar saya habis. Kita mahukan, kita mahu melihat ianya mengganggu pengajaran dan pembelajaran murid-murid. Saya mengambil contoh, baru-baru ini Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Ada salah seorang Exconya ingin mengadakan satu program dan ianya hendak diadakan pada hari persekolahan. Jadi, Jabatan Pelajaran Negeri tidak bersetuju dan meminta supaya tarikh itu dipinda untuk tidak mengganggu P&P, Pengajaran dan Pembelajaran. Saya rasa kementerian melakukan ini, minta membuat penyelarasan itu adalah atas kepentingan untuk menjaga pelajar. Ianya bukan untuk berpolitik yang pertama.

Kedua, sesiapa yang dijemput termasuklah Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak. Sebelum itu, ada satu program yang dia hendak balik ke sekolah sebagai alumni sekolah itu. Kita tidak ada halangan, JPM kita benarkan tetapi dua syarat:

- (i) tidak mengganggu pengajaran dan pembelajaran; dan
- (ii) tidak ada sebarang unsur politik.

Termasuk kita juga, kita masuk ke sekolah, menteri atau timbalan, kita bukan berceramah politik, kita akan menyampaikan mesej. Maka dalam pekeliling ini, apa yang disampaikan seboleh-bolehnya Menteri Pelajaran, Timbalan Menteri Pelajaran dan termasuk juga KSU dan juga KPPM, Ketua Pengarah Pelajaran di undang atau mana-mana orang yang diwakilkan oleh mereka.

Jadi saya rasa pekeliling ini kena dibaca bersama-sama dengan tujuh pekeliling yang dikeluarkan iaitu semasa Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Menteri Pelajaran pada masa itu.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Jadi, saya rasa kita tidak ada diskriminasi. Saya hendak tegaskan, kita tidak pernah kata melarang mana-mana Ahli Parlimen dan pembangkang masuk ke sekolah. Itu tidak benar tetapi prosedur kena dapat kelulusan daripada JPM.

Seperti juga kalau menteri atau timbalan menteri kalau hendak masuk sekolah mereka juga melalui PPD, JPM menjemput kita. Kita tidak masuk sewenang-wenangnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Termasuk Ahli Parlimen biasa Yang Berhormat. Termasuk Ahli Parlimen biasa. Saya tahu Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya, termasuk Ahli Parlimen biasa. Itu prosedur ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kalau soalan perkara politik Yang Berhormat. Saya cukup...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya rasa, saya telah menjelaskan perkara ini. Saya akan teruskan kepada apa yang.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Timbalan menteri...

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Gombak.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya?

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Laluan untuk Gombak.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ya. Terakhirlah.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lain duduk Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya belum lagi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Kerana kebetulan Yang Berhormat adalah SUSK kepada Datuk Seri Anwar, mungkin dia tahu apa yang berlaku masa itu.

Dato' Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: Hanya Ketua Umum

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Silap. Timbalan menteri, saya bukan SUSK, saya SUSM.

Dato' Abd. Rahman bin Dahlan [Kota Belud]: Samalah itu. Lagi sulit. *[Ketawa]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ada beberapa perkara yang ingin saya mohon penjelasan. Yang pertama apakah dasar KPM dalam membina sekolah-sekolah di seluruh negara?

Ini kerana saya lihat seolah-olah ada satu budaya bidan terjun. Yang Berhormat Kuala Krau minta, beri. Yang Berhormat Sabak Bernam minta beri. Yang Berhormat Kinabatangan minta, beri. Apakah KPM tidak ada satu dasar yang komprehensif untuk melihat kepadatan penduduk bagi sesebuah kawasan.

Selaras dengan pembangunan yang kian giat hari ini untuk merangka di manakah sesebuah sekolah itu harus dibina? Sebagai contoh di Bukit Antarabangsa. Selain daripada Parlimen Gombak, saya juga diberikan amanah di Bukit Antarabangsa. Sudah lebih 10 tahun kepadatan penduduk lebih 20,000 tetapi tidak ada satu pun sekolah yang wujud di Bukit Antarabangsa. Yang mana anak-anak kita terpaksa berhijrah ke Ampang, ke Hulu Klang dan sebagainya untuk mendapat pendidikan. Jadi, saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri kalau boleh jelaskan apakah dasar KPM dalam membina sekolah-sekolah ini.

Yang kedua, kalau jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi melibatkan Ketua Umum Datuk Seri Anwar Ibrahim, saya minta kalau boleh timbalan menteri memberi saya salinan bertulis di mana arahan ini dikeluarkan oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim sendiri selaku Menteri Pendidikan ketika itu. Kalau tidak ada bukti bertulis, saya pohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri menarik balik tuduhan yang liar dan jahat itu. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Pertama Yang Berhormat. Sebenarnya, saya dah katakan pekeliling itu perlu dibaca dengan Pekeliling Ikhtisas yang dikeluarkan pada tahun 1991 dan pada masa itu Menteri Pelajarannya ialah Datuk Seri Anwar Ibrahim. Itu sahaja yang saya cakap dan saya rasa apabila kita keluarkan surat pekeliling ini, tidak ada yang kita mengatakan wakil rakyat daripada pembangkang tidak boleh pergi ke sekolah. Tidak ada dan sudah ada contohnya. Kalau Menteri besar, Ketua Menteri hendak datang dengan cara memohon secara mengikut prosedur sudah ada presiden sebelum ini dengan izin. Itu yang pertama. Soal tarik balik itu tidak wujud. Cuma saya menyatakan fakta pada tahun 1991, siapa yang menjadi Menteri Pelajaran. Itu sahaja. Yang kedua, apa yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat mengenai sekolah. Memang di Kementerian Pelajaran kita ada EPRD. Saya rasa Yang Berhormat sendiri telah pun tahu. Kita melihat dari segi membuat unjuran, dari segi keperluan dan kita juga telah menetapkan syarat dalam satu perancangan itu perlu di rizabkan tapak-tapak untuk sekolah. Ianya oleh kerana pembangunan itu tidak dilakukan secara serentak di banyak kawasan, mungkin ada satu kawasan yang dirancang lebih awal. Mungkin kesulitan untuk dapatkan tapak itu menjadi satu kekangan.

Jadi, saya rasa kalau Yang Berhormat ada satu tapak yang boleh dicadangkan dan saya rasa kita akan mempertimbangkan dan kita akan membuat unjuran tentang keperluan murid-murid yang ada di situ dan kita memang tidak melihat sama ada ini dari pembangkang. Kita tidak kata oleh kerana Gombak ini kawasan pembangkang, kita tidak pergi sekolah itu. Kita tidak bantu guru-guru itu. Tidak. Kenaikan gaji guru pun kita tetap bagi kepada semua dan prasarana pun kita beri kepada semua. Tidak kita kawasan pembangkang ataupun kawasan Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ini kerana kita tidak ada tujuan politik dalam soal ini.

Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak]: Tambahan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya akan teruskan. Saya sudah cukup

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya ada banyak lagi ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita masih ada satu jam Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Berhubung dengan pemberian biasiswa seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduklah Yang Berhormat.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: KPM menawarkan kepada calon-calon yang memenuhi kelayakan tanpa mengira bangsa. Keutamaan adalah diberikan kepada pelajar cemerlang daripada keluarga yang tidak berkemampuan. Biasiswa Kecil Persekutuan (BKP) dan Biasiswa Kelas Persediaan Universiti (BKPU) disediakan kepada murid sekolah menengah yang memenuhi kelayakan. Berdasarkan rekod kementerian jumlah penerima BKP dan BKPU dari tahun 2003 hingga tahun 2007 adalah seramai 1.2 juta orang daripada pelbagai kaum.

Selain daripada itu, KPM juga meneruskan semua bantuan yang sedia ada seperti:

- (i) KWAMP;
- (ii) Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT);
- (iii) Skim Bantuan Tuisyen (SBT);
- (iv) Bantuan perjalanan dan pengangkutan murid;
- (v) Rancangan Makanan Tambahan (RMT);
- (vi) Program Susu Sekolah;
- (vii) Skim Biasiswa Sukan;
- (viii) Elaun bantuan seragam unit beruniform;
- (ix) Elaun murid kurang upaya; dan
- (x) Bantuan murid miskin sekolah berasrama penuh.

Pihak kementerian juga sedang menjalankan usaha dengan berganding bahu bersama pihak GLC dan beberapa syarikat untuk menyediakan dana khas khusus untuk membantu anak-anak kita di ladang termasuklah sebahagian besar di SJKT.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mewujudkan jati diri dan disiplin di kalangan pelajar seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak dan Yang Berhormat Jerai, KPM sememangnya telah mewujudkan pelbagai program bagi membentuk jati diri murid.

Falsafah Pendidikan Kebangsaan bermatlamat untuk melahirkan generasi muda Malaysia yang berdisiplin dan berhemah tinggi. Sehubungan itu, KPM telah mengambil beberapa langkah bagi memastikan matlamat ini tercapai. Antara langkah tersebut ialah:

- (i) menyediakan kurikulum yang membentuk peribadi dan sahsiah murid seperti mata pelajaran Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Sivik serta Kewarganegaraan;
- (ii) melibatkan murid-murid dalam kegiatan kokurikulum dengan menekankan aspek pembinaan diri dan disiplin;
- (iii) melaksanakan program bimbingan dan kaunseling di sekolah yang menekankan aspek kemahiran bersosial, berkomunikasi dan penyelesaian masalah;
- (iv) mengadakan program-program pembinaan disiplin dan sahsiah bersama agensi lain seperti Biro Tatanegara dan Jabatan Kebajikan Masyarakat;
- (v) mewajibkan murid-murid beragama Islam di sekolah rendah dan sekolah menengah mengikuti ujian PAFA bagi membina kemantapan kerohanian dan akhir sekali; dan
- (vi) menekankan nilai-nilai murni dalam semua mata pelajaran.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Bangun]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Yang Berhormat Ipoh Barat membangkitkan tentang kekurangan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta jalan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...guru bahasa Cina dan bahasa Tamil di sekolah kebangsaan. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, KPM telah melatih guru-guru opsyen bahasa Cina dan bahasa Tamil bagi memenuhi keperluan guru opsyen tersebut di sekolah-sekolah kebangsaan berdasarkan bilangan unjukan guru yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Unjukan Keperluan Guru atau JKUG, KPM.

KPM juga melaksanakan pelbagai alternatif khususnya berkaitan dengan khidmat GSTT. Antaranya GSTT yang sedang mengikuti program latihan kursus dalam cuti KDC, di bawah kelolaan Bahagian Pendidikan Guru atau BPG akan diserap sebagai guru terlatih setelah menamatkan kursus dengan jayanya.

GSTT yang bukan di bawah program KDC pula boleh memohon untuk mengikuti mana-mana program latihan BPG sekiranya mereka berminat dan memenuhi syarat mengikuti prosedur sedia ada dan melonggarkan syarat kemasukan ke IBG bagi Kursus Diploma Perguruan Malaysia atau KDPM iaitu kursusnya syarat kepujian dalam Bahasa Malaysia serta bilangan kredit di peringkat SPM.

Untuk makluman Yang Berhormat Kalabakan, di samping IPG membekalkan keperluan guru bagi sekolah-sekolah kerajaan..

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta jalan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: IPTA juga menyediakan kursus dalam bidang perguruan seperti yang telah dipersetujui oleh Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Pembekalan guru di sekolah rendah dilakukan oleh KPM manakala KPT akan membekalkan guru-guru bagi sekolah menengah. Beliau juga membangkitkan mengenai penempatan guru pakar ke kawasan pedalaman. Bagi memenuhi keperluan guru di sekolah rendah dan sekolah menengah di bandar, luar bandar dan pedalaman. KPM akan memastikan supaya guru-guru ini ditempatkan sama ada di kawasan bandar, luar bandar, pedalaman mengikut norma perjawatan guru yang telah ditetapkan oleh agensi pusat. Ini bertujuan untuk mengatasi masalah kekurangan guru dan guru mengajar tidak mengikut opsyen di kawasan-kawasan tertentu terutamanya di kawasan pedalaman.

Selain daripada itu, penempatan guru-guru baru yang telah mendapat latihan perguruan yang secukupnya di IPG untuk ditempatkan ke kawasan-kawasan pedalaman seperti saranan Yang Berhormat Limbang, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Kalabakan, KPM juga menempatkan guru-guru berpengalaman ke kawasan-kawasan tersebut sama ada untuk mengajar mahupun mentadbir sekolah. KPM juga sedang melatih guru-guru yang memang dikhususkan untuk ditempatkan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak. Guru tersebut dilatih di IPG Keningau dan IPG Miri. Kenapa Yang Berhormat? Okey *last* sekali ya, Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yes. Terima kasih timbalan menteri dan juga terima kasih kepada Timbalan Speaker. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa dasar atau surat pekeliling itu dikeluarkan, oleh kerana tidak mahu politik di bawa ke sekolah. Soalan saya adalah yang saya bangkitkan itu jamuan makan malam di mana tidak ada murid sekolah ada di sana, semua ibu-bapa dan penderma-penderma kepada sekolah itu yang datang ke sekolah.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Biar saya jawab.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: So, biar Yang Berhormat Timbalan Menteri memberikan satu keputusan yang jelas kepada semua sekolah ataupun buat *organiser* sekolah. Terima kasih.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Dalam soal ini Yang Berhormat, saya nak tegaskan sebenarnya sama ada Yang Berhormat dijemput untuk berucap atau tidak, itu adalah pengiktirafan yang diberikan oleh pihak penganjur. Kita tidak akan rasa kecil hati sekiranya tidak dipanggil untuk berucap. Itu perkara biasa, kita tak boleh memaksa. Tidak ada satu arahan daripada kementerian, menteri atau timbalan yang mengatakan Yang Berhormat tidak boleh berucap dalam jamuan yang dihadiri ibu-bapa, tidak ada.

Jadi saya rasa Yang Berhormat, terpulang kepada penganjur nak jemput Yang Berhormat atau tidak. Mungkin dia merasakan ada orang lain yang lebih sesuai diberi

penghormatan. Saya rasa itu adalah hak mereka. Jadi saya tidak boleh membuat intervensi dalam soal ini dan saya rasa terpulang pada pihak sekolah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Betul, pihak sekolah mengatakan kementerian memberikan arahan supaya Ahli Parlimen pembangkang tidak boleh berucap.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Tadi sudah jelas surat pekeliling.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sebab itu saya mahu mendapatkan satu penjelasan yang jelas di sini.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Saya rasa Yang Berhormat boleh rujuk balik Hansard apa yang telah saya sampaikan. Saya rasa ianya jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Timbalan menteri, tak payah.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Mungkin Yang Berhormat Wangsa Maju saja dia tak bagi. Takut demonstrasi.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Ini cadangan Yang Berhormat Tanah Merah untuk menambah bilangan guru yang berkelayakan dalam pendidikan jasmani dan kesihatan untuk menghasilkan atlet cemerlang. KPM memang sentiasa berusaha untuk melatih lebih ramai guru bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam bidang sukan dengan kerjasama Majlis Sukan Negara atau MSN, Institut Sukan Negara atau ISN dan Persatuan Sukan Kebangsaan. Sebagai galakan, guru-guru yang telah mencapai tahap yang ditentukan apabila lulus serta memenuhi kriteria yang ditetapkan akan diiktiraf sebagai jurulatih yang berkelayakan dan layak mendapat Bayaran Insentif Jurulatih Sukan atau BIJS. Kadar Bayaran Insentif Jurulatih Sukan atau BIJS adalah seperti berikut:

- (i) Tahap 1 – memiliki sijil spesifik 1 dan Sains Sukan tahap 1, kadar insentifnya ialah RM225 sebulan;
- (ii) Tahap 2 – memiliki sijil spesifik 2 dan Sains Sukan tahap 2, kadar insentifnya ialah RM300 sebulan dan; dan
- (iii) Tahap 3 – memiliki sijil spesifik 3 dan Sains Sukan tahap 2, kadar insentifnya ialah RM375 sebulan.

Insentif yang diunjukkan ini merupakan motivasi kepada guru-guru untuk menarik minat lebih ramai guru dalam bidang ini dapat melaksanakan tanggungjawab bagi melahirkan ahli sukan yang cemerlang untuk mengharumkan nama negara di peringkat antarabangsa. Setakat ini sahaja yang dapat saya jelaskan mengenai perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Pelajaran yang ditimbulkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Tuan Yang di-Pertua,

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Perkara-perkara yang ...

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebelum menggulung. Saya ingin tanya tentang rayuan kaum Penan untuk sekolah di kawasan mereka. *I've been asking this for 20 years.*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Untuk makluman Yang Berhormat, memang dalam Kementerian Pelajaran sedar tuntutan daripada masyarakat Penan tentang perkara ini. dan kita dalam peringkat untuk mendapatkan guru-guru yang mengajar bahasa ibunda Penan. Ianya kalau mengikut jadual kita ia akan dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Kalau segalanya berjalan dengan lancar, mungkin 2009. Akan tetapi soal atau cabaran pertama untuk mendapatkan guru yang berkelayakan daripada golongan Penan yang mengajar bahasa ini mungkin satu cabaran dan saya memohon kerjasama daripada Yang Berhormat. Ini memang dalam tindakan pihak kementerian dan sebagai salah satu usaha untuk kita merapatkan jurang pendidikan termasuk juga memenuhi tuntutan masyarakat Penan. Yang Berhormat?

Tuan Billy Abit Joo [Hulu Rajang]: Terima kasih Timbalan Menteri. *No need to get them to teach their own language. They are very good in Bahasa Malaysia, bahasa Indonesia, bahasa Kayan. They can speak Iban. If you can start a school in any other area, you can start in the Penan area.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingat Timbalan Menteri boleh jemputlah Yang Berhormat daripada Hulu Rajang datang ke pejabat, ya. Bincang tempat sekolah hendak dibina.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Okey Yang Berhormat. Kita sentiasa prihatin tentang tuntutan masyarakat Penan dan saya memberi jaminan kepada Yang Berhormat selepas ini kita boleh berunding secara lanjut dan saya pastikan kita ada tindakan susulan daripada perbincangan kita ini. Perkara-perkara yang tidak sempat dijelaskan ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Ir. Dr. Wee Ka Siong: ...akan tetap diambil perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua di atas keprihatinan, teguran dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Pelajaran. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Luar Negeri.

7.29 mlm.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Abdul Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk memberikan penjelasan terhadap perkara-perkara dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Jerlun menyentuh mengenai kehadiran Malaysia di Kongres Petroleum Dunia di Madrid. Untuk makluman Yang Berhormat Jerlun, sesi ke-19 Kongres Petroleum Sedunia 2008 yang telah diadakan pada 29 Jun hingga 3 Julai 2008 di Madrid, Sepanyol adalah merupakan satu mesyuarat yang diadakan tiga tahun sekali yang dianjurkan oleh Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Minyak ataupun OPEC. Memandangkan mesyuarat ini dikhususkan kepada ahli-ahli OPEC sahaja, Malaysia tidak dijemput untuk menghadiri sesi ke-19 Kongres Petroleum Sedunia 2008 ini. Walau bagaimanapun, Petronas telah menghantar wakil untuk menghadiri mesyuarat ini sebagai pemerhati.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kementerian ini berterima kasih di atas sokongan Yang Berhormat Jerlun dengan cadangan Yang Berhormat Menteri Luar Negeri agar OIC diwujudkan satu *taskforce* untuk menangani masalah krisis minyak. Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, di sesi ke-35 Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri, Pertubuhan Persidangan Islam yang telah diadakan di Kampala, Republic Uganda pada 18 hingga 20 Jun 2008, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri telah membangkitkan isu krisis kenaikan harga minyak dunia yang memberikan impak negatif kepada dunia dan juga negara-negara anggota OIC.

Malaysia turut menyentuh mengenai peranan Pertubuhan Negara-Negara Pengeksport Minyak atau OPEC dalam menangani kenaikan harga minyak dan memuji inisiatif Kerajaan Arab Saudi untuk mengadakan mesyuarat bersama OPEC dan negara-negara pengguna di Jeddah pada 22 Jun 2008 bagi membincangkan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menangani krisis harga minyak, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri mencadangkan agar sebuah pasukan petugas OIC menangani krisis tenaga ditubuhkan serta-merta untuk meneliti krisis ini dan menyatakan kesediaan Malaysia untuk menyertai pasukan petugas tersebut. OIC sedang meneliti dari segi penerimaan dan pelaksanaannya.

Namun demikian, cadangan tersebut tidak diterima oleh beberapa anggota OIC terutamanya negara pengeluar minyak utama seperti Arab Saudi, Iran, Kuwait dan UAE. Menurut mereka, isu kenaikan harga minyak bukanlah sesuatu yang mudah untuk diselesaikan kerana melibatkan sistem pasaran harga global yang ditentukan bukan saja oleh mekanisme permintaan dan pembekalan minyak, tetapi juga sebab-sebab lain seperti faktor spekulasi, *forward contract*, atau ketidakstabilan geopolitik negara-negara pengeluar.

Tambahnya lagi, OPEC dan Majlis Kerjasama Negara-negara Teluk atau GCC sedang berusaha untuk menangani masalah tersebut. Negara-negara pengeluar minyak juga telah mengambil maklum akan kebimbangan yang dialami oleh negara-negara lain dan akan menangani isu ini melalui OPEC dan GCC tetapi tidak melalui OIC. Walau bagaimanapun, Malaysia akan terus berusaha membangkitkan isu kenaikan harga minyak dunia dan usaha-usaha menangani isu ini di forum antarabangsa yang lain seperti NAM, ASEAN dan PBB.

Dalam masa terdekat ini, isu ini akan dibangkitkan oleh Malaysia semasa sidang kemuncak ke-6 Kumpulan Lapan Negara Membangun iaitu D8 yang sedang diadakan di Kuala Lumpur pada hari ini iaitu secara khususnya cadangan bagi mewujudkan *taskforce* yang akan direalisasikan sekiranya terdapat konsensus mengenainya terutama di kalangan negara OPEC sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuaran di atas keprihatinan Yang Berhormat mengenai isu tuntutan Filipina ke atas Sabah dari Filipina khususnya oleh Kesultanan Sulu dari Mindanao. Walau bagaimanapun soalan yang sama sebenarnya telah dijawab pada 24 Jun yang lalu. Akan tetapi saya ingin mengambil peluang ini untuk memperjelaskan sekali lagi bahawa tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Sabah adalah tidak berasas.

Status kedudukan Sabah di dalam Malaysia adalah berteraskan prinsip perundangan antarabangsa dan diiktiraf berasaskan pungutan suara yang telah dilaksanakan oleh Suruhanjaya Cobbold pada tahun 1962 dan misi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 1963. Justeru itu, Kerajaan Malaysia akan sentiasa membela dan akan menentang sebarang tuntutan oleh pihak-pihak asing terhadap Sabah. Ini kerana pilihan dan suara rakyat Sabah mengatasi segala mana-mana tuntutan asing yang berdasarkan sejarah ataupun warisan.

Berdasarkan kepada fakta dan undang-undang, tuntutan Kerajaan Filipina ke atas Sabah tidak mempunyai apa-apa asas langsung berdasarkan kepada alasan-alasan berikut: sebagai sebuah entiti antarabangsa, Kesultanan Sulu telah lenyap pada bulan September 1878 apabila Sepanyol berjaya menakluki kesultanan tersebut. Yang kedua, Great Britain mengiktiraf kedaulatan Sepanyol ke atas Kepulauan Sulu pada tahun 1885. Pada masa yang sama, Sepanyol telah melepaskan tuntutannya berdasarkan kepada kenyataan berikut dengan izin.

As far the British Government all claims of sovereignty of territory of the continent of Borneo which belong or which have belonged in the past of the Sultan of the Sulu and which comprise the neighboring islands of Balambangan, Banguey and Malawali as well as those comprised within a zone of three maritime league from the coast and which from part of territories administered by the companies styled the "British North Borneo Company".

Di bawah undang-undang yang berkuat kuasa pada masa itu, ia merupakan pelepasan tuntutan yang sah. Ia telah memadamkan apa juga tuntutan kedaulatan ke atas *British North Borneo* oleh Sepanyol ataupun Sulu. Apa juga cubaan untuk menghidupkan kembali tuntutan ini sekarang tidak boleh diambil kira. Kesahihan transaksi ini telah pun secara nyata diiktiraf oleh Amerika Syarikat dalam kedudukannya sebagai pemerintah Filipina setelah mengambil alih daripada Sepanyol. Amerika Syarikat telah membuat pengiktirafan ini sebanyak dua kali iaitu melalui *Exchange of Notes* pada tahun 1907 dan *Boundary Convention* pada tahun 1930. Selepas tahun 1878, tiada Sultan Sulu atau pewarisnya mempunyai apa juga kapasiti untuk memegang ataupun mewarisi kedaulatan ke atas Sabah. Kerajaan British telah secara nyata

mengiktiraf perkara ini semasa perundingan yang membawa kepada *Exchange of Notes* pada tahun 1907.

Sebenarnya Kesultanan Sulu telah lenyap selepas kematian Sultan Jamalul Alam pada tahun 1936 tanpa menamakan sebarang waris. Selain dari itu, Sultan Sulu tidak mempunyai sebarang kedudukan dan kuasa di dalam Kerajaan Filipina. Kerajaan Malaysia memang masih membayar wang serahan kepada waris Kesultanan Sulu sebanyak RM5,300 setahun berdasarkan kepada penghakiman pada tahun 1939 yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Borneo Utara. Kerajaan Malaysia masih membayar wang tersebut kerana keputusan Mahkamah Borneo Utara tersebut masih berkuat kuasa sehingga hari ini. Walau bagaimanapun, pembayaran wang serahan sama sekali tidak boleh dikaitkan dengan tuntutan tersebut kerana ia adalah dibayar sebagai wang serahan kepada waris Kesultanan Sulu yang kedaulatannya sudah tidak wujud lagi.

Selain dari itu, berasaskan kepada keputusan yang telah dibuat oleh ICJ iaitu dengan mengetepikan permohonan Filipina untuk mencelah dalam kes tuntutan Malaysia terhadap Pulau Sipadan dan Ligitan adalah bukti bahawa pihak mahkamah antarabangsa tersebut tidak mengiktiraf kedaulatan Filipina ke atas Sabah. Berhubung dengan kenyataan yang dibuat oleh Nur Misuari, kerajaan berpendapat bahawa kenyataan Nur Misuari tidak mempunyai sebarang kesan ke atas isu ini kerana Nur Misuari tidak mempunyai *local standard* dan tidak mewakili pendirian kerajaan Filipina. Suka cita dikatakan di sini bahawa tuntutan Filipina ke atas Sabah merupakan isu yang tidak harus dibangkitkan dan membebankan hubungan kerjasama dua hala. Kedudukan Malaysia dan Filipina sebagai anggota kerjasama serantau ASEAN dan jiran yang akrab tidak boleh diganggu gugat dengan apa isu sekalipun.

Tuan Yang di-Pertua, yang terakhir, Yang Berhormat Tuaran ada juga menyentuh mengenai penyertaan rakyat Malaysia dari Sabah yang menyandang jawatan ketua perwakilan di kedutaan-kedutaan Malaysia di luar negara.

■ 1940

Isu ini telah pun dibangkitkan dan dijawab pada persidangan Dewan Rakyat-pada 5 Mei 2008 yang lalu. Walau bagaimanapun saya ingin memaklumkan bahawa pelantikan duta besar atau pesuruhjaya tinggi dilaksanakan berasaskan *seniority merits* dan *suitability* tanpa mengambil kira asal usul dan pegawai-pegawai dan kakitangan dari Sabah yang berminat dan layak mempunyai peluang yang sama dengan rakyat Malaysia dari negeri-negeri yang lain. Untuk makluman setakat ini terdapat 20 orang rakyat Malaysia dari Sabah yang berkhidmat di Kementerian Luar Negeri dan enam orang mereka adalah pegawai diplomat termasuk seorang duta besar. Usaha-usaha selanjutnya akan dibuat untuk memastikan penyertaan rakyat Sabah dan Sarawak dalam arena diplomasi akan dilakukan, terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih. Jemput Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi.

7.41 mlm.

Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan, Sekijang, Sri Gading, Pontian, Beruas, Kimanis, Parit Buntar, Lubok Antu, Kuala Kedah, Kubang Kerian, Hulu Rajang dan Kuala Krau yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh mengenai bidang kuasa Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kinabatangan, Sekijang, Pontian, Beruas dan Sri Gading keputusan mengenakan cukai keuntungan luar biasa atau *windfall tax* kepada pengeluar minyak sawit mentah dengan izin, CPO dan minyak isirung sawit mentah CPKO mulai 1 Julai 2008 adalah bertujuan antara lain untuk menampung subsidi minyak masak kepada isi rumah.

Cukai ini dikutip di peringkat kilang dan bukan di peringkat pengeluar buah sawit. Dengan keputusan ini juga ses bagi maksud subsidi minyak masak sudah dimansuhkan. Kadar cukai yang dikenakan ialah 15% bagi pengeluar minyak sawit mentah dan minyak isirung mentah di Semenanjung. Bagi Sarawak dan Sabah kadarnya ialah 7.5%. kutipan cukai akan dilakukan oleh Jabatan Kastam Diraja dan segala kutipan akan dikreditkan ke akaun Kumpulan Wang Amanah Yang Disatukan di bawah Kementerian Kewangan. Oleh yang demikian kutipan cukai ini juga akan digunakan untuk menampung subsidi lain-lain barang keperluan asas.

Sehubungan ini dakwaan yang dinyatakan kerajaan masih mengenakan levi ses adalah tidak tepat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walau bagaimanapun ses yang dikutip oleh pihak Jabatan Kastam Diraja adalah mulai 1 Julai dan dibayar atau dikutip daripada pihak pengilang dan bukan pekebun kecil atau pengeluar buah sawit. Walau bagaimanapun, perkara ini apabila pihak kilang menerima atau membeli buah sawit daripada pihak pekebun kecil, maka pihak yang menguruskan kilang itu terus mengenakan satu.. tolak daripada harga buah sawit yang sekarang kalau kita gunakan RM700 sebagai harga satu tan buah sawit buah tandan segar, maka kutipan yang pihak kilang kenakan kepada penjual buah sawit itu adalah RM45 satu tan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kimanis, pihak kementerian sememangnya menggalakkan integrasi tanaman sawit dengan ternakan dan tanaman lain. Bagi maksud ini satu program khas diadakan dengan peruntukan sebanyak RM16.9 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan melalui Skim Integrasi Tanaman Sawit dan Ternakan. Dari segi insentif pula jumlah insentif yang diberikan kepada pekebun kecil yang layak adalah tidak melebihi 1,500 satu hektar dalam bentuk input penternakan. Walau bagaimanapun, bantuan hanya terhad kepada keluasan maksimum lima hektar sahaja bagi setiap pekebun kecil.

Dalam skim ini pekebun kecil dapat memperoleh pendapatan sampingan melalui penjualan daging lembu dan membantu negara mengurangkan pengaliran wang keluar akibat daripada pengurangan import daging dari luar negara. Pendapatan tahunan bagi projek integrasi lembu adalah sebanyak RM30,000 setahun bagi peserta seramai 100 orang dan RM150 sehingga RM1,000 satu hektar bagi setiap peserta bagi projek tanaman integrasi. Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat dari Kimanis sedia maklum, dari segi bio bahan api berasaskan sawit negara telah pun berjaya mengkomersialkan teknologi pengeluaran biodiesel. Di samping itu penyelidikan dan pembangunan untuk mengeluarkan bioetanol daripada biogypsum sawit sedang giat dilakukan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia.

Bioetanol boleh diadunkan dengan petrol untuk digunakan dalam enjin jenis petrol. Ini merupakan *biofuel* generasi kedua atau *second generation biofuel* di mana penggunaan biogypsum sawit ini tidak akan bercanggah dengan keperluan makanan seperti kes penggunaan minyak sawit untuk *biofuel*. Kementerian saya juga sedang melaksanakan penyelidikan bagi menggunakan biogypsum 'sago' untuk tujuan pengeluaran bioetanol. Tuan Yang di-Pertua, mengenai tanaman jatropha pula untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kimanis...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [*bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Jasin bangun Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri. Seperti yang kita maklum sebanyak 38% daripada jumlah minyak mentah kelapa sawit yang telah dijadikan sebagai *biofuel* yang pada pandangan dunia memang satu kezaliman. Sepatutnya kita patut mencari alternatif-alternatif lain untuk kita menjadikan bahan bakar dan bukanlah benda makanan. Minta pandangan Yang Berhormat Menteri.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Setuju Yang Berhormat, setuju. Sebab itulah maka saya baru sebut tadi kita kenalah cari *biofuel* yang generasi kedua iaitu menggunakan biogypsum atau *biomass*.

■1950

Sebab itulah pada masa sekarang pun, kita tidak menggunakan secara mandatori dasar *biofuel* negara kita yang menggunakan biodiesel, yang dikeluarkan daripada minyak sawit dan sekarang masih dieksportkan sebagai bahan makanan...

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: [*Bangun*]

Datuk Peter Chin Fah Kui: ...Memang itu satu perkara yang kita ambil perhatian supaya kita juga tidak menggunakannya untuk *biofuel* apabila kita masih boleh menjual minyak sawit ini kepada negara-negara asing yang hendak membelinya. Akan tetapi kalau pada suatu hari nanti, pihak pengimport minyak sawit ini akan menggunakan taktik-taktik seperti yang dilaung-laungkan oleh sesetengah pihak NGO atau mereka yang memboikot pembelian minyak sawit ini, maka kita akan menggunakannya untuk *biofuel* kerana kita tidak ada pilihan.

Ini adalah satu keluaran yang kita rasa kalau pihak luar tidak ingin membeli minyak sawit ini untuk makanan, maka kita akan menggunakannya untuk *biofuel*. Itulah dasar kita pada masa sekarang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jasin Yang Berhormat.

Datuk Wira Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. saya dapat jelas tentang penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri. Sekurang-kurangnya kita ada membuat persediaan sekiranya apa-apa juga tindakan yang diambil oleh pembeli-pembeli kita yang sebenarnya cintakan kepada alam sekitar.

Soalan saya yang pertama. Saya tak berapa jelas tentang penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri tadi, iaitu tentang ses yang dikenakan kepada pekebun-pekebun kecil bermula pada 1 Julai. Saya fikir ramai daripada Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara tersebut, kerana inilah sebenarnya rungutan yang kita terima daripada pekebun-pekebun kecil yang sebenarnya tidak dapat menerima hakikat bahawa keputusan kerajaan, sebenarnya adalah satu keputusan yang tidak bertepatan sekali. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Terima kasih Yang Berhormat. Memang kita memantau perkara ini dengan rapi dan saya pun mengambil peluang ini bagi menjelaskan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa ini bukan ses. Ini cukai *windfall* atau cukai keuntungan luar biasa, dan sebab ia sebagai satu cukai tetapi sifatnya memang lain daripada ses yang dikenakan di bawah Akta MPOB.

Sebab itu kita kenalah memantau perkara ini. Dan saya pun difahamkan bahawa pihak Kementerian Kewangan sekarang masih dalam peringkat perbincangan macam mana yang lebih sesuai atau peringkat mana kita hendak sesuaikan cukai ini, supaya tidak membebankan pihak pekebun kecil. Ini adalah satu langkah yang barangkali boleh kita ambil untuk meringankan beban seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Akan tetapi saya rasa perkara ini masih di peringkat awal yang masih perlu difikirkan atau dikaji.

Sudah tentulah satu keputusan akan dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan melalui satu keputusan daripada Kabinet. Saya tak tahulah bagaimana caranya untuk saya sebutkan tadi, iaitu untuk meringankan beban terhadap pekebun kecil, oleh kerana kita pun tahulah pada masa sekarang ini input pertanian pun sudah mengalami kenaikan harga dari segi baja, racun dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai *jatropha* ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Kimanis di Sabah, Lembaga Kemajuan Tanah Sabah atau SLDB telah diamanahkan oleh Kerajaan Negeri Sabah untuk membangunkan Pusat Penyelidikan Huluan *Jatropha* dan Pemprosesan Biodiesel daripada buah jarak atau *jatropha* itu. Kawasan seluas 2,000 ekar di daerah Nabawan telah dikenal pasti untuk tapak pusat berkenaan yang mengandungi kemudahan penyelidikan ladang dan pusat pemprosesan biodiesel.

Untuk projek perintis tanaman jatropha, lima kawasan tanah kerajaan di Kota Marudu telah pun dikenal pasti iaitu Kampung Koromoko, Kampung Tomudim, Kampung Tagayambut dan Kampung Dalamapiso dan Kampung Nelapak dengan jumlah keluasannya 1,672 ekar yang dikenal pasti sebagai tanaman projek perintis. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa Petugas di kementerian saya akan menetapkan kawasan yang sesuai dari segi lokasi dan kesesuaian tanah. Lembaga Getah Malaysia akan dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek perintis tersebut kelak. Jika lokasi berkenaan sesuai projek perintis ini boleh dilaksanakan mulai akhir tahun ini.

Di samping itu, SLDB atau *Sabah Land Development Board* telah membangunkan projek cubaan jatropha seluas dua hektar di daerah Suk, Keningau. Setakat ini tiga buah syarikat multinasional daripada Jepun, Amerika Syarikat dan Korea telah menandatangani perjanjian persefahaman dengan SLDB dan merancang untuk menjalankan tanaman jatropha seluas 10,000 hektar untuk setiap kawasan. Sekiranya projek-projek tersebut berjaya barulah kementerian akan membuat satu keputusan sama ada tanaman jatropha boleh digalakkan untuk ditanam oleh pihak pekebun-pekebun kecil pula.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Parit Buntar, kementerian akan sentiasa memastikan terdapat bekalan minyak sawit yang secukupnya untuk tujuan sektor makanan. Kementerian pada masa ini telah menetapkan maksimumnya sebanyak enam juta tan minyak sawit bagi kegunaan pengeluaran biobahan api jika mempunyai pasaran yang secukupnya.

Pada tahun 2007 daripada jumlah pengeluaran minyak sawit sebanyak 15.8 juta tan, industri biobahan api negara hanya menggunakan 128,235 tan bagi bahan mentah untuk pengeluaran biobahan api berasaskan sawit.

■2000

Ini bermaknanya apa yang digunakan sekarang hanya segelintir kecil keluaran daripada jumlah keluaran minyak sawit dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lubok Antu dan Hulu Rajang pihak Lembaga Getah Malaysia atau LGM dijangka akan melaksanakan projek di kawasan tanah *native customary right* atau NCR di Kampung Lambungan, Asam Padi, Lundu seluas 100 hektar dan di Kampung Setongkol juga akan diberikan projek tersebut.

Kedua-dua projek tersebut akan dilaksanakan setelah menerima peruntukan daripada pihak EPU dengan kosnya RM1.73 juta. Di samping itu perancangan dan koordinasi telah dilakukan bersama kementerian saya, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, pihak RISDA dan juga FELCRA bagi membangunkan kawasan Gunung Sadong seluas 30,000 hektar.

Pada peringkat permulaan dijangkakan pihak FELCRA membangunkan 1,000 hektar dan RISDA juga 1,000 hingga 2,000 hektar melalui konsep ladang rakyat seperti yang dilaksanakan

di Semenanjung Malaysia. Pihak Jabatan Pertanian pula akan meneruskan projek-projek mini estet melalui peruntukan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Lembaga Getah Malaysia juga bercadang untuk mewujudkan stesen penyelidikan dan ladang getah berkeluasan 6,000 hektar di atas tanah NCR atau tanah kerajaan yang konsep pembangunannya bukan sahaja melibatkan aktiviti penyelidikan, malah akan melibatkan penyertaan penduduk setempat terutamanya penduduk miskin dan dalam kawasan pembangunan tersebut. Walau bagaimanapun perkara ini tertakluk kepada persetujuan pemilik tanah NCR untuk memajakkan tanah mereka kepada LGM atau Lembaga Getah Malaysia dalam tempoh sekurang-kurangnya 60 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kuala Kedah, pendekatan kementerian saya bagi pembangunan tanah kenaf pula adalah melalui tumpuan yang diberikan terhadap usaha untuk merealisasikan visi kerajaan untuk membangunkan kenaf sebagai satu sumber pertumbuhan baru dan sebagai tanaman alternatif kepada tanaman tembakau di tanah beris di Kelantan, di Terengganu dan Pahang. Pembangunan tanaman kenaf di tanah beris adalah ditumpukan di kawasan yang tidak lagi ditanam tembakau, dan kawasan yang baru dibuka di mana ianya tidak sesuai untuk tanaman padi.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebarang tanaman alternatif kepada tanaman tembakau yang disyorkan perlu mengambil kira kesesuaian agro ekologi tanah beris yang kurang menyokong pertumbuhan tanaman-tanaman selain dari tembakau dari skala keluasan dan pasaran. Berlatarbelakangkan faktor ini, tanaman kenaf telah didapati berpotensi sebagai tanaman industri bagi menggantikan tanaman tembakau.

Dalam *annual cropping system*, dengan izin, di atas tanah beris, tanaman kenaf akan digerakkan dengan tanam-tanaman makanan lain seperti jagung, tembikai dan keledak untuk memaksimumkan penggunaan sumber pengeluaran dan meningkatkan pendapatan petani kerana tanaman kenaf memerlukan masa tiga sehingga lima bulan sahaja. Tanaman kenaf juga diusahakan di negeri Kedah dan Perlis untuk pengeluaran benih kenaf.

Kawasan tanaman yang diusahakan adalah di kawasan tanah agak tinggi yang tidak sesuai untuk tanaman padi, seperti di kawasan FELDA Cuping, Gula Padang Terap dan kebun getah yang ditebang untuk tanaman semula.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Hulu Rajang, dan Yang Berhormat Kuala Krau, kementerian saya memang menyediakan peruntukan sebanyak RM37.6 juta melalui skim bantuan anak benih sawit berkualiti kepada pekebun kecil di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Skim ini bertujuan untuk meningkatkan produktiviti dan taraf sosioekonomi pekebun kecil sawit dan ia terbuka kepada pekebun kecil di seluruh Malaysia. Pemohon yang layak akan dibekalkan dengan:

- (i) 160 anak benih sawit satu hektar dengan maksimum keluasan sebanyak lima hektar bagi pemohon di Semenanjung dan tujuh hektar bagi Sabah dan Sarawak; dan
- (ii) bantuan baja semasa menanam serta bantuan baja untuk dua tahun pertama akan dibekalkan juga.

Sehingga Mei 2008 sebanyak 1,912 permohonan dengan keluasan 6,585 hektar telah diluluskan. Daripada jumlah ini sebanyak 660 permohonan dengan keluasan 1,769 hektar dengan bantuan anak benih berkualiti yang bernilai RM1.629 juta telah dibekalkan. Yang lain, yang belum dibekalkan, akan dibekalkan dengan anak benih dan baja apabila pihak MPOB telah mendapatkan benih-benih yang berkualiti itu daripada pihak tapak semaian.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kubang Kerian, kementerian saya melalui MPOB sedang mengusahakan beberapa kaedah bioteknologi untuk meningkatkan produktiviti kelapa sawit. Ini termasuk kaedah *culture*, dengan izin *tissue culture*, kaedah kejuruteraan genetik dan penanda molekul untuk mempercepatkan proses biak baka.

■2010

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini saya ingin menyampaikan ribuan terima kasih kepada semua yang telah memberi pandangan, ulasan dan saranan yang dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan. Saya ingin menyatakan di sini bahawa saya dan pegawai-pegawai kementerian saya serta agensi-agensi di bawah kementerian saya akan memberi perhatian yang sepenuhnya kepada semua isu yang telah dibangkitkan. Kita akan berusaha untuk mengambil tindakan-tindakan yang difikirkan wajar dan sesuai. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

8.11 mlm.

Timbalan Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan [Tuan Teng Boon Soon]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat pada 2 dan 7 Julai 2008 iaitu Yang Berhormat Machang yang telah mencadangkan agar rumah peninggalan Allahyarham Syed Sheikh Al-Hadi dijadikan sebagai nilai warisan.

Ahli Yang Berhormat Bukit Mertajam yang telah mencadangkan tiga perkara iaitu pertamanya mengenai subsidi sewaan tapak kepada pelukis di Malaysia, kedua, mengenai cadangan pewujudan *National Arts Council* dan ketiga mengenai cadangan pewujudan Muzium Seni Kontemporari.

Ahli Yang Berhormat Ketereh juga menyentuh tentang nilai-nilai budaya murni, tentang peranan ASWARA, tentang unsur luar yang meresap dalam perkembangan kesenian kita dan juga tentang warisan yang seharusnya dipelihara, keberkesanan program Rumah Terbuka

Malaysia dan mencadangkan agar peruntukan Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan ditambah.

Tuan Yang di-Pertua, rumah Allahyarham Syed Sheikh Al-Hadi telah dikenal pasti sebagai salah sebuah bangunan warisan oleh Majlis Perbandaran Pulau Pinang. Pihak kementerian menerusi Jabatan Warisan Negara juga telah mengenal pasti bangunan tersebut sebagai antara bangunan warisan yang terdapat di Pulau Pinang melalui kerjasama Pusat Warisan Pulau Pinang. Setakat ini bangunan tersebut belum lagi diwartakan di bawah mana-mana akta termasuk Akta Warisan 2005.

Menurut Akta Warisan Kebangsaan 2005, pertimbangan bagi penyiaran satu warisan kebangsaan perlulah dilihat kepada perkara-perkara berikut:

- (i) kepentingan sejarah hubungan atau perhubungan dengan sejarah Malaysia;
- (ii) ciri-ciri reka bentuk atau estetik;
- (iii) pembaharuan atau pencapaian saintifik dan teknikal;
- (iv) hubungan sosial atau kebudayaan;
- (v) potensi untuk mendidik, menjelaskan atau menyediakan penyiasatan saintifik lanjut berhubung dengan warisan kebudayaan di bawah air;
- (vi) kepentingan dalam mempamerkan kekayaan, kepelbagaian atau integrasi bentuk yang luar biasa;
- (vii) gambaran bentuk suatu tapak atau objek sebagai sebahagian daripada kelas atau jenis sesuatu tapak atau objek; dan
- (viii) apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan penentuan warisan kebudayaan yang penting.

Setakat ini sebanyak 50 warisan kebangsaan yang merangkumi bangunan alam semula jadi, kebudayaan, artifak dan tokoh hidup telah pun diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan. Dari segi bangunan, sebanyak 17 buah bangunan telah diangkat sebagai warisan kebangsaan pada tahun 2007. Dalam proses pewartaan, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan telah mengenal pasti lebih daripada 500 bangunan di seluruh negara untuk diangkat sebagai warisan di mana sebahagian daripada senarai ini akan dipilih sebagai warisan kebangsaan.

Pihak kementerian menyedari bahawa Allahyarham Syed Sheikh Al-Hadi merupakan seorang wartawan dan penulis Islam yang terkenal di akhir abad ke-20. Beliau banyak memperjuangkan tentang pembaharuan pemikiran dan perubahan sikap di kalangan orang-orang Melayu melalui penulisan-penulisan seperti *Hikayat Faridah Hanum* pada tahun 1926, *Al-Ikhwān* dan *Saudara* di mana kedua-duanya diterbitkan pada tahun 1920-an. Beliau juga merupakan seorang tokoh pemimpin dan juga pejuang kemerdekaan pada zaman tersebut selain banyak menabur jasa kepada Tanah Melayu melalui bidang kesusasteraan.

Justeru penelitian yang mendalam akan dilakukan untuk melihat kepentingan bangunan Allahyarham Syed Sheikh Al-Hadi dan signifikannya dalam perjuangan tokoh reformis itu sebelum diwartakan atau diambil alih bagi tujuan tertentu. Persetujuan juga harus diperoleh daripada pemilik sedia ada dan implikasi kewangan perlu dipertimbang sebelum sesuatu keputusan diambil.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab cadangan yang diberikan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam, pihak kementerian menerusi Balai Seni Lukis negara telah menyediakan pelbagai bentuk bantuan kepada para pelukis tempatan. Bantuan yang berpusat di kementerian sehingga kini adalah dalam dua bentuk. Pertama adalah Skim Latihan Pembangunan Penggiat Seni dan yang kedua adalah Tabung Bantuan Seni.

Di bawah Skim Latihan Pembangunan Penggiat Seni beberapa pihak telah menerima bantuan pada tahun 2006 dan 2007. Sebagai contoh pada tahun 2006, Encik Ahmad Fuad Osman telah menerima tajaan mengembangkan bakat seni lukis di Korea selama tiga bulan. Puan Hayati Mokhtar dan Encik Daim Iskandar telah mendapat tajaan bagi pertemuan pelukis peringkat antarabangsa di Sydney, Australia. Puan Sharifah NurAkmar dan Puan Elsie Loh telah dapat melaksanakan pameran di Muzium Wittstock, Jerman.

Pada tahun 2007 pula, Skim Latihan Pembangunan Penggiat Seni telah membantu Encik Mohamad Nawiah Kassim ke pertandingan melukis *International Child Arts Foundation* di Washington, Amerika Syarikat dan Encik Aris A. Yaakob ke pameran *Institute of Contemporary Arts in London*.

Bagi Tabung Bantuan Seni ia bertujuan membantu pelukis-pelukis yang memerlukan bantuan dan dari segi mengadakan pameran dalam dan luar negeri. Penyediaan katalog untuk pameran menghadiri *biennale*, pameran bengkel dan seminar artis in-residence di luar negara dan Pameran karya untuk pameran dan pertandingan di luar negara. Sehingga Ogos 2008, pihak kementerian menerusi Balai Seni Lukis Negara telah memberikan bantuan menerusi Tabung Bantuan Seni kepada 12 orang pelukis tempatan.

Sebagai contoh, Encik Amirudin Ariffin mendapat bantuan berjumlah RM5,000 bagi pameran lukisan dan fotografi 2008 di Tokyo, Jepun. Encik Jones Ooi telah mendapat tajaan berjumlah RM10,000 bagi pameran lukisan di *Fourth Exhibition of New Expression of Asian Arts and Academic Forum of Heaven Arts Museum*, China. Encik Rupest a/l Sitaran mendapat pembiayaan pengangkutan dan bantuan sara hidup berjumlah RM8,843 bagi menghadiri program *International Symposium of Electronic Arts* ke 14 di Singapura.

Pihak Balai Seni Lukis Negara juga membantu para pelukis tempatan dan penggiat seni dalam bentuk penyediaan tapak untuk pameran dan jual.

Sebagai contoh, pihak Balai Seni Lukis Negara telah menempatkan lima orang pelukis yang tidak mampu membayar sewaan di Pasar Seni dengan cara menempatkan mereka secara sementara di wakaf berhampiran Balai Seni Lukis Negara.

Beberapa konsep juga telah diperkenalkan bagi membantu para pelukis jalanan seperti Laman Seni 2005 hingga 2007 yang diadakan di Perkarangan Balai Seni Lukis Negara. Sejumlah 100 buah khemah disediakan dengan kos sebanyak RM250,000 pada setiap hujung bulan. Lanai Warisan Seni berhampiran Coliseum, Jalan Tuanku Abdul Rahman, ia menyediakan ruang pameran dan jual kepada pelukis dan pengusaha seni pada setiap Sabtu minggu ketiga dan keempat setiap bulan, Laman Seni Putrajaya pada setiap bulan, Balai Seni Lukis Negara bersama Putrajaya Sdn. Berhad.

Yang Berhormat Bukit Mertajam juga membangkitkan isu penubuhan *National Arts Council* di negara kita. *National Arts Council* merupakan sebuah badan bebas yang ditubuhkan oleh Badan Bukan Kerajaan ataupun NGO untuk menyelaras dan membantu kerajaan dalam perancangan dan pembangunan seni di sesebuah negara seperti yang terdapat di England, Zambia, Singapura dan Afrika Selatan. Di Malaysia, keperluan untuk *National Arts Council* adalah tidak begitu mendesak kerana kesemua peranannya telah dilaksanakan oleh Balai Seni Lukis Negara.

Balai Seni Lukis Negara juga mempunyai sebuah Lembaga yang membantu merancang pembangunan Seni Lukis Negara. Keanggotaannya terdiri daripada para pelukis, peminat seni, *art collectors* atau pengumpul seni, pendidik IPTA dan IPTS. Antara yang menganggotai sekarang adalah seperti Yang Berbahagia Dato' Lucas Chin Sew Fah, mantan Pengarah Muzium Sarawak; Yang Berusaha Encik Nabien Chandar, seorang ahli korporat; Yang Berusaha Dr. Choong Kam Kow, Presiden *Malaysian Institute of Arts*; Yang Berusaha Encik Tajudin Haji Ismail, seorang pelukis dan Yang Berusaha Dato' Profesor Raja Zahabuddin, Dekan Fakulti Seni UNISEL.

Yang Berhormat Bukit Mertajam juga membangkitkan isu penubuhan muzium seni kontemporari. Merujuk kepada istilah muzium seni kontemporari, ia membawa pengertian sebuah muzium yang dibangunkan khusus untuk mempamerkan, memperoleh dan memulihara karya-karya seni lukis yang ditakrifkan sebagai kontemporari. Di Balai Seni Lukis Negara, karya-karya seni kontemporari sedang dipamerkan malah ia juga merangkumi kesemua cabang seni lukis moden dan termasuk juga seni tradisi yang bersifat luaran para pengkarya.

Malah, Jemaah Menteri juga telah meluluskan sebuah projek pada tahun 2007 iaitu sebuah kompleks yang akan menempatkan aktiviti untuk pelukis dan pengusaha galeri atas sekeping tanah dengan keluasan 6.277 ekar di Jalan Duta, Kuala Lumpur. Kompleks ini di peringkat perancangan dari segi reka bentuk bangunan dan pengisian aktiviti dan sedang menunggu peruntukan di bawah *midterm review* Rancangan Malaysia Kesembilan.

Perkampungan ini diwujudkan dalam persekitaran yang mesra alam melalui pendekatan *sustainability development* dan bersifat *art is heaven*. Oleh yang demikian, projek ini telah melangkaui konsep sebuah muzium seni kontemporari kerana ia bukan sahaja mempamerkan karya-karya kontemporari, tetapi turut menghadirkan satu suasana *artist at work*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab cadangan dan pernyataan daripada Yang Berhormat Ketereh berhubung pemahaman nilai budaya murni seperti perpaduan...

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Tuan Teng Boon Soon: ...Berbudi bahasa, berbudaya dan lain-lain sememangnya diterapkan dalam semua program anjuran Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa perkara fokus ucapan saya ialah bagaimanakah kita boleh menjadikan Kuala Lumpur sebagai *South East Asia Art Trading Centre* yang pada masa sekarang, peranan ini dimainkan oleh Singapura dan juga Hanoi?

Jadi saya rasa, kita Kuala Lumpur mempunyai syarat yang lebih baik daripada Singapura menjadikan Kuala Lumpur sebagai *Art Trading Centre* di *South East Asia*, apakah ada rancangan ini, ataupun apakah caranya? Saya katakan kita perlu adakan *arts*, adakan *tax incentive* untuk mereka yang *collect*, membeli lukisan-lukisan ini. Kita juga memberikan insentif kepada *Art Gallery* untuk mewujudkan *Art Gallery* daripada *private sectors*. Jadi saya rasa ini belum dijawab lagi.

Tuan Teng Boon Soon: Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat Bukit Mertajam, memang saya difahamkan Balai Seni Lukis Negara di bawah pimpinan Ketua Pengarah Profesor Dr. Najib, memang beliau telah memberi fikiran yang mendalam dalam usaha untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai satu pusat seni lukis dari segi pemasaran, dari segi mengumpulkan pelukis-pelukis ataupun karya-karya pelukis dari seluruh dunia dan juga memasarkan karya-karya pelukis-pelukis tempatan ke pasaran dunia.

Kalau kita melihat kepada KL Festival, usaha ini telah dimulakan. Ketua Pengarah Balai Seni Lukis Negara, telah berjumpa dengan beberapa orang pemilik-pemilik galeri di dalam negara ini untuk mengumpulkan buah fikiran dan pandangan serta pengalaman mereka supaya akan memesatkan usaha untuk menjadikan dan meningkatkan KL sebagai satu pasaran karya pelukis bukan sahaja untuk pelukis-pelukis tempatan dan juga mendapatkan karya-karya dari negara lain.

Usaha ini sedang diadakan dan dari segi tentang *tax*, *income-tax*, *incentive* dan sebagainya. Saya rasa kementerian ini akan membawa cadangan Yang Berhormat untuk pertimbangan kerajaan. Semoga dia akan diberi insentif yang selanjutnya selain daripada insentif-insentif yang diberikan pada masa ini. Tuan Yang di-Pertua...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Minta penjelasan yang terakhir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Batu Gajah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya juga ada satu pamflet *KL Festival*, di Singapura ada *Arts* Singapura setiap tahun dan ianya mempunyai banyak negara akan mengambil bahagian dalam *art* Singapura. Ianya merupakan satu *art show* yang paling besar di *South East Asia*. Jadi, ini *Art Festival Kuala Lumpur or KL Art Festival*, dan di sini ada *visual art*. Bolehkah Yang Berhormat beritahu, berapakah galeri yang mengambil bahagian di dalam negeri dan di luar negara, berapa? Di manakah mereka pameran?

Tuan Teng Boon Soon: Yang Berhormat, saya tidak dapat memberi angka yang tepat tentang bilangan galeri yang akan menyertai dalam usaha ini, tetapi setahu saya memang Balai Seni Lukis Negara telah memberi perhatian yang serius tentang usaha menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah hab pemasaran karya pelukis.

■2030

Memang ini telah dimulakan dan saya faham Yang Berhormat Bukit Mertajam juga salah seorang peminat yang hebat tentang pengkomersialan karya-karya pelukis tempatan dan memang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: ...kerajaan serius.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, boleh habis dalam masa 15 minitkah, Yang Berhormat?

Tuan Teng Boon Soon: Saya rasa boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, dalam masa 15 minit, Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Batu Gajah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa agak aneh Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak memulakan penggulungan ini dengan menyebut bahawa Bandaraya Melaka dan Georgetown menjadi tapak warisan dunia. Jadi, saya rasa sangat aneh. Ini sepatutnya menjadi mukadimah ucapan penggulungan Yang Berhormat. Ini sepatutnya membanggakan kita semua dan kita juga patut dimaklumkan apakah tindakan atau pendekatan susulan ekoran daripada kejayaan Bandaraya Melaka dan Georgetown ini disenaraikan dalam *UNESCO World Heritage*. Itu persoalannya. Kita semua gembira hendak tahu bagaimana, apa langkah dan tindakan, apa akan dibuat selepas ini untuk memelihara warisan yang begitu bermakna untuk kita semua ini..

Tuan Teng Boon Soon: Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: ...Akan tetapi Yang Berhormat diam sahaja.

Tuan Teng Boon Soon: Nanti Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia hendak jawab itu, Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon: Ini soalan penerimaan Georgetown dan Melaka sebagai warisan dunia tidak ditimbulkan dalam perdebatan. Ini masa untuk menteri menjawab soalan-soalan yang dibangkitkan dalam perdebatan. Boleh saya sentuh. Memang kita mengambil berat. Ini menjadi satu berita yang begitu baik yang menggembirakan...

Seorang Ahli: Batu Gajah.

Tuan Teng Boon Soon: ...Keseluruhan rakyat di negara kita dan memang ia penting. Mungkin kita perlukan satu masa untuk membincangkan secara meluas dan mendalam tentang hal bagaimana kita akan mengekalkan kejayaan Georgetown dan juga Melaka sebagai warisan dunia supaya jangan dua tahun lagi jadi *listed*. Itu yang sedang kita ambil perhatian yang serius.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan, Yang Berhormat?

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, menteri boleh bagi jalan? Sedikit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kota Melaka.

Tuan Teng Boon Soon: Ini tiada di dalam lingkungan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Minta izin dulu, Kota Melaka.

Tuan Teng Boon Soon: ...Jawapan sebenarnya tetapi kerana ia merupakan satu isu yang begitu penting bagi negara dan rakyat keseluruhan, saya jawab secara ringkas sahaja.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah kita ambil kesempatan untuk merakamkan tahniah kepada kedua-dua negeri itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tidak bagi jalan ya. Sila duduk, Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]: *[Menyampuk]*

Tuan Teng Boon Soon: Ya, yang buat kajian seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat di sebelah saya, yang buat kajian itu, yang buat permohonan itu usaha Kerajaan Barisan Nasional dan saya tidak...

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Saya masih boleh merakamkan tahniah. Apa salahnya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kota Melaka.

Tuan Teng Boon Soon: Jangan cakap kalau belum dapat laluan. Saya tidak mengetepikan atau cuba meniadakan keprihatinan daripada semua Yang Berhormat dalam Dewan ini. Memang keprihatinan itu telah wujud di sanubari setiap Wakil Rakyat atau setiap Ahli Parlimen di Dewan ini.

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Timbalan Menteri, minta laluan sedikit sahaja.

Tuan Teng Boon Soon: Okey, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Machang.

Tuan Saifudin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Tuan Speaker. Saya tekun mendengar sebab timbalan menteri baca. Jadi saya tidak bercadang hendak mencelah tadi, tetapi saya teliti jawapan timbalan menteri berkenaan dengan rumah Syed Sheikh Al-Hadi. Saya fikir yang hilang di sana dalam jawapan itu adalah komitmen yang ditunjuk oleh kerajaan. Jawapan timbalan menteri tadi adalah pertama, telah dikenal pasti, ianya sebagai satu aset warisan sejarah. Yang kedua, disenaraikan kriteria untuk dimasukkan sebagai aset sejarah. Yang ketiga, belum diwartakan. Yang keempat, kerja penelitian akan dilakukan.

Itu jawapan yang tidak langsung menggambarkan satu komitmen yang mengikat kerajaan terhadap aset ini sebab saya fikir dalam jawapan yang lebih bertanggungjawab pada hemat saya ialah jawapan yang boleh memberikan satu gambaran komitmen atau kesungguhan kerajaan, bukan sekadar menceritakan kriteria dan sifatnya sahaja. Setelah diakui tentang kehebatan tokoh besar ini, rumahnya itu sekarang jadi satu rumah ibadat. Jadi sudah tentulah harus ada satu *timeframe* atau jangka masa di mana kerajaan hendak menggambarkan atau menunjukkan kesungguhan. Bukan sahaja menceritakan kriterianya dan kehebatan tokoh itu tetapi juga satu tempoh masa supaya mengikat kerajaan sebagai satu komitmen yang boleh dibuat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, boleh sambung besok.

Tuan Teng Boon Soon: Besok, okey.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dijemput Yang Berhormat Menteri untuk membuat usul.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), Mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I [Datuk Haji Idris bin Haji Haron]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Dasar Penswastaan Selepas 25 Tahun

8.36 mlm.

Dato' Kamarul Baharin Abbas [Telok Kemang]: Tuan Yang di-Pertua, tahun ini Tahun Jubli Perak Dasar Penswastaan yang bertujuan utama mengurangkan beban tanggungan dan campur tangan kerajaan ke dalam pasaran yang sekali gus merupakan kesinambungan program di bawah Dasar Ekonomi Baru. Secara prinsipnya, Dasar Penswastaan wajar berkeupayaan memberi kesan positif terhadap penjana pertumbuhan ekonomi yang deras dan mapan, selain untuk merapatkan jurang *gene coefficient* antara kasta kaya dan miskin.

Namun selepas 25 tahun terlaksana, dasar tersebut dilihat semakin terperosok di bawah jaringan sistem kroni kapitalisme, mengambil kesempatan memberi projek, khusus projek-projek mega yang dianugerahkan bukan berdasarkan merit kepada syarikat-syarikat tertentu. Longgokan bas RapidKL di Depot Rawang, kualiti sistem pengangkutan awam di kota-kota yang bercelaru, kerugian jutaan ringgit *Malaysia Airline System*, ketidaktentuan status Projek Bakun sehinggalah kualiti drama TV yang buruk pun adalah kesan langsung daripada sistem kroni kapitalisme tadi.

Keperluan-keperluan asas masyarakat seperti bekalan elektrik, air, makanan, minyak dan sebagainya, hal-hal melibatkan keperluan pendidikan, kesihatan, keselamatan dan sektor pengangkutan awam misalnya adalah tidak boleh diswastakan secara total dan menyeluruh. Kawalan penuh wajib dilakukan supaya inspirasi awal penswastaan tidak diabaikan demi kepentingan keuntungan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, rakyat mengharapkan apabila sesuatu agensi ataupun projek diswastakan, ia supaya dikendalikan oleh kalangan golongan profesional yang akan mampu meningkatkan *efficiency* dan kecekapan pengurusan dengan hasilnya kualiti produk dan perkhidmatan kepada rakyat terjamin berada di tahap paling maksimum.

Kos kerajaan untuk membayar gaji pekerja juga dapat dikurangkan. Namun ia bukan pula alasan untuk nasib para pekerja diabaikan. Daripada penjimatan itulah, maka membolehkan kerajaan menumpukan dan menyalurkan peruntukan lebih besar dan munasabah kepada sektor-sektor pembangunan. Malah untuk hal-hal *research and development* untuk beberapa bidang kritikal supaya dapat segera dilaksanakan dengan tahap yang memberi pulangan atau perkhidmatan yang bermutu tinggi.

Tentulah tidak menjadi hasrat di bawah Dasar Penswastaan untuk melahirkan syarikat-syarikat gergasi yang mendominasi pasaran hanya untuk bermatlamatkan keuntungan berbilion

ringgit, menjadi tamak dan mengabaikan tanggungjawab sosial sehingga rakyat menjadi trauma setiap kali ada projek penswastaan, baru mahu dilaksanakan.

■2040

Tokoh ekonomi liberal seperti Friedrich A. von Hayek sekali pun menyanggah pandangan bahawa semua aspek kemasyarakatan harus digadai kepada sektor korporat ataupun swasta apabila hanya membuahkan “produktiviti” terhadap perkembangan ekonomi negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu pihak kerana wajar mengemukakan laporan terperinci mengenai pencapaian dasar penswastaan dari sudut pengurangan di sektor-sektor berkaitan:

- (a) pencapaian matlamat bebanan kewangan;
- (b) jumlah kakitangan awam yang berkenaan; dan
- (c) kos urus tadbir selain menyatakan jumlah keseluruhan wang dapat diijamatkan dan ke mana disalurkan semula sepanjang tempoh dasar berkenaan yang diperkenalkan dan sehingga hari ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

8.40 mlm.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab beberapa isu berhubung dasar penswastaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Telok Kemang. Seperti yang kita telah sedia maklum, dasar penswastaan diperkenalkan bertujuan untuk pemindahan aktiviti dan fungsi yang secara tradisinya dilaksanakan oleh kerajaan kepada pihak swasta.

Adalah menjadi hasrat kerajaan agar langkah ini membawa perubahan positif kepada organisasi corak pengurusan dan prestasi entiti serta perkhidmatan yang berkaitan dan pada masa yang sama menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Sejak program ini diperkenalkan pada tahun 1983 sehingga Jun 2008 sebanyak 500 projek telah diswastakan di seluruh negara ini termasuklah projek lebuhraya bertol, pelabuhan, telekomunikasi, jana kuasa elektrik bebas dan pelbagai perkhidmatan kerajaan. Penswastaan bekalan elektrik dilaksanakan kerana pihak swasta dilihat lebih sesuai dan berkeupayaan menjalankan perkhidmatan ini dengan lebih efisien tanpa kekangan pentadbiran dan prosedur kerajaan.

Walaupun terdapat isu-isu perlaksanaan memang tidak boleh dinafikan bahawa dasar penswastaan ini telah banyak mendatangkan manfaat kepada rakyat, kerajaan dan sektor swasta. Perlaksanaan program penswastaan telah dapat memberi peluang kepada rakyat untuk menikmati kemudahan lebih awal berbanding jika projek tersebut dilaksanakan oleh kerajaan. Ini adalah kerana kerajaan mempunyai sumber pembiayaan yang terhad yang perlu diagihkan dan tidak mampu menyediakan semua kemudahan serentak.

Antara manfaat yang sering diperkatakan ialah Projek Lebu Raya Utara Selatan atau lebih dikenali dengan PLUS. Lebu raya ini yang berjarak 823 kilometer menghubungkan Johor Bahru ke Bukit Kayu Hitam telah berjaya mengurangkan tempoh perjalanan dari 15 jam ke 7 1/2 jam. Di samping menyumbang kepada keselesaan dan keselamatan pengguna jalan raya. Penswastaan juga telah memberi peluang kepada rakyat untuk menikmati kemudahan-kemudahan pengangkutan yang lebih cepat dan cekap melalui penswastaan perkhidmatan *rail* seperti perkhidmatan komuter elektrik atau Komuter Keretapi Tanah Melayu, Sistem Transit Aliran Ringan dan Projek Usaha sama Transit Ringan Automatik.

Selain itu rakyat juga mendapat manfaat dari segi peluang pemilikan ekuiti projek penswastaan yang disenaraikan di Bursa Saham Malaysia seperti Telekom Malaysia Berhad dan Tenaga Nasional Berhad. Sehingga 31 Disember 2007, permodalan bagi 40 entiti yang diswastakan dan disenaraikan berjumlah RM235.9 bilion atau 21.3% daripada keseluruhan permodalan saham di Bursa Saham Malaysia.

Melalui program penswastaan, kerajaan juga telah mendapat manfaat dalam bentuk penjimatan perbelanjaan modal sebanyak RM159.6 bilion dan perbelanjaan urus tadbir tahunan sebanyak RM7.8 bilion. Penjimatan ini membolehkan kerajaan mengagihkan semula sumber yang terhad kepada sektor yang lebih memerlukan peruntukan pembangunan seperti pendidikan, kesihatan dan program membasmi kemiskinan.

Kerajaan juga mendapat manfaat dari segi perolehan daripada syarikat konsesi melalui penjualan ekuiti dan aset kerajaan sebanyak RM6.5 bilion. Beban pentadbiran kerajaan pula telah berjaya dikurangkan berikutan penswastaan 58 agensi kerajaan yang melibatkan pemindahan hampir 114 ribu orang kakitangan sektor awam kepada sektor swasta.

Bagi keperluan pendidikan, kesihatan dan keselamatan; kerajaan akan terus memikul tanggungjawab menyediakan perkhidmatan asas tersebut. Bidang-bidang yang diswastakan bagi sub sektor tersebut ialah perkhidmatan sokongan seperti perkhidmatan sokongan hospital, pembinaan kemudahan penginapan pelajar dan perkhidmatan sajian makanan kepada tentera. Walaupun perkhidmatan sokongan ini diswastakan sebagaimana projek penswastaan lain, kerajaan tidak akan melepas tangan sepenuhnya tetapi akan terus memantau dan mengawal selia perkhidmatan yang disediakan melalui badan-badan kawal selia yang ditubuhkan secara khusus atau agensi-agensi sedia ada di kementerian yang berkenaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dengan program penswastaan golongan yang sebelumnya ketinggalan dalam sektor korporat termasuklah daripada kaum bumiputera dan lain-lain telah mendapat peluang untuk turut terlibat dalam sektor korporat terutamanya melalui penyertaan ekuiti dan dalam kerja-kerja kontrak apabila projek dilaksanakan.

Penswastaan entiti milik kerajaan pula telah membuka peluang kepada entiti tersebut untuk memperoleh pengalaman dan mendedahkan kepada teknologi baru, kemahiran dan kepakaran terutamanya dalam bidang kejuruteraan, pengurusan, operasi dan penyelenggaraan.

Dengan peluang ini didapati kualiti perkhidmatan dan kecekapan pengurusan kecekapan pengurusan entiti yang diswastakan telah meningkat dengan ketara.

Sebagai contoh pelabuhan di negeri Johor iaitu Pelabuhan Johor dan Pelabuhan Tanjung Pelepas mengalami peningkatan lebih 50 kali ganda dari segi purata pengendalian kontena setahun; iaitu daripada kira-kira 128 ribu TEUs sebelum penswastaan kepada RM6 juta TEUs selepas penswastaan. Manakala pelabuhan Klang pula mengalami peningkatan pengendalian kontena sebanyak 29 kali ganda daripada 244 ribu TEUs setahun sebelum penswastaan kepada 7.1 juta TEUs selepas penswastaan.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa wang untuk memperbaiki dasar penswastaan ini masih ada dan oleh itu langkah-langkah penambah baikkan akan terus dilaksanakan bagi memantapkan pelaksanaan dasar penswastaan ini dengan tujuan melindungi kepentingan rakyat dan kerajaan. Antaranya termasuklah:

- (i) Memperkukuhkan prosedur kelulusan termasuk mengkaji semula amalan dan keperluan semasa;
- (ii) memperkukuh rangka kerja perundangan dan prosedur pentadbiran;
- (iii) melaksanakan sistem tender bagi pelaksanaan projek penswastaan yang baru;
- (iv) memberi penekanan kepada piawaian prestasi bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan mengikut piawaian prestasi yang ditetapkan dan penalti boleh dikenakan sekiranya tidak memenuhi piawaian tersebut;
- (v) memperkemaskan proses pelaksanaan untuk mempercepatkan proses perolehan;
- (vi) memperkukuhkan rangka kawal selia bagi melindungi kepentingan pengguna dan menjamin kecekapan dalam penyediaan perkhidmatan;
- (vii) Mengguna pakai prinsip pengguna membayar atau *user pay principle* dengan izin, di mana risiko projek ditanggung sepenuhnya oleh sektor swasta;
- (viii) dan meningkatkan daya maju melalui pengagihan risiko yang optimum di antara sektor awam dan swasta;

■ 2050

Dalam usaha kerajaan melindungi kepentingan rakyat dan kepentingan sendiri, pihak kerajaan akan terus peka dengan keperluan pelabur dan sektor swasta yang mahu terus bekerjasama dengan kerajaan untuk membangunkan projek-projek yang boleh membawa manfaat kepada rakyat. Pada masa yang sama memberi pulangan yang munasabah kepadanya melalui kaedah penswastaan. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Sila Yang Berhormat.

Menangani Peningkatan Gejala Jenayah

8.51 mlm

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya telah menjadi Ahli Parlimen selama empat bulan, saya telah menerima banyak aduan mengenai kes-kes jenayah di kawasan PJU, Petaling Jaya Utara melalui e-mel, telefon dan juga pusat perkhidmatan saya.

Sebanyak 40% daripada semua aduan yang saya terima daripada penduduk di Petaling Jaya Utara melibatkan masalah-masalah jenayah dan saya percaya ahli-ahli yang lain di Dewan ini menghadapi masalah yang sama. Kadangkala saya berasa amat tidak berdayalah kerana kuasa melepasi masalah ini bukan berada di tangan saya.

Bilangan tinggi kes jenayah di Petaling Jaya adalah antara tertinggi di seluruh Malaysia. Di kawasan Petaling Jaya utara sahaja, banyak kes yang dilaporkan setiap hari seperti pemandu kereta dirompak semasa meletak kereta dan apabila berjalan-jalan. Adik saya baru lepas diugut, isteri saya pun baru-baru ini dirompak di hadapan rumah.

Antara beberapa kawasan di bawah Petaling Jaya terutamanya Damansara Jaya, Damansara Utama, SS20 dan kawasan pinggir Bandar Utama, Mutiara Damansara, Bandar Seri Damansara terdapatnya lebih daripada 200,000 orang penduduk. Akan tetapi ahli-ahli polis yang ditempatkan di kawasan Damansara cumanya 124 orang. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh kementerian untuk menambahkan bilangan ahli polis dan juga pondok polis di kawasan Petaling Jaya? Khususnya di kawasan yang mencatatkan bilangan kes jenayah yang tinggi.

Mengikut OCPD Petaling Jaya, nisbah anggota polis kepada rakyat penduduk di Petaling Jaya adalah kira-kira seorang anggota polis untuk setiap 1,800 penduduk mengikut OCPD. Malah, ada kawasan di Petaling Jaya di mana nisbah seteruknya seorang polis untuk 4,000 orang penduduk. Ini adalah jauh kurang daripada piawai dunia iaitu seorang polis bagi setiap 250 orang penduduk. Pada masa yang sama, OCPD berkata, untuk mengurangkan kadar jenayah sebanyak 30%. Saya ada tanya kepada dia bagaimana? Dia kata nisbah polis bersama penduduk ini hendaklah dikurangkan ke 1:350. Soalannya, adalah kerajaan kita mempunyai tekad untuk melaksanakan langkah-langkah yang berpatutan? Apakah nisbah sasaran untuk Petaling Jaya bagi setiap tahun yang akan datang sebelum tahun 2012?

Selain daripada itu, antara aduan yang sering sekali didengari adalah masalah anggota polis yang bersikap tidak kisah kerana tiada agensi untuk menyelesaikan kes-kes terutamanya semasa menerima laporan kes. Banyak juga mengambil masa yang tidak munasabah dalam memberi perhatian kes-kes yang sedang berlaku seperti mengambil masa 30 minit untuk pergi ke kawasan jenayah.

Baru sahaja pagi ini saya mendapat aduan daripada polis mengenai Pejabat Polis Seapark melayan seorang pembongkaran dari Taman Paramount.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, baca dalam teks Yang Berhormat.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Ini dalam teks la. Sedikit sahaja. Okey. Walaupun jenayah dapat melarikan dirinya apabila dikejar akan tetapi tertinggal kasutnya, tetapi pihak polis enggan menerima bahan bukti tersebut dan enggan mengambil sebarang kesan cap jari di rumahnya.

Saya dan juga ramai Ahli Parlimen Dewan ini berasa kes ini, baru in juga akan menjadi satu fail yang kian bertambah dan tidak akan mendapat penyelesaian di Pejabat Polis. Oleh itu, saya meminta Kementerian Dalam Negeri menjelaskan langkah-langkah yang terperinci untuk mengatasi masalah jenayah di Petaling Jaya terutamanya untuk menambahkan anggota polis yang mencukupi untuk menjalankan tugas polis dengan berkesan. Adakah pelan-pelan yang dilaksanakan dan bagaimanakah perkembangan pelan-pelan tersebut? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sila Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Petaling Jaya Utara adalah membangkitkan isu-isu mengenai situasi jenayah yang semakin berleluasa di negara ini termasuk di Petaling Jaya dan langkah-langkah bagi menangani.

Sebagai maklumat Ahli Yang Berhormat, indeks jenayah bagi Petaling Jaya untuk tahun 2007 adalah sebanyak 10,357 kes ataupun 17.67% daripada jumlah indeks jenayah bagi negeri Selangor. Dari jumlah tersebut, 2,241 kes melibatkan jenayah kekerasan dan 8,116 kes adalah merupakan jenayah harta benda.

Tuan Yang di-Pertua, jumlah keanggotaan anggota polis Ibu Pejabat Daerah Petaling Jaya pada 31 Mei 2008 adalah seramai 1,338 anggota daripada 10,246 anggota di seluruh Kontinjen Selangor. Nisbah anggota polis dengan penduduk bagi daerah Petaling Jaya bagi tahun 2007 adalah nisbahnya setiap seorang anggota polis untuk 1,300 orang penduduk dan sehingga Mei 2008 adalah setiap seorang anggota dan penduduknya ialah 1,279.

Polis Diraja Malaysia sedang berusaha untuk menambah perjawatan keanggotaan polis di seluruh negara terutamanya yang melibatkan perkhidmatan kepada masyarakat. Cadangan penambahan perjawatan di semua balai polis seluruh negara telah dikemukakan kepada agensi pusat dan akan dipertimbangkan mengikut keutamaan.

Bagi Kontinjen Selangor terdapat 55 buah balai polis dinaiktarafkan dan penambahan perjawatan anggota polis dilaksanakan bagi mengurangkan beban tugas pegawai dan anggota. Ini secara tidak langsungnya dapat mengurangkan nisbah antara penduduk dan polis negeri Selangor.

Tuan Yang di-Pertua, Polis Diraja Malaysia juga sentiasa berusaha menyelesaikan kes-kes jenayah. Walau bagaimanapun penglibatan dan komitmen daripada masyarakat juga perlu bagi membantu pihak polis dalam mencegah jenayah daripada berlaku.

Berdasarkan kajian, pihak polis mendapati bahawa terdapatnya peluang yang membolehkan jenayah itu berlaku. Kelalaian dan kecuaiannya pemilik harta contohnya penyebab utama kepada jenayah harta benda. Sehubungan itu, kesedaran masyarakat perlu ditingkatkan lagi agar menyedari betapa kerjasama daripada mereka dapat membantu pihak polis dalam mencegah sesuatu jenayah.

Dalam mengurangkan kadar jenayah, Polis Diraja Malaysia mengambil beberapa langkah dengan meningkatkan lagi perondaan bit, MPV dan motosikal, mewujudkan balai atau pun pondok polis baru dengan sewaan bangunan, kedai ataupun perumahan di kawasan yang mempunyai kekerapan berlakunya kejadian jenayah. Maklumat melalui Rakan Cop dengan penghantaran sistem pesanan ringkas dan sistem pesanan multimedia dan menambah kehadiran polis di kawasan-kawasan yang berkenaan.

Polis Diraja Malaysia juga mengadakan kerjasama yang erat dengan Kerajaan Tempatan dan lain-lain agensi kerajaan seperti JKKK Daerah, Ahli Dewan Undangan Negeri dan Ahli Parlimen, mengadakan kempen-kempen ceramah dan pameran-pameran berkaitan senario jenayah, menggunakan sistem kamera litar tertutup CCTV di kawasan tertentu, mengadakan kerjasama dengan NGO dan juga *Malaysian Grant Prevention Foundation* dan juga mengenakan tindakan undang-undang termasuk Undang-undang Pencegahan terhadap penjenayah-penjenayah.

Tuan Yang di-Pertua, pembukaan 60 balai polis dan 55 pondok polis komuniti baru bagi kontinjen Kuala Lumpur, Selangor, Johor dan Pulau Pinang adalah merupakan strategi pendekatan oleh Polis Diraja Malaysia dalam usaha membanteras jenayah dan mengawal keselamatan penduduk bandar. Dengan kewujudan balai polis dan pondok polis komuniti ini, dapat menempatkan anggota-anggota polis di kalangan masyarakat dan dengan secara tidak langsung, kehadiran polis dapat menghalang kegiatan penjenayah dan meningkatkan lagi keyakinan masyarakat.

Selain daripada itu, kewujudan balai polis dan pondok polis komuniti ini juga dapat mendekatkan masyarakat dengan pihak polis serta memudahkan masyarakat mendapat perkhidmatan polis. Masyarakat boleh turut membantu pihak polis dalam menyalurkan maklumat. Melalui kewujudan balai polis dan pondok polis komuniti ini, pihak polis dapat bertindak dengan pantas dalam menangani sesuatu isu. Polis Diraja Malaysia juga merangka Pelaksanaan *Command Control Communication and Computer Integration System* di bilik-bilik gerakan setiap kontinjen di seluruh Malaysia agar bantuan dapat disalurkan dengan lebih cepat dan sistematik. Dengan adanya sistem ini, *respond time* dapat dipendekkan dengan purata lapan minit bagi setiap laporan. Sekian, terima kasih

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat,
Mesyuarat hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi hari Rabu, 9 Julai 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 9.00 malam.